

## BAB SATU: PENDAHULUAN

### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Abad ke-18 Masihi sudah dapat dianggap zaman kematangan penulisan manuskrip alam Melayu. Sekitar abad tersebut menyaksikan kemunculan tokoh-tokoh ulama dengan karya agung mereka. Pada waktu itu tokoh-tokoh *fiqh* Nusantara menghasilkan karya-karya yang membincangkan persoalan-persoalan asas yang perlu difahami oleh penganut Islam.

Antara kitab *fiqh* yang paling berpengaruh yang paling banyak diajar kepada masyarakat Melayu adalah *Sab l al-Muhtad n Li al-Tafaqquh f Amr al-D n* yang dihasilkan oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari *r.h.* dalam bahasa Melayu, sehingga kini dianggap sebuah kitab yang berautoriti<sup>1</sup> di dunia Melayu. Ia juga terkenal hingga ke Kemboja, Mesir, Mekah dan Turki.<sup>2</sup>

Beliau merupakan antara tokoh yang berjasa mencelikkan mata seluruh dunia Melayu melalui karangannya yang paling terkenal ini – pengaruhnya dapat dirasai di seluruh dunia Melayu. Hal ini dikeranakan memang hampir tidak ada ulama dunia Melayu yang tidak kenal dengan karyanya *Sab l al-Muhtad n* atau lebih dikenali dengan kitab *Sabilal* sahaja.<sup>3</sup> Kehadiran kitab ini menyerlahkan kewibawaan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam bidang *fiqh*.

---

<sup>1</sup> Syafi'i Abu Bakar, "Tokoh-tokoh Penulis Islam Nusantara," *Dewan Bahasa*, bil. 9, 1977, 21: 577.

<sup>2</sup> Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang Sabilal Muhtadin* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1990), 65.

<sup>3</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari – Pengarang Sabil al-Muhtadin," laman sesawang *Utusan Malaysia*, dikemaskini 28 April 2014, dicapai 19.01.2012, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0919&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0919&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm)

Selain sebarannya yang meluas dan dicetak berulang kali,<sup>4</sup> *Sab l al-Muhtad n* juga amat besar sumbangannya dalam perkembangan penulisan ilmu *fiqh* di alam Melayu, kerana selalu dijadikan rujukan dan pedoman oleh ulama Nusantara dalam usaha penulisan *fiqh* berbahasa Melayu dengan lebih lanjut lagi.<sup>5</sup>

Meskipun kitab *Sab l al-Muhtad n* didasarkan kepada kitab Syeikh N r al-D n al-R n r , *al- ir al-Mustaq m*<sup>6</sup> tetapi Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari telah mengembangkan lagi ulasannya, dan penjelasan yang diberikan agak terperinci.<sup>7</sup> Ramai cendekiawan selepas beliau memuji manfaat dan kewibawaan kitab ini,<sup>8</sup> lantaran ia dikarang dengan teliti. Malah lebih istimewa beliau mengutarakan lebih kurang 60 pendapat tokoh Syafi'iyah<sup>9</sup> dalam kitab yang dianggapnya sebagai sebuah kitab yang *mukhta ar*.<sup>10</sup> Justeru ia menjadi kitab bahagian ibadah yang paling masyhur di Asia Tenggara, khususnya. Dr Karel A. Steenbrink contohnya, seorang sarjana dari Leiden

---

<sup>4</sup> Auni Haji Abdullah, *Tradisi, Pemerintahan Islam dan Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2005), 35.

<sup>5</sup> Auni Hj. Abdullah, "Penulisan Ilmu Fiqh Di Nusantara," *Majalah Dian Daiges*, bil. 103, Nov 1977, 109. Lihat juga Abd. Ghani Hj. Othman, *Tatacara Penyembelihan menurut Islam* (Alor Setar: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, 2010), 60-85.

<sup>6</sup> Lihat K.H. Siradjuddin 'Abbas, *Tabaqat al-Syafi'iyah Ulama Syafi'i dan Kitab-kitabnya dari Abad ke Abad* (Jakarta: Pustaka Tarbiyah, 1975), 41; Auni Hj. Abdullah, "Penulisan Ilmu Fiqh Di Nusantara," 109; Azyumardi Azra, *Pendidikan Islam Tradisi dan Modernisasi Menuju Milenium Baru* (Ciputat: PT Logos Wacana Ilmu, 2000), 113.

<sup>7</sup> Lihat Auni Hj. Abdullah, *Tradisi, Pemerintahan Islam dan Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu*, 34; Hamka, *Sejarah Umat Islam* (Singapura: Pustaka Nasional, 2006), 913.

<sup>8</sup> Al-Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari, *Sab l al-Muhtad n Li al-Tafaqquh F Amr al-D n* (Bangkok: Maktabah wa Ma ba'ah Mu ammad al-Nahd Wa Awl dih, t.t), 2: 268. Lihat juga Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid dan Paizah Hj. Ismail, *Pengantar Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: al-Bayan Corporation Sdn. Bhd., 2006), 233; Al-Sy fi' , "Kata Pengantar," dalam *al-Umm*, terj. TK. H. Ismail Yakub (Semarang: C.V. faizan, 1980), 1: 28; Hj. Wan Mohd. Saghir Abdullah, *Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara* (Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1990), 99; Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII* (Bandung: Penerbit Mizan, 1995), 252.

<sup>9</sup> Amir Fazlim Yusoff, "Pengaruh Ulama Timur Tengah Terhadap Penulisan Shaykh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari dalam Kitab Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din" (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II, Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 46.

<sup>10</sup> [ريواتكمله بغير سوات كتاب يغ مختصر] [مك]. Lihat Arsyad al-Banjari, *Sab l al-Muhtad n*, 1: 4.

menganggap tidak ada tokoh yang mengarang begitu luas dan sistematis di bidang *fiqh* dalam bahasa Indonesia seperti Syeikh Arsyad al-Banjari.<sup>11</sup>

Di antara kandungannya yang menarik untuk dikaji ialah *Kitab Zakat* - sebuah penulisan pada peringkat awal berkenaan zakat yang diungkap dalam kerangka bahasa tempatan dan serantau. Namun aspek yang lebih menarik bagi penulis juga ialah perbincangan zakat tersebut banyak menyajikan maklumat yang diperlukan masyarakat Islam dengan terperinci sebagaimana yang diperikan oleh Syeikh Ahmad al-Fatani sebagai “sangat besar iktibarnya pada bahasa Melayu .... yang demikian itu lazim ia bagi tiap-tiap insan”.<sup>12</sup>

Namun dalam memanfaatkan karya agung ini didapati wujud beberapa halangan dari aspek pengertian istilah dan gaya bahasanya yang berbeza dari kefahaman semasa. Ini termasuklah pengertian sesuatu istilah yang sudah berubah, dialek kedaerahan, bahasa Arab dan seumpamanya. Fenomena ini agak menyukarkan pembaca dan perlu ditangani oleh sebuah penyelidikan. Dengan itu, ia diharap dapat mengembangkan lagi pengetahuan masyarakat Islam dalam bidang zakat, khasnya dari sudut pandangan mazhab Syafi'i.

Tambahan pula -pada pengetahuan penulis- kajian khusus serta analisa secara mendalam terhadap kitab zakat dalam *Sabli al-Muhtadin* belum dilakukan oleh para pengkaji. Inilah yang mendorong penulis untuk memfokuskan kajian (anotasi dan analisa) terhadap kitab zakat dalam rangka menjadikan teks klasik mudah difahami dengan jelas dan menarik, seterusnya menjadi panduan kepada umat yang mempelajari ibadah zakat dan sumber buat pengkaji selanjutnya. Selain daripada menjelaskan teks,

---

<sup>11</sup>Karel A. Steenbrink, *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke-19* (Jakarta: Bulan Bintang, 1984), 91; Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, “Bahasa Melayu Bahasa Ilmu: Meninjau Kitab Sabil al-Muhtadin Oleh Syeikh Muhammad Arsyad Al Banjari,” *Jurnal Dewan Bahasa* (Ogos 1990), 638.

<sup>12</sup> Lihat Arsyad al-Banjari, *Sabli al-Muhtadin*, 268.

pengkajian ini secara tidak langsung juga dapat memaparkan pemikiran Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari mengenai zakat dan persoalan *fiqh*.

## 1.2 MASALAH KAJIAN

Begitu pun Kitab *Sab l al-Muhtad n* sangat terkenal dan terserlah keunggulannya di zaman lampau, namun kini semakin kurang diberi perhatian. Hal ini berlaku disebabkan beberapa faktor seperti gaya bahasa klasik dan corak penulisannya yang kelihatan rumit untuk dibaca.

Para pembaca termasuk sebahagian yang mengajarnya akan berhadapan dengan beberapa masalah dari segi kalimat-kalimat yang tidak difahami samada dialek Banjar mahupun istilah dalam bahasa Arab,<sup>13</sup> ejaan, dan susunan ayat. Halangan-halangan ini boleh menjejaskan kefahaman pembaca terhadap kandungan kitab dan sesuatu perbahasan yang dibincangkan. Maka, masalah kekaburan tersebut memerlukan suatu kajian yang mendalam sebagai jalan penyelesaiannya.<sup>14</sup> Justeru itu penting kepada para pengkaji dan pelajar mengetahui maksud sebenar sesuatu istilah agar tidak berlaku kecelaruan dalam memahami sesuatu masalah *fiqh*. Tambahan pula sebahagian perbahasan zakat agak berat untuk ditaakul, contohnya yang melibatkan pengiraan nisbah, penentuan berat dan kadar sesuatu pembahagian.

Selain itu, dalam teks zakat berkenaan terdapat beberapa persoalan yang berkait dengan zakat dan pelaksanaannya seperti isu pembasmian kemiskinan, takrif miskin,

<sup>13</sup> Aher Mذهب، دلالة، منصب، خمس الخمس، مغائبة، ثمن، ادای نحرکن دغن سبب سفیه

<sup>14</sup> Contohnya:

بهوادا بک تیف درفد کنواں کادوة دالمن امس اتو فیرق کنوا کادوة ایت دالم سات فتی دان جک ادا ساله سات درفد دوکادوة ایت کریمن اورغ مناره کفد یغ امفون... (al-Banjari, *Sab l al-Muhtad n*, 2: 95)  
دان برکات تیف فد کنواں فتار هن ایت میلکودان اکوله یغ اسجای دنبرکن له یغ ممفاییدی اتن یوم ایت دغن سمفهن فد تیک مسئله ایت جک دافت سوزمایدنمکین ایت... (al-Banjari, *Sab l al-Muhtad n*, 2: 103)  
دسنراکن یغدواون سست مک تیاد واجب اتن سمالک مغلورکن زکاتن ملینکن افیل کمالی ای فد تاغنن مک... (al-Banjari: *Sab l al-Muhtad n*, 2: 113)

dan masalah pengagihan zakat kepada *anf*, zakat wang, zakat simpanan dan pendapatan. Tambahan pula kitab zakat ini melibatkan beberapa permasalahan semasa,<sup>15</sup> malah paling banyak mengalami aplikasi perubahan hukum dalam pelaksanaannya berbanding aspek ibadah yang lain.

Oleh itu dapat disimpulkan kajian teks ini adalah berdasarkan masalah yang perlu diselesaikan seperti berikut :-

- 1) Banyak penggunaan bahasa Arab dan istilah ilmu *fiqh* yang mempunyai maksud khusus tidak dijelaskan maksudnya. Begitu juga dielek tempatan yang tidak difahami ramai maksudnya, atau ia sudah tidak digunakan lagi di zaman sekarang. Fenomena ini merupakan suatu keaburan kepada pembaca sekarang.
- 2) Laras bahasa dan ungkapan klasik dalam kitab ini sebahagiannya sukar difahami pembaca. Ini memerlukan suatu usaha bagi menjelaskannya supaya ia dapat difahami dengan tepat dan tidak terus ditinggalkan generasi terkemudian.
- 3) Ejaan jawi lama dan bentuk penulisannya gaya lama merumitkan pembacaan. Ini termasuklah tiada perenggan dan titik. Salah satu usaha mendekati karya besar ini dengan masyarakat moden sekarang ialah melalui pendekatan transliterasi teks.

---

<sup>15</sup> Antara buku yang membahaskan zakat masa kini ialah *al-Tan m wa Mu sabah al-Zak h fi al-Ta b q al-Mu' ir* oleh Syauq Isma' l Sya tah, *Fiqh al-Zak h* oleh al-Qara w , *Pengurusan Zakat* oleh Mahmood Zuhdi Abd. Majid dan lain-lain buku fatwa seperti *al-Fat w Sa'diyah* oleh 'Abd al-Ra m n al-Sa'd .

### 1.3 OBJEKTIF

Objektif yang dapat dikenal pasti dalam kajian ini seperti berikut:

- 1) Menjelaskan ketokohan Syeikh Arsyad al-Banjari dalam bidang *fiqh* menerusi analisa *Kitab Zakah*.
- 2) Melakukan transliterasi terhadap teks Kitab *Sab l al-Muhtad n*.
- 3) Menganalisis method penulisan Syeikh Muhammad Arsyad dalam *Sab l al-Muhtad n* dari aspek pentarjahan dan persembahan pendapat tokoh.
- 4) Menganalisis isu-isu terpilih mengenai zakat dalam hasil penulisan Syeikh Muhammad Arsyad.

### 1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

- 1) Mengembangkan pengetahuan umat Islam khususnya dalam bidang zakat dengan dijadikan teks pembelajaran bagi para pelajar.
- 2) Sebagaimana diketahui *Sab l al-Muhtad n* merupakan sebuah kitab *fiqh* Melayu yang detil dan sangat diminati bagi mendalami *fiqh*, maka hasil dari kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada para pendidik dan pelajar agama untuk memahami hukum mengenai persoalan zakat dengan mendalam dalam bentuk yang mudah difahami.
- 3) Sebagai bahan pembelajaran dalam bidang zakat kepada masyarakat Nusantara yang berteraskan karya ulama silam yang berautoriti.
- 4) Memudahkan pengkajian terhadap karya ulung ulama silam Nusantara.

## 1.5 SKOP KAJIAN

Kitab zakat yang menjadi bahan kajian penulis adalah sebahagian dari kitab *Sab l al-Muhtad n*, yang berada pada jilid kedua, terbitan Maktabah wa Ma ba'ah Mu ammad al-Nahd Wa Awl dih, muka surat 88-124. Bab selepasnya adalah bab sedekah sunat tidak termasuk dalam kajian ini.

Sebelum perbincangan terhadap *Kit b Zak h* dimulakan, penulis membentangkan sejarah, latar belakang dan sumbangan pengarang kitab terlebih dahulu. Setelah memperkenalkan kitab barulah perbincangan *Kit b Zak h* dilakukan yang merangkumi bab-bab zakat harta dan zakat *fi rah* dan perbahasan *a n f*.

Dalam kajian ini penulis menghurai maksud perkataan dan bahasa yang sukar atau yang berubah maksudnya pada zaman sekarang, istilah-istilah yang tidak jelas dan mengulas lebih lanjut teks berkaitan berdasarkan pandangan ulama dan fakta-fakta yang dapat menjelaskan sesuatu perbincangan. Selain itu turut melibatkan beberapa persoalan hukum mengenai zakat.

## 1.6 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ialah kaedah yang akan digunakan sama ada untuk mengumpul data atau menganalisa data. Penghuraian ini sangat penting bagi melihat

kaedah-kaedah yang dirangka boleh mencapai objektif yang dirancang.<sup>16</sup> Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan metode berikut:

a) Metode Pengumpulan Data

Kajian yang merupakan kajian perpustakaan ini akan mengaplikasikan metode dokumentasi bagi memperoleh data-data yang berkaitan dan mencukupi. Dalam usaha memperoleh data dan maklumat secara mendalam, penulis merujuk kepada bahan-bahan bertulis tangan atau bercetak yang berkaitan kajian seperti manuskrip, mikrofilem, buku, jurnal, artikel, tesis, kertas kerja, majalah dan laman web. Bahan-bahan tersebut dikaji bagi mendapat kesimpulan yang paling tepat.

Menerusi metode ini penulis mendapati banyak manuskrip *Sab l al-Muhtad n* tersimpan di pelbagai perpustakaan seluruh dunia. Ada yang lengkap dan tidak lengkap. Begitu juga naskhah bercetak terdapat dalam pelbagai percetakan, sama ada dalam dan luar Negara. Dalam kajian ini penulis memilih cetakan Maktabah wa Ma ba'ah Mu ammad al-Nahd wa Awl dih, Thailand dan naskhah MSS 2252 (jilid ke-2) di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Bahan-bahan yang akan dianalisa tersebut diperolehi daripada pelbagai sumber terutama perpustakaan, antaranya:

- Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- Perpustakaan Peringatan Za'ba
- Perpustakaan Negara Malaysia
- Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM
- Perpustakaan ISTAC, UIA

---

<sup>16</sup> Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009), 42.



- Perpustakaan Awam Negeri Kedah
- Perpustakaan Insaniah, kedah.

Selain dari metode di atas, kaedah temubual dilakukan penulis dengan berbincang dengan pihak Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur untuk mendapat maklumat secara langsung dan bahan-bahan yang tidak didapati di perpustakaan. Dalam melengkapkan lagi kajian penulis turut berhubung dengan Khazanah al-Banjariah, Derang, Kedah yang diterajui oleh Ustaz Ahmad Fahmi Zamzam al-Nadawi. Selanjutnya untuk mendapat data dan kefahaman lebih mendalam penulis bersemuka dengan guru-guru yang mengajar *Sab l al-Muhtad n* serta bertutur dialek Banjar. Selain itu, penulis juga menemubual mereka yang pernah menimba ilmu di Patani, Thailand, yang telah belajar kitab *Sab l al-Muhtad n* secara *talaqq* dari tuan guru di institusi-intituti tradisional. Di samping itu, dalam mendapatkan dokumen berkaitan penulis juga menggunakan khidmat laman web, khasnya laman web perpustakaan-perpustakaan pusat pengajian tinggi.

#### b) Metod Penganalisaan Data

Data yang terkumpul dalam kajian ini merupakan data kualitatif, iaitu data yang bersifat konsep, gambaran dan tafsiran sesuatu maklumat. Dari itu, kaedah penganalisaan kandungan akan digunakan<sup>17</sup> terhadap data-data yang diperolehi. Metode yang digunakan dalam analisis kandungan ini ialah seperti berikut:

##### 1) Metode Induktif

Metode ini menganalisa data-data yang bersifat khusus untuk mendapatkan suatu kesimpulan umum. Data-data yang khusus akan dikumpul dan dihubungkan hingga melahirkan kesimpulan yang jelas. Metode ini digunakan untuk mendapat hasil kajian berkenaan latar belakang pengarang dalam bab

---

<sup>17</sup> *Ibid.*, 97.

kedua, latar belakang kitab dan bagi mendapatkan kesimpulan dari analisis isu zakat dalam bab ketiga.

## 2) Metode Deduktif

Menganalisa data berdasarkan pola berfikir dengan menggunakan kesimpulan-kesimpulan umum terhadap contoh-contoh khusus. Metode ini akan melibatkan hampir keseluruhan bab.

## 3) Metode Analisis

Dengan metode ini penulis membandingkan data-data yang terkumpul untuk menghasilkan kesimpulan yang lebih tepat dari penyelidikan yang dijalankan. Metode ini digunakan bagi membandingkan data-data berkaitan latar belakang dan kitab pengarang. Begitu juga metode ini digunakan untuk menganalisis isu-isu zakat dalam bab tiga.

## 1.7 SOROTAN LITERATUR

Penulisan mengenai Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari terbahagi kepada dua, iaitu silsilah riwayat hidup dan berkenaan karya-karyanya yang meliputi tiga bidang utama ilmu Islam, iaitu *fiqh*, aqidah dan *tasawwuf*. Bahkan setiap penulisan yang menyorot karya-karya ulama silam jawi menyebut karya-karya Syeikh Arsyad al-Banjari terutama *Sab l al-Muhtad n.*<sup>18</sup>

Buku terawal yang dikesan yang menghuraikan riwayat hidup Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dan keluarganya ialah “*Syajaratul Arsyadiyah*” karya

---

<sup>18</sup> Mohd. Nor bin Ngah, “Some Writing of the Traditional Malay Muslim Scholar Found in Malaysia,” dalam *Tamadun Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), 10.

Syeikh Abdur Rahman Shiddiq,<sup>19</sup> keturunan Syeikh Muhammad Arsyad. Buku ini dianggap buku rujukan induk dalam menyusun biografi Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, diterbitkan seawal tahun 1921 oleh terbitan Ahmadiyah Press, Singapura.<sup>20</sup>

Sehingga kini buku yang terlengkap mengenai riwayat hidup al-Banjari ialah “Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang Sabilal Muhtadin” yang diusahakan oleh Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990) berdasarkan cerita lisan dan penulisan-penulisan terawal yang menyentuh sejarah dan ketokohan Syeikh al-Banjari. Antara penulisnya ialah Ahmad Basuni,<sup>21</sup> Zafry Zamzam,<sup>22</sup> Yusuf Khalidi,<sup>23</sup> K.H. Siradjuddin Abbas,<sup>24</sup> K.H. Saifuddin Zuhri, Kiyayi Haji Jumri, Abu Daudi,<sup>25</sup> Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani,<sup>26</sup> C.Snouk Hurgronje.<sup>27</sup> Sebahagian besarnya memaparkan riwayat hidup dan keturunan al-Banjari secara umum. Ketika menyenaraikan karya-karya al-Banjari, pengarang mengemukakan kelebihan kitab *Sabil al-Muhtadin* dengan agak panjang namun tidak menyebut tentang *Kitab Zakah*.

Sementara kajian di pusat pengajian tinggi, Muhammad Yusuf menulis “Kitab *Sabil al-Muhtadin* Karya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (Sebuah Tinjauan Usul Fiqh)”. Kajian ini adalah tesis sarjana Fakulti Pengajian Islam(IAIN) Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 1989. Jelasnya penulisan ini tidak memberi tumpuan khusus berkenaan kitab zakat, malah ia dari disiplin yang lain yang membahaskan cara pengeluaran

---

<sup>19</sup> Kedua ibubapanya keturunan Syeikh Muhammad Arsyad, banyak bermukim / merantau di kepulauan Indonesia dan semenanjung serta ramai anak murid di Hijaz.

<sup>20</sup> Abdul Rahman Siddiq, *Risalah Syajarah al-Arsyadiyah* (Singapura: al-Ahmadiyah, 1921); Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang Sabilal Muhtadin*, 2.

<sup>21</sup> Ahmad Basuni, *Djiwa jang Besar Sjech Muhammad al-Bandjari* (Bandung: Pustaka Galunggung, 1941).

<sup>22</sup> Zafry Zamzam, “Dakwah Islam Sheikh Arsyad al-Banjari,” dalam *Gema Islam* (Jakarta, no.29, th. 2. 1963).

<sup>23</sup> Yusuf Khalidi, *Ulama Besar Kalimantan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari* (Surabaya: Toko Kitab al-Ihsan, 1968).

<sup>24</sup> K.H. Siradjuddin Abbas, *Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafi'i* (Jakarta: Pustaka Tarbiyah, 1972).

<sup>25</sup> Abu Daudi, *Maulana Syeikh Mohd. Arsyad al Banjari* (Martapura: Sekretariat Madrasah Sullamul 'Ulum, 1980).

<sup>26</sup> Syeikh Muhammad Yasin bin Muhammad Isa al-Fadani, *Bul gh al-Am n* (Damsyiq: D r al-Qutaibah, 1988).

<sup>27</sup> C. Snouk Hurgronje, *Mekka in the latter Part of the Nineteeth Century* (Leiden: E.J Brill, 1931).

hukum yang terkandung dalam kitab *Sab l al-Muhtad n*. Sementara kajian ini bertumpu kepada aspek *fiqh* dan perbahasannya.

Manakala dalam disertasi Abdul Kadir bin Haji Muhammad di Universiti Malaya (1989) bertajuk “Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia”<sup>28</sup> yang kemudian diterbitkan<sup>29</sup> turut menyentuh tentang sejarah penulisan kitab *Sab l al-Muhtad n* dan kandungannya secara umum sahaja. Ia tidak melibatkan isi kandungan kitab.

Selanjutnya penelitian terhadap penulisan al-Banjari dalam bidang *fiqh* yang berkenaan dengan adat dan amalan tertentu penduduk tempatan oleh Rasyidah MA telah mengemukakan tesis sarjananya “Ijtihad Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam bidang Fikah” di Fakulti Pengajian Islam (IAIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta, 1990. Ini juga tidak melibatkan kajian secara terperinci *kit b zak h*.

Ahmad Sarbini<sup>30</sup> pula menghasilkan tesis Master Fakulti Pengajian Islam, UKM dengan tajuk “Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjariy: Tinjauan Beberapa Isu dalam Kitab Sabil al-Muhtadin”. Beliau telah meringkaskan kitab *Sab l al-Muhtad n* dengan mengeluarkan isi-isi utamanya. Kemudian, berasaskan objektif kajiannya beliau menumpukan perbincangan terhadap lima isu yang selalu dibangkit golongan yang mendakwa sebagai salafi seperti isu kenduri kematian. Beliau dilihat berjaya menjawab hujah pihak berkenaan dengan baik, namun isu-isu berkenaan tiada yang bersangkutan dengan perbahasan *Kit b Zak h*.

---

<sup>28</sup> Abdul Kadir bin Haji Muhammad, “Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia“ (disertasi, Fakulti Syariah, Unversiti Malaya, 1989), 67-69.

<sup>29</sup> Abdul Kadir bin Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).

<sup>30</sup> Ahmad Sarbini, “Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjariy: Tinjauan Beberapa Isu dalam Kitab Sabil al-Muhtadin“ (tesis MA, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003).

Seterusnya Maimunah Zarkasyi<sup>31</sup> mengkaji pemikiran *tasawwuf* Syeikh al-Banjari dalam sebuah disertasi Usuluddin bertajuk “Pemikiran Tasawuf Muhammad Arsyad al-Banjari dalam Risalah *Fat al-Ra m n* dan *Kanz al-Ma’rifah*” oleh pada 2004. Penyelidikan ini menganalisa konsep-konsep *tasawwuf* dan dihubungkan dengan ilmu tauhid. Kajian Maimunah hanya berkisar tentang perbincangan ilmiah Syeikh al-Banjari dalam bidang usuluddin yang tidak menyentuh bidang *fiqh*.

Dalam kajian lain yang meninjau dari sudut pengaruh Syeikh al-Banjari dalam bidang Syariah, terdapat sebuah kajian yang menumpukan sumbangan beliau dalam bidang *fiqh*, iaitu hasil kajian yang dibuat oleh Radiyah Mat Nor<sup>32</sup> di UKM pada 1993 bertajuk “Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari: Sumbangan Dalam Bidang *Fiqh* di Nusantara”.

Selain daripada kajian ilmiah di atas terdapat juga penulisan ilmiah yang berbentuk artikel dan kertas kerja dalam seminar-seminar yang membincangkan ketokohan Syeikh al-Banjari. Di antara kertas kerja yang pernah dibentangkan tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Abdul Basir bin Mohamad, “Hasil Penulisan Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari: Satu Kajian Terhadap Kitab Perukunan Besar.”<sup>33</sup>
- 2) Amir Fazlim Yusoff, “Pengaruh Ulama Timur Tengah Terhadap Penulisan Shaykh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari dalam Kitab Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din.”<sup>34</sup>

---

<sup>31</sup> Maimunah Zarkasyi “Pemikiran Tasawuf Muhammad Arsyad al-Banjari dalam Risalah *Fat al-Ra m n* dan *Kanz al-Ma’rifah* (disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

<sup>32</sup> Sebagaimana yang dipetik oleh Faisal bin Ahmad Shah, “Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawi dalam *Bahr al-M dz*” (tesis Ph.D, Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Universiti Malaya, 2007), h.5.

<sup>33</sup> Abdul Basir bin Mohamad, “Hasil Penulisan Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari: Satu Kajian Terhadap Kitab Perukunan Besar” (kertas kerja Nadwah Ulama Nusantara II, Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo, Ulama Penggerak pembangunan Masyarakat, di Kuching, 14-15 Julai 2003), 1-14.

<sup>34</sup> *Ibid.*, 39-48.

- 3) Ariffin Omar, “Metodologi al-Banjari dalam mengutarakan Hadith dalam Kitab Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din.”<sup>35</sup>
- 4) Joni Tamkin Borhan dan Che Zarina Sa‘ari, “Sumbangan Shaykh Muhammad Arshad al-Banjari dalam Pengajian Islam di Nusantara: Rujukan kepada Kitabnya Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din.”<sup>36</sup>
- 5) Mat Noor Mat Zain, “Istilah Fiqh dalam Sabil al-Muhtadin Karangan Shaykh Muhammad Arshad al-Banjariyy.”<sup>37</sup>
- 6) H.M. Aswadie Syukur, “Perkembangan Ilmu Keislaman di Kalimantan.”<sup>38</sup>

Artikel khusus tentang al-Banjari pula dalam *Jurnal Dewan Bahasa* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka, Ogos 1990 dengan tajuk “Bahasa Melayu Bahasa Ilmu: Meninjau Kitab Sabil al-Muhtadin oleh Syeikh Muhammad Arsyad Al Banjari”, oleh H.M.W. Shaghir Abdullah. Artikel ini banyak memberikan maklumat berkaitan *Sabil al-Muhtadin* dan ketinggian nilainya dari pelbagai sudut.

Menyentuh mengenai kajian terhadap teks kitab-kitab klasik ulama Nusantara yang lain, terdapat sejumlah kajian ilmiah yang dihasilkan sama ada di peringkat ijazah dasar mahu pun ijazah lanjutan. Kecenderungan kajian mereka adalah kepada kitab-kitab Syeikh Daud al-Fatani, yang sememangnya tokoh yang profilik dan paling menonjol. Beberapa pelajar di peringkat ijazah sarjana muda yang telah membuat kajian yang melibatkan bidang *fiqh* ialah Zulkifli bin Mohd,<sup>39</sup> Mohd Nadzmi bin Che Mat,<sup>40</sup> Fatimah bt. Termazi.<sup>41</sup> Sementara di peringkat pasca siswazah pula ialah Nawi bin

<sup>35</sup> *Ibid.*, 63-74.

<sup>36</sup> *Ibid.*, 336-341.

<sup>37</sup> *Ibid.*, 400-413.

<sup>38</sup> H.M. Asywadie Syukur “Perkembangan ilmu Keislaman di Kalimantan” (kertas kerja Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam, 2001).

<sup>39</sup> Zulkifli bin Mohd “Taqiq Kitab al-Nikah dari Kitab *al-Jawahir al-Saniyyah* Karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani” (latihan ilmiah, Fakulti Syariah, Universiti Malaya, 1991).

<sup>40</sup> Nadzi bin Che Mat “Taqiq Kitab *al-Qad’* dari Kitab *al-Jawahir al-Saniyyah* Karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani” (latihan ilmiah, Fakulti Syariah, Universiti Malaya, 1994).

<sup>41</sup> Fatimah bt. Termazi “Manuskrip *Ghayat al-Taqrif al-Irth wa al-Ta’ab*: Transliterasi dan analisa teks” (latihan ilmiah, Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, 1996).

Mamat (2002),<sup>42</sup> Marwazi bin Dziyauddin (2005),<sup>43</sup> Rormueleh Lengsueni (2010)<sup>44</sup> dan Abdunloh Dorlah (2010).<sup>45</sup> Semuanya di Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya.

Manakala di peringkat kedoktoran, Jamalluddin bin Hashim telah mengenengahkan edisi kritikal terhadap Karya Syeikh N r al-D n al-R n r di Universiti Malaya. Beliau turut melihat isu-isu *fiqh* yang yang dipengaruhi unsur tempatan. Ianya disiapkan pada 2011 bertajuk “Kitab *al-ir al-Mu taq m* Karangan Shaykh N r al-D n al-R n r (Kit b al- ah rah dan al- al h): Teks dan analisa.”

Berkenaan dengan Kitab *Sab l al-Muhtad n* ini, sebuah buku telah ditulis oleh Drs H M Asywadie Syukur dalam usaha memodenkan bahasa kitab *Sab l al-Muhtad n* yang diterbitkan pada tahun 1987 yang berjudul “Kitab Sabilal Muhtadin II”. Beliau mengolah ayat dalam teks asal dan mengalihbahaskannya kepada bahasa Indonesia moden. Sungguhpun karyanya itu meliputi kitab zakat tetapi beliau tidak menganalisisnya secara terperinci dan memberi sebarang penjelasan lanjut kepada teks kecuali menyatakan perawi kepada hadith yang terdapat dalam *Sab l al-Muhtad n*. Selanjutnya usaha yang hampir sama dilakukan di Malaysia dengan mempersembahkan laras bahasa Melayu oleh Mohammad Haidzir bin Hussin dengan tajuk buku “Sabil al-Muhtadin: Hikmah Korban, Aqiqah, Perburuan, Sembelihan dan Pemakanan” yang diterbitkan oleh Telaga Biru Sdn. Bhd. pada tahun 2010. Bezanya dengan karya Drs H M Asywandie ialah disertakan teks jawinya yang asal.

Setakat pengetahuan penulis penganalisaan secara teliti terhadap teks *Sab l al-Muhtad n* belum dilakukan walaupun ada karya yang mengalihbahaskannya, namun

---

<sup>42</sup> Lihat disertasi beliau yang berjudul “Ta q q Kit b *Gh yat al-Mar m* Mengenai Haji dan Umrah Karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani” (disertasi, Fakulti Syariah, Universiti Malaya, 2002).

<sup>43</sup> Lihat disertasi beliau yang berjudul “Ta q q Kit b *Munyah Mu all* karangan al-Alim al-Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani” (disertasi, Fakulti Syariah, Universiti Malaya, 2005).

<sup>44</sup> Lihat disertasi beliau yang berjudul “Kitab *Sullam al-Muhtad ' F Ma'rifah al-Muhtad '*  Karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Tahqiq dan Analisa” (disertasi, Fakulti Syariah, Universiti Malaya, 2010)

<sup>45</sup> Lihat disertasi beliau yang berjudul “Kitab *Wush al-Ifr Wa I b al-Fal* Karya Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Fatani: Tahqiq dan Analisa” (disertasi, Fakulti Syariah, Universiti Malaya, 2010).

demikian bukanlah dalam bentuk penganalisaan ke atas teks klasiknya dan diberi penerangan lanjut serta mencukupi terhadap sesuatu perbahasan/isu bagi mengetahui kedudukan sebenar dengan lebih jelas dan menyeluruh. Di samping itu, maklumat-maklumat dalam kitab *Sab l al-Muhtad n* tidak diulas dari segi sumber rujukan dan pandangan ulama ataupun dari aspek-aspek lain.

Dari itu kajian ini boleh dikatakan pemula kepada penganalisaan ke atas teks kitab *Sab l al-Muhtad n* dan membuka ruang kepada kajian-kajian selanjutnya yang lebih sempurna.

## **1.8 SISTEMATIKA KAJIAN**

Penulis akan menyusun kajian ini dalam lima bab. Setiap bab akan dipecah kepada susunan tajuk-tajuk kecil mengikut kesesuaian.

### 1) Bab Pertama: Pendahuluan

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang menjelaskan tentang latar belakang masalah kajian, objektif, skop kajian, sorotan perpustakaan, metodologi utama kajian dan sistematika kajian.

### 2) Bab Kedua

Bab Kedua penulis akan menerangkan biografi serta riwayat hidup Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari bermula dari nama, gelaran, keturunan, tarikh dan tempat lahir, sejarah pendidikan, guru serta murid, karya, pengaruh dan sumbangan, dan diakhiri dengan penutup.

### 3) Bab Ketiga



Bab Ketiga adalah pengenalan kepada kitab, meliputi penjelasan tentang huraian tajuk, latar belakang kitab dan *penta* -*penta* nya serta reka bentuk kitab setiap cetakan. Di samping itu, dipaparkan analisa teks dari segi bahasa, struktur ayat, penyusunan topik dan ciri-ciri penulisan, dan akhirnya mengenai beberapa persoalan hukum mengenai zakat yang terdapat dalamnya. Seterusnya analisis isu-isu zakat yang menjadi tajuk kajian.

4) Bab Ketiga

Bab ini memaparkan teks *kitab Zakah* akan ditransliterasi serta dikaji dan diberi catatan huraian bagi menjelaskan maksud perkataan Arab dan lain-lain, istilah-istilah dan perkataan klasik yang sudah berubah maksud atau sukar difahami.

5) Penutup

Bab ini merupakan penutup yang mengandungi kesimpulan kajian, saranan-saranan dan senarai rujukan.

## BAB DUA

### RIWAYAT HIDUP SYEIKH MUHAMMAD ARSYAD AL-BANJARI

#### 2.1 MUQADDIMAH

Islam mula masuk ke Kalimantan Selatan sekitar abad ke-13-14 Masihi. Dipercayai kemasukan Islam ke daerah ini berkait rapat dengan aktiviti perdagangan memandangkan kedudukannya yang berada dalam jalur perdagangan antarabangsa, malah berdasarkan Hikayat Banjar atau Hikayat Lambung Mangkurat pelabuhan Negara Dipa (sekitar daerah Amuntai) sangat ramai didatangi pedagang-pedagang asing yang terdiri daripada Cina, Melayu, Arab dan bangsa-bangsa lain-lain.

1

Manakala raja Islam yang pertama adalah Pengiran Jaya Samudera, kemudian menggantikan namanya menjadi Surian Syah. Baginda telah diislamkan oleh wakil kerajaan Islam Demak pada 24 September 1526M/8 Zulhijjah 932H.<sup>2</sup> Maka dibina masjid pertama di seberang sungai Jagabaya yang sekarang dikenal dengan nama masjid Sultan Surian Syah.<sup>3</sup>

Walaupun kesultanan Banjar merupakan sebuah kerajaan Islam, kepatuhan dan pelaksanaan ajaran Islam masyarakatnya berada pada tahap yang sangat minima. Sebelum kehadiran Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, di bawah para sultan secara

---

<sup>1</sup> H. Sjarifuddin et al., *Sejarah Banjar* (Kalsel: Balitbangda, 2007), 90.

<sup>2</sup> *Ibid.*, 95.

<sup>3</sup> *Ibid.*, 102.

turun temurun tidak ada usaha yang serius dilakukan dalam masyarakat Banjar untuk memajukan kehidupan Islam.<sup>4</sup>

Ketinggian ilmu yang dimiliki dan kejayaan dakwahnya menjangkau ke seluruh rantau ini dan dunia Islam lainnya menjadikan nama Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari sebagai suatu nama besar yang dihormati oleh setiap lapisan masyarakat di Kalimantan Selatan. Bahkan kuburnya selalu diziarahi orang ramai setiap hari.<sup>5</sup>

Bagi mengenang jasa dan sumbangan beliau, beberapa tempat di Indonesia telah mengabadikan nama dan karya beliau. Antaranya ialah Universitas Islam Kalimantan Muhammad Arsyad al-Banjari dan Masjid Raya Sabilal Muhtadin<sup>6</sup> di Banjarmasin.

Riwayat hidup Syekh Muhammad Arsyad banyak diketahui dan disimpan oleh keturunannya di pelbagai daerah di Nusantara. Mereka mewarisinya dari generasi ke generasi samaada secara lisan mahu pun secara bertulis, terutama catatan-catatan oleh cucu beliau yang bernama ‘Alim al-‘Allamah Muhammad Khatib bin Mufti Haji Ahmad<sup>7</sup> yang masih disimpan dalam bentuk manuskrip oleh Abu Daudi,<sup>8</sup> salah seorang keturunan Syekh Muhammad Arsyad yang tinggal di Dalampagar yang ditugaskan mengumpul dan menjaga segala warisan Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari. Begitu juga dengan catatan-catatan dari ‘Alimul Fadhil H. Ismail Khathib, datuk Abu Daudi sendiri.<sup>9</sup>

---

<sup>4</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad ke xvii dan xviii* (t.tp.: Penerbit Mizan, 1995), 252.

<sup>5</sup> H. Mahlan et. al, *Pemikiran-pemikiran Keagamaan Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari* (IAIN Antasari: Banjarmasin, 1999), 2.

<sup>6</sup> “Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari,” *Dewan Agama*, Mei 2005, h. 47.

<sup>7</sup> Abdul Rahman Siddiq bin Muhammad Afif, *Syajarah al-Arsyadiyah* (Ahmadiyah press: Singapura, 1921), 4.

<sup>8</sup> Nama sebenar beliau ialah K.H. Irsyad Zen. Lihat H. Asmaran As, *Perkembangan Pemikiran Tasawuf di Kalimantan Selatan* (Banjarmasin: IAIN Antasari, 2007), 47; Bayani Dahlan, *Ulama Banjar dan Karya-Karyanya* (Banjarmasin: IAIN Antasari, 2009), 180.

<sup>9</sup> Abu Daudi, *Maulana Syekh Mohd. Arsyad al Banjari* (Martapura: Sekretariat Madrasah Sullamul ‘Ulum, 1980), 4.

## 2.2 JALUR NASAB

Nama penuh tokoh, Muhammad Arsyad bin Abdullah bin Syed Abu Bakr bin Syed Abdullah al-‘Aidarus (al-Maghribi) bin Syed Abu Bakr al-Sakran bin Syed Abdul Rahman al-Saqqef bin Syed Muhammad Maula al-Dawilah al-‘Aidarus, dan seterusnya sampai kepada Sayyidin ‘Al dan Sayyidatin Fimah. Diriwayatkan yang pertama datang ke dunia Melayu adalah Syed Abdullah bin Syed Abu Bakr al-Sakran.<sup>10</sup>

Menurut H.M. Syafie, Syed Abu Bakar, datuk Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari adalah Sultan Mindanao. Abdullah pula pernah menjadi pemimpin perang melawan Portugis dan Belanda lalu melarikan diri bersama isterinya ke Lok Gabang,<sup>11</sup> Banjarmasin. Sejarah pula menunjukkan sekitar abad 18 ada keluarga al-‘Aidarus menjadi raja di Filipina.<sup>12</sup> Riwayat nasab keturunan yang dipilih oleh Wan Shaghir sebagai sahih ini bertepatan dengan apa yang dikemukakan oleh Abu Daudi dalam bukunya “*Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*” bahawa Abdullah adalah cucu kepada seorang mubaligh (Syed Abdullah al-‘Aidarus) yang datang dari Maghribi ke Filipina, kemudian mendirikan kerajaan Islam di Mindanao. Maklumat ini juga selari dengan penulis lain seperti Saroso Sundoro.<sup>13</sup>

Sementara M. Rusydi dalam risalahnya memberikan data yang hampir sama dengan terdapat sedikit penambahan dalam jaluran nasab keturunan beliau, yang dipetiknyanya dari sebuah buku yang berjudul *Silsilah Siti Fatimah* (1992) bercetak di Salatiga tanpa nama percetakan dan penulis.

---

<sup>10</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejangat Dunia Melayu* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2000), 8: 28.

<sup>11</sup> *Ibid.*, 29; H.M. Syafie Abdullah, *Riwayat Hidup dan Perjuangan Ulama Shaykh H.A. Rahman Shiddiq Mufti Indragiri* (Jakarta: Serajaya, 1984), 19.

<sup>12</sup> M. Hashim Assagaf, *Derita Putri-putri Nabi Studi Historis Kafa’ah Syarifah* (Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2000), 226.

<sup>13</sup> H.M. Asywadie Syukur, *Kritik Syekh Muhammad Arsyad al Banjari terhadap beberapa kepercayaan Masyarakat Banjar* (Banjarmasin: IAIN Antasari, 1999), 8.

Silsilah berkenaan menyebut Arsyad bin Abdullah bin Abu Bakr bin Abd Rasyid bin Abdullah al-Idrus al-Maghribi bin Abu Bakr al-Hindi bin Ahmad bin Husin bin Abdullah bin Syaikh bin Abdullah al-Idrus bin Abu Bakr al-Sakran bin Abdul Rahman al-Saqqaf bin Maula al-Dawilah. Selanjutnya titih keturunan beliau yang dikatakan dari Hadramaut itu adalah dari Faq h Muqaddam Mu ammad bin ‘Al Ba‘alaw hingga kepada Imam Muh jir A mad bin ‘ s seterusnya kepada Sayyidin ‘Al dan Sayyidatun F imah binti Ras lullah.<sup>14</sup> Jika diteliti silsilah masyhur ini didapati bahawa Imam al-Muh jir A mad adalah piut kepada Imam Ja‘far al- diq r.h. Keturunan ini masih terkenal hingga kini, antaranya ab b ‘Umar bin Mu ammad bin S lim bin af yang terkenal dewasa ini merupakan keturunan ke-13 ‘Abd al-Rahm n as-Saqq f.<sup>15</sup>


Oleh itu, dengan dua versi jalur nasab di atas yang hanya sedikit berbeda, boleh dikatakan kepercayaan masyarakat Banjar yang menganggap Syeikh Muhammad Arsyad adalah dari keturunan Nabi Muhammad ada dasarnya dan didukung oleh beberapa sumber samada lisan mahu pun sekurang-kurangnya tiga sumber bertulis.

---

<sup>14</sup> M. Rusydi, *The Influence of Muhammad al-Banjari on the Religiosity of Banjarese Society* (Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga, 2007), 2; Abdullah Zaidi Hassan, “Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari: ‘Allamah Unggul Rantau Melayu” (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25-26 November 2011), h. 28.

<sup>15</sup> Al Habib Omar, “A Brief Biography of Habib Umar,” laman sesawang *alhabib Omar*, dicapai 24 April 2014, [www.alhabibomar.com/About.aspx?Lang=EN&SectionID=12&RefID=4](http://www.alhabibomar.com/About.aspx?Lang=EN&SectionID=12&RefID=4).

**Jadual 2.0. Silsilah Keturunan Syeikh Muhammad Al-Banjari**



Sumber: Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2000), 8: 28.

## 2.3 KELAHIRAN DAN PENDIDIKAN

Syeikh Muhammad Arsyad dilahirkan oleh Siti Aminah pada malam Khamis pukul 3 pagi 13 Safar 1122H di Lok Gabang (60 KM dari kota Banjarmasin), Martapura dan meninggal dunia pada 6 Syawal 1227H.<sup>16</sup>

Beliau mendapat pendidikan awal dari ayahnya sendiri, sebab tiada bukti bahawa surau (madrasah) atau pondok telah berdiri pada masa itu di wilayah itu.<sup>17</sup> Sejak kecil Syeikh Muhammad Arsyad telah menunjukkan keistimewaannya yang luar biasa. Beliau berbakat dalam bidang seni lukis, sehingga sesiapa yang melihatnya akan kagum dengan hasil karyanya itu. Sultan Tahmidullah yang berkuasa waktu itu yang tertarik dengan lukisannya telah memintanya tinggal di istana dan belajar ilmu agama dari para *mu'allim*. Permintaan itu dipersetujui oleh ibubapanya.<sup>18</sup>

Sultan sangat mengasihinya dan diperlakukan seperti anak sendiri. Apatah lagi apabila mendengar tentang kecerdasannya dan mempunyai banyak keanehan dalam dirinya daripada pelajar-pelajar lain. Pada 1739M semasa berusia 29 tahun Muhammad Arsyad al-Banjari berangkat ke Mekah melanjutkan pelajaran daripada para *masyikh* dengan biaya sultan.<sup>19</sup>

Ketika bermukim di Mekah Syeikh Arsyad al-Banjari tinggal di sebuah rumah di kampung Sy miyah<sup>20</sup> yang dibeli Sultan untuknya dan terkenal dengan Barhat Banjar

---

<sup>16</sup> Bayani Dahlan, *Ulama Banjar dan Karya-Karyanya*, 161-163.

<sup>17</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama*, 252.

<sup>18</sup> Abdul Rahman Siddiq, *Syjarah al-Arsyadiyah*, 5.

<sup>19</sup> Ismail Daud, "Syeikh Muhammad Arsyad Banjar," *Majalah Pengasuh*, bil. 505, Julai-Ogos 1990, 25;

Abdul Rahman Siddiq, *Syjarah al-Arsyadiyah*, 5.

<sup>20</sup> Sebuah kampung di Mekah berhampiran Masjidil Haram, sebahagian berpendapat sebab ia dinamakan dengan Sh miyah kerana kedudukannya di utara yang menghala ke negeri Sh m. "Al-Sy miyah," laman sesawang Wikipedia, dicapai 28 April 2014, <http://ar.wikipedia.org/wiki>

yang sampai sekarang masih<sup>21</sup> dijaga oleh syeikh keturunan Banjar. Syeikh Muhammad Arsyad berada di Hijaz selama 35 tahun menuntut ilmu kepada para ulama terkenal dalam pelbagai bidang, 30 tahun di Mekah dan 5 tahun di Madinah.

Kemahiran beliau dalam ilmu-ilmu Islam tidak dapat dipertikaikan lagi. Beliau menguasai lebih dari 35 bidang pengajian dan diberi izin mengajar dan berfatwa di Mekah.<sup>22</sup> Kegigihan dan cinta beliau kepada ilmu amat terserlah melalui rangkaian *sanad* pengajian yang dimilikinya hingga ke pengarang kitab yang asal. Ini cukup jelas seperti yang terakam dalam koleksi *sanad* Syeikh Yasin al-Fadani dalam beberapa buah bukunya seperti *al-'Iqd al-Farid min Jawahir al-Asnadi*.<sup>23</sup>

Antara kitab yang beliau miliki *sanad* pengajiannya tersebut ialah kitab *Matn al-Ghaya wa al-Taqrīb*<sup>24</sup>, *Fatāwā al-Jawwād*<sup>25</sup>, *Nayl al-Awarif*<sup>26</sup>, *al-Syarḥ wa al-Muqaddimah al-Ajurrumiyah*,<sup>27</sup> *al-Alfiyah al-Hadithiah*,<sup>28</sup> *Syarḥ al-Jauharah*<sup>29</sup>, *Taj al-'Arṣ*<sup>30</sup>, *Fiqh al-Lughah wa Sirr al-'Arabiah*<sup>31</sup> dan lain-lain kitab.<sup>32</sup>

Sekitar 1768/9 beliau berpindah ke kota Madinah berguru dengan Syeikh Muhammad bin 'Abd al-Karīm al-Sammān al-Madani,<sup>33</sup> yang darinyalah diambil nama Tarekat Sammiyah. Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dan rakan-rakannya

---

<sup>21</sup> Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari [Tuan Haji Besar]* (Martapura: Madrasah Sullamul 'Ulum, 2003), 47.

<sup>22</sup> Abdul Rahman Siddiq, *Syajarah al-Arsyadiyah*, 6; Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*, 49.

<sup>23</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama*, 30.

<sup>24</sup> Karangan Qāsim al-Syuj' al-Afān.

<sup>25</sup> Karya Ibn al-Haitam.

<sup>26</sup> karya Imam al-Syaukani.

<sup>27</sup> Susunan Syeikh Syamsuddin Abū al-Khayr Muhammad al-Jazar.

<sup>28</sup> Karya Imam al-Sayid.

<sup>29</sup> Karya Imam Ibrahim al-Laqqani.

<sup>30</sup> Karya Syed Murtaza al-Zabidi.

<sup>31</sup> Karya Imam Abū Mansūr al-Tsa'alibi.

<sup>32</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang Sabl al-Muhtadin* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1990), 16-28.

<sup>33</sup> Ismail Daud, "Syeikh Muhammad Arsyad Banjar," 25.



mengambil *bai'ah* dan sempat melakukan khalwat di bawah pimpinan langsung darinya dan menjadi khalifah<sup>34</sup> tarekat tersebut.

Selepas itu beliau berguru dengan seorang dari ulama Syafi'iyah yang datang dari Mesir, iaitu Syeikh al-Islam Muhammad bin Sulayman al-Kurd.<sup>35</sup> Sekian lama mengikuti Syeikh al-Kurd tadi maka banyak masalah yang ditanya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari kepada gurunya itu termasuk masalah yang terjadi di Banjar seperti meminta al-Kurd menjelaskan perbezaan antara zakat dan cukai berikutan tindakan sultan yang mengutip cukai dan hukum denda pembayaran wang bagi yang meninggalkan sembahyang jumaat dengan sengaja. Kesemuanya dijawab oleh Syeikh al-Kurd, kemudian ditulis dan dikumpulkan oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam risalah berjudul *Fatwa Sulayman al-Kurd*.<sup>36</sup>

Cadangan awalnya beliau bersama rakan-rakannya hendak pergi ke Mesir melanjutkan pelajaran, namun Syeikh Sulayman al-Kurd yang sedia maklum dengan ketinggian ilmu Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari menerusi banyak muzakarah sebelumnya menganggap tidak perlu lagi bagi murid-muridnya itu pergi ke Mesir melanjutkan pelajaran. Sebaliknya menasihatkan mereka agar pulang segera ke tanah air menyebarkan ilmu agama kerana ilmu mereka sudah mencukupi.<sup>37</sup> Pada 1186H/1773M Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari pulang ke Banjarmasin melalui Betawi setelah merantau menuntut ilmu bersama rakan-rakan seperguruannya.<sup>38</sup> Malah menurut penyelidikan yang dibuat oleh Wan Shaghir, sebelum sampai ke Betawi mereka

---

<sup>34</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Abdus Samad Palembang Ulama Shufi dan Jihad* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1996), 94; Abdul Rahman Siddiq, *Syjarah al-Arsyadiyah*, 7; Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*, 49.

<sup>35</sup> K.H. Siradjuddin 'Abbas, *Tabaqat al-Syafi'iyah: Ulama Syafi'i dan Kitab-Kitabnya dari Abad ke Abad* (Jakarta: Pustaka Tarbiyah, 1975), 421.

<sup>36</sup> Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*, 51.

<sup>37</sup> H. Mahlan et. al, *Pemikiran-pemikiran Keagamaan Syekh Muhammad Arsyad*, 18; Abdul Rahman Siddiq, *Syjarah al-Arsyadiyah*, 7.

<sup>38</sup> Karel A. Steenbrink, *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad Ke-19* (Jakarta: Bulan Bintang, 1984), 92; Abdul Rahman Siddiq, *Syjarah al-Arsyadiyah*, 8.

mulanya tiba di Pulau Pinang kemudian bergerak turun dari Kedah ke Perak hingga ke Singapura.<sup>39</sup>

## 2.4 GURU DAN SAHABAT

Selama di bumi Hijaz Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari berguru dengan ramai *masyikh* terkenal dalam pelbagai bidang ilmu, antaranya seperti senarai berikut:<sup>40</sup>

1. Syeikh ‘A ilLah bin A mad al-Ma r al-Azhar .
2. Syeikh al-Isl m Imam al- aramayn Mu ammad Sulaym n al-Kurd .
3. Syeikh Mu ammad bin ‘Abd al-Kar m al-Hasan , yang masyhur dengan al-Samm n al-Madan .
4. Syed Ab al-Fa l Mu ammad al-Murta bin Mu ammad al-Zab d .
5. Mufti Syed ‘Abd al-Ra m n bin Sulaym n al-Ahdal.
6. Syeikh A mad bin ‘Abd al-Mun‘im al-Damanh r .
7. Syeikh Sidd q bin ‘Umar Kh n.
8. Syeikh Abd al-Ra m n bin ‘Abd al-‘Az z al-Maghrib .
9. Syeikh Mu ammad bin A mad al-Jauhar .
10. Syeikh ‘Abd al-Ghan bin Syeikh Mu ammad Hil l.
11. Maulan Syed ‘Abdullah al-Maghrib .
12. Syeikh Sal m bin ‘Abdullah al-Ba r .
13. Syeikh assan bin A mad (‘Akisy Yaman).
14. Syeikh ‘ bid al-Sind .

---

<sup>39</sup> Shaghir Abdullah, *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang*, 12.

<sup>40</sup> *Ibid.*, 14-15.

15. Syekh Muhammad bin 'Al al-Jauhar .
16. Syekh 'Abd al-Wahh b al- an aw .
17. Muhammad li bin Syekh Ibrahim al-R is (mufti Mekah).<sup>41</sup>

Syekh Muhammad Arsyad selain belajar dari ulama-ulama bangsa Arab juga belajar dari ulama yang berasal dari dunia Melayu. Di antaranya ialah :

18. Syekh Abdul Rahman bin Abdul Mubin Pauh Bok al-Fatani (Sahabat Syekh al-Samm n al-Madan ).
19. Syekh Muhammad Zain bin Faqih Jalaluddin Aceh.
20. Syekh Muhammad Aqib bin Hasanuddin al-Falimbani.<sup>42</sup>

Sewaktu di Mekah, beliau menuntut ilmu di Masjid Haram bersama-sama sahabat karibnya, Syekh Abdul Samad Palembang, Syekh Abdul Rahman Masry (Betawi) dan Syekh Abdul Wahab Bugis (Sadenreng, Sulawesi selatan).<sup>43</sup> Antara sahabatnya lagi yang berasal dari Timur Tengah dan Nusantara ialah:<sup>44</sup>

1. Syekh Ahmad Razzah dari Mesir.
2. Syekh Muhammad Nafis bin Idris al-Banjari, pengarang *al-Durr al-Naf s*.
3. Syekh Mahmud bin Kinan al-Falimbani.
4. Syekh Muhammad 'Asyiquddin bin afiyuddin al-Falimbani.
5. Syekh Muhammad Salih bin 'Umar al-Samarani, yang digelar Imam Ghazali Kecil.
6. Syekh 'Uthm n bin asan al-Dimy .
7. Syekh Abdul Rahman bin Abdullah bin Ahmad al-Tarmisi.

<sup>41</sup> Ismail Daud, "Syekh Muhammad Arsyad Banjar," 25.

<sup>42</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama*, 30.

<sup>43</sup> Asywadie, *Kritik Syekh Muhammad Arsyad al Banjari terhadap beberapa kepercayaan*, 10; Abdul Rahman Siddiq, *Syjarah al-Arsyadiyah*, 6.

<sup>44</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama*, 32-33.

8. Syeikh Haji Zainuddin bin Abdul Rahim bin Abdul Latif bin Muhammad Hasyim bin Abdul Mannan bin Ahmad bin Abdul Rauf al-Fatani.
9. Kiyai Musa Surabaya dan ramai lagi.

## 2.5 SUMBANGAN DAN PERANAN

Dalam tempoh yang lama menuntut ilmu di Mekah dan Madinah dalam pelbagai disiplin daripada ulama yang benar-benar ahli di bidang masing-masing akhirnya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari menjadi seorang ulama besar kepada umat Melayu Nusantara. Kealimannya diakui oleh ulama Melayu yang datang kemudian. Pengiktirafan tokoh-tokoh ulama<sup>45</sup> tersebut jelas dapat disaksikan dalam kitab-kitab beliau yang telah dicetak melalui pengakuan dan kata-kata pujian terhadap beliau oleh Syeikh Ahmad al-Fatani, Ilyas Ya'qub al-Azhari,<sup>46</sup> Syeikh Muhammad Tahir bin Jalaluddin al-Minangkabawi,<sup>47</sup> Syeikh Muhammad Abbah Payakumbuh<sup>48</sup> dan Syeikh Ismail Abdul Muttalib – Syeikh Ruwaq al-Jawi dan Haji Ahmad Kurowi.<sup>49</sup> Selain dari meninggalkan karya bermutu tinggi yang menjadi rujukan ulama jawi dan dapat ditatap hingga ke hari ini, beliau yang diizinkan mengajar di Masjid al- ar m sudah tentu mempunyai ramai murid yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan negeri. Antara muridnya yang terkenal ialah Syeikh Muhammad Salih bin Murid al-Rawa, penyusun

---

<sup>45</sup> Lihat H.W. Muhd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Muhd. Arsyad al-Banjari Matahari Islam* (Pontianak: Percetakan Sabar, 1983), 85-89; H.W. Muhd. Shaghir Abdullah, *Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-tokohnya di Asia Tenggara* (Solo: Ramadhani, 1985), 83-85.

<sup>46</sup> Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, *Sab l al-Muhtad n* (Bangkok: Maktabah wa Ma ba'ah Mu ammad al-Nahd wa Awl dih, t.t.), 2: 269.

<sup>47</sup> *Sab l al-Muhtad n* cetakan Ma ba'ah Maim niyah tahun 1313H.

<sup>48</sup> *Sab l al-Muhtad n* cetakan 27 Sya'ban tahun 1331H.

<sup>49</sup> *Sab l al-Muhtad n* cetakan tahun 1322H.

kitab *Fat al-Mub n* (1272H)<sup>50</sup> yang menyebut Syeikh Muhammad Arsyad sebagai “Syeikh Kita”.<sup>51</sup>

Tahap keilmuan yang tinggi menuntut agar beliau menabur khidmat bakti kepada masyarakat dan kaumnya sendiri. Maka bermulalah gerak kerja dakwah beliau ketika dalam perjalanan pulang ke Banjarmasin. Sebelum tiba di Betawi Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari bersama-sama sahabat-sahabatnya singgah mengajar di pulau Penyengat, Riau. Sebaik tiba di Betawi mereka diberi sambutan hangat terutama oleh para alim ulama.<sup>52</sup> Selain daripada mengadakan banyak muzakarah dengan alim ulama, beliau juga membetulkan arah kiblat beberapa masjid di sana berdasarkan ilmu hisab dan falak. Antara fakta yang masyhur, di mihrab masjid Jembatan Lima, Jakarta tercatat pernyataan dalam bahasa Arab bahawa arah kiblat masjid ini dipalingkan ke kanan sebanyak 25 darjah oleh Syeikh Muhammad Arsyad pada 4 Safar 1186H/ 7 Mei 1772M.<sup>53</sup>

Peristiwa tersebut membawa kepada pertemuan beliau dengan pihak Belanda. Di atas kehebatan ilmu dan kemampuannya menjawab pelbagai soalan dalam muzakarah dan *mun arah* bersama pihak jeneral Belanda termasuk pendeta Yahudi dan Nasrani, Gabenor Belanda (Batavia) di kala itu telah memberi gelaran kehormatan kepadanya dengan sebutan “Tuan Haji Besar”.<sup>54</sup>

Kepulangannya disambut meriah oleh Sultan dan rakyat jelata pada bulan Ramadhan 1186H/Disember 1772M. Turut bersamanya Abdul Wahab Bugis yang nantinya berkahwin dengan anaknya, Syarifah.<sup>55</sup> Sejurus itu, Sultan telah

---

<sup>50</sup> Sekarang kitab ini tidak dicetak lagi, namun masih lagi diajarkan di beberapa tempat seperti di Surau Tajar, Alor Setar Kedah.

<sup>51</sup> Wan Shaghir, *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang*, 54.

<sup>52</sup> Abdul Rahman Siddiq, *Syajarah al-Arsyadiyah*, 7.

<sup>53</sup> Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*, 59; Karel, *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia*, 94

<sup>54</sup> Abdul Rahman Siddiq, *Syajarah al-Arsyadiyah*, 7; Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*, 60.

<sup>55</sup> Abdul Rahman Siddiq, *Syajarah al-Arsyadiyah*, 8.

menganugerahkannya tanah untuk dijadikan perkampungan dan pusat pengajian agama. Sekelilingnya dibina pagar dan akhirnya tempat itu dikenali sebagai Dalampagar. Disitulah beliau mendidik anak cucu dan murid-muridnya yang datang daripada pelbagai daerah, termasuk sultan dan kerabat-kerabatnya.<sup>56</sup> Kompleks ini menjadi begitu penting dalam melatih para murid yang kemudian hari menjadi ulama dan mubaligh terkemuka di rantau ini.<sup>57</sup>

Beliau bukan sahaja bertindak membangunkan pondok pengajian tetapi juga menguruskan pertanian dengan menjadikan tanah yang tidak digunakan menjadi sawah (*i y ' al-maw t*) dan membuka sebuah ladang pertanian yang luas serta menggali parit yang panjang untuk pengairan. Secara tidak langsung hasil masyarakat bertambah dan taraf hidup mereka meningkat. Salah satu kampung di sana masih di sebut kampung “Sungai Tuan”,<sup>58</sup> sempena gelaran beliau “Tuan Haji Besar” yang telah diberi oleh gabenor Belanda Batavia.

Malah usaha mengislamisasi rakyat yang dilancarkan beliau diteruskan oleh keturunannya di mana saja mereka berada dengan mendirikan pondok atau madrasah dan menerusi pelbagai bentuk pengajaran. Di Martapura dan sekitarnya didapati wujud pelbagai nama madrasah, antaranya Madrasah Sullamul ‘Ulum dan Madrasah Mura’atus Sibyan yang terletak di Dalampagar, Madrasah Sabil al-Rasyad di Kampung Selong, Madrasah al-Irsyad di Kampung Sg. Tuan.<sup>59</sup>

Manakala di luar Kalimantan pula, sejauh yang diketahui adalah seperti berikut:

---

<sup>56</sup> Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*, 65-68.

<sup>57</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama*, 254.

<sup>58</sup> Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*, 75; Karel, *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia*, 94

<sup>59</sup> Shaghir Abdullah, *Syeikh Muhd. Arsyad al-Banjari Matahari*, 39.

- 1) Pondok Pesantren al-Saigoniyah (1925), pondok pertama di Kalimantan Barat – diasaskan oleh Hj. Yusuf Saigon, cicit Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dari titih Mufti Jamaluddin bin Syeikh Muhammad Arsyad.<sup>60</sup>
- 2) Madrasah Parit Hidayah, Sapat Inderagiri – oleh Tuan Guru Abdul Rahman Siddiq bin Muhammad Afif, seorang pengarang profilik.<sup>61</sup>
- 3) Pondok Titi Gajah, Kedah (1870-an) – Syeikh Muhammad Taib bin Mas‘ud bin Q Abu Su‘ud bin Syeikh Muhammad Arsyad, pengarang kitab *Miftah al-Jannah* dan penasihat Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah.<sup>62</sup>
- 4) Yayasan Penyajian Islam Madrasah al-Khairiyah, Pokok Sena, Seberang Perai (1929) dan lima lagi pondok di Kedah – Tuan Hussein Kedah.<sup>63</sup>
- 5) Pesantren Datuk Kelampayan di Bangil, Jawa Timur (1943) – Tuan Guru Muhammad Syarwani Abdan.<sup>64</sup>

Dari segi politik, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari memainkan peranan penting dalam membentuk dasar pentadbiran kerajaan Banjar. Sebagai seorang yang menjadi harapan seluruh masyarakat, sultan meminta nasihat beliau tentang pembentukan lembaga keagamaan. Dari usul beliau, sultan mewujudkan jawatan mufti sebagai pegawai tertinggi dalam penyeliaan hukum-hakam dan pengeluar fatwa. Sultan juga melantik kadi untuk melaksanakan sistem perundangan Islam meliputi hal munakahat, jenayah seperti hukum bunuh bagi orang murtad<sup>65</sup> dan dera bagi yang berzina.<sup>66</sup> Mufti pertama adalah As‘ad, cucu Syeikh Muhammad Arsyad sendiri dan

---

<sup>60</sup> *Ibid.*, 33.

<sup>61</sup> *Ibid.*, 36.

<sup>62</sup> Suhanim bt. Abdullah, *Sumbangan Ulama Banjar di Kedah* (Alor Setar: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2009), 6.

<sup>63</sup> Ishak bin Rejab, *Tokoh-Tokoh Ulung: Tuan Hussien bin Mohd Nasir bin Mohd Taib al-Banjari* (Seberang Perai: al-Madrasah al-Khairiyah, 1979), 12.

<sup>64</sup> Tim Pustaka Basma, *Tiga Permata Ulama dari Tanah Banjar* (Malang Jawa Timur: Pustaka Basma, 2012), 46.

<sup>65</sup> Sultan telah menjatuhkan hukuman bunuh kepada Datu Abulung, pemimpin fahaman *Wujudi Falsafi*.

<sup>66</sup> Zaidi, “Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari,” 29; K.H. Siradjuddin Abbas, *Tabaqat Ulama Syafi‘i dan Kitab-Kitabnya dari Abad ke Abad* (Jakarta: Pustaka Tarbiyah, 1975), 422; Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari*, 76; H. Mahlan et. al, *Pemikiran-pemikiran Keagamaan Syekh Muhammad Arsyad*, 22-23.

Syeikh Abu Su'ud , anaknya sebagai kadi pertama.<sup>67</sup> Usaha ini merupakan langkah yang paling tepat dalam mengukuhkan peranan Islam di Martapura. Penguksuhan ini mencapai kemuncaknya di zaman Sultan Adam (1786-1857M) yang memperkenalkan undang-undang Sultan Adam<sup>68</sup> pada 1251H/1835 M.<sup>69</sup>

## 2.6 PANDANGAN TERHADAP WA DAH AL-WUJ D

Semasa Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari pulang ke Banjar telah wujud aliran *wa dah al-wuj d* atau *wuj diyyah* yang berasal dari Aceh di bawah pimpinan Abd Hamid Abulung. Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari membahagikan *wuj diyyah* kepada dua, bukan memborongnya dalam satu acuan. Pemikiran beliau tentang isu ini dapat diperhatikan dalam kitab beliau, *Tu fah al-R ghib n*.

Pertama, *wuj diyyah mul id* yang juga dinamakannya *zindiq (sic.)* dan sesat. Kedua, *wuj diyyah muwa idin* iaitu segala ahli sufi yang sebenar, dan mereka itu dinamakan *wuj diyyah* kerana perkataan dan iktikad mereka pada wujud Allah.<sup>70</sup> Dalam kitab *Tu fah al-R ghib n* beliau menyebut:

“Syahdan adalah *wuj diyyah* itu dua kaum. Suatu *wuj diyyah* yang

---

<sup>67</sup> Shaghir Abdullah, *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang*, 51.

<sup>68</sup> Penggubalan undang-undang ini dibuat oleh team yang dipimpin sendiri oleh Sultan dan dibantu oleh Pengeran Syarif Husin, Mufti Jamaluddin bin Syeikh Muhammad Arsyad dan lainnya. Undang-undang yang sarat dengan pemikiran Syeikh Muhammad Arsyad ini terdiri dari 31 fasal. Secara umum ia menyentuh tentang urusan peribadatan, tata kenegaraan, perkahwinan, peradilan, tanah dan peraturan peralihan. Undang-undang yang sarat dengan pemikiran Syeikh Muhammad Arsyad ini sangat menitikberatkan aspek aqidah sehingga memperuntukan Fasal 1 undang-undang ini dengan melarang rakyatnya beri'tikad selain dari Ahli al-Sunnah wa al-jama'ah. Dan itulah tujuan utama pembentukannya selain dari menjaga keharmonian dan kesejahteraan rakyatnya. Untuk maklumat lanjut lihat Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*, 24-32; Abdurrahman, *Studi Tentang Undang-Undang Sultan Adam 1835 (Suatu Tinjauan Tentang Perkembangan Hukum Dalam Masyarakat dan Kerajaan Banjar pada Pertengahan Abad ke-19): Report of Reseach* (Banjarmasin: Perpustakaan Universitas Lambung Mangkurat, 1989).

<sup>69</sup> H. Mahlan et. al, *Pemikiran-pemikiran Keagamaan Syekh Muhammad Arsyad*, 23; Abdullah Zaidi, “Syaikh Muhammad Arsyad bin Abdullah,” 29.

<sup>70</sup> H.M. Asywadie, *Pemikiran-Pemikiran Syeh Muhammad Arsyad al-Banjari* (Banjarmasin: COMDES, 2009), 16.



*muwa'id* kedua *wujdiyyah* yang *mul'id* maka *wujdiyyah* yang *muwa'id* itu yaitu segala ahli al-*f* yang sebenarnya. Dan dinamakan mereka itu *wujdiyyah* kerana adalah *ba'ath* dan perkataan dan *i'tiqad* mereka itu pada wujud Allah Ta' *l*."

Mereka adalah *firqah* selamat. Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari berhujah dengan pendapat Ibn 'Arab dari kitabnya *al-Futūḥ al-Makkiah*, pemuka aliran *wahdah al-wujud* dan memanggilnya Syeikh Ma'y al-Din pada tiga tempat di muka surat 24 *Tuḥaf al-Raghibin*. Ini menunjukkan beliau mengiktiraf kewibawaan Ibn 'Arab dalam bidang kesufian. Tidak timbul syeikh menolak semua faham yang dinisbahkan kepada *wujdiyyah*<sup>71</sup>.

Dalam fasal dua beliau telah membincangkan hal-hal yang merosakan iman. Syeikh telah menjelaskan kumpulan yang mendakwa sufi tersebut sangat merbahaya sehingga beliau mengatakan tiada sepatutnya mereka dinamakan sufi, hanya kafir atau *fisiq*. Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari menekankan kewajiban mengikut syariat.

Akibat dari fatwa beliau Sultan Tahmidullah bin Tamjidullah menjatuhkan hukuman bunuh kepada Abd Hamid Abulung kerana dianggap merbahaya kepada orang ramai atas dasar menjaga *ma'lah* mereka.<sup>72</sup>

## 2.7 KARYA-KARYA

Walaupun Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari lama menetap di Mekah, tetapi beliau mengarang kitab-kitabnya di Banjar. Kebanyakan kitabnya sama ada dalam bidang aqidah, *fiqh* mahu pun *tasawwuf* melibatkan dan mencerminkan latar belakang tempatnya, Banjar. Namun begitu pengaruh kitab-kitabnya sangat besar bukan sahaja di

<sup>71</sup> Abdullah Zaidi, "Syaikh Muhammad Arsyad bin Abdullah", 39.

<sup>72</sup> Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*, 88.

Kalimantan, bahkan menjangkau keseluruhan rantau Melayu hinggalah dekad-dekad terakhir ini. Sebahagian karya *fiqh* dan aqidah umpamanya masih dikaji hingga hari ini oleh para ilmuan dan pengkaji.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong beliau menghasilkan karya-karyanya di Banjar dan tidak di tanah Arab. Adalah dipercayai bahawa faktor yang mendorong beliau berkarya di sini ialah berkait dengan faktor-faktor setempat seperti ketiadaan kitab atau rujukan yang boleh dijadikan panduan dalam bahasa yang difahami penduduk pribumi. Lantaran itu menghasilkan karya berbahasa melayu dalam pelbagai disiplin ilmu amat perlu bagi memenuhi kekosongan khazanah ilmu di Nusantara pada waktu itu.

Dalam misi dakwah beliau, contohnya *Tu fah al-R ghib n* ditulis untuk menghapuskan kebiasaan-kebiasaan masyarakat yang dipengaruhi oleh pelbagai fahaman yang boleh menjerumuskan kearah kesyirikan dan kemurtadan serta untuk menegakkan Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah.<sup>73</sup> Begitu juga *Sab l al-Muhtad n* ditulis bagi mengatasi masalah kitab *fiqh, al- ir al-Mustaq m* yang telah dita r f<sup>74</sup> dan sudah hilang keasliannya.<sup>75</sup>

Dalam kajian terakhir Wan Mohd. Shaghir Abdullah mendapati karya penulisan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari berjumlah 18 buah. Berikut adalah hasil karya beliau:<sup>76</sup>

---

<sup>73</sup> *Ibid.*, 80.

<sup>74</sup> dita r f bermaksud dipinda. Dalam masalah salinan kitab al- ir al-Mustaq m yang ada pada waktu itu, ada perkataan yang gugur, diganti dan sebagainya hingga tidak dapat dikenali mana satu yang asal. Lihat juga al-Banjari, *Sab l al-Muhtad n*, 1: 4.

<sup>75</sup> Jamalluddin bin Hashim dan Abdul Karim bin Ali, "Kit b al- ir al-Mustaq m oleh Syaikh N r al-D n al-R n r : Satu Sorotan," *Jurnal Fiqh* 5, no. 9 (2008), 198.

<sup>76</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama*, 32-33; Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2004), 6: 16.

**(a) Bidang aqidah**

- 1) *Tu fah al-R ghib n f Bay n aq qah m n al- Mu'min wa M Yufsiduhu Riddah al-Murtadd n*(1188 H/1774 M).<sup>77</sup>
- 2) *Ris lah al-Qawl al-Mukhta ar fi 'Al m t al-Mahd al-Munta ar*(1196H/1781M).<sup>78</sup>
- 3) *Fi Bay n al-Qa ' wa al-Qadr wa al-Wab '.*
- 4) *Awwal al-D n Ma 'rifatulLah.*<sup>79</sup>
- 5) *Tu fah al-A b b.*

**(b) Bidang Fiqh**

- 6) *Luq ah al-'Ajl n f al- ay wa al-Isti ah wa Nif s al-Nisw n* (1192H/1778M).<sup>80</sup>
- 7) *Sab l al-Muhtad n li al-Tafaquh f Amr al-D n* (1195H/1780M)
- 8) *Kit b B b al-Nik .*<sup>81</sup>
- 9) *Bid yah al-Mubtad wa 'Umdah al-Awl di.*<sup>82</sup>
- 10) *Kit b al-Far i .*<sup>83</sup>
- 11) *H syiah Fat al-Jaww d.*<sup>84</sup>

---

<sup>77</sup> Mengandung istilah khusus Banjar seperti “menganggar banua”, “mambuang pasilih” dan “badudus”. Naskhah tulisan tangannya masih disimpan keturunannya di Martapura. Antara cetakan awal yang dapat dikesan ialah cetakan kedua Ma ba’ah A madiyah pada 1347H dan dita i oleh Tuan Guru Sapat, Inderagiri. Lihat Asywadie, *Pemikiran-Pemikiran Syeh*, viii.

<sup>78</sup> dicetak bersama risalah ‘*Syjarah al-Arsyadiyah*’ oleh Ma ba’ah al-A madiyah, Singapura. Naskhah aslinya masih di Dalampagar dalam penjagaan salah seorang zuriat Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari.

<sup>79</sup> Menerangkan kaedah *naf* dan *ithbat* dalam perbahasan aqidah. Naskhah kitab ini disalin oleh Syeikh Muhammad Said bin Shihabuddin Semarang pada 1220H. Lihat Shaghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam*, 18.

<sup>80</sup> Belum pernah diterbitkan dan menuskripnya masih tersimpan di kalangan keluarganya.

<sup>81</sup> Manuskripnya masih disimpan oleh seorang zuriatnya dan menurut catatan orang tua dulu ia karya al-Banjari, di samping ia pernah dicetak di Ma ba’ah aji M. Afand Istanbul pada 1304H, kemudian di Singapura dan Indonesia. Lihat Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*, 82.

<sup>82</sup> Kitab ini sudah ditransliterasi oleh Abdul Ghani Jabar, Percetakan dan Perniagaan Nik Daud Sdn Bhd. pada 2009.

<sup>83</sup> Naskhah aslinya tidak ada lagi, namun menurut orang-orang tua dulu bahawa kitab ini memuatkan tentang harta sepencarian suami isteri yang disebut “harta berpantangan”. Lihat *Ibid.*, 79.

<sup>84</sup> Kitab ini adalah terjemahan dan komentar kitab Ibnu Muqr . Mengikut pengkaji naskhah asalnya belum dijumpai. H.M. Aswwadie, *Pemikiran-Pemikiran Syeh Muhammad Arsyad al-Banjari*, vii.

12) *Arkan Ta'lim al-iby n.*

13) *Bulgh al-Mar m.*

**(c) Bidang Tasawuf**

14) *Kanz al-Ma'rifah.*<sup>85</sup>

15) *Fat al-Ram n.*<sup>86</sup>

**(d) Umum**

16) *Muaf al-Qur n.*<sup>87</sup>

17) *Khutbah Mu laqah.*<sup>88</sup>

18) *Kar Dunya dan khatulistiwa.*<sup>89</sup>

## 2.8 KETURUNAN

Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari pernah berkahwin sebanyak 11 kali. Isteri-isteri beliau adalah Tuan<sup>90</sup> Bajut, Tuan Baiduri, Tuan Lipur, Tuan Guat, Ratu Aminah bt. Pangeran Taha, Tuan Kadarmanik, Tuan Mardikah, Tuan Lih, Tuan Dai' dan Tuan Palung. Tidak ada maklumat isteri yang kesebelas. Beliau dikurniakan 30

---

<sup>85</sup> Risalah ini belum dicetak tetapi naskah aslinya masih tersimpan di kalangan zuriat Syeikh Muhammad Arsyad. Namun ia telah ditransliterasi oleh H.M. Asywadie Syukur. Lihat Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari*, 78; Asywadie, *Pemikiran-Pemikiran Syeh*, 213.

<sup>86</sup> Kitab ini sebenarnya adalah komentar al-Banjari terhadap risalah yang ditulis oleh Syeikh Zakariyy al-An r yang berjudul *Fat al-Ram n.* Ia adalah syarah kepada karya W l al-Rusl n, yang dicantumkan dengan bahasa Melayu di pinggirannya dan telah diterbitkan oleh Toko Buku Hasanu, Banjarmasin pada 1985.

<sup>87</sup> Mulai ditulis pada 1779M yang dilengkapi qiraat *Warasy* dan *Ibn kath r* ditepinya. Kini naskahnya telah diawet dengan bantuan pihak berkuasa Kalimantan Selatan. *Ibid.*, h. 86.

<sup>88</sup> Kitab ini dikumpul semula dan diberi makna Melayu oleh Haji Abdul Rahman Siddiq dan dicetak oleh Ma ba'ah al-A madiyah, Singapura.

<sup>89</sup> *كار دنيا دان خط الاستواء*. Sebuah karya berkaitan ilmu falak, geografi dan hisab. Terdapat dua salinan manuskripnya yang disalin oleh Haji Muhammad Yusuf Kutai dan Abd Rahman Arsyad, Kg. Kaum, Ketapang (Kalimantan Barat) yang diselesaikan pada 28 Rejab 1350H. Lihat Shaghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam*, 38.

<sup>90</sup> Sumber rujukan utama iaitu Wan Mohd. Shaghir dan Abu Daudi menggunakan perkataan "Tuan" di depan nama isteri-isteri Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari.

orang anak. Keturunannya yang ramai yang tersebar luas di Nusantara dan Mekah menjadi ulama dan tokoh dalam pelbagai bidang.

Menurut penyelidikan yang dilakukan oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah mendapati 25 orang dari keturunannya menjadi *q*<sup>91</sup> dan 10 menjadi mufti.<sup>92</sup>

## 2.9 KESIMPULAN

Berdasarkan maklumat-maklumat yang agak jelas berkaitan riwayat hidupnya dapatlah dikatakan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari merupakan ulama yang telah membuat sumbangan yang besar terhadap perkembangan Islam di kalangan masyarakat tempatan dan di negeri-negeri Nusantara. Kesan pengaruhnya masih kuat berakar umbi dalam masyarakat serantau terutama kitab *Sab l al-Muhtad n* dan kitab-kitab *fiqh* lainnya yang terus digunakan sebagai rujukan dan panduan yang sangat berfaedah dalam memperkasakan jati diri seorang muslim.

---

<sup>91</sup> Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama*, 44.

<sup>92</sup> Shaghir Abdullah, *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang*, 33.

## BAB TIGA

### Pengenalan Kitab *Sab l al-Muhtad n Li al-Tafaqquh F Amr Al-D n*

#### 3.1 MAKSUD JUDUL KITAB

Judul lengkap kitab ini adalah *Sab l al-Muhtad n Li al-Tafaqquh F Amr Al-D n* - سبيل المهتدين للتفقه في أمر الدين sebagai mana dinyatakan sendiri oleh pengarang di awal *muqaddimah* kitabnya.

Perkataan-perkataan dalam judul tersebut dari segi bahasa bermaksud sebagai mana berikut:

*Sab l* : jalan, sebab

<sup>1</sup> dan helah.<sup>2</sup>

*al-Muhtad n* : orang yang mendapat petunjuk. Sighah perkataan ini adalah *isim f 'il* atas *m z n* مُفْتَعِلٌ. Wazan ini boleh membawa maksud orang yang memperoleh dan berusaha atau menuntut sesuatu.

*Li* : untuk

*al-Tafaqquh* : menjadi faham<sup>3</sup>

*F* : dalam.

---

<sup>1</sup> Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, *Q m s Idr s al-Marbaw* (K herah: Mu af al-B b al-alab wa Aul duh, 1935), 278; Ibr h m Anis et. al., *Mu'jam al-Was* (t.tp: t.p., 1972), 415.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> *Ibid.*, 698.

*Amr*: perkara, pekerjaan, urusan<sup>4</sup> dan arahan, perintah atau ketetapan.<sup>5</sup>

*al-D n*: agama, Islam, kepercayaan, adat, perhitungan, kekuasaan, hukum, tadbir dan hal.<sup>6</sup>

Bagi menjelaskan gabungan perkataan judul kitab ini, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari telah menterjemahkannya dengan “Jalan segala mereka yang beroleh petunjuk bagi menghasilkan *fiqh* pada pekerjaan agama”.<sup>7</sup>

Terdapat unsur *saja‘* (sama rima pada hujung perkataan) dalam rangkai kata judulnya. Menurut kebiasaannya ulama Melayu silam menggunakan judul yang mempunyai unsur sastera sebegini dalam karya-karya mereka, seperti juga karya-karya ulama Arab yang dapat dilihat hingga sekarang. Merujuk judul kitab ini, unsur *saja‘*nya ialah sama huruf “ﻭ” di hujung perkataan *Muhtad n* dan *D n*.

---

<sup>4</sup> al-Marbawi, *Q m s*, 28.

<sup>5</sup> Louis Ma’luf, *al-Munjid* (Beir t: D r al-Masyriq, 2000), 40.

<sup>6</sup> Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, ed. J. Milton, ed. Ke. 3 (Beir t: Maktabah Lubn n, 1980), 306; al-Marbawi, *Q m s*, 215; Ibrahim An s et. al., *Mu’jam al-Was* , 307.

<sup>7</sup> Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, *Sab l- al-Muhtad n* (Bangkok: Ma ba’ah al-Nahd wa Awl dih, t.t.), 4.

### 3.2 LATAR BELAKANG KITAB

Sebelum *Sabil al-Muhtadin* beredar<sup>8</sup> di Nusantara kitab *al-ir al-Mustaqim* (1054H/1658M) karangan Syaikh Nur al-Din al-Raniri yang dianggap kitab *fiqh* yang pertama dalam bahasa Melayu yang membicarakan bab ibadat.<sup>9</sup> Namun kitab pertama ini masih memerlukan kepada penjelasan kerana terdapat perkara yang sukar difahami oleh masyarakat setempat, khususnya masyarakat Banjar. Tambahan pula sesetengah kalimahnyanya telah gugur, bahkan teksnyanya berbeza-beza ibarat antara satu naskhah dengan naskhah yang lain sehingga tidak dapat dipastikan lagi teksnyanya yang sebenar. Ini mungkin antaranya berpunca daripada tindakan kurang cermat penyalin pada waktu itu yang menyalin kitab tersebut.<sup>10</sup>

Berdasarkan senario demikian amat munasabah Sultan Tahmidillah II bin Sultan Tamjidillah yang berkuasa pada waktu itu meminta Syaikh Muhammad Arsyad menyusun kitab *Sabil al-Muhtadin* pada tahun 1193H/1779M dan beliau menyelesaikannya pada hari Ahad 27 Rabi' al-Akhir 1195H<sup>11</sup>/22 April 1781M,<sup>12</sup> sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Syaikh Muhammada Arsyad dalam muqaddimah kitab. Lebih kurang lapan tahun setelah kepulangannya ke tanah air.

Karya terbesar Syaikh Muhammad Arsyad ini dihasilkan sebagai lanjutan kepada kitab *al-ir al-Mustaqim* dengan menghuraikan perbahasannya lebih lanjut

---

<sup>8</sup> Contohnya pada pertengahan abad ke 17 Masihi kitab jawi ini dilaporkan telah dihantar ke Kedah oleh raja Aceh. Lihat Omar Awang, "The Major Arabic Sources which Determined the Structure of Islamic Thought in the Malay Archipelago before the nineteenth Century A.D. in the Field of Law, Theology and Sufism," dalam *Islamika* (Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1981), 82.

<sup>9</sup> Abdul Kadir bin Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: DBP, 1996), 22.

<sup>10</sup> al-Banjari, *Sabil al-Muhtadin*, 3 dan 4; Mat Noor Mat Zain, "Istilah *fiqh* dalam Sabil al-Muhtadin Karangan Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari" (*Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan ulama dan Tokoh Agama Borneo*, UKM, 2003), 403.

<sup>11</sup> al-Banjari, *Sabil al-Muhtadin*, 3.

<sup>12</sup> M. Rusydi, *The Influence of Muhammad al-Banjari on the Religiosity of Banjarese Society* (Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga, 2007), 10; Karel A. Steenbrink, *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke-19* (Jakarta: Bulan Bintang, 1984), 98. Tetapi Ismail Daud memilih kiraan tahun Masihinya pada 21 April 1781. Lihat Ismail Daud, "Syaikh Muhammad Arsyad Banjar," 26.



lagi, bahkan tiga kali ganda halaman pendahulunya. Bagaimanapun beliau mengekalkan susunan bab dan uslub perbicaraannya sebagaimana yang telah dilakukan oleh Syeikh N r al-D n al-R n r .<sup>13</sup>

Sebagai mana telah dijelaskan, salinan kitab ini yang sangat banyak menggambarkan keistimewaan dan besar pengaruhnya dalam kalangan umat Islam Nusantara dan timur tengah. Menurut Wan Mohd Shaghir Abdullah naskhah ini pertama kali dibawa masuk ke Mekah oleh Syeikh Khalifah Syihabuddin bin Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari yang merupakan murid kepada Syeikh Daud al-Fatani.<sup>14</sup> Syeikh Ahmad Al-Fatani berjaya memperolehi naskhah asal tulisan tangan Syeikh Muhammad Arsyad ini melalui warisan keluarganya. Dari sudut silsilahnya, dari Syeikh Shihabuddin, naskhah asli itu telah menjadi koleksi Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan kemudian dipusakai oleh waris beliau yang bernama Syeikh Abdul Qadir bin Abd al-Rahman al-Fatani dan diturunkan pula kepada Syeikh Ahmad al-Fatani.<sup>15</sup>

### 3.2.1 Sejarah Percetakan

Kitab *Sab l al-Muhtad n* setelah dita oleh Syeikh Ahmad al-Fatani lalu diusahakan penerbitan pertama kalinya oleh Ma ba'ah al-M riah di Mekah pada awal bulan Sya'ban 1300H/1883M<sup>16</sup> sebagaimana kenyataan beliau yang tercatat dalam naskhah *Sab l al-Muhtad n* cetakan tahun 1319H seperti berikut:

---

<sup>13</sup> Abdullah Zaidi, " Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari: 'Allamah Unggul Rantau Melayu,'" (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV Ulama Pemacu Transformasi Negara, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 36; Karel A. Steenbrink, *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke-19* (Jakarta: Bulan Bintang, 1984), 99.

<sup>14</sup> Ibunya bernama Baiduri dan mempunyai tiga beradik seibu. Menurut Yusuf Halidi dalam bukunya *Ulama Besar Kalimantan* beliau pernah menjadi Mufti dan q . Lihat Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Sheikh Syihabuddin dimuliakan kerajaan Riau-Lingga," *Utusan Malaysia*, 15 Januari 2007, 18.

<sup>15</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah, "Bahasa Melayu Bahasa Ilmu: Meninjau Kitab Sabil al-Muhtadin oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari," *Jurnal Dewan Bahasa* (Ogos 1990), 633.

<sup>16</sup> Abu Daudi, *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari (Tuan Haji Besar)* (Martapura: Madrasah Sullamul 'Ulum, 2003), 85; Wan Mohd. Shaghir, *Syeikh Muhd. Arsyad al-Banjari Matahari Islam*

“Dan adalah selesai dicapkan dia atas ini rupa yang jam l pada negeri Makkah pada Ma ba’ M r yang tiada ada baginya m t l.<sup>17</sup> Pada awal bulan Sya’ban al-mu’a am iaitu sanah 1300 daripada hijrah Nabi kita ‘alaih al- al h wa al-sal m wa ‘al lihi wa a bih...”.

Ini bererti *Sab l al-Muhtad n* mulai dicetak 105 tahun (Hijrah) selepas selesai penulisannya. Kemudian dicetak di Mesir pada Zul Qa’dah tahun 1300H dan di Istanbul pada bulan Syawal 1302H atas biaya Sultan ‘Uthmaniyyah, Sultan ‘Abd al- mid II.<sup>18</sup> Seterusnya diulang cetak oleh pelbagai penerbitan di serata tempat hingga sekarang.<sup>19</sup>

Sebenarnya *Sab l al-Muhtad n* cetakan Mekah pada tahun 1300H tersebut juga merupakan kitab Melayu paling awal dicetak di percetakan moden.<sup>20</sup> Sejak itu penggunaan alat cetak menggalakkan lagi penyebaran karya terbesar Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari.

Selain daripada penta kepada cetakan-cetakan di atas, peranan Syeikh Ahmad ternyata sangat besar dalam penyebaran *Sab l al-Muhtad n* melalui murid-murid beliau yang menjadi guru pondok dan pedagang kitab. Penyebarannya dengan lebih cepat lagi melalui jemaah haji yang datang setiap tahun ke Mekah; dan kitab itu pula diajar oleh guru yang berasal dari Banjar dan Fatani di Masjidil Haram.<sup>21</sup>

Wajar dinyatakan bahawa cetakan-cetakan fasa awal di atas adalah berlainan daripada *Sab l al-Muhtad n* yang terdapat di pasaran sekarang. Sehingga cetakan Mesir 1307H yang masih dalam urusan Syeikh Ahmad tidak diletak di bahagian tepinya kitab

---

(Pontianak: Percetakan Sabar, 1983), 51; M Rusydi, *The Influence of Muhammad al-Banjari*, 10; Ismail Daud, “Syeikh Muhammad Arsyad Banjar,” 27.

<sup>17</sup> ماتيل .

<sup>18</sup> W. Mohd. Shaghir, *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang Sabilal Muhtadin* (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1990), 131. Lihat juga Ismail Daud, “Syeikh Muhammad Arsyad Banjar,” 27.

<sup>19</sup> Abdullah Zaidi, “Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjari,” 36; Ismail Daud, “Syeikh Muhammad Arsyad Banjar,” 27 dan 28.

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Wan Shaghir, *Syeikh Muhd. Arsyad al-Banjari matahari Islam*, 51.

*al-ir al-Mustaqim* tetapi diletak ayat al-Qur' n dan hadith. Begitu juga di beberapa tempat dijelaskan perkataan sukar<sup>22</sup> oleh Syeikh Ahmad al-Fatani.

Menjelang tahun 1313H *Sab l al-Muhtad n* diterbitkan oleh Ma ba'ah Maym nah, Mesir yang ditas oleh Syeikh Muhammad Tahir bin Muhammad Jalaluddin al-Minangkabawi, kemudian menerbitkannya lagi pada tahun 1331H yang dita pula oleh Muhammad Abah Payakumbuh dan Ahmad Tahir al-Jawi.<sup>23</sup>

Dengan kedua-dua penerbitan Maim nah tersebut bermulalah *Sab l al-Muhtad n* dicetak atau ditulis ditepinya kitab *al-ir al-Mustaq m* karangan Syeikh N r al-D n al-R n r.<sup>24</sup> Kedua-duanya dicetak dalam satu kitab berkemungkinan disebabkan kedua-duanya bermazhab Syafi'i dan *Sab l al-Muhtad n* ditulis berdasarkan atau mengambil contoh kitab *al-ir al-Mustaq m* tersebut.<sup>25</sup> Apatah lagi Syeikh Muhammad Arsyad sendiri mengakui bahawa tujuannya adalah untuk memperbaiki kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh para penyalin kitab *al-ir al-Mustaq m*.

Selanjutnya *Sab l al-Muhtad n* dicetak pula oleh ' s al-B b al- alab , K herah tanpa tarikh<sup>26</sup> yang sama format cetakan dan halamannya dengan Ma ba'ah Maim nah 1331H tetapi dengan penta (مصحح) yang lain, iaitu Ilyas Ya'qub al-Azhari.

Berdasarkan cetakan ' s al-B b al- alab dan Ma ba'ah Maym nah 1331H berkenaan, *Sab l al-Muhtad n* dicetak dalam dua juzuk setebal 524 halaman. Juzuk satu setebal 252 halaman sementara juzuk dua setebal 272 halaman termasuk halaman *fihris t* (kandungan).

---

<sup>22</sup> Contohnya pada halaman 11, [ada baginya bau seperti bau *lazan*]. *Lazan* menurut Syeikh Ahmad al-Fatani, "erti *lazan* itu iaitu getah yang dibuat oleh Badwi seperti bangkai, ditaruhnya di atas tutup kepalanya ...kerana ada padanya ubat".

<sup>23</sup> Wan Shaghbir, *Syeikh Muhd. Arsyad al-Banjari Matahari Islam*, 90 dan 91.

<sup>24</sup> Mahyuddin Yahaya, *Karya Klasik Melayu Islam* (Kuala Lumpur: DBP, 2000), 344.

<sup>25</sup> K.H. Siradjuddin Abbas, *Tabaqat al-Syafi'iyah: Ulama Syafi'i dan Kitab-Kitabnya dari Abad ke Abad* (Jakarta: Pustaka Tarbiyah, 1975), 242; Auni, *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2005), 34; Wan Muhd. Shaghbir Abdullah, *Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara* (Solo: Ramadhani, 1985), 76.

<sup>26</sup> Siradjuddin, *Tabaqat al-Syafi'iyah*, 422; M Rusydi, *The Influence of Muhammad al-Banjari*, 10.

Sebenarnya terdapat sedikit perbezaan halaman di antara kedua-dua cetakan Ma ba‘ah Maym nah tersebut serta cetakan-cetakan sebelumnya. Dalam cetakan *Sab l al-Muhtad n* yang pertama oleh percetakan M r ,<sup>27</sup> Mekah (1300H) nama penta nya ialah Syeikh Ahmad al-Fatani bin Muhammad Zain dan kata-katanya berada di halaman akhir jilid dua muka surat 276. Manakala bagi cetakan Istanbul 1302H kata-kata penta berada di halaman 278 – 279 jilid dua.<sup>28</sup> Ini bermakna cetakan Istanbul lebih banyak halaman dari cetakan Mekah.

Manakala bagi cetakan Maim nah pula, cetakan tahun 1313H nama penta dinyatakan di halaman 253, jilid dua. Manakala edisi tahun 1331H nama penta nya dinyatakan di halaman 269, jilid dua. Ini bererti cetakan pertamanya kurang 17 halaman.

Semakan penulis terhadap kitab *Sab l al-Muhtad n* dari pelbagai naskhah cetakan mendapati hampir semuanya mengguna pakai format cetakan yang sama dengan format cetakan ‘ s al-B b al- alab dan mengekalkan Ilyas Ya‘qub al-Azhari sebagai penta di samping kata-kata Syeikh Ahmad al-Fatani sebagai penta pertamanya.

Antara penerbitan yang telah mencetak Kitab *Sab l al-Muhtad n* ialah Pustaka Nasional Singapura pada pertengahan 1980-an,<sup>29</sup> D r al- ib ‘ah al-Mi riyah tanpa tarikh, Sulayman Mar‘ , Singapura tanpa tarikh, Mu ammad al-Nahd wa Awl duh, Bangkok tanpa tarikh, percetakan Mu af al-B b al- alab , K herah tanpa tarikh, Ma ba‘ah D r I y ‘ al-Kutub al-‘Arabiyyah pada 1376H, D r al-Fikr dan lain-lain.

Walau pun secara umumnya kitab *Sab l al-Muhtad n* yang tersebar luas sejak dahulu kelihatan sama dari semua aspek tanpa membabitkan sebarang perbezaan kecuali

---

<sup>27</sup> Berdasarkan catatan pada cetakan tahun 1319H. Lihat Wan Mohd. Shaghir, *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang*, 132.

<sup>28</sup> *Ibid.*, 128 dan 129.

<sup>29</sup> Ismail Daud, “Syeikh Muhammad Arsyad Banjar,” 28.

nama penerbit sahaja, namun penelitian penulis mendapati cetakan *Dir al-Ma'rif*, Pulau Pinang tanpa tarikh menggunakan format cetakan serta halaman yang sama dengan format cetakan *Ma ba'ah Maym nah* yang pertama (1313H). Oleh itu juzuk keduanya hanya mengandungi 256 halaman sahaja.

### **3.2.2 Manuskrip**

Menurut Abu Daudi kitab ini dalam bentuk tulisan tangan yang masih terdapat di kampung Dalampagar terdiri dari empat jilid. Menurutnya lagi manuskrip tersebut disalin oleh keturunan Syeikh Muhammad Arsyad sendiri dan dipelihara sehingga sekarang.

Walau bagaimana pun manuskrip-manuskrip yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia terdiri dua jilid sahaja. Kebanyakannya tidak lengkap kecuali empat naskhah sahaja. Tiga naskhah adalah juzuk pertama, iaitu (MSS2104, MSS2105 dan MSS2266) dan senaskhah juzuk kedua (MSS2252). Selain itu terdapat lagi 14 manuskrip yang tidak lengkap iaitu MSS2938, MSS2648, MSS2540, MSS2450, MSS2325, MSS1910, MSS1404, MSS1135, MSS9211, MSS727, MSS719, MSS668, MSS555, MSS554.

Selain dari Perpustakaan Negara Malaysia manuskrip *Sabl al-Muhtad n* juga disimpan oleh pelbagai institusi seperti Arkib Negara Malaysia Cawangan Utara dan Perpustakaan Nasional Indonesia.

### 3.3 PERBANDINGAN MANUSKRIP DAN NASKHAH BERCETAK

Meskipun *Sab l al-Muhtad n* dicetak di banyak tempat dan oleh pelbagai edisi cetakan namun tulisan teksnya menggunakan khat naskhah yang sama bentuk dan saiznya. Begitu juga dengan tanda kurung bagi kalimah-kalimah tertentu. Hal ini menunjukkan kesepakatan pihak percetakan meneruskan bentuk tulisan cetakan pertamanya yang telah dikemaskan oleh Syeikh Ahmad al-Fatani.

Oleh itu penulis akan memaparkan perbandingan antara manuskrip tulisan tangan yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia yang bernombor MS2252 dan naskhah cetakan Maktabah Mu ammad al-Nahd wa Awl dih, Bangkok, tanpa tarikh. Manuskrip berkenaan ditulis pada 1288H berdasarkan catatan yang tertera pada akhir manuskrip. Namun manuskrip tulisan tangan yang dipilih ini adalah jilid kedua sahaja kerana jilid satu tidak ditemui penulis. Manuskrip ini dipilih kerana jilid duanya lengkap dan paling mudah dibaca. Antara aspek perbezaan yang dapat ditonjolkan adalah seperti mana berikut:

#### 3.3.1 Bentuk Tulisan

Tulisan yang digunakan dalam naskhah bercetak ialah khat *nasakh* dan saiznya lebih kecil berbanding manuskrip. Justeru kedudukan dan bentuk teksnya lebih kemas berbanding teks manuskrip yang kelihatan agak berkecamuk. Manakala naskhah tulisan tangan menggunakan sejenis khat yang menyerupai khat *f ris*<sup>30</sup>. Dipercayai itulah tulisan yang popular pada zaman itu. Fenomena ini tidak menghairankan kerana setiap

---

<sup>30</sup> Khat khusus orang farsi dan '*ajam* yang digunakan dalam tulisan mereka.

zaman mempunyai jenis dan bentuk tulisan yang tersendiri yang melambangkan masa itu.

Ayat al-Quran mahu pun hadith yang terdapat dalam naskhah bercetak *Sab l al-Muhtad n* tidak mempunyai baris seperti dalam naskhah tulisan tangan, malah naskhah terkini juga tidak membariskannya kekal dengan ciri cetakan pertamanya dahulu.

### 3.3.2 Bentuk Susunan Teks

Sehingga kini naskhah bercetak kitab *Sab l al-Muhtad n* tidak mempunyai koma, noktah dan lain-lain tanda bacaan. Namun ia menggunakan tanda kurungan untuk tujuan pembahagian teks berdasarkan pecahan kandungan dan juga digunakan untuk catatan ayat al-Qur' n. Penggunaan tanda kurung adalah bagi melahirkan susunan teks yang lebih teratur dan mesra pembaca. Penelitian penulis terhadap teks berkenaan mendapati dua jenis kurungan yang digunakan.

- 1) Tanda kurungan berbunga - khusus untuk ayat al-Qur' n dan hadith, kitab, bab dan fasal, juga ayat bahasa Arab dan *shahdan*.
- 2) Tanda kurungan tanpa bunga – khusus untuk perkataan yang menunjukkan permulaan (استئناف) sesuatu perbahasan seperti Bermula, Sebermula, Dan, dan Demikian lagi, Adapun dan Ketahui.

Tulisan dalam tanda kurungan yang terdapat dalam percetakan moden tersebut pada asalnya adalah tulisan yang ditulis dengan dakwat merah dalam manuskrip tulisan tangan.

### **3.3.3 Baris dan Halaman**

Jumlah halaman bagi manuskrip MS2252 ialah 480 halaman dan ukurannya 21sm X 16sm, manakala halaman kitab *Sab l al-Muhtad n* jilid dua cetakan Maktabah Mu ammad al-Nahd wa Awl dih, Bangkok ialah 272 halaman dan ukurannya 28sm X 20sm.

Berdasarkan MS2252 setiap halaman mempunyai 23 baris sementara edisi cetakan mengandungi 33 baris pada setiap halaman kecuali halaman pertama dan halaman akhir yang barisnya lebih sedikit.

Pada halaman akhir naskhah bercetak *Sab l al-Muhtad n* dimasukkan daftar kandungan kitab bertujuan mendedahkan kedudukan kandungan teks dengan lebih jelas. Ia melibatkan tiga halaman terakhir. Sebaliknya manuskrip lama tiada daftar kandungan.

## **3.4 METODOLOGI PENULISAN *SAB L AL-MUHTAD N***

### **3.4.1 Sumber Rujukan**

Pegangan kepada sesuatu mazhab di sesuatu tempat berkait rapat dengan sejarah kemasukan Islam ke tempat itu. Sejak awal kemasukan Islam ke rantau ini, boleh dikatakan semua ulama Ahli Sunnah wa al-Jama‘ah memilih mazhab dan *bertaqld* kepada Imam Sy fi‘ . Seiring dengan hakikat ini penulisan Syeikh Muhammad Arsyad juga berasaskan kepada metodologi mazhab Syafi‘i. Jadi segala pendapat dan masalah *fiqh* dirujuk kepada tokoh-tokoh *mu‘tabar* dalam mazhab itu. Bahkan dapat dinyatakan bahawa kitab *Sab l al-Muhtad n* merupakan satu kitab ringkasan *fiqh* Syafi‘i yang



mengandung pelbagai masalah yang diambil dari kitab-kitab yang *mu'tabar* dalam mazhab Syafi'i. Hal ini dinyatakan sendiri oleh Syeikh Muhammad Arsyad dalam *muqaddimah* kitabnya,<sup>31</sup>

“Ku ambil akan sekalian masalahnya daripada beberapa kitab bagi segala Imam Syafi'iyah kitab yang *mutaakhkhir n* seperti *Syar Manhaj* bagi Syaikh al-Islam Zakariyy al-An'ar dan *Mughn* Syaikh Kha'ib Syarb'n dan *Tu'fah* Syaikh Ibn 'ajar al-Haitam yang dire'ai dan *Nih'yah* Syaikh al-Jamal al-Raml dan yang lain daripada segala matan dan syarah dan *syiah* yang mulia-mulia”.

Dari kenyataan di atas jelas sekali isi kandungan kitab *Sabil al-Muhtadin* adalah berasaskan mazhab Syafi'i atau dengan kata lain merupakan himpunan masalah-masalah yang diterjemah menyamai kitab-kitab Syafi'i tersebut, malah dari segi penyusunan bab ia turut menyerupai dan menyamai corak penyusunan bab dalam kitab-kitab utama *fiqh* Syafi'i. Ini membuktikan beliau mengambil dasar yang digariskan oleh ulama Syafi'i yang terkemudian, iaitu pendapat yang mengatakan bahawa pendapat yang sah<sup>32</sup> dalam mazhab Syafi'i ialah apa yang disepakati oleh dua orang Syaikh iaitu Imam al-Nawaw dan Imam al-Rafi'. Seterusnya apa yang ditetapkan oleh Imam al-Nawaw. Kemudian, apa yang ditarjkan oleh al-Haitam (w. 1567M) dan al-Raml (w. 1596M). Seterusnya apa yang dipilih oleh Syaikh Zakariyya al-An'ar (w. 1520) dalam kitab *al-Bahjah* kemudian dalam *Manhaj* dan perinciannya. Seterusnya apa

---

<sup>31</sup> al-Banjari, *Sabil al-Muhtadin*, 4; Amir Fazlim Yusoff, “Pengaruh Ulama Timur Tengah Terhadap Penulisan Shaykh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari dalam Kitab Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din,” (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 39; Joni Tamkin & Che Zarina, “Sumbangan Syaykh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam Pengajian Islam di Nusantara,” (Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003), 404.

<sup>32</sup> Maksudnya yang muktamad, iaitu yang *raj* dalam mazhab Syafi'i setelah disaring dan dikaji *pentahq q* secara keseluruhan kitab-kitab terdahulu yang mengandungi segala riwayat. Dalam konteks mazhab Syafi'i, *qawl mu'tamad* ialah apa yang disepakati oleh *al-Syaikh n* iaitu Imam al-Rafi' dan Imam Nawaw, dan jika tidak ada *pentarj* an bagi salah satunya atau didapati sama-sama *mentarj* maka yang *mu'tamad* adalah apa yang dikata oleh Imam Nawaw. Sekiranya hanya seorang dari mereka mempunyai *tarj* maka yang *mu'tamad* adalah yang mempunyai *tarj*. Selepas itu jika sesuatu masalah itu tidak disentuh oleh mereka barulah pendapat Ibn 'ajar dan Muhammad al-Raml dianggap *mu'tamad* oleh ulama al-Syafi'iyah.

yang dipilih oleh al-Kha b al-Syarb n (w. 1569M) dan seterusnya apa yang dipilih oleh penulis-penulis *syiah*.<sup>33</sup>

Analisis yang dilakukan terhadap penulisan Syeikh Muhammad al-Banjari menunjukkan beliau biasanya mengemukakan tiga ulama Syafi'iyah yang muktabar dan lazimnya disebut secara tertib iaitu didahului oleh al-Haitam , seterusnya al-Raml dan yang ketiga al-Kha b Syarb n sekiranya tokoh-tokohnya ketiga-tiga tokoh tersebut sependapat. Sekiranya berlaku pertentangan pandangan antara ketiga-tiga tokoh tersebut maka biasanya Syeikh Muhammad Arsyad mendahulukan pendapat al-Haitam .<sup>34</sup> Contohnya, "Inilah yang dir *ji* kan Syaikh Ibn ajar dalam *Tu fah* dan *Syar ba Af al* bersalahan bagi Syaikh al-Raml dalam *Nih yah*".<sup>35</sup>

Rujukan yang berulang-ulang menunjukkan beliau banyak mengutamakan pendapat al-Haitam berbanding ulama lain walau pun tidak *mentarj h* antara tokoh-tokoh tersebut, hanya menyatakan setiap pendapat.<sup>36</sup> Pendekatan ini bukanlah sesuatu yang ganjil memandangkan Syeikh Muhammad Arsyad mendapat pendidikan dan mendalami ilmu agama di Hijaz yang penduduknya lebih mengutamakan pandangan Ibn ajar al-Haitam daripada Mu ammad al-Raml .<sup>37</sup>

Asasnya, Syeikh Muhammad Arsyad banyak menyebut empat kitab utama yang menjadi rujukan asas beliau sebagaimana disebut. Selebihnya merupakan kepelbagaian pendapat atau pendapat yang tidak diutarakan oleh keempat-empat tokoh tersebut. Seperti yang telah dijelaskan, Syeikh Muhammad Arsyad mengemukakan lebih kurang 60 orang tokoh ulama mazhab Syafi'i sebagai rujukan dalam tulisan beliau ini.

---

<sup>33</sup> 'Al Jum'ah, *al-Bay n lima Yasyghal al-Azh n* (K herah: Muqa am, 2005), 222; Fazlim, "Pengaruh Ulama Timur Tengah Terhadap Penulisan Shaykh, 40 dan 41.

<sup>34</sup> *Ibid.*, 40.

<sup>35</sup> al-Banjari, *Sab l- al-Muhtad n*, 1: 19.

<sup>36</sup> Fazlim, "Pengaruh Ulama Timur Tengah Terhadap Penulisan Shaykh, 40.

<sup>37</sup> 'Al Jum'ah, *al-Bay n*, 222.

Berikut antara tokoh-tokoh utama mazhab dalam mencorak penulisan Syaikh Muhammad Arsyad:<sup>38</sup>

1) Ibn al-Haitam

Nama beliau disebut tidak kurang 283 muka surat dalam naskhah bercetak. Karya al-Haitam yang paling banyak dirujuk adalah kitab *Tu fah al-Mu t j*, kemudian *Syar ba Af l*, *Syar al-'Ub b*, *Fath al-Jaww d*, *Syar al-Irsh d*, *al-Imd d* dan *syiah I h*.

2) Ibn al-Shih b al-Raml

Beliau merupakan tokoh kedua terbanyak dijadikan rujukan terutama kepada kitabnya *Nih yah al-Mu t j*, *syiah Syar al-Raw* dan *Fatwa* beliau. Nama beliau disebut dalam lebih kurang 141 muka surat.

3) Mu y al-D n al-Nawaw

Beliau merupakan tokoh ketiga paling banyak disebut dalam lebih kurang 71 muka surat. Antara kitabnya yang menjadi rujukan *al-Majm '*, *Raw ah al-lib n*, *al-Ta q q*, *al-Tanq*, *Minh j al-lib n*, *Syar Muslim*, *al-Fat w* dan *al-Man sik*.

4) Al-Kha b al-Syarb n

Merupakan tokoh keempat paling banyak disebut dalam lebih kurang 63 muka surat. Kitab *Mughn* sahaja yang disebut.

5) Syaikh al-Isl m Zakariyy al-An r

Tokoh kelima paling banyak dijadikan rujukan dalam lebih kurang 29 muka surat. Antara kitab yang menjadi rujukan ialah *al-Asn Syar Raw al-lib*, *al-Manhaj* dan kitab *Fat al-Wahh b*.

6) Hujjah al-Isl m al-Ghazz l

---

<sup>38</sup> Fazlin, "Pengaruh Ulama Timur Tengah Terhadap Penulisan Shaykh," 42-46.

Merupakan tokoh keenam paling banyak disebut dalam lebih kurang 22 muka surat. Di antara kitab beliau yang dirujuk *Ihy' Ulm al-Din*, kitab *Fatwa* dan *Tu fah*.

7) Imam al-Syafi'

Merujuk kepada tiga buah kitab utama Imam al-Syafi', iaitu kitab *al-Umm*, *al-Iml'* dan *Mukhtasar al-Buay*. Pengarang menyebutnya dalam 18 muka surat.

8) Ibn al-Qasim

Beliau juga menjadi rujukan dalam lebih kurang 15 muka surat. Namun rujukan tersebut hanyalah berbentuk *syiah* iaitu *syiah Tu fah* dan *syiah Syar Minhaj*.

9) Sulaiman al-'Ulam al-'Izz Ibn 'Abd al-Salam

Nama beliau dirujuk dalam lapan muka surat melalui fatwa beliau.

10) Al-Ruyun

Kitab *al-Bahrnya* yang masyhur itu dirujuk.

11) Ibn al-Muqrabi

Rujukan terhadap beliau tertumpu kepada kitab *Rawat al-Ilm* dan *Matn al-Irsyad*.

12) Ibn al-Halabi (Pengarang merujuk beliau tanpa menyebut nama kitab, antara kitab *fiqhnya* yang termasyhur ialah *al-Fatwa*)

13) Syaikh Muhammad Sulayman al-Kurdi (kitab *al-Hawash al-Madaniyyah* sahaja diketahui dalam bidang *fiqh*)

14) Ibn al-Abbadi

Kitabnya *al-Syamil*.

Maka sambutan begitu hebat kepada kitab Syeikh Muhammad Arsyad di alam Melayu tidak pelik kerana ia bersumberkan kitab-kitab muktabar.<sup>39</sup> Tambahan pula dalam penghasilan *Sab l al-Muhtad n* beliau mengikut jejak-jejak yang diwarisi oleh ulama Syafi'iyah yang terkemudian bagi memastikan aliran yang dibawa tidak terpesong dari akar umbi hingga ke pucuk. Malah beliau memperkaya karya beliau dengan pelbagai pendapat ulama Syafi'iyah melalui riwayat-riwayat dalam mazhab.

### 3.4.2 Teknik Penyusunan Kandungan

Dari segi kandungan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari telah memasukkan di dalam kitabnya ini semua perbincangan ibadah yang bermula dari bab *ah rah*, Sembahyang, Zakat, Puasa dan Haji. Selain daripada itu, ditambah dengan persoalan *al-Dhab 'ih* (sembelihan) dan makanan, yang merupakan asas utama kepada survival hidup manusia. Kepentingannya secara jelas dinyatakan oleh beliau dengan ungkapannya, “*mengenal yang halal dan yang haram maka iaitu setengah daripada selebih-lebih muakkad yang mafh m daripada agama ...*”<sup>40</sup>

Kitab *Sab l al-Muhtad n* ini disusun menggunakan kitab, bab dan fasal. Tajuk besar disebut sebagai kitab mengandungi bab dan di bawah bab pula mengandungi fasal.

Ada kitab yang mempunyai bab, ada yang tidak mempunyai bab. Namun begitu ada juga kitab yang mempunyai bab-bab tanpa fasal seperti kitab *al-I'tik f* dan tidak mempunyai bab dan fasal seperti kitab *al-A 'imah*. Secara keseluruhannya kitab *Sab l al-Muhtad n* mempunyai lapan kitab, iaitu:

1. Kitab *al- ah rah* mengandungi 6 bab dan 32 fasal (Jilid 1, hal. 5-146)

---

<sup>39</sup> Ismail Daud, “Syeikh Muhammad Arsyad Banjar,” 27.

<sup>40</sup> al-Banjari, *Sab l al-Muhtad n*, 241.

2. Kitab *al- al h* mengandungi 9 bab dan 34 fasal (jilid 1, hal. 147-250; jilid 2, hal. 2-88)
3. Kitab *al-Zak h* mengandungi 5 bab dan 13 fasal (jilid 2, hal. 88-128)
4. Kitab *al- iy m* mengandungi 7 bab tanpa fasal (jilid 2, hal. 128-163)
5. Kitab *al-I'tik f* mengandungi satu fasal tanpa bab (jilid 2, hal. 163-168)
6. Kitab *al- ajj wa al-'Umrah* mengandungi dua bab dan 15 fasal (jilid 2, hal. 168-237)
7. Kitab *al- ayd wa al-Dhab i* mengandungi satu fasal tanpa bab (jilid 2, hal. 237-256)
8. Kitab *al-A 'imah* tidak mengandungi bab dan fasal (jilid 2, hal. 256-267).

Kitab *ah rah* adalah persoalan paling panjang yang dihurai oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, iaitu setebal 141 halaman. Sementara persoalan *i'tik f* di masjid adalah yang paling ringkas ditulis oleh beliau, iaitu setebal 6 halaman.

### 3.4.3 Bahasa

Bahasa Melayu yang digunakan ialah bahasa Melayu lama yang disebut sebagai bahasa Melayu klasik. Namun begitu bahasanya masih dapat difahami pada masa sekarang.

Jika diteliti ayat-ayat atau perkataan dalam kitab tersebut ternyata karya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari ini mempunyai persamaan dari sudut dengan bahasa yang digunakan oleh ulama-ulama silam dari Fatani dalam karangan mereka seperti Syeikh Daud al-Fatani,<sup>41</sup> Syeikh Ahmad al-Fatani<sup>42</sup> dan Syeikh Ismail bin Abd al-Qadir

---

<sup>41</sup> Kitab *Bughyah al- ull b* dan sebagainya.

<sup>42</sup> Antara kitabnya *Far dah al-Far id fi 'Ilmi al-'Aq id*.

(Pak Da 'el).<sup>43</sup> Contohnya, ayat '*pada upama*' dan '*yang lagi akan datang*'.<sup>44</sup> Penggunaan perkataan dan bentuk ayat yang sama dalam karya-karya klasik tersebut melahirkan gaya bahasa yang tidak jauh berbeza di antara satu karya dengan yang lain. Gaya bahasa yang hampir serupa ini mungkin berkait dengan faktor tempat para ulama tersebut mendapat pendidikan. Walau bagaimanapun teks karya Syeikh Muhammad Arsyad ini tidak sunyi dari perkataan Kalimantan atau Banjar seperti "*yang bini-bini*"<sup>45</sup>, "*wanyi*"<sup>46</sup> dan sebagainya.

Dari segi penulisan istilah, Syeikh Muhammad Arsyad banyak memilih istilah dalam bahasa Arab dan diterjemahkan pula ke dalam bahasa Melayu. Di samping itu banyak juga kalimah asalnya dalam bahasa Arab masih dikekalkan tanpa diterjemah seperti lafaz *qayd*, *ghaim*, *munfarid* masih dikekalkan. Sesetengah pembaca agak sukar memahaminya lantaran tidak menguasai bahasa Arab.

Selain itu Syeikh Muhammad Arsyad sering menggunakan istilah-istilah *fiqh* dan istilah mazhab seperti *i'tim d, a a dan hir*. Namun beliau akan menghuraikan maksudnya kecuali perkataan tersebut sudah biasa difahami oleh penuntut ilmu.<sup>47</sup> Antara kalimah yang tidak diterjemah oleh beliau ialah *tarj*, *jizyah*, *fai'*, *'urf*, *taql d*, *f siq*, *ajr*, *qar nah*, *ann*, *bugh h* dan *masyaqqah*.

---

<sup>43</sup> Kitab *Tab irah al-Ad n*.

<sup>44</sup> al-Banjari, *Sab l- al-Muhtad n*, 170.

<sup>45</sup> Bini-bini bermaksud betina atau perempuan, perkataan ini turut digunakan di Brunei, utara Sarawak dan beberapa tempat lain.

<sup>46</sup> Wanyi ( ) bermaksud lebah.

<sup>47</sup> Mat Noor, "Istilah *fiqh* dalam *Sab l- al-Muhtad n*," 407.

### 3.5 ISU-ISU PENTING

Terdapat banyak isu zakat dalam *Sab l al-Muhtadin* terutama apabila berhadapan dengan perkembangan semasa, dari masalah pengagihan zakat, konsep miskin kaya, bentuk-bentuk bantuan serta yang sering diperkatakan seperti zakat simpanan wang, konsep *f sab lilLah* dan seumpamanya. Sebahagiannya telah dibahaskan dalam kitab-kitab jawi terdahulu, bahkan secara khusus seperti kitab *Risalah Pada Penerangan Makna SabililLah yang Mustahiq akan Zakat* oleh Syeikh ‘Abd al-Qadir al-Mandili. Penulisan ini akan menganalisis beberapa isu zakat dalam kitab *Sab l al-Muhtadin* yang melibatkan permasalahan semasa dalam kehidupan umat Islam.

Umumnya terdapat banyak karya *fiqh* klasik melayu yang mendapat sambutan di seluruh kepulauan Melayu. Didahului dengan kitab *al- ir al-Mustaq m* oleh Syeikh N r al-D n al-R n r pada 1644M, *Mir’ t al- ull b (mu’ mal t)* oleh Syeikh ‘Abd al-Ra’uf al-Singkili, *Saf nah al- ukk m* (jual beli, nikah dan faraid) oleh Faqih Jalal al-Din Aceh pada 1740, *Kif yah al-Ghul m f Bay n Ark n al-Isl m* oleh Syeikh Ismail Minangkabau, *Kasyf al-Lith m* (soal-jawab) oleh Zain al-‘Abidin al-Fatani pada 1889, *N r al-Syam’ah f A k m* (risalah kecil dan ringkas) oleh Syeikh Ahmad Khatib bin ‘Abd al-Latif al-Minangkabawi pada 1896M, *Kif yah al-Muhtad* syarah *Sullam al-Mubtad* oleh Syeikh Muhammad Nur al-Fatani pada 1932M dan yang mutakhir *Tafr al-Ins n f Takhl f al-I s n* (beberapa masalah *fiqh* yang diperselisihkan ulama) oleh Haji Chik Ahmad al-Kedahi pada 1958M/1358H.

Walau bagaimanapun analisis ini hanya tertumpu kepada kitab-kitab jawi yang menyentuh isu yang dianalisis, iaitu kitab *Bughyah al- ull b li Mur d Ma’rifah al-A k m* karya Syeikh Daud al-Fatani dan *Ma la’ al-Badrayn wa Majma’ al-Ba rayn*



(1886M) karya Syeikh Nik Mat Kecik al-Fatani. Malah yang lebih utama dua kitab ini antara kitab jawi lama yang masih menjadi rujukan di alam Melayu.<sup>48</sup>

Karya-karya *fiqh* jawi yang lain walaupun popular, didapati tidak menyentuh persoalan yang akan dianalisis penulis seperti *Furu' Mas'ul*, *Munyah al-Mu'all*, *Wisya al-Afr* atau pun terlalu ringkas tidak dihurai secara panjang lebar seperti kitab *Sullam al-Mubtad* dan seumpamanya.

Selain itu, kedua-dua kitab ini mempunyai beberapa ciri persamaan dengan *Sab l al-Muhtad n. Bughyah al-ull b* berupa sebuah kitab bahagian ibadah yang detil perbahasannya sama seperti *Sab l al-Muhtad n* di samping reka bentuk dan formatnya yang sama. *Ma la' Badrayn* pula merupakan kitab jawi yang paling terkenal di Malaysia.<sup>49</sup> Meskipun data-data yang disajikannya secara ringkas ia merupakan sebuah kitab *fiqh* yang lengkap, sehinggalah ke "*B b al-'Itq*".

Menurut Wan Mohd. Shaghir dua kitab ini merujuk *Sab l al-Muhtad n. Sab l al-Muhtad n* dan *Bughyah al-ull b* merupakan kitab *fiqh* ibadah yang hampir serupa kandungannya.<sup>50</sup> Syeikh Daud dalam *Bughyah al-ull b* menyebut nama kitab *Sab l al-Muhtad n* pada dua tempat, iaitu halaman 15 dan 233. Sementara dalam *Ma la' Badrayn* terdapat 20 tempat nama kitab *Sab l al-Muhtad n* dicantumkan sebagai nota kaki atau nota tepi kitab *Ma la' al-Badrayn* dalam versi nombor satu. Namun selepas cetakan keempat *Ma la' al-Badrayn* tidak lagi menyebut nama *Sab l al-Muhtad n*, walaupun kalimat pada nota tepi masih dikekalkan.<sup>51</sup>

Oleh yang demikian, tidak menghairankan jika terdapat persamaan di antara dua kitab tersebut dengan *Sab l al-Muhtad n*. Fenomena ini juga berlaku kepada kitab-kitab

---

<sup>48</sup> Shaghir, "Bahasa Melayu Bahasa Ilmu: Meninjau Kitab *Sabil al-Muhtadin*," 633; Wan Shaghir Abdullah, "Ma la' al-Badrayn Kitab yang termasyhur di Dunia Melayu," *Jurnal Dewan Bahasa* 35, bil. 6 (6 Jun 1991), 525.

<sup>49</sup> *Ibid.*

<sup>50</sup> H.W. Muhd. Shaghir Abdullah, *Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-tokohnya di Asia Tenggara* (Solo: Ramadhani, 1985), 80.

<sup>51</sup> Shaghir, "Bahasa Melayu Bahasa Ilmu: Meninjau Kitab *Sabil al-Muhtadin*," 637.

rujukan Arab yang asal (*ma dir*) seperti *Mughn al-Mu t j*, *Tu fah Mu t j* dan *Nih yah al-Mu t j* mahupun di antara *syiahnya*. Sebenarnya hal ini menunjukkan perkaitan silsilah ilmiah dan aliran yang sama antara tokoh-tokoh *fiqh* tersebut.<sup>52</sup>

Analisis isu juga berdasarkan pandangan-pandangan *fuqaha'* Syafi'iyah, khususnya dari kalangan *muta'akhirin*. Secara umumnya perbezaan pendapat di dalam mazhab syafi'i tidak ketara, terutama apabila ia disepakati oleh Ibn 'ajar al-Haitam dan Imam al-Raml . Menurut Dr. 'riq Y suf J bir, Ibn 'ajar al-Haitam dan Imam al-Raml kebiasaannya tidak menyalahi pendapat Syeikh al-Isl m Zakariyy al-An r , jika salah seorang dari mereka berbeza pandangan dengan beliau maka seorang lagi menyetujuinya.<sup>53</sup>

### 3.5.1 Takrif Fakir Miskin

Asas kepada dua golongan utama dari kalangan mereka yang berhak menerima zakat ini dijelaskan dalam firman Allah:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ  
وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ...

Surah al-Tawbah 9: 60

Maksudnya: “Hanya sedekah itu untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus zakat, orang-orang muallaf hatinya, untuk memerdekakan hamba, orang yang berhutang, pada jalan Allah dan untuk orang musafir...”

---

<sup>52</sup> Keadaan ini dapat dilihat pada murid-murid Syeikh Zakariyy al-An r iaitu Shih b al-Raml , Ibn 'ajar al-Haitam , al-Syarb n , Syams al-D n al-Raml , al-Burlus al-'Umairah dan lain lain dalam karya-karya mereka.

<sup>53</sup> 'riq Y suf J bir, *Juh d Syaykh al-Isl m Zakariyy al-An r f al-Fiqh al-Sy fi'* ('Amm n: D r al-N r al-Mub n, 2012), 144.

Para *mufassirin* berbeza pendapat dalam menghurai maksud fakir miskin. Dari segi hukum, ahli hukum melihatnya dari sudut siapa yang lebih tidak mampu. Walau bagaimanapun perbezaan ini tidak memberi kesan yang praktikal dalam masalah pengagihan zakat kerana semua berhak menerima zakat.<sup>54</sup> Ulama Syafi'iyah dan Hanabilah menyatakan fakir berkeadaan lebih teruk dari miskin. Manakala Malikiyyah dan masyhur di sisi Hanafiyyah berpandangan sebaliknya.<sup>55</sup>

Dalam kitab *fiqh*, perbincangan tentang status fakir dan miskin diletakkan dalam “*kitab zakat*” atau “*kitab pembahagian sedekah*” (*Kitab Qasm al-adaqat*). Walaupun syarah-syarah kepada *Minhaj* yang menjadi rujukan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari membincangkan maksud fakir miskin dalam “*kitab pembahagian sedekah*”, sebaliknya beliau telah meletakkannya dalam “*kitab zakat*” tidak seperti format *Minhaj* dan syarah-syarahnya.

Beliau meletakkan perbincangan fakir miskin di bawah “*fasal pada menyatakan membahagi zakat atas segala mereka yang musta'iq dia*”. Beliau mentakrifkan fakir sebagai:

“(Adapun) fakir yang *musta'iq* zakat maka iaitu barang siapa yang tiada baginya suami yang memberi dan tiada bapa dan nenek atau anak dan cucu yang memberi nafkah yang memadai, dan tiada baginya [h]arta dan tiada usaha yang halal yang layak dengan dia yang memadai akan hajatnya daripada makanan dan pakaian dan tempat kediaman dan sekalian yang tiada dapat tiada daripadanya bagi dirinya dan bagi mereka yang wajib atasnya nafkah mereka itu di dalam masa yang tinggal daripada umur *gh lib*.<sup>56</sup> U[m]pama seperti orang yang berkehendak ia akan belanjanya pada tiap-tiap hari kepada 10 *dirham* maka tiada diperoleh[i]nya melainkan dua *dirham* atau tiga *dirham* dan jika ada ia sihat tubuh, yang [me]minta-minta kepada segala manusia sekalipun”<sup>57</sup>

---

<sup>54</sup> Mahmood Zuhdi, *Pengurusan Zakat*, 409.

<sup>55</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1994), 2: 12.

<sup>56</sup> Ungkapan “*umur gh lib*” maksudnya kebiasaan umur manusia. Keterangannya diterangkan selepas ini oleh pengarang sendiri.

<sup>57</sup> al-Banjari, *Sab l- al-Muhtadin*, 2:114.

Kemudian beliau menggariskan status fakir dengan huraian yang lebih detil sebagaimana berikut:<sup>58</sup>

1. Orang yang mampu berusaha tetapi tidak berusaha atau bekerja tidak dianggap fakir.
2. Orang yang ada harta dan mempunyai hutang yang menyamai jumlah hartanya bukan fakir, atau hutangnya kurang dari hartanya yang sekira-kira tidak keluar dari pada kepapaan (fakir) sekalipun juga bukan fakir.
3. Memiliki rumah yang diperlukannya dan layak dengan keadaannya masih dianggap fakir. Begitu juga dengan beberapa pakaian walaupun untuk perhiasan diri seperti perhiasan perempuan. Demikian juga hamba meskipun berbilang-bilang sekadar hajatnya untuk mengelakkan jatuh maruah jika dilakukan sendiri sesuatu pekerjaan atau kesusahan yang tidak bertanggung tanpa khadam.
4. Sama halnya dengan seorang alim atau mufti memiliki kitab ilmu syarak dan alatnya (seperti riwayat hidup *mu addith n*) yang diperlukannya walaupun berbilang naskhah dari satu kitab, asalkan ia keperluan baginya.
5. Orang yang pendapatannya haram atau tidak sesuai dengan keadaan maruahannya walaupun senang lenang tetap dikira fakir.
6. Orang yang ada harta tetapi hilang dalam perjalanan dua *mar alah* atau lebih atau dihutang orang dengan bertanggung maka disebut fakir.
7. Orang yang menghafaz al-Quran dan belajar ilmu *fiqh*, hadith, tafsir, batin (tasawwuf) atau alat bagi ilmu tersebut, yang diharap kepandaiannya (berpotensi) termasuk dalam fakir, andaikata dia bekerja akan terputus pembelajarannya. Ini kerana manfaatnya umum serta fardu kifayah berbeza

---

<sup>58</sup> *Ibid.*, 2:114-115.

dengan menyibukkan diri dengan ibadah sunat yang manfaatnya setakat dirinya sahaja.

8. Tidak disyaratkan fakir itu tidak mampu berusaha sebab sakit dan tidak meminta-minta.

Apa yang diutarakan oleh Syeikh Muhammad Arsyad dalam perbincangan tentang *an f* fakir miskin di atas merupakan himpunan kesimpulan hukum yang disepakati oleh *fuqah ' muta'akhkhir n*<sup>59</sup> mazhab Syafi'i, atau dengan kata lain secara umumnya menerima apa yang telah diputuskan bersama oleh Imam Nawaw dan al-R fi', atau apa yang dipilih oleh Imam Nawaw jika bertentangan dengan pandangan al-R fi', contohnya pandangan al-R fi', orang yang memiliki hamba yang diperlukannya adalah tidak dianggap fakir dan tidak berhak menerima peruntukan zakat. Sedangkan Imam Nawaw berpendapat hal sedemikian tidak menghalangnya menerima zakat, kerana ia memang memerlukannya seperti pakaian dan baju.<sup>60</sup> Justeru Syeikh Muhammad Arsyad memfatwakan masalah tersebut dengan pendapat Imam Nawaw di dalam kitabnya *Sab l al-Muhtad n*.

Dalam kitab *Ma la' al-Badrayn* takrif fakir dan miskin hanya dikemukakan secara ringkas, tanpa huraian terperinci<sup>61</sup> seperti *Bughyah al- ull b* karangan Syeikh Daud al-Fatani. Berdasarkan penelitian terhadap kitab *Bughyah al- ull b* didapati huraian maksud fakir miskin hampir keseluruhannya mempunyai persamaan data, malah susunan ayat dengan kitab *Sab l al-Muhtad n*, kecuali sedikit penambahan perkataan

---

<sup>59</sup> Lihat Zakariyy al-An r, *Fat al-Wahh b* (Beir t: D r al-Fikr, t.t.), 2: 26-27; A mad bin amzah al-Raml, *Nih yah al-Mu t j il Syar al-Minh j* (Beir t: D r al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993), 6: 151-155; Al-Kha b al-Syarb n, *Mughni al-Mu t j* (K herah: D r al-Had th, 2006), 4: 177-180; Ibr h m al-B j r, *syiah al-B j r 'al ibn al-Ghaz (' s al-B b al- alab : K herah, t.t.)*, 1: 282-283; Mu ammad bin Sulaym n al-Kurd, *al- aw sy al-Madaniyyah* (Kaherah: Ma ba'ah Mu af al-B b al- alab, 1977), 159-160; Sulaym n bin Mu ammad al-Bujairim, *Tu fah al-Jayb 'ala Syar al-Kha b* (Beir t: D r al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2011), 3: 79-82; 'Abd al-Ham d al-Syarw n, *aw sy Tu fah al-Mu t j* (K herah: Ma ba'ah Mu af Mu ammad, t.t.), 7: 150-154; 'Uthm n bin Mu ammad Sya al-Bakr, *I' nah al-lib n* (Beir t: D r al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 312-313; Muhammad bin 'Umar Nawawi al-Jawi, *Nih yah al-Zain f Irsy d al-Mubtadi' n* (K herah: D r al-Ba 'ir, 2011), 265-266.

<sup>60</sup> Al-Nawawi, *al-Majmu'* (Jiddah: Maktabah al-Irsy d, t.t.), 6: 198.

<sup>61</sup> Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, *Ma la' al-Badrayn wa Majma' al-Ba rayn* (Bangkok: Ma ba'ah al-Nahd wa Aul dih, 1984), 59-60.

dan pengubahsuaian. Bagaimanapun, Syeikh Daud al-Fatani telah menambah beberapa lagi huraian permasalahan, iaitu berkenaan seseorang yang mampu berusaha tetapi tidak ada orang yang memberi kerja kepadanya adalah termasuk dalam golongan fakir dan seseorang yang memiliki harta haram jika pun banyak apabila sukar menghalalkannya juga dinamakan fakir dan seseorang yang pendapatannya cukup-cukup tetapi dia hendak berkahwin maka dia boleh mengambil zakat untuk berkahwin,<sup>62</sup> kerana itu juga sebahagian dari keperluannya yang harus dipenuhi.

Perbandingan antara dua teks tersebut boleh dilihat dalam petikan kitab *Bughyah al-ull b* di bawah; yang mana perkataan bergaris menunjukkan ia wujud pada asalnya dalam kitab *Sabl al-Muhtad n* tetapi telah dibuang, manakala perkataan dalam kurungan adalah tambahan dari Syeikh Daud al-Fatani sebagaimana berikut:

“Kata Syeikh Ibn ajar di dalam *Tu fah* bahawa orang yang berusaha itu bukan fakir dan jika tiada ia berusaha sekalipun. [Dan Demikian lagi] orang yang ada baginya arta dan [ada] atasnya utang sekadar artinya atau kurang daripada artinya sekira-kira tiada mengeluarkan dia daripada kepapaan itu pun bukan fakir, dan jika ada utangnya itu tunai sekalipun. Maka tiada ia diberi zakat daripada bahagian segala fakir hingga dibayarkannya [dia] artinya pada [akan] hutangnya.

Syahdan Jika ada bagi seorang rumah tempat kediaman yang berkehendak ia kepadanya, lagi layak dengan dia maka iaitu fakir jua. Dan demikian lagi jika ada baginya beberapa kain akan pakaian dan jika kerana akan perhiasan dirinya sekalipun. Dan demikian lagi jika ada baginya sahaya yang berkehendak ia kepadanya akan khadam, dan jika ada sahaya itu berbilang-[bilang kitab sekalipun] sekadar hajat [bagi orang yang sepatutnya sebab] hilang maruah sebab berkhidmat pada barang pekerjaan dengan sendirinya atau hasil atasnya masyaqqah yang tiada bertanggung pada adat dengan [jika] tiada khadam...”<sup>63</sup>

Kemudian Syeikh Muhammad Arsyad memberi takrif miskin yang berhak menerima zakat dengan kata:

---

<sup>62</sup> Daud bin Abdullah al-Fatani, *Bughyah al-ull b Li Mur d Ma'rifah al-A k m Bi al-aw b* (Bangkok: Ma ba'ah al-Nahd wa Awl dih, t.t), 2: 73.

<sup>63</sup> *Ibid.*, 2: 72; al-Banjari, *Sabl al-Muhtad n*, 2:114

“barang siapa yang ada baginya [h]arta atau usaha yang halal lagi layak dengan dia tetapi tiada memadai akan belanja dirinya dan belanja mereka yang wajib atasnya nafkah mereka itu pada masa yang tinggal daripada umur *gh lib*. U[m]pama seperti orang yang berkehendak akan belanja kepada sepuluh dirham maka tiada ada padanya melainkan tujuh *dirham* atau dulapan *dirham* yang tiada memadai akan dia belanjanya yang layak dengan halnya daripada makanan dan pakaian dan rumah tempat kediaman dan barang sebagainya daripada barang yang tiada dapat tiada seperti yang telah terdahulu kenyataannya pada takrif fakir, dan jikalau ada ia menaruh [h]arta lebih daripada *seni b* sekalipun. Maka iaitu miskin jua.”<sup>64</sup>

Selanjutnya dalam merungkai persoalan status fakir miskin, Syeikh Muhammad Arsyad memberikan contoh dengan memetik Kitab *I y* ' bahawa kadang-kadang milik seseorang itu menjangkau seribu<sup>65</sup> sedangkan dia adalah fakir. Sebaliknya, boleh jadi seseorang itu hanya memiliki tali dan kapak sedangkan dia kaya, kerana apa yang dimilikinya itu melebihi keperluannya sebagaimana telah dihuraikan dalam takrif fakir.<sup>66</sup>

Ringkasnya, seseorang yang memiliki keperluan hidupnya seperti rumah yang sesuai dengannya dan yang bersangkutan tidak menghalangnya dari sebutan fakir atau miskin. Realitinya, keperluan seseorang itu berbeza menurut keadaannya walaupun mungkin memiliki *ni b* (200 *dirham*) atau pun lebih tetapi masih belum mencukupi keperluannya dan mereka yang di bawah tanggungannya. Begitu juga memiliki alat yang digunakan dalam pekerjaannya, dan tanah tetapi hasilnya tidak mencukupi hajatnya diberi zakat bagi menyempurnakannya.

Sungguhpun terdapat berbezaan pandangan ulama Syafi'iyah dalam memperincikan status fakir miskin, namun perbezaan tersebut tidak ketara dan pada pandangan penulis hanya melibatkan perkara cabang yang kecil. Syeikh Muhammad

---

<sup>64</sup> al-Banjari, *Sab l- al-Muhtad n*, 2:115.

<sup>65</sup> Dalam kitab *Asr r al-Zak h* Imam al-Ghazz l menyebut seribu *dirham*. Lihat al-Ghazz l , *Asr r al-Zak h* (Beir t: Mansy r t al-Maktabah al-'A riyah, 1982), 102.

<sup>66</sup> *Ibid.*

Arsyad pula dalam banyak situasi tidak memasukkan perselisihan tersebut di dalam *Sab l al-Muhtad n*. Ini kerana boleh jadi persoalan yang diperselisihkan tersebut jarang berlaku terutama di zaman dan negeri beliau.

Seperti diperkatakan dalam kitab-kitab Syafi'iyah, memiliki rumah yang selayaknya untuk seseorang tidak menghalangnya menerima zakat kerana itu sememangnya satu keperluan hidup ( *ar rat*). Bagaimana pula mereka yang hidupnya menyewa rumah? Adakah menghalangnya dari nama fakir (dan miskin)? Dalam persoalan ini al-Raml dan al-Kha b al-Syarb n berpandangan seseorang yang tinggal di rumah yang disewa atau sekolah dalam keadaan ia memiliki wang sewaan berkenaan adalah keluar dari kategori fakir (dan miskin) disebabkan nilai wang yang dimilikinya, begitu juga pendapat al-Subk dalam membahaskan persoalan ini. Sebaliknya Ibn ajar dan sebelumnya al-Ziy d berpandangan orang itu tetap termasuk dalam takrif fakir, yang berhak menerima zakat. Ini kerana rumah berkenaan seperti milik jua.<sup>67</sup> Namun rumah tersebut tidaklah perlu dijual seperti dalam kes muflis kerana zakat merupakan hak Allah berbeza dengan muflis yang melibatkan hak anak Adam. Ini sebagaimana yang dihuraikan oleh beliau dalam *Syar al-'Ub b*.<sup>68</sup>

Walaupun perbincangan tentang rumah sewa ini tidak dimuatkan dalam *Sab l al-Muhtad n*, pandangan Ibn ajar tersebut lebih sesuai diketengahkan dan diamalkan memandangkan sekarang kebanyakan golongan kurang berada menyewa rumah terutama di bandar-bandar besar. Sedangkan mereka wajar dibantu oleh jiran-jiran mereka yang hidup dengan penuh kemewahan.

Seterusnya dalam *Sab l al-Muhtad n* disebutkan bahawa orang yang sibuk dengan ibadah sunat seperti sembahyang dan khalwat tidak termasuk fakir untuk diberi

---

<sup>67</sup> al-Syarw n , *aw sy Tu fah al-Mu t j*, 7: 150.

<sup>68</sup> al-Bujairim , *Tu fah al-Jayb 'al Syar al-Kha b*, 3: 82.



zakat.<sup>69</sup> Kenyataan ini selari dengan pandangan Imam Nawawi yang menyatakan mereka tidak boleh menerima zakat dengan sepakat ulama (*ittif q*),<sup>70</sup> ini kerana keadaannya berbeza dari pelajar ilmu syarak yang mana faedah ibadah berkenaan terhad kepada dirinya sahaja.

Namun demikian, ulama *muta'akirin* selepasnya berpendapat tidak mutlak mereka yang menceburkaan diri dalam ibadat sepenuh masa tidak boleh diberi peruntukan zakat. Ibn al-Jarir dan al-Raml menukilkan pendapat al-Qaff I membolehkan mereka menerima zakat. Ini kerana menurut mereka, ia dikira sebagai darurat. Malah mengharuskan orang yang tidak mampu bekerja kerana berpuasa nazar yang lama menerima zakat dengan bersandarkan fatwa al-Bazar. Begitu juga al-Khatib al-Syarbani turut menukilkan fatwa yang sama.<sup>71</sup>

Sangat wajar *an f* fakir miskin dihuraikan bersama memandangkan pengertiannya yang saling berkait antara satu sama lain yang membawa kepada kepelbagaian pendapat *fuqah* tentangnya. Dalam konteks mazhab Syafi'i hukum yang diputuskan oleh para ulama telah memperlihatkan keadilan dan kebijaksanaan hukum yang mengambil kira perbezaan bakat dan keadaan manusia. Selain itu ia menunjukkan Islam amat mementingkan ilmu yang dikira fardu kifayah menuntutnya. Suatu penerapan hukum yang penuh dengan rahmah dan selaras dengan prinsip keadilan yang bakal menjamin keadilan sosial dalam sesebuah masyarakat.

---

<sup>69</sup> al-Banjari, *Sab l- al-Muhtad n*, 2: 114.

<sup>70</sup> Al-Nawaw, *al-Majm '*, 6: 199.

<sup>71</sup> al-Syarwani, *aw sy Tu fah al-Mu t j*, 7: 152; al-Raml, *Nih yah al-Mu t j*, 6: 153; al-Kurd, *al-aw sy al-Madaniyyah*, 161; al-Syarbani, *Mughn al-Mu t j*, 4: 179.

### 3.5.2 Pengagihan Zakat Kepada *A n f* yang Lapan

Dalam mazhab Syafi'i menurut *qawl mu'tamad* wajib memberi zakat kepada semua *a n f*<sup>72</sup> yang ada dalam negeri tempat tinggal, walaupun zakat *fi rah*. Artinya segantang beras perlu dibahagi-bahagi kepada semua golongan yang berhak menerimanya, setakat yang wujud dalam negeri tersebut. Oleh kerana sukar mengagihkannya begitu dan sudah menjadi adat dalam masyarakat memberi zakat kepada tiga orang, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari memberikan jalan keluar kepada situasi ini dengan *bertaql d* kepada mazhab ulama yang mengharuskannya.<sup>73</sup>

Beliau menampilkan dua pendapat ulama Syafi'iyah seperti yang tersebut dalam *Tu fah*.<sup>74</sup> Pendapat pertama mengharuskan diberi kepada tiga orang *musta iq*, misalnya kepada tiga orang fakir atau miskin. Pendapat kedua mengatakan haruskan diberi kepada satu orang sahaja. Dalam mengemukakan hujah dan rasional, setiap golongan menampilkan sumber yang cukup berkredibiliti.

Menurut Imam al-Ruy n *qawl* yang mengharus memberi zakat harta kepada tiga orang itulah yang dipilih kerana sukar mengamalkan mazhab Syafi'i dan jika Imam Sy fi' masih hidup nescaya beliau memfatwakan sedemikian. Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari mengukuhkan lagi pendapat ini dengan merujuk kitab *Mughn*<sup>75</sup> yang menyatakan sekumpulan *a b* al-Sy fi' termasuk Imam al-I akhr mengharuskan diberi kepada 3 orang yang kemudiannya turut dipilih oleh Imam al-Subk .

Manakala golongan kedua menyatakan harus diberi kepada seorang sahaja sebagai mana yang diceritakan oleh Imam R fi' tentang satu wajah yang dipilih oleh Imam al-Sy r z , empunya kitab *Tanb h* bahawa harus memberi zakat kepada seorang.

---

<sup>72</sup> Apabila pemerintah yang mengagihkannya maka *a n f* zakat ada lapan. Jika pembayar zakat mengagihkan sendiri zakatnya dia perlu memberikan zakatnya kepada tujuh *a n f* sahaja tanpa ' *mil*.

<sup>73</sup> al-Banjari, *Sab l- al-Muhtad n*, 2: 121.

<sup>74</sup> Maklumat lanjut lihat Ibn ajar al-Haitam , *Tu fah al-Mu t j*, 3: 159 dan 160.

<sup>75</sup> Al-Kha b al-Syarb n , *Mughni al-Mu t j*, 4: 194.

Kemudian Imam Ruy n turut memberikan fatwa yang sama. Bahkan Imam Adhra' menjelaskan bahwa pendapat inilah yang berlaku sekian lama dahulu dan di negeri besar-besar. Menurutnya lagi pendapat wajib meratakan zakat kepada semua *a n f* adalah sangat jauh dan *fi rah* yang segantang tidak dapat dibahagi kepada tiga orang pada adatnya. Dan katanya *qawl* inilah yang *mukht r* iaitu pandangan yang *r ji* untuk diamalkan. Walaupun lebih *a wa nya* (hati-hati) diberi kepada tiga orang *musta iq*.<sup>76</sup>

Sebenarnya idea tentang memberi zakat kepada tiga dalam mazhab Syaf'i ini, setakat pengetahuan penulis, bermula dari pendapat Imam al-I akhr , yang berdasarkan dalil dalam al-Qur' n. Dalam menerima pandangan beliau tersebut, *a b* Syafi'yyah sepakat bersetuju bahawa beliau mengharuskan zakat boleh diberikan kepada fakir dan miskin, tetapi mereka berbeza pandangan apakah boleh diberi selain dari *a n f* berkenaan. *Jumh r a b* Syafi'yyah mengatakan boleh diberi kepada mana-mana *a n f*, antaranya ialah al-Maward , al-Q Ab al- ayyib dan al-Sarakhs .

Sungguhpun begitu, al-Sarakhs menyatakan al-I akhr mengharuskan pemberian zakat kepada tiga orang jika *muzakk* memberinya sendiri. Demikian juga pendapat al-Ruy n , keharusan itu hanyalah bagi pemilik harta yang mengagihkannya sendiri atau oleh wakilnya. Ini bermakna, pandangan ini memutuskan jika pemerintah atau s ' yang membahagikannya sama ada zakat fitrah atau harta mesti diberi kepada semua *a n f* yang ada, tidak harus ditinggalkan satu *a n f* pun tanpa khilaf.<sup>77</sup>

Sehubungan itu, Imam Say dalam *fat w nya* menyatakan harus bagi orang mazhab Syafi'i *taql d* mazhab lain dalam masalah ini sama ada darurat atau tidak, khususnya bagi zakat *fi rah*. Menurut beliau lagi, tindakan tersebut sebenarnya bukanlah keluar dari mazhab sepenuhnya tetapi mengamalkan satu dari dua pendapat atau dua wajah dalam mazhab Syafi'i sendiri serta mengikut ulama Syafi'iyah (*a b*) yang

---

<sup>76</sup> al-Banjari, *Sab l- al-Muhtad n*, 2: 121-122.

<sup>77</sup> Al-Nawawi, *al-Majm '*, 6: 193-194.

berpegang dengan pendapat tersebut.<sup>78</sup> Atas dasar inilah, antaranya dikatakan pandangan ini merupakan *qawl mukht r* (dalam mazhab Syafi'i) oleh Imam Adhra' .

Di satu sudut yang lain, walaupun Ibn ajar al-Haitam menukilkan pendapat harus diberi zakat kepada satu orang,<sup>79</sup> dalam kitab *al-'Ubb b* beliau memutuskan bahawa sekiranya sukar membahagikan zakat *fi rah* kerana sedikit, hendaklah dihindarkannya oleh kumpulan yang ramai agar boleh dibahagi kepada tujuh golongan yang berhak menerimanya.<sup>80</sup> Kaedah ini juga selaras dengan apa yang telah dikemukakan oleh Imam al-Ghazz l<sup>81</sup> yang dinyat akan oleh al-Kha b al-Syarb n.<sup>82</sup>

Manakala dalam *Bughyah al- ull b*, Syeikh Daud al-Fatani telah memperincikan dan memperkukuhkan lagi pandangan yang dikemukakan oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari tersebut dengan panjang lebar. Syeikh Daud al-Fatani membawa datang banyak kata-kata ulama, menyebut tujuh nama mereka secara khusus beserta pendapat mereka, antaranya menukilkan pandangan Ibn 'Ujail yang menyatakan bahawa tiga masalah tidak difatwakan mengikut mazhab Syafi'i sebaliknya bertaql d kepada mazhab Imam Ab an fah antaranya mengharuskan diberi zakat kepada seorang *anaf* sahaja kerana sukar mengamal mazhab Imam Sy fi'.<sup>83</sup>

Di dalam *Ma la' al-Badrayn* hal ini dibincangkan secara ringkas dengan begitu menarik dalam bahasa yang mudah. Ungkapan Syeikh Nik Mat Kecil berbunyi:

“Dan wajib dibahagikan zakat atas segala *an f* yang delapan yang tersebut sama ada zakat *fi rah* atau zakat harta tetapi kesukaran ia. Kata *ql* memadai diberi kepada tiga orang fakir atau miskin dan memilih jamaah daripada ulama, iaitu *ib al-Ba r* dan Adhra' dan lainnya memadai diberi kepada

<sup>78</sup> Jal l al-D n al-Say , al- w li al-Fat w (D r al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2010), 87.

<sup>79</sup> Ibn ajar juga menyatakan harus diberi zakat kepada satu orang sahaja dalam *Fat w Kubr al-Fiqhiyyah 'al Mazhab Im m al-Sy fi'* . Lihat Daud al-Fatani, *Bughyah al- ull b*, 85.

<sup>80</sup> al-Kurd , *al- aw sy al-Madaniyyah*, 158.

<sup>81</sup> al-Ghazz l , *Asr r al-Zak h*, 61.

<sup>82</sup> Al-Kha b al-Syarb n , *Mughni al-Mu t j*, 4: 194.

<sup>83</sup> Daud, *Bughyah al- ull b*, 84 dan 85.

seorang jua. Dan tiada mengapa kita *taqlid* akan dia pada zaman ini. Kata setengah ulama jika ada Sy fi' lagi hidup nescaya memfatwa ia dengan dia”<sup>84</sup>

Bagaimanapun, daripada petikan tersebut ternyata Syeikh Nik Mat Kecil meninggalkan perkataan “umpamanya” selepas rangkaikata “tiga orang fakir atau miskin” sebagaimana yang tercatat dalam *Sab l al-Muhtad n*. Perbezaan ini tentunya membawa maksud yang berbeza, secara jelas teks *Sab l al-Muhtad n* menunjukkan zakat tersebut boleh diberikan kepada mana-mana *a n f* sementara ungkapan dalam *Ma la' al-Badrayn* secara zahirnya menunjukkan ia hanya boleh diberi kepada fakir miskin. Secara tidak langsung ayat sedemikian boleh menimbulkan kekeliruan sama ada boleh diberi kepada *a n f* yang lain daripada fakir miskin atau tidak.

Dari kenyataan di atas jelas Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari memberi tiga pilihan bentuk cara pembahagian zakat kepada *a n f* zakat, kerana ulama berbeza pendapat tentangnya sama ada wajib diberikan kepada lapan golongan *a n f*, atau sekurang-kurangnya diberikan kepada tiga golongan *a n f*, atau boleh diberikan walau hanya satu *a n f*. Pilihan ini merupakan suatu kemudahan kepada pembayar-pembayar zakat menurut kemampuan masing-masing.

### 3.5.3 Membasmi Kemiskinan

Dalam ayat 60 surah al-Tawbah telah ditetapkan lapan golongan yang berhak menerima zakat. Golongan yang pertama dan kedua ialah fakir dan miskin. Ketetapan ini merupakan menunjukkan matlamat utama zakat adalah untuk menghapuskan kemelatan dalam masyarakat Islam.<sup>85</sup>

---

<sup>84</sup> Muhammad bin Ismail, *Ma la' al-Badrayn*, 60-61.

<sup>85</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1994), 2: 10.

Mazhab *fiqh* berbeza pandangan dalam memberi zakat kepada fakir miskin. Umumnya terbahagi dua aliran, yang pertama memberi zakat sebanyak keperluan tanpa menentukan kadarnya. Yang kedua memberikan kadar tertentu, ada yang banyak dan ada yang sedikit.<sup>86</sup>

Menurut al-Qarawī aliran pertama lebih dekat dengan logik Islam dan objektif zakat. Dari segi kaedah pembahagiannya aliran ini terpecah kepada dua kumpulan:

- 1) Kumpulan yang menyatakan pemberian zakat yang dapat memenuhi keperluan seumur hidup (*kifayah al-'umr*), iaitu pendapat Imam al-Syafi' dalam *al-Umm* dan kebanyakan *ashabiyah*. Demikian juga sebahagian Hanabilah.
- 2) Kumpulan yang menghadkan pemberian bagi tempoh sara hidup setahun, iaitu Malikiyyah dan *Jumhur* Hanabilah.<sup>87</sup>

Ini bermakna mazhab Syafi'i yang mewakili kumpulan pertama berpandangan kemiskinan harus dihapuskan hingga ke akar umbi dalam bentuk yang kekal hingga tidak perlu lagi kepada zakat pada kali yang lain.

Oleh kerana pertimbangan miskin kaya dalam mazhab Syafi'i berbeza mengikut keadaan seseorang individu, pemberian zakat kepada golongan miskin juga berbeza mengikut keadaan dan kebolehan, walau sebanyak mana sekalipun sehingga memenuhi keperluan hidup mereka. Oleh yang demikian, Syeikh Muhammad Arsyad memfatwakan pemberian zakat kepada golongan terbabit diberi sehingga cukup keperluan sara hidup mereka buat selama-lamanya.

Menurut Syeikh Muhammad Arsyad, fakir miskin yang tidak langsung mempunyai kepandaian melakukan sebarang kerja dan perniagaan bagi mencari sara hidup hendaklah diberi zakat dalam bentuk pemberian harta yang dapat mendatangkan

---

<sup>86</sup> Aliran kedua adalah mazhab Hanafi, iaitu zakat diberi tidak lebih dari kadar *nisab* (200 *dirham*).

<sup>87</sup> *Ibid.*, 31-35.

hasil seperti kebun yang disewa atau yang mengeluarkan buah. Hasilnya hendaklah dapat menampung perbelanjaannya hingga umur *gh lib* iaitu 60 tahun. Selepas itu akan diberi setahun setahun. Namun pemberian tersebut bukanlah dalam bentuk matawang (*d n r* dan *dirham*).

Adapun mereka yang mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang perusahaan hendaklah diberi zakat dalam bentuk pembelian alat-alat berkaitan. Jika banyak bidang kepandaiannya, hendaklah diberi yang paling kurang harga alatannya. Jika pendapatan dari kepandaiannya belum juga cukup ditampung dengan harta yang dapat menghasilkan pulangan yang mencukupi keperluan hidupnya. Sementara yang mempunyai kepandaian berniaga diberi modal yang sekira-kira untungnya nanti mencukupi untuk mengeluarkannya dari paras kemiskinan sehingga ke umur *gh lib*. Sementara yang yang memperolehi pendapatan menerusi kebun tetapi masih belum cukup hajatnya hendaklah diberi harta yang boleh mencukupkan *kif yahnya*. Demikian juga peniaga yang kekurangan modal dari yang sepatutnya diberi zakat untuk menggenapkan modalnya sehingga dapat menampung keperluan hidupnya. Namun semua bentuk pemberian zakat di atas hendaklah mendapat keizinan daripada pemerintah terlebih dahulu.<sup>88</sup>

Saranan yang dikemukakan oleh Syeikh ini samalah maksudnya dengan kata-kata kiasan zaman sekarang iaitu “beri kail jangan beri ikan”. Ini bermakna konsep “memberi kail” sudah wujud sejak dahulu lagi dalam usaha membasmi kemiskinan dan pengangguran.

Sementara kitab *Bughyah al- ull b* turut membincangkan persoalan yang sama pada bahagian yang sama, iaitu selepas membincangkan *a n f* fakir miskin. Seperti mana sebelum ini, perbincangannya juga mempunyai persamaan kandungan dan ayat

---

<sup>88</sup> al-Banjari, *Sab l- al-Muhtad n*, 2:115-116.

yang tidak jauh berbeza dari kitab *Sab l al-Muhtadin*. Namun sebagai tambahan, Syeikh Daud telah memberikan data berkaitan modal yang diberikan berbeza mengikut jenis dan tempat perniagaan dijalankan, di samping beliau membawakan contoh jenis barang perniagaan beserta kadar-kadar yang harus diberi. Manakala kitab *Ma la'al-Badrayn* didapati tidak menyertakan perbincangan ini sama sekali.

Meskipun pendapat majoriti *a b* Syafi'i ini merupakan pendapat yang *a a* serta merupakan *na* Imam Syafi' sendiri, Imam al-Ghazzal dan al-Baghaw serta sebahagian tokoh *Khuras niyyun* berpendapat lain iaitu mereka diberi kadar yang cukup untuk bagi tempoh setahun sahaja. Bagi mereka zakat berulang-ulang setiap tahun, maka perlu diberi *kif yah* mereka setahun setahun.<sup>89</sup> Ini selari dengan pendapat Malikiyyah di atas. Menurut al-Ghazzal lagi dalam *i y* ' itulah kadar yang paling sederhana.<sup>90</sup>

Dalam menentukan umur *gh lib*, *Bughyah al- ull b* telah mencatatkan beberapa *qawl* lemah dalam perbincangannya seperti 80 tahun, 90 tahun, 100 tahun, 120 tahun dan 130 tahun. Namun demikian ia mengambil pendapat yang sama dengan Syeikh Muhammad Arsyad, iaitu 60 tahun. Ini kerana ia adalah kesepakatan pendapat Ibn al-Haitam dan Imam Raml<sup>91</sup> yang menjadi rujukan mazhab Syafi'i di alam Melayu.

Sungguhpun demikian, terdapat dua pendapat di kalangan Syafi'iyyah terkemudian dalam isu umur *gh lib* ini. Kumpulan pertama memilih umur 60 tahun iaitu pendapat Ibn al-Haitam dan Imam Raml dan disetujui oleh pengarang *I' nah al- lib n*<sup>92</sup> dan Syeikh Muhammad bin Sulayman al-Kurd.<sup>93</sup> Sementara pihak

---

<sup>89</sup> Al-Nawawi, *al-Majmu'* (Jiddah: Maktabah al-Irsyad, t.t.), 6: 203

<sup>90</sup> Yusuf al-Qarawi, *Dawr al-Zak h f 'il j al-Musykil t al-Iqti diyyah* (Kherah: Dar al-Syurq, 2001), 25.

<sup>91</sup> 'Uthman bin Muhammad Sya al-Bakr, *syiah I' nah al- lib n* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 315.

<sup>92</sup> *Ibid.*



lain memilih umur 62 tahun iaitu Imam Ibrahim al-Bujairim<sup>94</sup> dan Syeikh Nawawi Banten menerusi karyanya *Nih yah al-Zain*.<sup>95</sup>

Dapat disimpulkan bahawa pendapat yang dikemukakan oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari mengenai kaedah pengagihan zakat tersebut boleh memberi kesan lebih positif kepada masyarakat, berbanding pendapat yang menyempitkan kadar pemberian zakat atau sekadar cukup bagi tempoh setahun yang boleh dikiaskan hanya memberi 'ikan' tanpa memberi peluang kepada fakir miskin menggunakan 'kail' untuk berdikari sendiri. Oleh yang demikian, pandangan memberikan zakat kepada fakir miskin sebanyak keperluan yang diperlukan atau dalam bentuk peralatan yang sesuai dengan kebolehan kerja atau memberi modal meskipun dalam jumlah yang cukup banyak untuk membolehkan mereka menjalankan perniagaan amat sesuai diaplikasi dalam masyarakat Islam dirantau ini. Berapa ramai yang telah menjalankan perniagaan sendiri setelah diberi modal perniagaan oleh pihak tertentu. Sesungguhnya Allah menetapkan zakat agar memenuhi segala keperluan golongan berkenaan hingga mengubah keadaan hidup mereka menjadi tidak miskin lagi. Dengan demikian tercapailah objektif zakat untuk membebaskan mereka dari belenggu kemiskinan.

#### **3.5.4. Istilah bagi ' mil**

Terdapat beberapa istilah bagi ' mil yang digunakan oleh Syeikh Muhammad Arsyad dalam karyanya ini. Kepelbagaian istilah yang seiras dari segi maksud dan peranannya boleh menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. Namun demikian pada

---

<sup>93</sup> Al-Kurd, al-aw sy al-Madan, 160

<sup>94</sup> al-Bujairim, *Tu fah al-Jayb 'al Syar al-Kha b*, 3: 80.

<sup>95</sup> Nawawi al-Jawi, *Nih yah al-Zain*, 268.

hakikatnya setiap istilah berkenaan mempunyai fungsinya tersendiri serta memberi implikasi hukum yang berbeza.

Hasil daripada penelitian mendapati bahawa istilah ‘ *mil* adalah bersifat umum, iaitu merujuk kepada semua pekerja yang terlibat dalam urusan pungutan dan pengagihan zakat seperti *j b*, *s ‘*, *k tib*, *q sim*, *sib* dan seumpamanya. Dinamakan ‘ *mil* kerana mereka itu mesti melakukan amal atau bekerja.<sup>96</sup>

Istilah *s ‘* pula khusus kepada orang yang dipertanggungjawabkan mengurus pungutan dan pengagihan zakat, yang mempunyai kekuasaan (*wil yah*) ke atas urusan tersebut.<sup>97</sup> Ertinya berkuasa memutuskan sesuatu hukum dalam sebarang pertikaian berkenaan zakat. Oleh itu disyaratkan *s ‘* itu hendaklah lelaki, merdeka, adil dan *faq h* iaitu memahami hukum zakat agar pengurusan zakat yang ditadbirnya berjalan menurut syarak.

Manakala istilah-istilah lain tersebut bermaksud pembantu ‘ *mil*. Dalam lain perkataan mereka adalah termasuk dalam pengertian umum bagi istilah ‘ *mil*. Atas dasar tugas mereka yang berkaitan zakat ini, mereka mendapat bahagian zakat atas sifat ‘ *mil*. Antara pembantu *s ‘* ialah *k tib*, ‘*arf*, *q sim*, *syir*, *sib*, *fi*, *jund* dan *j b*.<sup>98</sup>

Meskipun begitu para pembantu ‘ *mil* ini tidak disyaratkan lelaki merdeka dan *faq h* kerana mereka hanya pembantu ‘ *mil* yang tiada *wil yah*, yang menjalankan tugas tertentu seperti menyerahkan zakat kepada pihak yang berhak menerima zakat.

---

<sup>96</sup> al-Syarb n, *Mughni al-Mu t j*, 4: 181.

<sup>97</sup> al-Haitam, *Tu fah*, 3: 169.

<sup>98</sup> al-Syarb n, *Mughni al-Mu t j*, 4: 197.

Istilah *jib* dalam konteks zakat membawa erti pengutip zakat secara khusus,<sup>99</sup> yang hanya menjalankan tugas memungut zakat tanpa sebarang autoriti untuk memutuskan sebarang hukum berkenaan zakat yang dikutip. Berbeza dengan *shaykh* yang kedudukannya lebih tinggi dan mempunyai kuasa menentukan hukum.

Amat tepat terjemahan istilah *jib* yang dikemukakan oleh Syeikh Muhammad Arsyad iaitu orang yang menggagahi pada mengeluarkan zakat. Ini kerana perkataan asalnya, *jib yah* memberi konotasi yang bersifat kekerasan. Tegasnya *jib* adalah salah seorang pembantu *shaykh*, yang termasuk dalam istilah '*mil*'<sup>100</sup> zakat.

Tegasnya, '*mil*' adalah istilah umum yang bermaksud golongan yang terlibat dalam pengurusan zakat. Istilah yang paling kerap digunakan dalam penulisan zakat ialah *shaykh*. Dari segi tugas ia adalah sebagai '*mil*' secara umum. Berdasarkan peranan dan kuasa bolehlah ia dianggap sebagai ketua '*mil*'. Sementara istilah '*mil*' yang lain hanyalah nama kepada pembantu kepadanya yang ditugaskan untuk melakukan tugas-tugas tertentu.

---

<sup>99</sup> Penulis tidak diketahui, *al-Maus'ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam, 2002), 23: 307.

<sup>100</sup> Al-Nawawi, *al-Majma'ah* (Jiddah: Maktabah al-Irsyad, t.t.), 6: 170.

Jadual 3.0. Jenis-Jenis ‘ *mil*

Nama	Fungsi
<i>S ‘</i> (ساعى)	Memungut zakat atas perintah pemerintah Islam. Berkuasa memutuskan sebarang pertikaian berkenaan zakat.
<i>K tib</i> (كاتب)	Menulis harta yang diterima dari prngeluar zakat dan jumlahnya.
<i>H syir</i> (حاشر)	Mengumpul orang yang wajib mengeluarkan zakat.
<i>‘Ar f</i> (عريف)	Mengenal orang yang berhak menerima zakat dari kalangan kaumnya.
<i>sib</i> (حاسب)	Mengira harta zakat.
<i>fi</i> (حافظ)	Menjaga harta zakat
<i>Jund</i> (جندى)	Askar yang mengawal harta zakat.
<i>J b</i> (جاي)	Menguatkuasa pembayaran zakat.

Sumber: *Sab l al-Muhtad n Li al-Tafaqquh Fi Amr al-D n*, 116 dan *al-Majmu‘ Syar al-Muhadhdhab*, 169.

Sebagai rumusan, persamaan yang terdapat dalam perbincangan zakat antara kitab-kitab *fiqh* jawi ternama bukan kerana sekadar rujukan utamanya bersumberkan kitab *Tu fah*, *Nih yah*, *Mughni* dan *Fat al-Wahh b* sahaja, bahkan rujukan utamanya *Sab l al-Muhtad n*, berdasarkan petikan-petikan yang sama dengan apa yang terdapat dalam *Sab l al-Muhtad n*. Pada pandangan penulis *Sab l al-Muhtad n* merupakan pelopor kepada kitab-kitab *fiqh* jawi bahagian ibadah yang terperinci lagi tebal, serta mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap penulisan *fiqh* di rantau ini.

Ini dibuktikan lagi dengan sebuah kitab *fiqh* yang paling tebal di alam Melayu iaitu *al-Ba r al-W f wa al-Nahr al- f* (1350H) karangan Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani juga bersumberkan dan banyak persamaan dengan kitab *Sab l al-Muhtad n*, selain data-data tambahan dari *Tu fah* dan seumpamanya.<sup>101</sup> Istimewa kitab ini terletak pada perbincangan “*Kit b al- ajj wa al-‘Umrah*”nya yang panjang lebar yang mendapat perhatian.

Secara keseluruhan, perbincangan-perbincangan yang dianalisis dalam *Sab l al-Muhtad n* tidak terdapat percanggahan pendapat kerana Syeikh hanya mengambil perbincangan yang disepakati oleh Ibn ajar al-Haitam dan Syams al-D n al-Raml . Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari tidak mengemukakan sebarang bentuk masalah *khil f* dalam perbincangan-perbincangan tersebut.

---

<sup>101</sup> Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, *al-Ba r al-W f wa al-Nahr al- f* (Jiddah: Ma ba ‘ah Syarqiyyah, 1300H). Sekarang kitab ini tidak dicetak lagi dan sukar diperolehi di Malaysia.

## BAB EMPAT

### KITAB ZAKAT DALAM KITAB *SAB L AL-MUHTAD N*: TRANSLITERASI DAN ANOTASI

#### 4.1 Pendahuluan

Seperti mana telah dijelaskan, naskah asal kitab *Sab l al-Muhtad n* merupakan sebuah karya klasik yang menggunakan sistem ejaan jawi dan gaya penulisan lama. Dari itu, dalam usaha mentransliterasikannya dari huruf jawi ke rumi ia turut melibatkan beberapa pengubahsuaian bagi menyesuaikan dengan bentuk semasa. Ini termasuklah penambahan tanda bacaan dan pembahagian teks kepada perenggan berdasarkan pecahan kandungan.

Namun perlu dijelaskan bahawa ia dilakukan tanpa mengubah gaya bahasa atau perkataannya yang asal kecuali perkataan “yaitu” menjadi “iaitu” dan “karana” menjadi “kerana”. Hal ini adalah bagi memastikan maksud asal pengarang tidak berubah dan menjejaskan nilai ilmiahnya.

Sementara itu anotasi pula bertujuan menjelaskan sesuatu perkataan yang sukar difahami, istilah ilmiah, bahasa Arab dan selainnya atau ungkapan yang kurang jelas.

Demikian juga nama-nama tokoh dan kitab, rujukan sesuatu perbincangan lain-lain maklumat lanjut. Segala penjelasan dimuatkan di nota kaki.

## 4.2 Transliterasi Teks Kitab Zakat Dalam Kitab *Sab l al-Muhtad n*

Ini kitab pada menyatakan hukum zakat. (Bermula) erti zakat pada *luhghah*<sup>1</sup> iaitu *ta h r* ertinya menyucikan dan pada istilah ertinya membaiki dan *nam* ' ertinya tambah yakni bertambah kebajikan dan berkat dan *mad*<sup>2</sup> ertinya puji dan erti zakat pada istilah syarak iaitu nama bagi barang yang dikeluarkan daripada [h]arta atau badan atas wajah yang tertentu yang lagi akan datang kenyataannya. Maka dinamai [h]arta yang dikeluarkan itu dengan zakat dikarana<sup>3</sup> ia menyucikan [h]arta dan membaiki dia dan menambahi kebajikan atau berkat pada [h]arta.

(Maka) itu suatu rukun daripada segala rukun Islam yang lima. Maka barang siapa *munkir*<sup>4</sup> ia akan *far unya* atau akan kadar yang muafakat sekalian ulama atasnya maka iaitu jadi kafir. (Dan diperangi) orang yang enggan daripada mengeluarkan zakat dan diambil ia<sup>5</sup> daripadanya dengan kekerasan dan jika tiada perang sekali pun.

(Bermula) dalil yang menyatakan *far unya* dahulu daripada *ijm* ' beberapa *y t* Qur' n seperti firman Allah *Ta' l* {وَأَتُوا الزَّكَاةَ},<sup>6</sup> ertinya beri oleh kamu akan zakat dan lagi firmanNya:

{ خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً }<sup>7</sup>

---

<sup>1</sup> Bahasa.

<sup>2</sup> مَدْح

<sup>3</sup> (dikerana)

<sup>4</sup> Yang mengingkari - isim *f* 'il dari أَنْكَرَ. Lihat Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi, *Q m s Idr s al-Marbaw* (K herah: Mu af al-B b al- alab wa Awl duh, 1935), 345.

<sup>5</sup> Iaitu zakat.

<sup>6</sup> Surah al-Baqarah, ayat 43.

<sup>7</sup> Surah al-Tawbah, ayat 103.

Yakni, ambil olehmu ya Muhammad daripada [h]arta mereka itu zakat dan lagi sabda Nabi *allah hu 'alayh wa Sallam*:

"بني الإسلام على خمس الخ"<sup>8</sup>

Ertinya, diperbuat Islam itu atas lima rukun hingga akhir hadith.

Dan difarukan zakat itu pada tahun yang kedua daripada hijrah kemudian daripada zakat *fi rah*. (Dan tiada wajib) zakat melainkan atas yang merdihika<sup>9</sup> lagi Islam dan jika ada ia kanak-kanak dan gila sekalipun, yakni wajib zakat pada [h]arta kanak-kanak dan yang gila. Dan wajib atas walinya mengeluarkan dia tetapi tiada wajib zakat [h]arta kanak-kanak yang lagi di dalam perut ibunya.

Maka tiada wajib zakat pada [h]arta yang diwaqafkan<sup>10</sup> baginya kerana<sup>11</sup> tiada dipercayai akan wujudnya istimewa<sup>12</sup> lagi hidupnya. (Adapun) sahya maka tiada wajib atasnya zakat kerana tiada ia mempunyai milik dan tiada wajib zakat atas sahaya yang *muk tab*<sup>13</sup> kerana *a' f* miliknya. (Dan demikian lagi) kafir maka tiada wajib atasnya mengeluarkan zakat [h]artanya dan jikalau kemudian daripada Islamnya sekalipun, tetapi jika mati ia atas kufurnya dituntut ia dengan zakat di dalam akhirat dan diseksa ia meninggalkan dia seperti meninggalkan segala yang wajib yang lain daripada zakat.

(Ketahui) olehmu bahawasanya zakat itu dua bahagi. (Pertama) zakat badan, iaitu zakat *fi rah*. (Kedua) zakat *al-m l*, yakni zakat [h]arta. Maka zakat [h]arta itu ada

<sup>8</sup> *Muttafaq 'alayh*. Lihat Ibn al-Asqalan, *Fath al-B r* (Beirut: Dar al-Fikr, 1991), 1: 72.

<sup>9</sup> (Merdeka)

<sup>10</sup> *Waqf*: kata *ma dar* untuk kata kerja *وَقَفَ*. Pada bahasa: menahan. Manakala pada syarak: menahan harta yang dapat dimanfaatkan serta kekal zatnya, untuk kegunaan yang harus. Lihat: al-Khab al-Syarb n, *Mughn al-Mu t j* (Kherah: Dar al-Adh, 2006), 3: 452; Sa'd Abu Jayb, *al-Q m s al-Fiqh* (Beirut: Dar Nur al-Ab, 2011), 477.

<sup>11</sup> Kerana. Selepas ini dieja "kerana".

<sup>12</sup> (Istimewa). Demikian juga pada MS2252 dieja "استميوه" muka surat 2: 81.

<sup>13</sup> *Muk tab* ialah hamba yang akan dibebaskan dari tuannya dengan membayar sejumlah harta kepada tuannya.



kalanya *ta'alluq*<sup>14</sup> ia pada 'ainnya, yakni pada diri [h]arta. Maka iaitu lima perkara. (Pertama) zakat haiwan (kedua) zakat *nab t*, yakni tumbuh-tumbuhan. (Ketiga) zakat *naqd*, yakni emas dan perak.<sup>15</sup> (Keempat) zakat *rik z*, yakni emas atau perak penaruhan<sup>16</sup> kafir pada masa jahiliah pada bumi yang mati atau yang dihidupkannya akan dia. (Kelima) Zakat *ma'din*,<sup>17</sup> iaitu emas atau perak olehnya mendulang pada tempat pendulangan dan adakalanya *ta'alluq* ia pada *qimatnya*, yakni pada nilainya yaitu<sup>18</sup> zakat *tij rah*, yakni [h]arta perniagaan lagi akan datang kenyataan tiap-tiap satu daripadanya.

### **(B b Zak h al- ayaw n)**

Ini bab pada menyatakan zakat haiwan. (Bermula) *syur*<sup>19</sup> wajib zakat itu empat perkara. (Syarat yang pertama) hendaklah ada haiwan itu *na'am*,<sup>20</sup> iaitu unta dan sapi dan kerbau dan kambing dan biri-biri. (Maka) tiada wajib zakat pada segala jenis haiwan yang lain daripada yang tersebut itu seperti kuda dan sahya dan kijang dan minjangan<sup>21</sup> dan barang yang sebagainya. (Syarat yang kedua) hendaklah ada *na'am* itu sampai *ni bnya*.

<sup>14</sup> *Ta'alluq*: sangkutan, tempat letaknya. Lihat Sa'd, *al-Q m s al-Fiqh*, 323.

<sup>15</sup> Iaitu samada yang telah dicetak sebagai matawang atau yang tidak ditempa seperti dalam bentuk bijih. Lihat al-Syarb n, *Mughn al-Mu t j*, 2: 86.

<sup>16</sup> Simpanan.

<sup>17</sup> *Ma'din* berasal dari perkataan Arab, jamaknya مَعَادِن. Lihat Mu ammad Raww s Qal'aj, *Mu'jam Lughah al-Fuqah*. Beirut: D r al-Naf es, 1988), 440; Sa'd, *al-Q m s al-Fiqh*, 304; Ibn ajar al-Haitam, *Tu fah al-Mu t j bi Syar al-Minh j* (Beir t: D r al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2001), 1: 470; al-Syarb n, *Mughn al-Mu t j*, 2: 135.

[ وهو يفتح الميم و كسر الدال، اسم للمكان الذي خلق الله تعالى فيه الجواهر من الذهب و الفضة والحديد و النحاس... ويسمي المستخرج معدنا أيضا ]  
<sup>18</sup> "yaitu" selepas ini dieja dengan iaitu.

<sup>19</sup> شروط : Kata jamak bagi *syar* yang bererti syarat.

<sup>20</sup> *Na'am* ialah unta, lembu kerbau dan kambing. Dinamakan *na'am* kerana banyak nikmat-nikmat Allah yang bersumber daripadanya. Lihat al-Syarb n, *Mughn al-Mu t j*, 2: 87.

<sup>21</sup> Rusa.

(Fa al) Pada menyatakan *ni b* zakat unta. Maka mula-mula *ni b* unta itu lima ekor, maka zakatnya seekor kambing dan pada 10 ekor unta dua ekor kambing dan pada 15 ekor unta tiga ekor kambing dan pada 20 puluh ekor unta empat ekor kambing. Maka kambing yang akan [dikenakan] zakat itu iaitu yang umur dua tahun masuk pada [tahun] yang ketiga atau biri-biri yang berumur setahun masuk pada [tahun] yang kedua sama ada ia laki-laki atau bini.<sup>22</sup>

Maka pada 25 ekor unta zakatnya seekor *bint makh*, iaitu unta betina yang berumur setahun dan pada 36 ekor unta seekor *bint lab n*, iaitu unta betina yang berumur dua tahun dan pada 46 ekor unta seekor *iqqah*, iaitu unta betina yang berumur tiga tahun dan pada 61<sup>23</sup> seekor *jaza'ah*, iaitu unta betina yang berumur empat tahun dan pada 76 dua ekor *bint lab n* dan pada 91 dua ekor *iqqah* dan pada 121 tiga ekor *bint lab n*.

Maka dengan bertambah sembilan kemudian bertambah sepuluh-sepuluh berubahlah yang wajib [dikeluarkan zakat]. Maka pada tiap-tiap 40 seekor *bint lab n*. Pada tiap-tiap 50 seekor *iqqah*. Maka pada 130 zakatnya dua ekor *bint lab n* dan seekor *iqqah*. Dan pada 140 zakatnya dua ekor *iqqah* dan seekor *bint lab n*. Dan pada 150 zakatnya tiga ekor *iqqah*. Dan pada 160 zakatnya empat ekor *bint lab n*. Dan pada 170 zakatnya tiga ekor *bint lab n* dan seekor *iqqah*. Dan pada 180<sup>24</sup> zakatnya dua ekor *bint lab n* dan dua ekor *iqqah*. Dan pada 190 zakatnya tiga ekor *iqqah* dan seekor *bint lab n*. Dan pada 200 unta zakatnya empat ekor *iqqah* atau lima ekor *bint lab n*. Demikianlah *diqiy skan*<sup>25</sup> atasnya yang lebih daripada itu.

---

<sup>22</sup> Iaitu betina menurut bahasa Banjar dan sebahagian penduduk pulau Borneo.

<sup>23</sup> Teks asalnya “*enam puluh asa*”.

<sup>24</sup> Teks asalnya “*seratus delapan puluh*”.

<sup>25</sup> Maksudnya di sini dibanding.

(**Fa al**) Pada menyatakan *ni b* zakat sapi dan kerbau itu 30 ekor maka zakatnya seekor *tab ‘*,<sup>26</sup> iaitu sapi atau kerbau laki-laki yang berumur setahun atau seekor *tab ‘ah*, iaitu sapi atau kerbau bini yang berumur setahun. Maka memadai dikeluarkan zakatnya yang laki-laki atau bini tetapi yang bini teraf *al*<sup>27</sup> daripada laki-laki.

Dan pada 40 zakatnya seekor *musinnah*,<sup>28</sup> iaitu sapi atau kerbau bini yang berumur dua tahun. Dan 60 ekor zakatnya dua ekor *tab ‘*. Dan pada 70 ekor zakatnya seekor *musinnah*. Dan pada 90 zakatnya tiga ekor *tab ‘*. Dan pada 100 zakatnya dua ekor *tab ‘* dan seekor *musinnah*. Dan pada 110 zakatnya dua ekor *musinnah* dan seekor *tab ‘*. Dan pada 120 zakatnya empat ekor *tab ‘* atau tiga ekor *musinnah*.

(**Fasal**) Pada menyatakan *ni b* kambing dan biri-biri. (Bermula) *ni b* kambing dan biri-biri 40 ekor. Maka zakatnya seekor kambing atau biri-biri. Dan pada 121<sup>29</sup> zakatnya dua ekor kambing atau biri-biri. Dan pada 201<sup>30</sup> zakatnya tiga ekor kambing atau biri-biri. Dan pada 400 zakatnya empat ekor kambing atau biri-biri. Kemudian maka pada tiap-tiap seratus [ekor kambing atau biri-biri] seekor kambing atau biri-biri.

(Bermula) yang dikeluarkan akan zakat itu *thaniyyah*, iaitu kambing bini yang berumur dua tahun atau *jaza‘ah*, iaitu biri-biri bini yang berumur setahun. (Bermula) barang yang antara *ni ab* itu dimaafkan tiada *ta‘alluq* dengan dia wajib zakat. Maka ia itu dinamai *waq*. Maka sebanyak-banyak *waq* pada unta 29, iaitu barang yang antara 91 dan 121, dan sebanyak-banyak *waq* pada sapi atau kerbau 19, iaitu barang yang antara 40 dan 60, dan sebanyak-banyak *waq* pada kambing 198, iaitu barang yang antara 201 dan 400.

---

<sup>26</sup> Dinamakan *tab ‘* kerana masih mengekori ibunya. Kata *ma darnya* ialah *تبع*: yang mengikut. Lihat al-Marbawi, *Q m s*, 74.

<sup>27</sup> Lebih baik.

<sup>28</sup> Dinamakan *musinnah* kerana telah sempurna giginya. al-Syarb n, *Mughni al-Mu t j*, 2: 96.

<sup>29</sup> Teks asalnya “*seratus dua puluh asa*”.

<sup>30</sup> Teks asalnya “*dua ratus asa*”.

(Syahdan) Jika tiada diperoleh *bint makh* atau ada ia tetapi ber'aib, maka dikeluarkan *ibn lab n*, iaitu unta laki-laki yang berumur dua tahun atau dikeluarkan *iqqah*, iaitu unta laki-laki yang berumur tiga tahun. Dan tiada diberati yang empunya unta menghasilkan *bint makh* dan jika tiada ada padanya *ibn lab n* atau *iqqah* sekalipun, tetapi hendaklah dihasilkannya barang yang dikehendaknya daripada yang tiga itu. Dan lagi tiada diberati yang empunya unta mengeluarkan *bint makh* yang baik lagi pilihan<sup>31</sup> jika ada sekalian untanya itu kurus. Tetapi tiada memadai dikeluarkan *ibn lab n* dan *iqqah* jika ada *bint makh* yang terbaik.

Dan jikalau muafakat serta dua *far u* pada unta atau sapi di dalam satu *ni b* seperti ada unta itu 200 atau ada sapi itu 120, maka dua *far u* pada unta yang 200 itu empat ekor *iqqah* dan lima ekor *bint lab n*, dan dua *far u* pada sapi yang 120 itu tiga ekor *musinnah* dan empat ekor *tab ' nescaya* wajib mengeluarkan salah satu daripada dua *far u* yang terlebih manfaat bagi segala *musta iq*<sup>32</sup> jika ada kedua *far u* itu *mawj d* pada [h]artanya.

Maka tiada memadai mengeluarkan salah satu daripada dua *far u* yang kurang manfaatnya bagi segala *musta iq* dengan syarat jika *julas*<sup>33</sup> yang mengeluarkan seperti disembunyikannya yang terlebih manfaat bagi segala *musta iq* atau *taq r*<sup>34</sup> [orang] yang mengambil, seperti diambilnya dengan tiada *ijtih d*<sup>35</sup> pada pengambil yang terlebih manfaat serta tahu ia akan dia.<sup>36</sup>

Dan jika tiada *julas* yang mengeluarkan dan tiada *taq r* yang mengambil, maka memadai yang kurang manfaatnya tetapi wajib atas yang mengeluarkan tambah pada

---

<sup>31</sup> (terpilih)

<sup>32</sup> Yang patut dapat, yang ahli bagi. Marbawi, *Q m s*, 141.

<sup>33</sup> Culas atau tidak jujur.

<sup>34</sup> *Taksir*: Tidak mengendahkan, kurang ingat-ingat, alpa, lalai. Lihat *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 1577.

<sup>35</sup> *Ijti d*: Menghabiskan kuasa, bersungguh-sungguh. Lihat Marbawi, *Q m s*, 112.

<sup>36</sup> Maksudnya, dia mengambilnya dengan tidak bersungguh-sungguh mendapatkan yang lebih manfaat dalam keadaan dia mengetahuinya.

kurangnya dengan *naqd*<sup>37</sup> negeri atau dengan satu suku daripada yang terlebih manfaat. U[m]pamanya jika ada nilai empat ekor *iqqah* itu 400 dan adalah nilai lima ekor *bint lab n* itu 450 dan dikeluarkannya empat ekor *iqqah* yang kurang manfaatnya bagi *musta iq* nescaya wajib atas yang mengeluarkan [zakat] menambah dengan 50 atau dengan lima *tusu*<sup>38</sup> daripada seekor *bint lab n* tiada dengan *seni fu*<sup>39</sup> *iqqah* kerana kadar kurangnya itu 50 dan nilai tiap-tiap satu daripada *bint lab n* yang lima itu 90, jadilah lima *tusu* *bint lab n* berbetulan dengan 50 kadar kurangnya.

Dan jika ada diperoleh satu daripada dua *far u* pada [h]artanya nescaya diambillah yang ada itu jika kurang manfaatnya bagi *musta iq* sekalipun. Dan jika tiada diperoleh[i] keduanya [atau diperolehi ia] tetapi tiada memadai sebab ber'aib nescaya haruslah baginya menghasilkan barang yang dikehendakinya daripada dua *far u* itu dengan dibelinya atau lainnya dan jikalau kurang manfaatnya sekalipun.<sup>40</sup>

(Dan barang siapa) wajib atasnya mengeluarkan *bint makh* dan tiada diperoleh ia pada [h]artanya nescaya harus baginya mengeluarkan *bint lab n* serta mengambil jubr n<sup>41</sup>, iaitu dua ekor kambing atau 20 *dirham*,<sup>42</sup> dan barang siapa wajib atasnya mengeluarkan *bint lab n* harus baginya mengeluarkan *bint makh* serta memberi

<sup>37</sup> *Naqd* bermaksud *dirham* dan *d n r*, dan seumpamanya menurut adat menggantikan tempat *dirham* dan *d n r* yang diistilahkan sebagai wang. Walau bagaimana pun, menurut ulama Syafi'iyah yang dikehendaki dengan *naqd* ialah emas dan perak, sama ada dalam bentuk matawang yang dicetak atau tidak. Inilah takrif klasik yang terdapat dalam kitab-kitab Syafi'iyah. Namun terdapat pandangan yang tidak mengiktiraf wang kertas sekarang sebagai *naqd* dari segi syarak, antaranya 'Abd al-Ra m n al-Sa'd (*al-Fat w Sa'diyyah*), Mu ammad asanain Makhl f (*al-Tiby n f Zak t al-Athm n*) dan Dr. Ma m d al-Kh lid (*Zak t al-Nuq d al-Waraqiyah al-Mu' irah*). Wang kertas yang menggantikan *dirham* dan *d n r* zaman sekarang dipanggil dengan pelbagai istilah seperti الأوراق المالية، النقود الورقية، الكاغد، الورق النقدي، أوراق البنكوت، الأوراق النقدية.

Lihat Wahbah al-Zu ail, *al-Fiqh al-Isl m wa Adillatuh* (Beirut: D r al-Fikr, 2002), 3: 1833; Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah*, 486; Yusuf al-Qara w, *Fiqh al-Zak h* (Beir t: Muassasah al-Ris lah, 1994), 1: 271-272; al-Haitam, *Tu fah*, 1: 464; Ma m d al-Kh lid, *Zak t al-Nuq d al-Waraqiyah al-Mu' irah* ('Amm n: Maktabah al-Ris lah al- ad thah, 1985), 31-35.

<sup>38</sup> Lima *tusu* ertinya lima persembilan. تسع: satu persembilan.

<sup>39</sup> *Ni fu*: setengah atau separuh.

<sup>40</sup> Maksudnya, walaupun kurang manfaatnya.

<sup>41</sup> Tampungan.

<sup>42</sup> *Dirham* ialah kepingan wang dari perak beratnya 2.979 gram. Lihat Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah*, 208; al-Qara w, *Fiqh al-Zak h*, 1: 253.

*jubr n*, iaitu dua ekor kambing atau 20 *dirham*<sup>43</sup> dan harus baginya mengeluarkan *iqqah* serta mengambil *jubr n* dua ekor kambing atau 20 *dirham*.

(Maka) memilih pada mengeluarkan pangkat yang di atas<sup>44</sup> atau yang di bawah<sup>45</sup> itu bagi yang empunya unta jua dan [hak] memilih antara dua ekor kambing dan 20 *dirham* itu bagi yang memberikan dia, sama ada ia yang empunya unta atau ‘ *mil*.<sup>46</sup>

(Syahdan) Jika ada sekalian untanya itu ber‘aib sebab sakit atau lainnya maka tiada diharus baginya memilih mengeluarkan pangkat yang di atas serta mengambil *jubr n* kerana bahawasanya yang wajibnya itu ber‘aib tetapi harus baginya memilih menyeluarkan pangkat yang dibawah serta memberi *jubr n*.

Dan barang siapa wajib atasnya *bint lab n* maka tiada diperoleh ia pada [h]artanya nescaya harus baginya mengeluarkan *jaza‘ah* dan mengambil dua *jubr n* dengan syarat tiada padanya *iqqah*. Dan jika wajib atasnya *iqqah* maka tiada diperolehya pada untanya nescaya harus baginya mengeluarkan *bint makh* serta memberi *jubr n* jika tiada pada untanya *bint lab n*.

Dan tidak memadai pada satu *jubr n* [untuk] seekor dan 10 *dirham* tetapi memadai bagi dua *jubr n* [untuk] dua ekor kambing dan 20 *dirham*.

Dan memadai mengeluarkan sapi akan zakat kerbau dan kerbau akan zakat sapi. Dan memadai menyeluarkan biri-biri akan zakat kambing dan mengeluarkan kambing akan zakat biri-biri dengan syarat memeliharakan nilainya seperti bahawa bersamaan

---

<sup>43</sup> Dalam hal mengambil dan memberi *jubr n* ini, tujuannya adalah untuk menjaga kebajikan kedua-dua belah pihak, iaitu pemberi dan penerima zakat.

<sup>44</sup> Maksud “pangkat yang diatas” ialah kadar *ni b* zakat yang lebih tinggi harga dan nilainya. Dengan itu, sesiapa yang wajib mengeluarkan *bint makh* berumur setahun tetapi tiada maka harus mengeluarkan *bint lab n*, berumur dua tahun. Untuk maklumat lanjut lihat al-Syarb n , *Mughn al-Mu t j*, 2: 97.

<sup>45</sup> Umpamanya sesiapa yang wajib mengeluarkan *bint lab n*, berumur dua tahun tetapi tiada maka harus mengeluarkan kadar zakat yang lebih rendah nilainya, iaitu *bint makh* berumur setahun.

<sup>46</sup> Kenyataan ini bermaksud kedua-dua belah pihak (pengeluar dan pemungut zakat) berhak memilih untuk menentukan *jubr n*nya sama ada dua ekor kambing atau 20 *dirham*.

kambing dengan biri-biri pada kadar nilainya, kerana bersuatu<sup>47</sup> jenis, sama ada bersuatu pula pada *nau*<sup>48</sup> seperti ada *ni b* itu sapi sekaliannya atau kerbau sekaliannya atau kambing sekeliannya atau biri-biri sekaliannya. Atau bersalahan *nau*'nya seperti ada di dalam *ni b* setengahnya kambing dan setengahnya biri-biri.

Maka jika ada padanya 30 kambing dan 10 biri-biri maka harus dikeluarkan akan zakatnya seekor biri-biri dengan nilai tiga *rubu*<sup>49</sup> kambing dan *serubu*<sup>50</sup> biri-biri. Dan jika ada baginya 10 [kambing] dan 30 biri-biri maka harus dikeluarkan akan zakatnya seekor kambing atau seekor biri-biri dengan nilai tiga *rubu*' biri-biri dan *serubu*' kambing.

Maka jikalau ada u[m]pamanya nilai tiap-tiap satu daripada kambing itu 20 *dirham* dan nilai tiap-tiap satu daripada biri-biri itu 40 *dirham* dikeluarkanlah pada misal yang pertama kambing atau biri-biri yang berharga 25 *dirham* dan dikeluarkan pada misal 'akasnya<sup>51</sup> kambing atau biri-biri yang berharga 35 [*dirham*] daripadanya.

Dan jika ada baginya 30 sapi dan sepuluh kerbau maka harus dikeluarkan zakatnya seekor *musinnah* daripada sapi atau seekor *musinnah* daripada kerbau dengan nilai tiga *rubu*' *musinnah* sapi dan *serubu*' *musinnah* kerbau. Demikianlah *diqiy skan* pada 'akasnya.

(Bermula) tiada harus mengambil yang berpenyakit dan yang ber'aib dengan yang mengurangkan harga melainkan jika ada segala *na'amnya* itu ber'aib dan berpenyakit.

---

<sup>47</sup> (Satu)

<sup>48</sup> *Nau*' : nama kepada kategori atau kelompok yang pelbagai daripada tiap-tiap sesuatu. Lihat 'Al bin Mu'ammad al-Jurj n , *al-Ta'rif t* (K herah: D r al-Fa lah, 2004), 208; Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah '*, 490.

<sup>49</sup> Tiga *rubu*' ertinya tiga perempat. <sup>''</sup>ربع: satu perempat.

<sup>50</sup> *Serubu*' ertinya satu perempat.

<sup>51</sup> عكس: sebaliknya. Lihat Marbawi, *Q m s*, 38.

Dan tiada harus mengambil yang laki-laki melainkan pada barang yang ditentukan seperti *ibn*<sup>52</sup> *lab n* dan *iqq* yang laki-laki pada kambing dan unta dan *tab* ‘ pada sapi dan kerbau, atau ada segala *na’amnya* itu laki-laki maka diambil pada 36 unta yang laki-laki sekeliannya *ibn lab n* yang terlebih banyak nilainya daripada *ibn lab n* yang diambil pada 25 unta tatkala ketiadaan *bint makh* supaya tiada bersamaan antara dua *ni b*.

Dan dikenal yang demikian itu dengan nisbah. Maka jika ada nilai *ibn lab n* yang diambil daripada 25 unta itu 50 *dirham* nescaya adalah nilai *ibn lab n* yang diambil pada 36 [ekor unta] itu 72 *dirham*, dengan nisbah lebih 36 atas 25,<sup>53</sup> iaitu dua *khumus*<sup>54</sup> [daripada 25 ekor unta] dan *sekhumus* daripada *sekhumus*.<sup>55</sup>

Dan diambil daripada 25 yang ber‘aib dengan pertengahan ‘aibnya. Dan tiada diambil yang kecil melainkan jika ada sekalian *na’amnya* itu kecil maka diambil pada 36 anak unta [seekor] anaknya yang terlebih banyak nilainya daripada anaknya yang diambil daripada 25 [ekor], Dan atas inilah *diiy skan* yang lainnya.

Dan tiada diambil yang pilihan, iaitu yang digemukakan kerana akan dimakan dan yang bunting dan yang baharu beranak melainkan dengan *ridha* yang empunya dia.

(Dan syarat yang ketiga) daripada segala syarat wajib zakat *na’am* lalu setahun di dalam miliknya melainkan pada anak yang diperanakan oleh ibunya yang sampai *ni b* pada sama tengah tahun maka mengikutlah anak itu akan ibunya pada tahunnya. Jika sampai dengan anaknya itu *ni b* seperti beranak<sup>56</sup> daripada 120 kambing itu seekor dahulu daripada genap setahun jikalau *sela ah* sekali pun; yakni *sela ah* itu

---

<sup>52</sup> Maksudnya anak unta jantan. ابن : anak laki-laki. Lihat Marbawi, *Q m s*, 66.

<sup>53</sup> Maksudnya 11 ekor berdasarkan pengiraan  $36 - 25 = 11$ .

<sup>54</sup> Iaitu dua perlima. خمس : satu perlima. Maksud  $2/5$  di sini ialah 10 dari 25.

<sup>55</sup> Iaitu  $1/5$  dari  $1/5$ . Maksud  $1/5$  ialah 5 dari 25, kemudian dari 5 tersebut diambil pula  $1/5$  daripadanya menjadikannya satu. Ini bermakna  $10 (2/5) + 1 (1/5 \text{ dari } 1/5) = 11$ . Berdasarkan nisbah ini, tambahan 11 ekor unta menjadikan kadar zakatnya bertambah 22 *dirham*, maka zakatnya berjumlah 72 *dirham*; setelah dicampur 50 *dirham* dengan 22 *dirham*.

<sup>56</sup> Lahir.



sekejap, atau beranak daripada 39 sapi atau kerbau [akan] seekor atau beranak daripada 35 unta [akan] seekor [unta] maka wajib pada segala misal yang tersebut itu tatkala genap tahun ibunya dua ekor kambing pada misal yang pertama dan seekor *musinnah* pada misal yang kedua dan seekor *bint lab n* pada misal yang ketiga.

Dan jika beranak daripada 40 kambing dahulu daripada<sup>57</sup> genap tahunnya akan 20 [ekor] kemudian maka mati 20 daripada ibunya, atau beranak ia akan 40 kemudian maka mati ibunya yang 40 itu nescaya mengikutlah sekalian anaknya pada dua masalah itu akan ibunya pada tahunnya. Maka wajiblah zakatnya seekor kambing pada dua masalah itu tatkala genap tahun ibunya. Tetapi jika beranak ibunya pada segala misal yang tersebut itu kemudian<sup>58</sup> daripada genap tahunnya maka tiada mengikut anaknya itu akan ibunya pada tahunnya.

(Syahdan) *Na'am* yang baharu dimilikinya dengan dibelinya atau lainnya tiada ia seperti hukum anaknya maka tiada mengikut ia akan *na'amnya* yang telah dahulunya<sup>59</sup> pada tahunnya, dan jika dihimpunkan ia kepadanya pada *ni b* sekalipun. Misalnya jika memiliki [se]seorang akan 30 lembu atau kerbau enam bulan, kemudian maka membeli ia akan 10 ekor sapi atau kerbau nescaya wajib atasnya tatkala genap tahun yang pertama seekor *tab ' [bagi]* zakat yang ke-30, dan bagi tiap-tiap tahun kemudian tiga *rubu*<sup>60</sup> *musinnah*. Dan wajib [keluar zakat] tatkala genap tahun yang 10 ekor itu *serubu' musinnah*.

(Masalah) Jikalau mendakwa *si m lik*<sup>61</sup> akan bahawasanya anaknya<sup>62</sup> itu diperanakan akan kemudian daripada genap tahun ibunya atau baharu dimilikinya

---

<sup>57</sup> Maksudnya sebelum.

<sup>58</sup> Selepas.

<sup>59</sup> Yang sedia ada

<sup>60</sup>  $\frac{3}{4}$ .

<sup>61</sup> Pemilik.

<sup>62</sup> Maksudnya anak *na'am* berkenaan.

akan dia dengan [di]belinya atau lainnya dan berkata *s* ‘<sup>63</sup> bahawasanya ia diperanakan oleh ibunya dahulu daripada genap tahunnya nescaya dibenarkanlah *si m lik*. Dan jika berwaham<sup>64</sup> *si s* ‘ akan *si malik* pada yang demikian itu maka sunat disuruh bersumpah *si m lik*, dan jika tiada sampai dengan anak itu *ni b* seperti beranak daripada yang 100 kambing akan 20 ekor maka tiadalah memberi bekas bagi anak itu. (Adapun) jika ada ibunya itu kurang daripada *ni b* tetapi sampai ia dengan anaknya *seni b* seperti 20 kambing beranak akan 20 ekor maka dimulai tahunnya daripada ketika sampai *ni b*.

Dan jikalau hilang miliknya daripada *ni b* atau daripada setengahnya pada sama tengah tahun kemudian maka kembali pula ia<sup>65</sup> dengan dibelinya atau lainnya dan jikalau dengan seumpamanya sekalipun, seperti unta dengan unta maka dimulainya<sup>66</sup> tahunnya daripada ketika kembali miliknya itu, dan jika *diqa adnya*<sup>67</sup> melarikan daripada kena zakat sekalipun. Maka mengerjakan yang demikian itu makruh jika *diqa adnya* dengan dia melarikan zakat jua.

(Adapun) jika diperbuat yang demikian itu kerana hajat serta *diqa ad* melarikan zakat, atau tiada dengan *qa ad* suatu jua maka iaitu tiada makruh.

(Syarat yang keempat) daripada segala syarat wajib zakat hendaklah ada *na’am* itu makan rumput yang tiada dimiliki orang kira-kira setahun lamanya, dengan

---

<sup>63</sup> *S* ‘ di sini bermaksud pengumpul zakat yang diberi kuasa mengurus zakat dan ia termasuk di dalam istilah *mil*. Istilah ini digunapakai secara meluas dalam kitab-kitab *fiqh* seperti *al-Minhaj* Imam Nawaw, *Umdat al-Salik wa ‘Uddat al-Nasik* oleh Shahab al-Din Ahmad bin al-Naqib al-Misri dan lain-lain. Manakala *al-Jab* peranannya lebih kecil iaitu hanya sebagai pemungut zakat tanpa ada sebarang kuasa memutuskan hukum berkaitan zakat yang dipungut seperti *s* ‘, malah ia lebih bersifat umum yang turut meliputi jenis-jenis pungutan cukai lain seperti *jiyyah*, *kharaj* dan seumpamanya. Lihat Ibrahim Ansat et al., *al-Mu‘jam al-Wasit* (Kherah: t.p., 1972), 106 dan 432; Rawwas, *Mu‘jam Lughah al-Fuqah*, 159; Mahmud Abd al-Rahman Abd al-Mun‘im, *Mu‘jam al-Mu‘jam al-Fiqh al-Fiqhiyyah* (Kherah: Dar al-Falah, t.t.), 2: 269; al-Syarbani, *Mughn al-Muhtaj*, 4: 197.

<sup>64</sup> Kesamaran dalam hati. Lihat Marbawi, *Qamus*, 399.

<sup>65</sup> Sehingga cukup *ni bnya*.

<sup>66</sup> Yakni mula *awlnya* dikira.

<sup>67</sup> Niat.

diharaku<sup>68</sup> oleh yang empunya *na'am* atau wakilnya atau walinya atau hakim seperti dikirang<sup>69</sup>nya akan dia pada siang hari kepada tempat rumput dan dikirangnya pada malam kepada tempat ketidurannya.

Maka tiada wajib zakat pada *na'am* yang makan rumput samakan makanan<sup>70</sup> dengan tiada diharaku seperti keluar ia ke padang tempat rumput dengan tiada dikirang dan kembali kepada tempat ketidurannya dengan tiada dikirang, atau diharaku akan dia oleh yang lain daripada yang empunya dia seperti [orang] yang merampas atau yang mencuri atau yang membeli dengan beli[an] yang tiada sah.

(Dan demikian lagi) tiada wajib zakat pada *na'am* yang diberinya umpan<sup>71</sup> akan dia setahun<sup>72</sup> atau masa yang tiada hidup *na'am* itu dengan tiada diberi umpan<sup>73</sup> [misalnya seminggu] atau hidup ia tetapi dengan mudarat yang nyata dalamnya atau dengan tiada mudarat yang nyata tetapi *diqa adnya* dengan memberi umpan itu memutus haraku<sup>74</sup> kepada tempat rumput.<sup>75</sup> Tetapi jika diberinya umpan akan dia di dalam masa yang sedikit seperti dua hari u[m]pamanya sekira-kira jika tiada diberinya umpan akan dia di dalam masa itu nescaya hidup ia jua dengan tiada mudarat yang nyata maka iaitu tiada mengapa hanya wajib jua zakat.

---

<sup>68</sup> Diharaku maksudnya dipelihara, dibela. Dalam naskhah bercetak ditulis “دهراكو” dengan huruf *kaf*. Namun orang Banjar menyebutnya dengan “haragu”. Ternyata teks bercetak tidak memberi titik pada huruf tersebut, iaitu ك.

<sup>69</sup> (Diiring) iaitu berturutan, mengiring dan mengikuti. Abdul Djebar Hapip, *Kamus Banjar-Indonesia* (Jakarta: Pusat Pembinaan Bahasa dan Pengembangan Bahasa, 1977), 68.

<sup>70</sup> Rangkaian kata ini kelihatan agak ganjil, pada penulis salah cetakan. Jika ia dibuang sekali pun tidak menjejaskan apa-apa makna.

<sup>71</sup> Makanan untuk binatang ternakan. Lihat *Kamus Dewan*, 1766.

<sup>72</sup> Dalam bahasa Arab, *na'am* yang bergantung hidup kepada makanan yang disediakan disebut sebagai *ma'l fah*. Manakala yang meragut sendiri disebut *s'imah*. Dari segi syarak *s'imah* ialah yang cukup hanya bergantung meragut sendiri pada kebanyakan masa dalam setahun yang dipelihara untuk susu, biak dan daging. Lihat Sa'd, *al-Q m s al-Fiqh*, 231; Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 137.

<sup>73</sup> Maksudnya suatu tempoh yang jika tidak diberi makan, *na'am* itu ia akan mati. Jadi tempoh tersebut tidak boleh dimasukkan dalam kiraan *awl* setahun, kerana syarat *awl* hendaklah *na'am* tersebut meragut sendiri cukup setahun.

<sup>74</sup> Gembalaan.

<sup>75</sup> Semua tempoh di atas; jika disediakan makan kepada *na'am* berkenaan dalam tempoh tersebut maka tidak dikenakan zakat.

(Masalah) Jika diharaku *na'am* itu oleh yang empunya dia dengan rumput yang dimiliki orang seperti bahawa tumbuh rumput itu pada bumi yang dimiliki oleh [se]seorang atau pada bumi yang diwaqafkan atas seorang adakah hukum *na'am* itu seperti diharaku pada rumput yang tiada dimiliki orang atau seperti yang diberi umpan akan dia. Bersalah-salahan ulama pada masalah ini atas dua wajah.<sup>76</sup> Maka yang difatwakan oleh Qaff I<sup>77</sup> lagi yang *dijazamkan*<sup>78</sup> oleh Ibn al-Muqr<sup>79</sup> iaitu seperti diharaku pada rumput yang tiada dimiliki orang jua kerana harga rumput pada *gh lib*<sup>80</sup>[nya] adalah ia sedikit. Dan yang *dir ji kan*<sup>81</sup> oleh *Subk*<sup>82</sup> bahawasanya ia

<sup>76</sup> Keadaan dan bahagian. Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah*, 499.

<sup>77</sup> Nama penuhnya Mu ammad bin 'Al bin Ism 'l. Beliau lebih dikenali dengan gelaran al-Qaff I al-Kab r al-Sh sh. Beliau dilahirkan pada 271H di Sh sh, sebuah bandar di negeri *M War ' al-Nahr* (Afghanistan, Sajistan dan lain-lain) dan juga wafat di tempat sama pada 365H. Seorang imam di zamannya di *M War ' al-Nahr* dan tokoh *u l, mu addith* dan tokoh bahasa Arab. Selain itu, orang pertama di kalangan *fuqah '*  yang menulis tentang ilmu *jadal* dengan baik. Menurut Ab Is q, mazhab Syafi'i berkembang di *M War ' al-Nahr* dengannya. Beliau merupakan murid kepada Ibn Suraij, namun ini disangkal oleh Ibn ol h kerana tidak sempat zaman bersamanya. Seorang ulama yang banyak mengembara mencari hadith. Beliau meriwayatkan hadith daripada Ibn Khuzaimah, Ibn Jar r al- abar dan Ab al-Jahm. Di antara ulama yang meriwayatkan hadith darinya al-H kim, Ab 'Abdullah al- al m, Ab 'Abd al-Ra m n al-Sulam dan lain-lain. Kata Ibn 'As kir beliau mulanya cenderung kepada Muktazilah kemudian kembali kepada mazhab Asy'ariy. Ibn al-Subk pula meriwayatkan beliau belajar ilmu Kal m dengan al-Asy'ariy sementara al-Asy'ariy pula mempelajari ilmu *fiqh* dengannya. Antara karangannya *Ma sin al-Syar ah, Syar Ris lah al-Sy fi'i, Dal il al-Nubuwwah* dan sebuah kitab *Us l al-Fiqh*. 'Abd Ra m al-Asnaw, *abaq t al-Sy fi'iyah* (Beirut: D r Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 2: 4 dan 5; Mat Saad Abd. Rahm n, *Ensiklopedia Fuqah ' Mazhab Sy fi'* (Shah Alam: Hizbi, 1992), 1: 223-225; Imam al-Nawaw, *Tahdh b al-Asm ' wa al-Lughah* (Beirut: D r al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2007), 2: 158.

<sup>78</sup> Diputuskan dan dipegang. Lihat *al-Mu'jam al-Was*, 123; Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah*, 154.

<sup>79</sup> Ibn al-Muqri adalah Isma' l bin Ab Bakr bin 'Abdullah bin 'Al bin 'A iyyah al-Syaghdar al-Syawar al-Yaman. Lahir pada 1355M dan wafat pada 1434M di Zab d. Imam dan mufti bagi Yaman, seorang *faq h*, penyair dan ahli bahasa yang berkebolehan. Mempelajari ilmu *fiqh* dengan Jam luddin, pensyarah kitab *al-Tanb h*. Antara karyanya *'Unw n al-Syaraf al-W f fi al-Fiqh wa al-Na w wa al-T rikh wa al-'Ar wa al-Qaw f, Mukhta ar al- w al- agh r* dan *Syara nya* dan ringkasan kepada mukhta ar ini yang bernama *al-Irsy d, Mukhta ar al-Raw ah* yang dinamakan *al-Raw , D w n al-Syi'r*. 'Umar Ri al-Ka alah, *Mu'jam Muallif n* (Beir t: D r Ihy ' al-Tur th al-'Arabiyy, t.t.), 2: 262; Ibn 'Im d al- anbal , *Syadhar t al-Dhahab fi Akhb r Man Dhahab* (K herah: Maktabah al-Qudsi, 1351H), 7: 720.

<sup>80</sup> Kebiasaannya.

<sup>81</sup> *R ji* : yang lagi baik. Marbawi, *Q m s*, 227.

<sup>82</sup> Nama penuh al-Subk ialah Taqiyyudd n 'Al bin 'Abd al-K f bin 'Al bin Tam m al-Subki. Beliau adalah seorang *faq h* mazhab Syafi'i dan penulis yang produktif, di lahirkan di Sabk pada tahun 683H dan wafat pada tahun 765H, selain merupakan seorang tokoh dari kalangan *uff* dan *mufassirin*, malah seorang ulama kal m, mantiq, *u l, qira t, na w*, bahasa dan sastera. Mula mempelajari *fiqh* dari bapanya kemudian menuntut ilmu hingga ke Sh m, Iskandariah dan ij z. Menimba ilmu dan riwayat dari sangat ramai guru, contohnya dalam bidang hadith dari al-H fi Ab Mu ammad al-Dumy t, bidang *fiqh* Ibn Rif'ah dan *ta awwuf* dari T juddin ibn 'A ilLah. Dilantik sebagai *q Sy m* dan mahaguru di D r al- ad th al-Asyr fiyyah, Damsyiq dan di al-Man riyyah, K herah. Beberapa tokoh hadith meriwayatkan daripadanya umpama Ab ajj j al-Mizzi dan al-Dhahab. Beliau telah menghasilkan banyak kitab masyhur seperti tafsir *al-Durr al-Na m fi Tafs r al-Qur n al-'A m* tiga jilid, *Takmilah Syar al-Muhadhdhab* yang bermula dari bab *Rib , al-Ibtih j fi Syar al-Minh j* Imam Nawaw, *al-Maw hib al-amadiyyah f al-Maw r th al- afadiyyah, al-Raqm al-Ibr z. fi Syar Mukhta ar al-Tibr z, al-Saif al-Masl l 'al Man Sabba al-Ras l, Syif ' al-Siq m fi Zi rah Khair al-An m, Raf'u al-Syiq q fi Mas'alah al- al q, al- aw li' al-Musyriqah fi al-Waqf* dan fatwanya yang dihimpunkan dalam dua jilid oleh

seperti yang diharaku pada rumput yang tiada dimiliki orang jika tiada bagi rumput itu harga atau ada harganya tetapi sedikit, dan jika ada baginya harga banyak maka iaitu seperti hukum yang diberi umpan jua, maka tiada padanya zakat.<sup>83</sup>

(Dan demikian lagi) tiada wajib zakat pada *na'am* yang diwarisinya akan dia daripada bapanya umpamanya, tetapi tiada diketahuinya akan dirinya melainkan kemudian daripada lalu setahun.<sup>84</sup>

(Dan demikian lagi) tiada wajib zakat pada unta atau sapi atau kerbau yang dipakai [untuk] tenggala atau akan tunggangan atau dipakai be[r]sawah atau barang sebagainya dengan syarat jika ada lama masa memakai itu sekadar jikalau diberi umpan akan dia di dalam masa itu [misalnya seminggu] nescaya tiada wajib zakat, bersalahan jika dipakainya akan dia pada pekerjaan yang tersebut itu pada masa yang sedikit seperti sehari atau dua hari maka tiadalah menegahnya ia akan wajib zakat.

(Syahdan) Diambil zakat *na'am* itu tatkala berhimpun-himpun ia kepada tempatnya meminum air dan jika tiada datang ia kepada tempat air maka diambil ia di halaman rumah yang empunya *na'am*. Dan dibenarkan kata yang mengeluarkan dia pada bilangannya jika ada ia kepercayaan,<sup>85</sup> dan jika tiada ia kepercayaan maka hendaklah dibilang *na'am* itu.

(Bermula) yang termudah membilang dia pada tempat yang picik<sup>86</sup> [dengan] dilalukan pada tempat itu seekor kemudian maka<sup>87</sup> seekor pada tangan yang

---

anaknya, 'Abd al-Wahh b al-Subk . Lihat 'Abd al-Wahh b bin 'Al bin 'Abd K f al-Subk , *abaq t al-Sy fi'iyah al-Kubr* (Beir t: D r al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999), 5: 305-317; al-Dhahab , *Mu'jam al-Syuy kh* [al-Mu'jam al-Kab r] ( if: Maktabah al-Sidd q, 1988), 2: 34; Mu ammad bin 'Al al-Syauk n , *al-Badr al- li'* (Beir t: D r al-Ma'rifah, 1980?), 1: 467-469; Ab Bakr ibn Q Ab Syuhbah, *abaq t al-Sy fi'iyah* (Hyderabad: Ma ba'ah Majlis D irah al-Ma' rif al-'Uthm niyyah, 1979), 3: 47-53; al-Ka alah, *Mu'jam Muallif n*, 7: 127.

<sup>83</sup> Kerana asasnya, kos pemeliharaan yang tinggi tidak dikenakan zakat. al-Qara w , *Fiqh al-Zak h*, 1: 170; Mahmood Zuhdi, *Pengurusan Zakat*, 137.

<sup>84</sup> Dia hanya mengetahuinya bahawa dia telah mewarisi *na'am* setelah setahun berlalu. Ini bermakna walaupun telah cukup *hawlnya*, ternakan tersebut tidak dikenakan zakat.

<sup>85</sup> Perkataan asalnya "*thiqah*", iaitu bersifat amanah atau kepercayaan, dan boleh diharap. Lihat al-Syarb n , *Mughni al-Mu t j*, 2: 108.

<sup>86</sup> Tidak lebar, sempit. Lihat *Kamus Dewan*, 1204.

empunya itu. Dan mengambil dia pelepah kherma<sup>88</sup> dan yang diisyaratkan oleh keduanya dengan pelepah kherma itu kepada tiap-tiap satu daripada lalu [na'am] itu, atau dihantarkan kebelakang tiap-tiap satu daripada yang lalu pada tempat itu supaya tiada tersalah pada membilang dia. Maka jika bersalahan yang empunya dia dan yang mengambil [zakat] pada bilangannya kemudian daripada membilang dia. Dan adalah yang wajib [dikeluarkan] itu bersalah[-salah]an dengan kedua bilangan itu hendaklah diulangi membilangannya.

**(Fa al)** Pada menyatakan zakat *khul ah* ertinya bercampur. Ketahui olehmu bahawasanya *khul ah* itu dua bahagi[an].

(Pertama) *Khul ah syuy* ' .<sup>89</sup> (Kedua) *Khul ah jiw r*.<sup>90</sup> Maka tiap-tiap daripada kedua *khul ah* itu berlaku ia pada *na'am* dan pada pohon kherma dan anggur dan perhumaan<sup>91</sup> dan pada *naqd* dan pada mata benda perniagaan.

Maka rupa *khul ah syuy* ' itu seperti bahawa bersekutu antara dua orang atau lebih daripada ahli<sup>92</sup> zakat pada memiliki [h]arta yang sampai *ni b*, atau yang kurang daripada *ni b* tetapi ada bagi salah seorang daripada keduanya [memiliki] *ni b*<sup>93</sup> sama ada yang dimiliki itu *na'am* atau [se]lainnya daripada [h]arta yang wajib zakat. Maka hendaklah dizakatkan oleh dua orang yang bersekutu akan dia seperti zakat seorang jua.

---

<sup>87</sup> Perkataan "maka" disini adalah terjemahan perkataan Arab "fa" yang memberi maksud tertib dan turutan. 'Abd al-Ghan al-Daqar, *Mu'jam al-Qaw'id al-'Arabiah*. Damsyik: Dar al-Qalam, 1993), 336.

<sup>88</sup> (Kurma). Namun didapati perkataan yang digunakan dalam rujukan asal Arabnya ialah "*al-qab*" yang bermaksud batang daripada kayu dan sebagainya. Lihat misalnya al-Haitam, *Tu fah*, 1: 453.

<sup>89</sup> Ada hak dalam setiap jujuk dalam keseluruhan bahagian. Maksudnya supaya tidak dapat dibezakan bahagian seseorang dari bahagian rakan kongsinya, contohnya ternakan yang diwarisi oleh sesuatu kaum. Lihat Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah*, 268; al-Qaraw, *Fiqh al-Zakah*, 1: 217.

<sup>90</sup> *Khul ah jiw r* ialah menjadikan harta setiap seorang dari dua orang pemilik atau lebih dapat ditentukan dan dibezakan dari harta rakan kongsinya. *Ibid*.

<sup>91</sup> Perihal mengerjakan ladang padi. Lihat *Kamus Dewan*, 552.

<sup>92</sup> Ahli di sini maksudnya yang layak berzakat, maka ianya tidak termasuk kafir *dhimm*, atau yang tidak cukup *ni b* atau *awl*, hamba dan yang milik baitumal. Lihat Muhammad al-Zuhr al-Ghamraw, *al-Sirj al-Wahj*. Mu'af al-B al-alab: Kerah, 1933), 119; al-Haitam, *Tu fah*, 1: 448.

<sup>93</sup> Hartanya yang lain dari syarikat (yang dikongsi itu). Dan apabila dicampur hartanya yang sendirian itu dengan harta syarikat, jika cukup *ni b* maka wajiblah zakat keatasnya dan ke atas rakan kongsinya, mengikut peratus masing-masing walaupun pada asalnya hak rakannya itu sedikit; tidak sampai *ni b*.

Maka diketahui daripada yang demikian itu<sup>94</sup> bahawasanya pada memiliki yang kurang daripada *ni b* tiada memberi bekas pada mengwajibkan<sup>95</sup> zakat, melainkan apabila adalah seorang daripada keduanya memiliki *ni b*, seperti bersekutu dua orang pada memiliki 20 kambing dengan bersamaan<sup>96</sup> dan tertunggal<sup>97</sup> salah seorang daripada keduanya dengan memiliki 30 kambing<sup>98</sup> maka wajiblah atas yang memiliki 30[kambing] itu mengeluarkan empat *khumus*<sup>99</sup> kambing dan wajib atas yang seorang [lagi] *sekhumus*<sup>100</sup> kambing.

(Adapun) jika tiada bagi salah seorang daripada keduanya memiliki *ni b* maka tiadalah wajib zakat, dan jika sampai perhimpunan<sup>101</sup> dua [h]arta itu *seni b* sekalipun, seperti bersekutu dua orang pada memiliki dua ekor kambing dengan bersamaan dan ada bagi tiap-tiap keduanya 19 kambing dengan tiada bersekutu.

Maka *khul ah* itu terkadang memberi faedah ia akan meringan dua orang yang bersekutu seperti bersekutu duanya pada dulapan<sup>102</sup> puluh kambing atas bersamaan<sup>103</sup> dan terkadang memberi faedah ia akan memberat[kan] seperti bersekutu pada 40 kambing<sup>104</sup> dan terkadang memberi faedah ia akan meringan salah seorang daripada keduanya dan memberat[kan] yang seorang [lagi] seperti bersekutu dua orang pada memiliki 60 kambing bagi salah seorang daripada keduanya dua *thuluthnya*<sup>105</sup> dan bagi seorang [lagi] *sethuluth*<sup>106</sup> maka iaitu memberat atas yang memiliki [se]*thuluth*<sup>107</sup> dan

<sup>94</sup> Maksudnya kaedah di atas.

<sup>95</sup> Teksnya “*مغواجبين*”.

<sup>96</sup> Maksudnya sama banyak, iaitu  $20 \div 2 = 10$ .

<sup>97</sup> Bersendirian.

<sup>98</sup> Maka jumlahnya kambing orang itu 40 ekor kambing, kerana dicampur kambingnya 30 ekor dan 10 kambingnya dalam syarikat. Maka cukuplah *ni bnya*.

<sup>99</sup>  $4/5$ . Ini berdasarkan hak miliknya 40 ekor dari keseluruhan kambing yang ada yang berjumlah 50 ekor.

<sup>100</sup>  $1/5$ . Ini berdasarkan hak miliknya 10 ekor dari keseluruhan kambing tersebut yang berjumlah 50 ekor.

<sup>101</sup> (terkumpul)

<sup>102</sup> (lapan)

<sup>103</sup> Kerana hanya seekor kambing dikeluarkan zakat, berbeza jika memilikinya secara bersendirian dua ekor dikeluarkan berdasaraakan *ni b* masing-masing yang sudah cukup.

<sup>104</sup> 40 kambing tersebut dianggap seperti milik seorang pemilik.

<sup>105</sup>  $2/3$ .

<sup>106</sup>  $1/3$ .

<sup>107</sup> Jika dia memilikinya secara bersendirian tidak dikenakan zakat kerana haknya hanya 10 ekor, maka tidak sampai *ni b*.

meringan atas yang memiliki dua *thuluth*.<sup>108</sup> Dan terkadang tiada memberi faedah ia akan meringan dan tiada memberat[kan] seperti bersekutu atas memiliki 200 kambing dengan bersamaan.<sup>109</sup>

(Bermula) *khul ah jiw ar* memberi faedah ia akan salah satu daripada yang empat bahagi[an] itu [sama] seperti *khul ah syuy* '. Maka rupa *khul ah jiw r* seperti mencampur dua orang ahli zakat akan unta samanya unta, atau sapi samanya sapi, atau kambing samanya kambing hingga sampai perhimpunan keduanya *seni b* atau kurang perhimpunan keduanya daripada *ni b* tetapi ada bagi salah seorang daripada *ni b*. Maka diketahui daripada sekalian yang tersebut itu bahawasanya disyaratkan pada *khul ah syuy* ' dan *khul ah jiw r* keadaan dua [h]arta itu sejenis seperti kambing serta kambing, tiada kambing serta sapi.

(Dan disyaratkan) pula keadaan perhimpunan dua [h]arta itu *seni b* atau lebih atau kurang daripada *ni b* tetapi ada bagi salah seorang daripada keduanya itu *ni b* atau lebih. Maka jikalau memiliki tiap-tiap daripada dua orang akan 20 kambing kemudian maka mencampurkan keduanya akan 19 dengan 19 dan ditunggalkan oleh keduanya yang dua ekor [lagi] tiada dicampur maka tiadalah *th bit*<sup>110</sup> *khul ah* [yang cukup *ni b* dan] tiada zakat kerana tiada sampai perhimpunan keduanya *seni b* dan tiada salah seorang daripada keduanya memiliki *ni b*.

(Dan disyaratkan) pula kekal *khul ah* itu setahun pada [h]arta yang disyaratkan tahun. Maka jikalau memiliki tiap-tiap daripada dua orang 40 kambing pada permulaan bulan Mu arram dan mencampurkan keduanya pada permulaan afar maka tiadalah *th bit khul ah* pada tahun yang pertama tetapi apabila datang Mu arram yang kedua

---

<sup>108</sup> Kerana jika yang memiliki 2/3 memeliharanya secara bersendirian dia dikenakan zakat seekor kambing.

<sup>109</sup> Kerana sama keadaannya jika mereka memilikinya secara berasingan; setiap seorang memiliki 100 ekor maka zakatnya seekor kambing. Pada keseluruhannya jumlah zakat yang wajib dikeluarkan tetap sama, iaitu dua ekor kambing.

<sup>110</sup> Sungguh dan dikira berlaku pada perkiraan akal fikiran.



wajiblah atas tiap-tiap daripada keduanya masing-masing mengeluarkan seekor kambing dan *th bit khul ah* pada tahun yang kedua dan yang kemudiannya. Maka wajib atas keduanya bersekutu mengeluarkan kambing pada tahun yang kedua dan yang kemudiannya.

(Disyaratkan) pula pada [h]arta yang tiada disyaratkan tahun seperti buah-buahan dan biji-bijian bahawa kekal *khul ah* itu hingga nyata baik buah kherma, anggur dan hingga keras biji gandum atau barang sebagainya.

(Syahdan) Tiada wajib zakat *khul ah jiw r* pada *na'am* melainkan apabila bersuatu<sup>111</sup> tempatnya meminum jangan berlain-lainan dan bersatu tempatnya yang dihimpunkan ia kepadanya kemudian dikirang ia ke padang rumput dan bersatu tempat meharaku di padang rumput dan bersuatu pada jalan tempat lalu antara keduanya dan bersatu tempat kediamannya pada malam dan bersuatu tempat memerah air susunya dan bersuatu yang meharaku lagi yang menjantan kedua pihak. Dan tiada disyaratkan bersuatu<sup>112</sup> yang memerah air susunya dan tiada disyaratkan niat pada mencampurkan kedua [h]arta itu.

(Dan jikalau) bercerai *na'am* keduanya pada masa yang lanjut batallah *khul ah* dan jika bercerai ia pada masa yang sedikit dan tiada tahu keduanya dengan dia maka tiada mengapa dan jika tahu keduanya dengan dia serta ditetapkan akan dia atau *diqa ad* oleh keduanya akan yang demikian itu atau diketahui oleh salah seorang daripada keduanya *ba allah khul ah* itu.

(Dan jikalau) *diba alkan* oleh keduanya akan *khul ah* dahulu daripada genap tahunnya seperti bahawa masing-masing keduanya pada memelihara [h]artanya nescaya wajiblah zakat atas [orang] yang sampai [h]artanya *seni b* dan tiada wajib zakat atas yang tiada sampai [h]artanya *seni b*.

---

<sup>111</sup> (Satu)

<sup>112</sup> (Satu)

(Syahdan) Harus bagi *s* ‘ mengambil zakat daripada [h]arta salah seorang daripada dua orang yang mencampurkan [h]arta maka apabila mengambil ia seekor kambing daripada salah seorang daripada keduanya kembalilah<sup>113</sup> ia di atas taulannya dengan bahagiannya yang tertentu daripada *q mahnya*,<sup>114</sup> tiada daripada diri kambing itu.

Maka jika mencampurkan keduanya akan seratus kambing dengan 100 kambing maka diambil oleh *s* ‘ dua ekor kambing daripada salah seorang daripada keduanya kembalilah ia atas taulannya dengan *seni fu q mah* dua ekor kambing itu, tiada dengan *q mah ni fu* keduanya dan tiada dengan seekor kambing dan tiada dengan dua *ni fu* daripada dua ekor kambing. Dan jika diambilnya daripada tiap-tiap keduanya seekor kambing maka tiadalah kembali salah seorang daripada keduanya atas taulannya dan jika bersalahan *q mah* keduanya sekalipun.

[Contoh pertama] Dan jikalau ada bagi si Zaid 30 kambing dan bagi si ‘Amru 10 maka mengambil *s* ‘ seekor kambing daripada ‘Amru kembalilah si ‘Amru atas si Zaid dengan tiga *rubu’ q mahnya* dan jika diambilnya akan dia daripada si Zaid kembalilah si Zaid atas si ‘Amru dengan *serubu’ q mahnya*.

[Contoh kedua] Dan jika ada bagi si Zaid 100 dan si ‘Amru 50. Maka mengambil *s* ‘ dua ekor kambing daripada si ‘Amru kembalilah si ‘Amru atas si Zaid dengan dua *thuluth q mah* keduanya, dan jika diambilnya akan dia daripada si Zaid kembalilah si Zaid atas si ‘Amru dengan *sethuluth q mah* keduanya dengan *sethuluth q mah* kambingnya. Dan jika diambil dari tiap-tiap keduanya seekor kambing kembalilah si Zaid atas si ‘Amru dengan *sethuluth q mah* kambingnya dan kembali si ‘Amru atas si Zaid dengan dua *thuluth q mah* kambingnya.

---

<sup>113</sup> (merujuklah)

<sup>114</sup> Nilai.

(Dan demikian lagi) tiada wajib zakat *khul ah jiw r* pada buah kherma dan anggur dan pada buah gandum dan padi u[m]pamanya melainkan apabila bersuatu [orang] yang memelihara pohon kherma dan anggur dan perhumaan, dan bersuatu tempat mengeringkan<sup>115</sup> buah kherma dan anggur dan bersuatu tempat mengeringkan padi atau gandum, dan bersuatu tempat memelihara dia dan bersuatu yang mengawali dia<sup>116</sup> dan bersuatu timbangan dan [orang] yang menimbang dan bersuatu gantang dan yang menakar<sup>117</sup> dan bersuatu yang meharaku dan yang mengatam.<sup>118</sup>

(Bermula) rupa *khul ah jiw r* pada pohon kherma dan anggur dan perhumaan bahawa adalah bagi tiap-tiap daripada dua orang pohon kherma dan anggur<sup>119</sup> di dalam satu kebun atau ada bagi tiap-tiap daripada keduanya pohon padi atau gandum di dalam satu perhumaan.

Dan rupa *khul ah jiw r* pada *naqd*<sup>120</sup> dan mata benda perniagaan bahawa ada bagi tiap-tiap daripada keduanya kadut<sup>121</sup> [yang] dalamnya emas atau perak. Kedua kadut itu [diletakkan] didalam satu peti dan jika ada salah satu daripada dua kadut itu [ada] kiriman orang menaruh kepada yang empunya peti sekalipun. (Dan tiada) disyaratkan keadaan emas atau perak itu di dalam satu kadut.

---

<sup>115</sup> Perkataan Arabnya ialah *al-Jar n*: tempat mengeringkan buah-buahan. Al-Syarb n , *Mughn al-Mu t j*, 2: 103; Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah* ,163.

<sup>116</sup> Dalam naskhah bercetak ditulis *مغواليندى*, mungkin salah cetak. Sepatutnya “menguliti” (membuang kulit dari isi) kerana mengikut tertibnya selepas *al-Jar n* adalah tempat membuang/mengupas kulit (مكان دياس، موضع دياس). Ia juga disebut dengan istilah lain seperti *al-Baidar*, iaitu tempat menyuci gandum. Lihat al-Syarb n , *Mughn al-Mu t j*, 2: 103; Shih b al-D n A mad bin A mad bin Sal mah al-Qaly b , *syiyat Qaly b wa 'Umairah 'al Kanz al-R ghib n* (D r al-Kutub al-'Ilmiyyah Ind nisiyyah, 2009), 1: 13; Zakariyya al-An r , *Tu fah al- ull b bi Syar Ta r r Tanq al-Lub b* (K herah: Mu af al-B b al- alab wa Awl duh, 1340H), 46.

<sup>117</sup> Iaitu menyukat.

<sup>118</sup> (mengetam)

<sup>119</sup> Maksudnya setiap mereka mempunyai pokok kurma atau anggur.

<sup>120</sup> Iaitu wang *d n r* emas dan *dirham* perak.

<sup>121</sup> Uncang atau pundi-pundi. Lihat Djebar, *Kamus Banjar-Indonesia*, 94.

Maka jikalau ada dalam satu tempat kadut bagi si Zaid dan ‘Amru dan Bakr dan Khalid. Dan adalah di dalam tiap-tiap sekadut itu lima *mithq l*<sup>122</sup> atau 50 *dirham*,<sup>123</sup> dan sekalian kadut itu [diletakkan] di dalam peti setahun nescaya wajib atas tiap-tiap yang empat orang itu *sethumun*<sup>124</sup> *mithq l* emas atau *sedirham* dan *serubu’ dirham* perak.

Atau ada bagi tiap-tiap daripada keduanya mata benda perniagaan dalam satu curang<sup>125</sup> atau di dalam satu keruyak<sup>126</sup> maka wajiblah zakat *khul ah* yang tersebut itu jika kekal *khul ah* pada tempat itu setahun.

### (B b Zak h al-Nab t)

Ini bab pada menyatakan zakat tumbuh-tumbuhan. (Bermula) tiada wajib zakat pada segala jenis buah tumbuh-tumbuhan itu melainkan pada sekalian yang mengenyangi dan menguatkan badan pada ketika ikhtiar, yakni ketika tiada darurat.

Maka yang mengenyangi itu ada kalanya daripada buah-buahan, iaitu kherma dan anggur. Dan adakalanya daripada biji-bijian, iaitu gandum dan *sya’ r*<sup>127</sup>, iaitu seperti gandum tetapi terpanjang sedikit daripada gandum dan terkecil [dari gandum] dan beras dan jagung dan keladi dan kudai<sup>128</sup> dan butir

---

<sup>122</sup> Satu *mithq l* emas sama dengan 4.24 gram atau 72 biji *sya’ r* sederhana. Raww s, *Mu’jam Lughah al-Fuqah*, 404.

<sup>123</sup> Duit perak yang dicetak.

<sup>124</sup> 1/8.

<sup>125</sup> Kedai.

<sup>126</sup> Tempat jualan.

<sup>127</sup> *Barli*. Lihat Mohd Khairi Zainuddin et. al., *al-Mift h Kamus Moden Arab-Melayu-Inggeris* (Shah Alam: al-Azhar Media Enterprise, 2008), 1165; Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic*, ed. J. Milton Cowan, ed. Ke-3 (Beirut: Maktabah Lubn n, 1980), 474; Mahmood Zuhdi, *Pengurusan Zakat*, 87.

<sup>128</sup> كودى - Penulis tidak mendapati erti kudai dan butir secara pasti, namun pada penulis, boleh jadi salah satunya membawa erti kacang kuda (حمص) dan satu lagi kacang pul (باقلا). Ini kerana dua jenis kacang ini disebut dalam rujukan utama pengarang pada kedudukan yang sepadan dengan makna sebegini. Malah

dan kumak<sup>129</sup> dan sekelian bagai<sup>130</sup> kacang yang putih atau hijau<sup>131</sup> atau merah atau hitam dan *dhurrah*,<sup>132</sup> iaitu besarnya dan putihnya seperti kacang putih tetapi lain daripada jenis kacang dan *dukhun*,<sup>133</sup> iaitu seperti kacang hijau besarnya dan hijaunya tetapi lain daripada jenis kacang dan ‘*adas*’<sup>134</sup> iaitu suatu bagai daripada kacang besarnya seperti kumak tetapi kuning tuha<sup>135</sup> warnanya.

Dan tiada wajib zakat yang tiada mengenyangi seperti<sup>136</sup> delima dan zaitun dan kumka<sup>137</sup> dan biji minyak dan banggat<sup>138</sup> dan lobak<sup>139</sup> dan semangka<sup>140</sup> dan karai<sup>141</sup> dan sekelian buah-buahan yang lain daripada yang tersebut itu.

---

inilah jenis kacang yang biasa dimakan di kawasan Nusantara. Umpama contoh, dalam *Nih yah al-Mu t j* dan *Muhgn al-Mu t j* di sebut:

[كالحمص و الباقلا...]

Menurut al-Syarb n dan al-Qaly b الباقلا ialah kacang pul (Arab: *f l*). Rupanya pepeh besar dari kacang dal, kulitnya berwarna coklat tua dan licin berkilat. Lihat A mad bin amzah al-Raml, *Nih yah al-Mu t j il Syar al-Minh j* (Beir t: D r al-Kutub al-’Ilmiyyah, 1993), 3: 70; al-Syarb n, *Mughni al-Mu t j*, 2: 110; al-Haitam, *Tu fah*, 1: 453; Shih b al-Din A mad bin A mad bin Sal mah al-Qaly b dan Shih b al-Din A mad al-Burullus ‘Umayrah, *syiyat Qaly b wa ‘Umairah ‘al Kanz al-R ghib n* (Beir t: D r al-Kutub al-’Ilmiyyah, 2009), 2: 25.

<sup>129</sup> Kacang pis. Pengertian ini adalah berdasarkan kata-kata pengarang selepas ini yang menyebut ‘*adas*’ seperti kumak, yang sama-sama jenis kacang tetapi berbeza dari segi warnanya. Ungkapan sebegini bertepatan dengan ungkapan dalam rujukan penyarang, iaitu kitab *Nih yah al-Mu t j* yang menyebut:

[والعدس - بفتح الدال - و مثله البسلا], bermaksud “dan ‘*adas*’ itu seperti kacang pis”. Malah ayat yang sama juga terdapat dalam *Muhgn al-Mu t j*. Ini diperkuatkan lagi apabila lain-lain kitab Sy fi’iyyah seperti *Tu fah* memilih perkataan البسلا pada kedudukan yang boleh memberi signifikan kepada makna kacang pis dalam senarai jenis kekacang yang dikenakan zakat. Lihat al-Raml, *Nih yah al-Mu t j*, 3: 70; al-Syarb n, *Mughni al-Mu t j*, 2: 110; al-Haitam, *Tu fah*, 1: 453; al-Qaly b dan ‘Umayrah, *syiyat Qaly b wa ‘Umairah*, 2: 25.

<sup>130</sup> Macam, jenis. Perkataan asalnya dalam bahasa Arab adalah نوع : kumpulan dari tiap sesuatu, spesies.

<sup>131</sup> Dalam bahasa Arab “kacang hijau” disebut الماش .

<sup>132</sup> *Dhurah* (ذُرَّة) bererti jagung. Lihat al-Marbawi, *Q m s*, 217.

<sup>133</sup> *Dukhun* ialah tumbuhan yang bijinya seakan-akan gandum. Menurut Ibn al- al h dan Ibn ajar al-Haitam ianya dari kumpulan jagung tetapi warna dan bentuknya berbeza dari jagung. Lihat al-Marbawi, *Q m s*, 198; al-Qaly b dan ‘Umairah, *syiyat Qaly b wa ‘Umairah*, 2: 25; al-Haitam, *Tu fah*, 1: 457.

<sup>134</sup> Kacang dal. Mohd Khairi Zainuddin, Mohd Nazri Zainuddin dan Mohd Fuad Mohd Isa, *al-Miftah*, 1165. Ia turut dikenali sebagai kacang parpu terutama di Pulau Pinang dan sekitarnya. Bentuknya bulat dan pepeh, lebar sedikit dari kacang hijau dan biasanya dibuat dalca.

<sup>135</sup> (Tua)

<sup>136</sup> Urutan makanan ini sebahagian besarnya menyamai urutan dalam *Nih yah al-Mu t j*.

<sup>137</sup> (Kumkuma) ialah kunyit. Lihat Tim Penyusun, *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (Jakarta: Balai Pustaka, 1989), 475. Sebaliknya dalam MS2252 ditulis .

<sup>138</sup> Tidak ditemui maksud kalimah ‘banggat’.

<sup>139</sup> Dalam MS2252 ditulis “بغكه لوبق”, tanpa diselangi “dan”.

<sup>140</sup> Tembikai. Lihat *Kamus Dewan*, 1433.

(Bermula) tiada wajib zakat pada segala jenis yang mengenyangi yang tersebut itu melainkan apabila sampai *ni b*. Maka *ni b* yang tiada berkulit seperti beras atau yang dimakan serta kulitnya seperti kherma dan buah anggur dan gandum dan kacang, iaitu lima *awsuq*.<sup>142</sup>

(Dan) yang lima itu 300 gantang kerana satu *awsuq* itu 60 gantang.<sup>143</sup> Dan yang segantang itu empat perapatan<sup>144</sup> dan yang seperapatan itu *seral*<sup>145</sup> dan *sethuluth ral* dengan [menggunakan] *ral* Baghdad,<sup>146</sup> dan yang *seral* Baghdadi itu berat 128 *dirham* dan empat *subu*<sup>147</sup> *dirham*. Maka jadilah yang yang lima *awsuq* itu berat 1600 *ral*<sup>148</sup> tetapi yang kebilangan<sup>149</sup> pada yang demikian itu dengan ditakar<sup>150</sup> jua dengan gantang yang tersebut itu, tiada [dengan] ditimbang.

<sup>141</sup> Timun.

<sup>142</sup> *Awsuq* adalah kata jamak dari *wasuq*. Menurut Imam al-Nawaw, ulama telah berijmak menerima satu *wasuq* sama dengan 60 gantang Madinah. Sukatan ini bersamaan 1600 kati Baghdad, iaitu 653 kilogram menurut ulama semasa al-Qara'w dan al-Zu'aili misalnya. Sementara di Malaysia *ni bnya* ditetapkan lebih kurang 375 gantang Malaysia dan di Kedah secara khusus ia menyamai dua kunca dua nalih enam gantang satu cupak dua kepol. Lihat Wahbah al-Zu'ail, *al-Fiqh al-Islam wa Adillatuh* (Dimasyq: Dar al-Fikr, 2002), 3: 1890; Sa'd, *al-Qamus al-Fiqh*, 470; Abdul Majid Idris, *Risalah Zakat* (Percetakan Siaran: Alor Setar, 1985), 17; Mahmood Zuhdi, *Pengurusan Zakat*, 257.

<sup>143</sup> Perkataan gantang dialihbahasa dari صاع dalam bahasa Arab.

<sup>144</sup> Cupak. Ia dialihbahasa dari perkataan مudd. Berdasarkan kenyataan di atas, bererti empat *mudd* bersamaan satu cupak.

<sup>145</sup> رطل ialah kati Baghdad. Menurut al-Nawaw *r.h.* apabila disebut *ral* dalam kitab-kitab Syafi'iyah yang dimaksudkan ialah kati baghdad dan hitungannya sama dengan 90 *mithqal*. Sementara bagi ukuran matrik, menurut Mu'ammad Rawwas Qal'aj *seral* ialah 407.5 gram. Lihat Mu'ammad Rawwas, *Mu'jam Lughah al-Fuqah*, 223; Imam al-Nawaw, *Tahdhib al-Asm*, 2: 372; Mahmood Zuhdi, *Pengurusan Zakat*, 257.

<sup>146</sup> Dalam kitab-kitab *fiqh* Syafi'iyah, satu *mudd* menyamai sekati dan 1/3 Baghdad. Begitu juga mazhab Maliki dan *jumhur*. Lihat misalnya al-Syarbani al-Khatib, *al-Iqna' f' allil al-Alf Ab Syuj'* (Beirut: Dar al-Fikr, 1995), 222; Mu'ammad bin 'Abd al-Baq al-Zarqani, *Syar' al-Zarqani 'al Muwa'ad al-Imam Malik* (Beirut: Dar al-Fikr, 1998), 181.

<sup>147</sup> Empat *subu'* ertinya 4/7. Satu *subu'*: 1/7.

<sup>148</sup> Jumlahnya lebih kurang 1600 *ral* hasil pengiraan 319.9992 *ral* x 5. Satu *awsuq* bersamaan 319.9992 *ral*.

Awsuq	gantang	cupak	ral Baghdad
5	300		<> 1600 <i>ral</i>
1	60		319.9992 <i>ral</i>
	1	4	
		1	1 <i>ral</i> 1/3

<sup>149</sup> Yang dikira.

<sup>150</sup> Disukat.

(Adapun) mengira-ngira dengan timbangan *ra l* hanyasanya ia kerana menuntut kenyataan<sup>151</sup> jua atau apabila muafakat<sup>152</sup> timbangan [dengan] takaran. Maka jika bersalahan keduanya seperti bahawa sampai ia lima *ausuq* dengan ditimbang dan tiada sampai dengan ditakar tiadalah wajib zakatnya. Dan jika sampai lima *ausuq* dengan ditakar dan tiada sampai ia dengan ditimbang nescaya wajibliah zakatnya.

(Syahdan) Kherma dan anggur dua bagai. Setengahnya mau jadi kering dengan baiknya sebab dijemur dan setengahnya tiada mau jadi kering ia dengan baiknya. Maka barang yang mau jadi kering dibilangkan sampainya lima *ausuq* pada ketika keringnya, maka hendaklah ditakar ia pada ketika keringnya. Dan barang yang tiada mau jadi kering dibilangkan sampai lima *ausuq* pada ketika basahya, maka hendaklah ditakar ia pada ketika basahya dan dikeluarkan zakatnya pada ketika itu. Dan dihimpunkan barang yang tiada kering kepada barang yang kering pada menggenap[kan] *ni b* kerana bersuatu jenis.

(Adapun) biji-bijian maka dibilangkan sampai *ni abnya* lima *ausuq* pada ketika bersihnya daripada tangkainya dan gagangnya<sup>153</sup> dan kulitnya yang tiada dimakan ia [be]sertanya,<sup>154</sup> kerana tiada taruh ia di dalamnya dan tiada dimakan ia sertanya.<sup>155</sup>

(Bermula) barang yang ditaruh ia di dalam kulitnya dan tiada makan ia [be]sertanya seperti padi dan ‘adas, iaitu suatu bagai daripada gandum maka *ni bnya* sepuluh *ausuq*, iaitu 600 gantang pada *gh lib*<sup>156</sup>[nya] kerana padi

---

<sup>151</sup> ‘Menuntut kenyataan’ bermaksud supaya ia jelas dan nyata.

<sup>152</sup> Bersamaan.

<sup>153</sup> Jerami.

<sup>154</sup> Seperti beras, sebaliknya yang dimakan bersama kulit seperti kurma.

<sup>155</sup> Maksudnya kulit tidak terletak dalam bijian tersebut dan kulitnya tidak dimakan dengan isinya sekali.

<sup>156</sup> Kebiasaannya.

yang 600 itu jadilah berasnya pada *gh lib*[nya] 300 gantang, iaitulah yang kebilangan akan *ni b*. (Adapun) kulitnya maka tiada dimasuk[an] ia pada bilangan *ni b*.

Dan terkadang adalah beras padi yang 600 itu kurang daripada 300 gantang, maka tiadalah wajib zakatnya. Dan terkadang jadi beras yang 300 itu daripada padi yang kurang daripada 600, maka wajiblah zakatnya. Maka diketahui daripada yang demikian itu bahawa tiada wajib membuang kulit padi pada mengeluarkan zakatnya, hanya memadai dikeluarkan dengan kulitnya jua. Tetapi jika dijadikannya beras adalah *ni bnya* lima *ausuq*, iaitu 300 gantang maka hendaklah dikeluarkannya beras jua.

(Masalah) Jika seorang berhuma<sup>157</sup> padi maka didapatnya pada perhumaan itu kurang daripada 600 u[m]pamanya seperti tengah enam ratus<sup>158</sup> u[m]pamanya, maka hendaklah diperiksanya. Jika ada padinya itu sangat baik sekira-kira jika dijadikan beras nescaya jadilah 300 gantang wajiblah dikeluarkan zakatnya dan jika tiada jadi berasnya 300 gantang maka tiada wajib, seperti yang tersebut itu di dalam *Fat al-Wahh b*<sup>159</sup> dan *Tu fah*<sup>160</sup> dan *Nih yah*<sup>161</sup> dan lainnya.

---

<sup>157</sup> Bercucuk tanam di ladang padi. Lihat *Kamus Dewan*, 55.

<sup>158</sup> Maksudnya lima ratus setengah.

<sup>159</sup> *Fat al-Wahh b bi Syar Manhaj al-ull b* oleh Syeikh al-Isl m Zakariyy bin Mu ammad bin A mad bin Zakariyy al-An r al-Mi ri merupakan sebuah karya yang menghurai matan *Minh j al-T lib n* Imam Nawaw . Kitab *Manhaj al-Tull b* adalah ringkasan matan '*Minh j*' yang ditulis sendiri oleh Syeikh Zakariyya al-An ar .

<sup>160</sup> *Tu fah al-Mu t j bi Syar al-Minh j* karya A mad bin Mu ammad bin 'Al bin ajar al-Haitam al-Makk ialah kitab yang menghuraikan matan *Minh j* Imam Nawaw . Ia merupakan sebuah kitab yang muktamad dalam mazhab Syafi'i, mengandungi 10 juzuk oleh *ab'ah D r I y* ' al-'Arab .

<sup>161</sup> *Nih yah al-Mu t j* juga merupakan sebuah syarah kepada '*al-Minh j*' oleh Mu ammad bin Ab al-'Abb s A mad bin amzah bin Shih b al-D n, Syams al-D n al-Raml al-Man f al-Mi r yang terkenal dengan gelaran al-Sy fi' al- agh r. Jumlah jilidnya sebanyak lapan jilid mengikut cetakan D r al-Fikr.



(Syahdan) Janganlah dihimpunkan suatu jenis yang lain pada menggenapi *ni b* seperti gandum dengan *syar'*<sup>162</sup> dan kherma dengan anggur kerana berlainan jenis. Tetapi wajib digenapi *ni b* suatu bagi yang lain seperti kherma yang bernama *muqqall* dengan kherma yang bernama *barn*,<sup>163</sup> dan anggur yang bernama *b zaq* dengan anggur yang bernama *nakhl*, dan padi lekatan dengan padi yang lain, dan kacang hijau dengan kacang putih kerana bersuatu<sup>164</sup> jenis. Maka dikeluarkannya zakat tiap-tiap bagai itu masing-masing dengan bahagiannya.

Dan jika sukar mengeluarkan seperti demikian itu sebab kebanyakan<sup>165</sup> bagainya dan sedikit yang hasil daripada tiap-tiap bagai itu, maka hendaklah dikeluarkan bagai yang pertengahan baiknya. Jangan bagai yang tinggi dan jangan yang kurang kerana memelihara kedua [belah] pihak.

Maka jikalau dikerjakannya yang sukar itu seperti dikeluarkannya daripada tiap-tiap bagai itu dengan bahagiannya atau dikeluarkannya yang terlebih baik maka iaitu harus jua, tetapi ialah yang terlebih *af al*.

Dan jangan dihimpunkan buah-buahan atau bijian olehan<sup>166</sup> tahun dahulu dengan olehan tahun yang datang pada menggenapi *ni b* dan jika keluar buah tahun kedua dahulu daripada mengatam<sup>167</sup> buah tahun yang dahulu sekalipun. Tetapi dihimpun pada menggenapi *ni b* setengah olehan yang di dalam setahun dengan setengahnya dan jika bersalah-salahan waktu mendapat buah sekalipun, tetapi dengan syarat jika diketam keduanya itu di dalam

---

<sup>162</sup> Bermaksud barli. Sementara *malt* ialah barli yang diproses menjadi glukosa hingga boleh dijadikan minuman keras. Lihat Munir Ba'albak, *al-Mawrid A Modern English-Arabic Dictionary* (Beirut: Dar 'Ilm li al-Mal y n, 1993), 544.

<sup>163</sup> Sejenis kurma yang merupakan kurma paling baik. Bentuknya bulat dan berwarna cerah apabila masak. Imam al-Nawaw, *Tahdh b al-Asm*, 2: 280; Ibrahim Anset al., *al-Mu'jam al-Was*, 52.

<sup>164</sup> (satu)

<sup>165</sup> (banyak)

<sup>166</sup> Perolehan atau pendapatan.

<sup>167</sup> (mengetam) ertinya menuai.

setahun adalah antara katam<sup>168</sup> yang pertama dan katam yang kedua itu kurang daripada 12 bulan.

(Fa al) Pada menyatakan kadar yang wajib dikeluarkan pada sekalian yang tersebut itu dan barang yang *ta'alluq* ia dengannya. (Bermula) Barang yang jadi ia daripada pohon buah-buahan dan bijian yang wajib zakat dengan air hujan atau dengan air sungai atau telaga atau mata air dan jika dengan upah sekalipun, maka zakatnya se'*usyur*,<sup>169</sup> iaitu satu bahagi[an] daripada 10 bahagi[an].

Maka zakatnya barang yang jadi ia dengan didirus<sup>170</sup> dengan air telaga atau air sungai ditimba atau diangkut di atas haiwan atau diputar dengan putaran atau dengan air yang dibelinya akan dia atau yang diberi akan dia atau yang dirampasnya akan dia, maka zakatnya *seni fu 'usyur*.<sup>171</sup> (Bermula) perbezaan antara ini dan yang dahulunya<sup>172</sup> banyak belanja pada masalah ini dan sedikit belanja pada masalah yang dahulu.

Dan barang yang jadi dengan kedua[-dua] bagai [siraman] yang tersebut itu dengan bersamaan [banyaknya], seperti jadi setengahnya dengan air hujan dan setengahnya dengan air usaha atau tiada diketahui halnya, maka zakatnya tiga *rubu'* [dari] '*usyur*.<sup>173</sup>

Dan jika jadi ia dengan kedua bagai itu dengan tiada bersamaan dan diketahuinya kadar lebih kurangnya maka hendaklah dikeluarkannya zakatnya

---

<sup>168</sup> (ketam)

<sup>169</sup> 1/10.

<sup>170</sup> Dijirus.

<sup>171</sup> "*seni fu 'usyur*" bererti setengah dari 1/10. Dalam bentuk pecahan:  $\frac{1}{2} \times \frac{1}{10} = \frac{1}{20}$ , manakala dalam bentuk peratus:  $\frac{1}{20} \times 100 = 5\%$ .

<sup>172</sup> Sebelumnya, iaitu yang tidak dijirus dengan air telaga dan sebagainya.

<sup>173</sup> Tiga *rubu'*:  $\frac{3}{4}$ , '*usyur*: 1/10. Ertinya  $\frac{3}{4}$  dari 1/10 hasil tanaman tersebut. Pengiraannya  $\frac{3}{4} \times \frac{1}{10} = \frac{3}{40}$ , atau dalam bentuk peratus  $\frac{3}{40} \times 100 = 7.5\%$ .

dengan sekira-kira bahagiannya [air hujan atau air usaha] dengan membilangkan masa jadinya<sup>174</sup> perhumaan itu u[m]pamanya dan tumbuhnya, tiada dengan yang terbanyak [kuantiti] daripada keduanya dan tiada dengan bilangan dirusnya [samada hujan atau air usaha], kerana jadinya dan tumbuhnya itulah yang dimaksud[kan]. Dan beberapa<sup>175</sup> [banyak kejadian yang berlaku] sekali dirus terlebih manfaatnya daripada banyak [jirusan].<sup>176</sup>

Maka jika ada lama masanya perhumaan mula-mula ditanam hingga mengetam dulapan<sup>177</sup> bulan dan berkehendak ia di dalam empat bulan daripadanya musim pengujan<sup>178</sup> kepada segala dirus maka terdirus ia dengan air hujan. (Dan) berkehendak ia di dalam empat bulan yang kedua pada musim panas kepada dua kali dirus. Maka didirus ia dengan air usaha wajiblah zakatnya tiga *rubu' 'usyur*.

(Dan demikian lagi) jika tiada kita ketahui akan kadar manfaat tiap-tiap daripada keduanya dengan membilangkan masa atau berkehendak ia di dalam enam bulan daripadanya pada musim pengujan kepada dua kali dirus, maka terdirus ia dengan air hujan dan berkehendak ia di dalam dua bulan kadar musim panas kepada tiga kali dirus maka didirus ia dengan air usaha maka wajiblah zakatnya tiga *rubu' 'usyur* dan *serubu' ni fu 'usyur*.<sup>179</sup>

Dan jika bersalahan yang empunya perhumaan dengan mengambil zakat. Kata yang empunya perhumaan bahawasanya ia didirus dengan air usaha

---

<sup>174</sup> 'membilang masa jadinya' bererti mengira berapa lama tanaman itu dijirus hujan dan berapa lama dijirus dengan air usaha. Ini kerana kadar zakatnya ditentukan berdasarkan tempoh tersebut, bukan berapa kali ia dijirus.

<sup>175</sup> (berapa)

<sup>176</sup> Dalam menentukan kadar zakatnya, yang diambil kira ialah tempoh masa siraman (air hujan atau air usaha). Kuantiti air dan bilangan jirusan tidak diambil kira. Metode ini dikira munasabah kerana sekali siram mungkin lebih bermanfaat dari beberapa siraman.

<sup>177</sup> (lapan)

<sup>178</sup> (hujan)

<sup>179</sup> *Ni fu 'usyur*: setengah daripada 1/10, iaitu 1/20 atau 5%.

dan kata yang mengambil zakat terdiri dengan air hujan, dibenarkanlah kata yang empunya perhumaan.

(Masalah) Jika ada bagi seorang dua perhumaan. Yang satu terdiri dengan air hujan dan yang satu terdiri dengan air usaha. Dan tiada sampai tiap-tiap daripada keduanya *seni b* wajiblah dihimpunkan keduanya kerana menggenapi *ni b* dan jika bersalahan kadar wajib sekalipun kerana [kadar] wajib yang pertama *'usyur*, dan [kadar] wajib yang kedua *ni fu 'usyur*.

(Masalah) Jika diketahui salah satu daripada keduanya terbanyak<sup>180</sup> daripada yang lain tetapi tiada diketahui *'ainnya*<sup>181</sup> maka yang wajib itu kurang daripada *'usyur* dan lebih daripada *ni fu 'usyur*. Maka diambillah yang yakin.

(Syahdan) Tiada wajib zakat pada kherma dan anggur melainkan tatkala nyata masaknyanya dan manisnyanya dan warnanya. (Dan demikian lagi) tiada wajib zakat pada segala biji-bijian melainkan tatkala keras bijinya dan tiada disyaratkan rupa masaknyanya dan sempurna keras bijinya, dan tiada disyaratkan masak sekeliannya.

(Bermula) dikehendaki dengan wajib zakat dengan yang tersebut itu diperoleh sebab wajibnya, tiada dikehendak[i] daripadanya wajib mengeluarkan zakat pada ketika itu.

Dan sunat mengira-ngira<sup>182</sup> dengan *ijtih d* akan sekalian buah kherma dan anggur apabila nyata masaknyanya atas yang empunya dia. (Bermula) *Kayfiyyat*<sup>183</sup> mengira itu bahawa berkeliling [tukang] yang mengira-ngira itu<sup>184</sup> pada tiap-tiap pohon kherma atau anggur dan dikira-kirainya akan buahnya

---

<sup>180</sup> (lebih banyak)

<sup>181</sup> *'Ainnya*: zatnya. Maksudnya di sini kuantiti padi itu, mana yang lebih banyak dari dua perhumaan itu.

<sup>182</sup> Menjangka, mengagak-ngagak. Lihat *Kamus Dewan*, 794.

<sup>183</sup> Cara.

<sup>184</sup> Maksudnya *s ' .*

atau buah tiap-tiap bagai daripadanya pada ketika basahya. Kemudian maka pada ketika keringnya supaya berpindah hak si *musta iq*<sup>185</sup> daripada ‘ain buah itu kepada *dhimmah*<sup>186</sup> yang empunya dia.

(Dan disyaratkan) bahawa ada yang mengira-ngira itu tahu akan *kayfiyyat* mengira lagi ada ia laki-laki yang ‘*qil*<sup>187</sup> baligh lagi merdihika lagi adil dan disyaratkan pada memindahkan hak kepada *dhimmah* bahawa dinyatakan oleh [orang] yang mengira-ngira dengan *am n*<sup>188</sup> ganti yang empunya akan hak *musta iq* seperti dikatanya:

” ضمنتك نصيب المستحقين من الرطب و العنب بكذا تمرًا و زيبا “

Ertinya, “Ku jadikan akan dikau menyelih<sup>189</sup> akan bahagian segala *musta iq* daripada buah kherma dan anggur yang basah dengan sekira-kira keringnya.”

(Dan syaratkan) pula *qab l* daripada yang empunya dia seperti katanya:

” قبلت ذلك “ ertinya, “Aku terima yang akan demikian.” Dari itu maka harus

dikerjakannya pada sekalian buah kherma dan anggur barang [yang] sekehendaknya [sama ada] dimakannya atau dijualnya atau barang sebagainya.

(Dan) tiada disunat mengira-ngira pada yang lain daripada kherma dan anggur seperti padi dan gandum kerana sukar sebab tertutup bijinya dengan kulitnya.

---

<sup>185</sup> Orang yang berhak mendapat zakat tersebut.

<sup>186</sup> *Dhimmah* maksudnya di sini hak dan kehormatan. Lihat Sa‘d, *al-Q m s al-Fiqh*, 173.

<sup>187</sup> Orang yang berakal.

<sup>188</sup> *am n*: jamin. Ertinya memulangkan barang yang sejenis dengan barang yang rosak, sekiranya barang itu barang *mithl* (ada keserupaannya di pasar) dan menggantikan dengan nilainya jika barang itu *qimm* (yang tak ada di pasar). Lihat Md. Akhir Haji Yaacob, *Penjelasan Istilah Fiqh Mu‘amalat* (Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, 1987), 34; Maksud *am n* disini ialah menggantikan oleh pihak pengeluar zakat apa-apa kekurangan yang mungkin terjadi dalam masa pembayaran zakat.

<sup>189</sup> Habuan. Teks asalnya “ميسيله”.

Dan jikalau berdakwa si *m lik*<sup>190</sup> akan lenyap buah kherma atau anggur yang dikira-kira itu dengan tiada dinyatakan sebabnya atau dinyatakannya sebab yang tersembunyi seperti dicuri orang akan dia atau sebab yang zahir seperti kebakaran atau terampas<sup>191</sup> yang diketahui orang tetapi tiada diketahui umumnya dibenarkanlah ia dengan sumpahnya kerana ia jadi [orang] kepercayaan lagi sukar mendirikan saksi, atau [sebab yang] diketahui ia serta umumnya tetapi adalah *s ‘* *berwaham*<sup>192</sup> dibenarkanlah si *m lik* dengan sumpahnya.

Dan jika dinyatakan sebabnya yang zahir itu tetapi tiada diketahui orang akan dia nescaya dituntut akan dia saksi yang mengisthbatkan<sup>193</sup> akan sebabnya yang zahir itu kerana mudah mendirikan saksi. Kemudian maka dibenarkan akan dia dengan sumpahnya pada dakwa lenyap dengan sebab yang zahir itu.

Dan jika berdakwa si *m lik* akan aniaya<sup>194</sup> [orang] yang mengira-ngira pada kadar yang mengira-ngira atau akan salah pengira[an]nya dengan kadar yang jauh salahnya pada adat seperti *sethuluth* atau *serubu’* tiada dibenarkan dakwanya melainkan dengan saksi. Adalah banding[an]nya seperti mendakwa aniaya hakim pada hukumnya atau dusta saksi pada saksinya maka iaitu tiada diterima dakwanya melainkan dengan saksi. Tetapi hendaklah dikurangi daripada pengiranya<sup>195</sup> [se]kadar yang *di tim lkan*<sup>196</sup> salahnya seperti *se’usyur* atau *seni fu*.

---

<sup>190</sup> Pemilik.

<sup>191</sup> (dirampas)

<sup>192</sup> Telah diterangkan di atas dalam no. 64.

<sup>193</sup> Menetapkannya bahawa ia berlaku sungguh.

<sup>194</sup> Menceroboh serta mengambil haknya atau mengurangnya. Lihat maklumat lanjut Sa’d , *al-Q m s al-Fiqh* , 295.

<sup>195</sup> Jangkaannya.

<sup>196</sup> Ada kemungkinan, boleh diterima adanya atau terjadinya.

Dan jikalau tiada berakwa si *m lik* akan salahya hanya dikatanya, “Tiadaku dapat akan buah kherma dan anggur melainkan sekalian inilah banyaknya nescaya dibenarkanlah katanya kerana tiada mendustakan ia akan seorang jua pun kerana *dii tim lkan* lenyapnya.

Dan jikalau mendakwa si *m lik* akan salah yang mengira-ngira dengan kadar yang *dii tim lkan* salahnya, seperti satu *awsuq* di dalam seratus *awsuq* kemudian<sup>197</sup> daripada sudah lenyap buah kherma dan anggur yang dikira-kira dibenarkan ia dengan sumpahnya jika *berwaham s ‘*. Dan jika tiada [*waham*] maka dibenarkan ia dengan tiada sumpah.

Dan jika tiada lenyap buah kherma dan anggur yang dikira-kira itu hendaklah diulangi mentakar<sup>198</sup> dia dan diamalkan dengan barang berapa [pun] hasil takarannya.

(Syahdan) Apabila sudah dikeluarkan zakat buah-buahan dan biji-bijian dan ada lagi tinggal *seni b* atau lebih tiada wajib zakatnya pada tahun yang kemudian<sup>199</sup> kerana zakat tumbuh-tumbuhan tiada berulang, bersalahan dengan zakat haiwan dan zakat emas dan perak. Maka iaitu wajib berulang-ulang pada tiap-tiap tahun selama ada lagi *ni b*.

(Bermula) perbezaan yang demikian itu bahawasanya Allah *Ta‘ l menta‘liqkan*<sup>200</sup> ia akan wajib zakat buah-buahan dan biji-bijian dengan mengatam<sup>201</sup> dia dan mengatam itu tiada berulang-ulang ia. Maka tiadalah berulang zakatnya dan lagi zakat tiada berulang-ulang melainkan pada [h]arta yang bertambah, iaitu haiwan dan emas dan perak. (Adapun) buah-buahan dan

---

<sup>197</sup> Selepas.

<sup>198</sup> (menakar)

<sup>199</sup> Maksudnya tahun kedua.

<sup>200</sup> Menggantung dan mengaitkan. Lihat al-Marbawi, *Q m s*, 39.

<sup>201</sup> (mengetam) ertinya menuai. Teks asal ‘*مغاتم*’.

biji-bijian maka iaitu putus<sup>202</sup> [per]tambah[an]nya, hanya mendatang padanya kurang jua.

Dan tiada *waqa*<sup>203</sup> pada zakat tumbuh-tumbuhan seperti zakat emas dan perak jua kerana dapat menyuku-nyukukan dia dengan tiada mu arat, bersalahan zakat haiwan maka tiada dapat menyuku-nyukukan dia melainkan dengan mu arat [haiwan itu].

### **(B b Zak h al-Naqd)**

Ini bab pada menyatakan zakat emas dan perak dan jikalau tiada dipudur<sup>204</sup> sekalipun. (Bermula) *ni b* emas itu 20 *mithq l*<sup>205</sup> dan *ni b* perak itu 200 *dirham*<sup>206</sup> dengan timbangan Mekah kerana sabda Nabi *allalL h ‘alayh wa sallam* gantang zakat itu gantang Madinah dan timbangan itu timbangan Mekah.

(Maka wajib) zakat yang 20 *mithq l* emas dan 200 *dirham* perak kemudian daripada sempurna tahunnya *rubu‘‘usyur*<sup>207</sup>. Maka yang [dari] 20 *mithq l* itu [ialah] dua *mithq l* dan *rubu‘* yang [dari] dua *mithq l* [adalah] setengah *mithq l*, itulah zakatnya. Dan *‘usyur* yang [dari] 200 *dirham* itu [adalah] 20 *dirham* dan *rubu‘* yang [dari] 20 itu *lima dirham*. Itulah zakatnya.

---

<sup>202</sup> Putus di sini maksudnya berhenti.

<sup>203</sup> *Waq* atau *waq* bermaksud sesuatu jumlah yang terletak di antara dua *ni b*, seperti antara lima hingga 10 ekor unta zakatnya hanya seekor kambing. Lebihan yang tidak sampai *ni b* yang seterusnya tidak diwajibkan zakat. Imam al-Nawaw , *Tahdh b al-Asm* ', 2: 617.

<sup>204</sup> Dilebur atau ditempa. Ia diterjemah dari perkataan Arab "مضروب".

<sup>205</sup> Telah diterangkan di atas dalam no. 122.

<sup>206</sup> Telah diterangkan di atas dalam no. 123.

<sup>207</sup> ¼ daripada 1/10.



(Bermula) yang *semithq l* Mekah itu tiada berubah pada masa jahiliah dan masa Islam, iaitu berat[nya] 72 *sya' r* yang pertengahan kulitnya dan dibuang kedua hujungnya yang halus lagi panjang. (Adapun) *dirham* Mekah pada [masa] Islam maka iaitu berubah daripada *dirham* pada masa jahiliah, maka yang yang dikehendaki dengan *dirham* zakat [h]arta iaitu *dirham* yang pada masa Islam jua. Maka yang satu *dirham* itu berat 50 biji dan dua *khumus*<sup>208</sup> biji *sya' r*.

(Syahdan) Manakala ditambahi atas yang satu *dirham* itu tiga *subu'nya*<sup>209</sup> jadilah ia [satu] *mithq l*. Dan manakala dikurangi daripada *semithq l* tiga '*usyurnya*<sup>210</sup> jadilah ia [satu] *dirham*. Maka tiap-tiap 10 *dirham* itu tujuh *mithq l* dan tiap-tiap yang 10 *mithq l* itu 14 *dirham* dan dua *subu' dirham*.<sup>211</sup> Maka yang 20 *mithq l* itu 28 *dirham* dan empat *subu' dirham*<sup>212</sup> dan yang 200 *dirham* itu 140 *mithq l*.

(Dan) jika ditimbang yang 20 *mithq l* itu dengan bungkal<sup>213</sup> yang berat enam suku setali maka jadilah jumlahnya dua tahlil emas *taqr ban*.<sup>214</sup> (Dan) jika ditimbang yang *riy l*<sup>215</sup> bulat maka jadilah jumlahnya tiga *riy l* setengah *taqr ban*. (Dan) jika ditimbang yang 200 *dirham* itu dengan *riy l* bulat jadilah jumlahnya dua puluh empat *riy l taqr ban*.

---

<sup>208</sup> 2/5.

<sup>209</sup> 3/7.

<sup>210</sup> 3/10.

<sup>211</sup> Iaitu 14 2/7 *dirham*.

<sup>212</sup> Iaitu 28 4/7 *dirham*.

<sup>213</sup> Sukatan berat (emas dan lain-lain) yang sama dengan 16 mayam atau 53.9 gram. Lihat *Kamus Dewan*, 222.

<sup>214</sup> Lebih kurang.

<sup>215</sup> Nama sejenis matawang, munasabah sekali *riy l* berkenaan diperbuat dari logam kerana wang kertas di Haramain hanya digunakan selepas tahun 1952. Rafidi Hashim, *Fatwa Wang Kertas 1973 dan Kaitannya dengan Sistem Petrodollar* (Pulau Pinang: Dar Azzikri Enterprise, 2013), 66.

(Dan) jika lebih emas atau perak itu daripada *seni b* nescaya wajiblah zakatnya seperti [h]itungannya dan jika sedikit lebihnya sekalipun kerana tiada *waqa* pada zakat emas dan perak seperti yang telah tersebut kenyataannya.

Dan tiada digenapi *ni b* emas dengan perak dan *akasnya*<sup>216</sup> kerana berlainan jenisnya. Tetapi digenapi *ni b* emas atau perak yang baik dengan emas yang jahat<sup>217</sup> kerana bersuatu jenis. Maka hendaklah dikeluarkan zakat tiap-tiap daripada keduanya dengan bahagiannya jika mudah, dan jika sukar maka dikeluarkan zakatnya dengan yang pertengahan. Tetapi jika ada emas atau perak *ni b* itu baik sekeliannya tiadalah memadai mengeluarkan yang jahat, hanya hendaklah dikeluarkannya yang baik seumpamanya atau yang terlebih baik daripadanya. Maka itu *teraf al*.

Maka jika wajib akan dia mengeluarkan *seni fu d n r* umpamanya. Hendaklah diberikannya satu *d n r* bagi segala *musta iq*. *Seni funya* akan [jadi] zakat dan *seni funya* bagi yang empunya dia jadi amanah.

Kemudian jika dikehendaknya oleh segala *musta iq* dijualnya akan dia bagi orang lain dan dibahaginya harganya. *Seni fu* harga bagi mereka itu<sup>218</sup> dan *seni fu* bagi [tuan] yang empunya dia. Atau dibeli oleh segala *musta iq* akan *seni funya* daripada [tuan] yang empunya dia. Atau dibeli oleh [tuan] yang empunya akan *ni fu* bahagian segala *musta iq*,<sup>219</sup> tetapi makruh bagi yang empunya zakat membeli zakatnya daripada *musta iq*. (Dan demikian lagi) makruh bagi yang bersedekah sunat membeli sedekahnya daripada orang yang disedekahnya akan dia.

---

<sup>216</sup> Sebaliknya.

<sup>217</sup> Buruk.

<sup>218</sup> Maksudnya si *musta iq*.

<sup>219</sup> Maksudnya orang yang memberi zakat setengah *d n r* itu membeli pula setengah *d n r* lagi dari *musta iq*, maka natijahnya dia akan memiliki keseluruhan wang satu *d n r* tersebut.

(Syahdan) Apabila bercampur emas dengan tembaga atau perak dengan tembaga tiadalah wajib zakat melainkan apabila sampai emasnya atau peraknya itu *seni b*. Maka hendaklah dikeluarkannya emas dan perak yang tiada bercampur atau yang bercampur sampai emasnya atau peraknya sekadar zakat, dan jadilah tembaganya itu sedekah sunat.

Dan jika diperbuat bejana daripada emas yang bercampur perak dan tiada diketahui yang terbanyak daripada keduanya; adakah emas yang banyak atau perak. Hendaklah dizakati tiap-tiap daripada emas dan perak itu dengan *mentaqd rkan*<sup>220</sup> dia yang terbanyak daripada keduanya, emas dan perak. Maka jika ada ia berat bejana itu seribu *dirham*. Daripada salah satu daripada keduanya 600 dan daripada yang lainnya 400, hendaklah dizakati 600 emas dan 600 perak dan tiada harus *mentaqd rikan* sekeliannya emas daripada dua jenis emas dan perak kerana emas tiada memadai akan zakat perak seperti '*akasnya*.

Atau dibezakan emas dan perak dengan api seperti dipudur [se]suatu daripada bejana itu, atau dengan air seperti dihantarkan emas *kh li*<sup>221</sup> yang berat 1000 *dirham* ke dalam air di dalam suatu bejana. Maka ditanda ia tingginya air di dalam bejana itu. Kemudian maka dikeluarkan emas itu daripadanya dan dihantarkan ke dalam air itu perak *khali* yang berat seribu *dirham*. Maka ditandai pula tingginya air di dalam bejana itu. Dan adalah tanda perak itu tertinggi daripada tanda emas kerana jirim perak dihantarkan itu terlebih besar daripada jirim<sup>222</sup> emas itu. Kemudian maka dikeluarkan pula perak itu dan dihantarkan bejana yang bercampur itu ke dalam air. Maka ditanda tinggi air itu dan adalah tanda yang bercampur itu antara dua tanda yang tersebut itu. Maka jika ada tanda yang bercampur itu hampir kepada tanda

---

<sup>220</sup> Mengandaikan.

<sup>221</sup> Semata-mata air yang tidak bercampur dengan unsur lain.

<sup>222</sup> Diri sesuatu benda yang mengambil ruang.

perak adalah perak terbanyak daripada emas. Dan jika ada tanda yang bercampur itu hampir kepada tanda emas adalah emas terbanyak daripada perak. Dan jika bersamaan hampirnya kepada dua tanda itu, maka bersamaanlah emas dan perak itu.

Dan ketahui kadar banyaknya itu dengan nisbahnya. Maka jika ada antaranya dan antara tanda emas itu dua biji *syā' r* dan antaranya dan antara tanda perak itu sebiji *syā' r* nescaya adalah emas dan *sethuluthnya* itu perak dua *thuluth* bejana itu.<sup>223</sup> Dan jika ada antaranya dan antara tanda emas itu sebiji *syā' r* dan antaranya dan antara tanda perak itu dua biji *syā' r* nescaya adalah dua *thuluth* bejana itu emas dan *sethuluthnya* itu perak. Jika ada tanda yang bercampur itu bersamaan nisbah jauhnya kepada dua tanda itu nescaya adalah *ni fu* bejana itu emas dan *ni funya* perak.

Maka apabila diketahuilah dengan yang tersebut itu kadar emas dan perak daripada bejana yang bercampur itu maka hendaklah dikeluarkan zakat kedua[-dua]nya masing-masing dengan pe[rh]itungannya.<sup>224</sup>

Dan makruh bagi sultan memperbuat *dn r* atau *dirham* atau barang sebagainya yang bercampur dengan tembaga atau lainnya dan jikalau ia laku sekalipun, tetapi sah jual beli dengan dia. (Dan demikian lagi) makruh bagi yang lain daripada sultan membuat *dn r* atau *dirham* atau barang sebagainya sama ada perbuatnya itu bercampur atau tiada bercampur, tetapi jika ada perbuatannya itu bercampur dan adalah campurannya itu terbanyak daripada campuran perbuatan sultan maka iaitu haram jua.

---

<sup>223</sup> Teks bercetaknya bertulis “adalah emas dan *sethuluthnya* itu perak dua *thuluth* bejana itu” mungkin tersalah cetak kerana kedudukan kata hubung “dan” tidak sesuai dengan konteks ayat dan tidak selari dengan ayat yang selepasnya. Pada penulis, munasabah dan sesuai jika teks ini berbunyi “adalah emas *sethuluthnya* itu dan perak dua *thuluth* bejana itu.” Untuk maklumat lanjut perbahasan ini, lihat al-Syarb n, *Mughn Mu t j*, 2: 127.

<sup>224</sup> Teks asalnya “*ابنوغن*”.

(Syahdan) Tiada wajib zakat pada pakaian yang tiada haram lagi tiada makruh seperti gelang<sup>225</sup> dan kerancungan<sup>226</sup> pakaian perempuan, dengan syarat jika diketahuinya akan dia oleh si *m lik* lagi tiada diniatkannya akan taruhan.<sup>227</sup>

(Adapun) jika tiada diketahuinya akan dia seperti diwarisinya akan dia daripada kerabatnya dan tia[da] tahu ia akan dia melainkan kemudian<sup>228</sup> daripada genap setahun, maka wajib zakatnya. (Dan demikian lagi) jika diniatkan akan dia akan taruhan maka wajiblah zakatnya.

(Dan demikian lagi) wajib zakat yang haram dan yang makruh daripada emas dan perak sama ada ia pakaian atau bejana seperti yang telah tersebut kenyataannya pada *fa al* hukum pakaian dan bejana.

(Bermula) syarat zakat emas dan perak yang lain daripada zakat<sup>229</sup> dan *ma'din* hendaklah dimiliki genap setahun. Tetapi jikalau dimiliki *ni b* di dalam enam bulan, kemudian maka dipiutangkannya<sup>230</sup> akan dia akan [se]seorang tiadalah putus tahunnya.<sup>231</sup>

(Shahdan) Tiada wajib zakat pada yang lain daripada emas dan perak seperti mutiara dan intan dan zamrud dan yaqut dan *fair z* dan kasturi dan 'anbar dan lainnya.

---

<sup>225</sup> (gelang). Teks asalnya “كَلْع” .

<sup>226</sup> Dalam naskhah asalnya “كرنچورغن” . Berdasarkan rujukan kepada *Tu fah* penulis dapat menyimpulkan bahawa maksud “kerancungan” ialah perhiasan. Disebut dalam *Tu fah* selepas gelang: وسائر حلَى النساء, bermaksud dan semua perhiasan perempuan. al- aitam , *Tu fah*, 1: 467.

<sup>227</sup> Maksud taruhan di sini simpanan. Lihat *Kamus Dewan*, 1612.

<sup>228</sup> Berlalu.

<sup>229</sup> Sebenarnya “rik z”, bukan “zakat” seperti yang tercap dalam teks naskhah bercetaknya.

<sup>230</sup> Memberi hutang kepada orang lain.

<sup>231</sup> Maksudnya walaupun dalam tempoh tersebut hartanya itu berada dalam simpanan orang yang berhutang tetap juga tempoh tersebut termasuk dalam *awl* zakatnya.

**(B b Zak h al-Ma'din wa al-Rik z wa al-Tij rah)**

Ini bab pada menyatakan zakat *ma'din* dan *rik z* dan zakat perniagaan.

**(Fa al)** Pada menyatakan zakat *ma'din*.

(Bermula) barang siapa daripada ahli zakat mendulang emas atau perak daripada *ma'din* ertinya daripada yang dimilikinya akan dia atau daripada bumi yang mati maka diperolehnya akan dia sampai *ni b* nescaya wajib akan dia [mengeluar] zakatnya *rubu' usyur*<sup>232</sup> pada ketika itu jua. Maka disyaratkan pada wajib zakat *ma'din* itu *ni b* dan tiada disyaratkan dimiliki genap setahun.

Dan tiada wajib atas mengeluarkan zakatnya di dalam segala tahun yang telah lalu, dan jika diperolehnya akan dia di dalam bumi yang dimilikinya sekalipun kerana tiada diyakinkan keadaan emas atau perak itu jadi miliknya pada ketika memiliki bumi kerana *dii tim lkan*<sup>233</sup> keadaannya baharu jadikan Allah *Ta' l* pada tempat itu.

Dan dihimpunkan pada menggenapi *ni b* setengah perolehnya bagi setengahnya jika bersuatu<sup>234</sup> lubang yang tempat mendulang dan berhubung usahanya atau berselang-selang kerana uzur, seperti sakit atau membaiki perkakas mendulang dan lanjut masa perselangan sekalipun. Dan jika tiada bersuatu lubang tempat mendulang dan tiada berhubung usahanya seperti demikian itu maka tiadalah dihimpunkan peroleh[an]nya yang dahulu bagi peroleh[an]nya yang kemudian pada menggenapi *ni b*.

---

<sup>232</sup> Ertinya  $\frac{1}{4}$  dari  $\frac{1}{10}$ .  $\frac{1}{4} \times \frac{1}{10} = \frac{1}{40}$ . Maka *ni b*nya  $\frac{1}{40}$  atau 2.5%.

<sup>233</sup> Diandaikan.

<sup>234</sup> (satu)

Dan dihimpunkan peroleh[an]nya yang kemudian kepada peroleh[an]nya yang dahulu. Seperti dihimpunkan akan dia kepada [emas dan perak] miliknya yang lain daripada peroleh[an]nya mendulang seperti pusaka dan pemberian orang pada menggenapi *ni b* maka jika genap dengan dia *ni b* dizakatkanlah peroleh[an]nya yang kedua [itu sahaja].<sup>235</sup>

Misalnya jikalau ada peroleh[an]nya mendulang yang dahulu 19 *mithq l* dan diperolehnyalah mendulang yang kedua *semithq l* maka tiada wajib zakat pada yang sembilan belas *mithq l* dan wajib zakat [hanya] pada yang *semithq l*, [sama] seperti wajib pada yang *semithq l* itu jikalau ada pada miliknya 19 *mithq l* yang lain daripada peroleh[an]nya mendulang. Dan adalah permulaan tahun<sup>236</sup> [bagi] yang kedua<sup>237</sup> puluh *mithq l* itu dari waktu genap *ni b*[nya].

Adalah waktu wajib mengeluarkan zakat emas atau perak dulangan itu ketika bersihnya daripada tanahnya dan pasirnya dan belanja membersih dia itu atas si *m lik*. Maka digagahi ia atas membersih dia dan tiada memadai mengeluarkan zakatnya sebelum lagi bersih. Dan jika diterima akan dia oleh si *s ‘*<sup>238</sup> sebelum lagi bersih men *am nlah*<sup>239</sup> ia, maka wajib atasnya memulangkan dia jika belum lenyap atau memulangkan gantinya jika sudah lenyap. Dan ber[salah-]salahan si *s ‘* dan si *m lik* pada kadar timbangannya dahulu dari<sup>240</sup> lenyap atau kemudiannya, dibenarkan si *s ‘* dengan sumpahnya.

---

<sup>235</sup> Maksudnya emas perak yang diperolehinya kemudian.

<sup>236</sup> Iaitu *awlnya*.

<sup>237</sup> (dua)

<sup>238</sup> Pengumpul zakat.

<sup>239</sup> Telah diterangkan di atas dalam no. 188.

<sup>240</sup> Sebelum.

(Masalah) Jika mendulang orang Islam di negeri kafir *arb* nescaya adalah peroleh[an]nya itu jadi [h]arta *ghan mah* yang *dikhumus*<sup>241</sup> [kadar zakatnya].

(Fa al) Pada menyatakan zakat *rik z*.

(Bermula) wajib pada zakat *rik z* daripada emas dan perak apabila sampai *ni bnya* satu *khumus* daripadanya.<sup>242</sup> Maka diberikan *khumus* itu kepada segala mereka yang tempat memberi<sup>243</sup> zakat.<sup>244</sup> Maka *khumus* yang 20 *mithq l* emas itu empat *mithq l* dan *khumus* yang 200 *dirham* perak itu 40 *dirham*. Itulah zakatnya. Dan tiada disyaratkan pada zakat *rik z* dimiliki setahun, hanya wajib mengeluarkan zakatnya kemudian daripada mendapatkan dia.

(Adapun) *rik z* daripada emas dan perak itu, iaitu [h]arta petaruhan<sup>245</sup> kafir pada masa jahiliah, yakni pada masa yang dahulu daripada masa Nabi kita jadi Nabi atau pada masa Nabi kita atau kemudiannya tetapi tiada sampai kepada orang itu seru[an] Nabi kita kepada agama Islam. Dan tiada disyaratkan pengetahuan akan keadaannya [yang sebenar] daripada petaruhan mereka itu hanya dipadankan<sup>246</sup> dengan alamat jua seperti tersurat padanya nama raja kafir atau nama berhala pada masa itu atau barang sebagainya.<sup>247</sup>

---

<sup>241</sup> 1/5.

<sup>242</sup> Iaitu 1/5 dari jumlah harta *rik z* tersebut. Satu *khumus* bermaksud 1/5.

<sup>243</sup> (diberi)

<sup>244</sup> Maksudnya kepada para *a n f*.

<sup>245</sup> Perbendaharaan lama yang biasanya disebut harta karun.

<sup>246</sup> (berpada)

<sup>247</sup> Untuk memastikan bahawa ia bukan milik orang Islam. Ini kerana harta milik orang Islam adalah *ar m*, iaitu suci tidak boleh diambil dengan cara sedemikian.



Maka jika didapatinya petaruhan kafir itu pada bumi yang mati atau pada bumi miliknya yang dihidupinya<sup>248</sup> akan dia [dengan mengusahakannya] atau pada kubur dan segala kafir jahiliah atau pada bekas kota dan tempat kediaman mereka itu nescaya dimilikinya oleh [orang] yang mendapatinya. Dan wajib atasnya mengeluarkan zakatnya *sekhumus* pada ketika itu jua, sama ada didapatnya dengan ditabaknya<sup>249</sup> atau dengan dizahirkan<sup>250</sup> oleh air atau dengan [be]rubah tanah atau dengan barang sebagainya.

Dan jika didapatnya petaruhan orang Islam dengan tandanya seperti tersurat atasnya ayat Qur' n atau nama raja Islam dan diketahui yang empunya dia pada ketika masa itu maka petaruhan itu bagi<sup>251</sup> yang empunya dia<sup>252</sup>. Wajib memberikan dia baginya<sup>253</sup> dan jika tiada diketahui yang empunya dia pada ketika masa itu maka petaruhan yang didapatnya itu [jadi] *luqa ah*<sup>254</sup> [seperti] yang tersebut kenyataannya pada babnya [yang terletak dalam bab mu' malah]. Maka wajib mentakrifkan<sup>255</sup> dia setahun seperti *kaifiyyat*<sup>256</sup> mentakrifkan *luqa ah* yang didapat di atas bumi. Apabila genap setahun mentakrifkan dia dengan lafaz, maka harus baginya memakai dia jika tiada didapatnya yang empunya dia.

(Dan demikian lagi) jika tiada diketahui hal petaruhan itu adakah ia daripada petaruhan kafir jahiliah atau petaruhan orang Islam kerana ketiadaan

---

<sup>248</sup> Iaitu mengusahakan tanah terbiar yang tiada tuan punya dengan pelbagai kegiatan berfaedah seperti pertanian dan pembinaan. Lihat Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah* ', 48.

<sup>249</sup> Menggalinya. Teks asalnya “تابع”.

<sup>250</sup> Iaitu dikeluarkan.

<sup>251</sup> Milik.

<sup>252</sup> Maksudnya menjadi milik tuannya yang asal.

<sup>253</sup> Dimaksudkan “memberi dia baginya” ialah memberi kepadanya.

<sup>254</sup> *Luqa ah* bererti harta yang tercicir di jalan. Md. Akhir, *Penjelasan Istilah Fiqh*, 54.

<sup>255</sup> Memperkenal dengan cara menghebahkannya supaya diketahui umum.

<sup>256</sup> Cara.

alamat yang membezakan dia, seperti adalah petaruhan emas urai<sup>257</sup> u[m]pamanya atau ada ia pakaian atau bejana yang memakai akan seu[m]pamanya kafir jahiliah<sup>258</sup> dan orang Islam maka ia[nya] itu *luqa ah jua*.

(Dan) jika didapatnya petaruhan itu di dalam bumi milik bagi [se]seorang maka petaruhan itu milik yang empunya bumi jika diakuinya milik akan dia. Maka hendaklah diambilnya akan dia dengan tiada sumpah. Dan jika tiada diakuinya milik akan dia maka petaruhan itu [menjadi] milik bagi orang yang memilik bumi itu dahulunya. Itupun jika diakuinya milik akan dia. Dan jika tiada, maka petaruhan itu milik bagi orang yang memiliki bumi dahulunya. Demikianlah hingga sampai kepada yang me[ng]hidup bumi maka petaruhan itu [milik] bagi yang menghidupi dia.<sup>259</sup> Dan jika tiada ia mengakui milik sekalipun kerana bumi mati apabila dihidupkan oleh [se]seorang nescaya dimiliknyalah akan dia [be]serta barang yang dalamnya daripada petaruhan dan apabila dijualnya akan bumi itu tiadalah masuk terjual petaruhan itu.

(Masalah) Jika didapat petaruhan di dalam milik si Zaid u[m]pamanya, kemudian maka datang dua orang yang lain yang berniat<sup>260</sup> pada mengakui milik [harta itu] hendaklah ditilik. Jika diakui maka petaruhan itu oleh si Zaid,<sup>261</sup> maka petaruhan itu milik si Zaid dan jika tiada [diakuinya] maka ia itu milik bagi barang siapa yang dibenarkan [pengakuannya] oleh si Zaid akan dia daripada dua orang yang berbantah itu.

---

<sup>257</sup> Teks asalnya اورى: boleh dibaca uri dan urai. Bererti bijih emas. Berdasarkan sumber-sumber rujukan Syeikh Mu ammad Arsyad sendiri seperti *Tu fah*, *Nih yah* dan *Mughn* emas urai ini bolehlah diberi maksud bijih emas yang belum diproses, yang dialih bahasa dari perkataan Arab *Tibr*. Tersebut dalam *Mughn* :

[كالتبر و الحلبي و الأواني...]

al-Haitam , *Tu fah*, 1: 472; Syamsuddin al-Raml , *Nih yah al-Mu t j*, 3: 99; al-Syarb n , *Mughni al-Mu t j*, 2: 138; Ibr h m An s et al., *al-Mu'jam al-Was* , 81.

<sup>258</sup> “Memakai akan seumpamanya kafir jahiliah” bermaksud seperti dipakai oleh orang kafir.

<sup>259</sup> Teks asal “menghidupi dia”: مغييدو فيدى .

<sup>260</sup> Berbantah. Menurut Dato’ Seri Hassan bin Ahmad perkataan “برنية” adalah salah cetakan, perkataan sebenar ialah berbantah. Hassan Ahmad (SS. Dato’ Seri Mufti Pulau Pinang), 25 April 2014.

<sup>261</sup> Maksudnya jika Zaid mengakui itu haknya.

Dan jika berbantah pada mengakui petaruhan [oleh] dua orang; [1]yang menjual bumi dan membeli dia atau [2]yang menyewakan bumi dan menyewa dia atau [3]yang meminjamkan dan meminjam dan berkata tiap-tiap daripada keduanya “Petaruhan itu milikku dan aku yang mematan<sup>262</sup> dia” nescaya dibenarkanlah yang mempunyai<sup>263</sup> dia atas bumi itu dengan sumpahnya pada tiga masalah itu jika [mempunyai masa munasabah] dapat mematak<sup>264</sup> seumpama yang demikian itu di dalam masa tangannya, dan jikalau atas *n dir* sekalipun.<sup>265</sup> Dan jika tiada dapat yang demikian itu maka tiadalah dibenarkan [dakwaan] [d]ia.<sup>266</sup>

Dan jikalau jatuh<sup>267</sup> perbantahan itu kemudian daripada kembali milik bumi itu kepada yang menjual dia atau yang menyewakan dia atau yang meminjamkan dia maka jika berkata tiap-tiap daripada mereka itu, “Aku patak<sup>268</sup> akan dia kemudian<sup>269</sup> daripada kembali milik kepadaku” nescaya dibenarkanlah ia dengan sumpahnya jika [ada masa yang munasabah] dapat yang demikian itu.

---

<sup>262</sup> Menanam. Teks asalnya ممان، boleh jadi silap cetakan dan perkataan sebenarnya adalah ممان kerana kalimah mematak adalah selari dengan perkataan sebelum dan selepasnya. Rangkaian kata ini adalah dari terjemahan bahasa Arab “أنا دفنته”

<sup>263</sup> Bermaksud pembeli, penyewa dan peminjam.

<sup>264</sup> Menanam. Teks asalnya “ممان”.

<sup>265</sup> *N dir* bererti yang jarang ada, yang pelik, yang ganjil. al-Marbawi, *Q m s*, 308.

<sup>266</sup> Ini bermaksud mereka mempunyai masa yang munasabah untuk menanam galian tersebut selepas memiliki tanah berkenaan walau pun perkara itu jarang terjadi. Jika dalam masa yang singkat -yang tidak mungkin mereka menanamnya- mereka mendakwa menanamnya sedang masa untuk sampai ke tanah tersebut memakan masa yang panjang, maka dakwaan mereka tidak diterima.

<sup>267</sup> Maksudnya berlaku.

<sup>268</sup> Tanam.

<sup>269</sup> Selepas.

Dan jika berkata tiap-tiap daripada mereka itu, “Aku patak akan petaruhan itu sebelum keluar milik<sup>270</sup> daripada tanganku” nescaya dibenarkanlah orang yang menyewa atau yang meminjam.<sup>271</sup>

**(Fa al)** Pada menyatakan hukum zakat perniagaan.

(Bermula) zakat [h]arta perniagaan itu *rubu‘ ‘usyur*<sup>272</sup> *q mahnya*.<sup>273</sup>

(Adapun) keadaan wajibnya itu *rubu‘ ‘usyur* seperti zakat *naqd* kerana *diq mah* ia dengan dia. (Adapun) keadaannya daripada *q mahnya* kerana zakat [h]arta perniagaan *ta‘alluq* ia dengan *q mahnya* tiada dengan *‘ainnya*.<sup>274</sup> Maka tiada harus mengeluarkan dia daripada *‘ain* [h]arta perniagaan.<sup>275</sup>

(Bermula) syarat wajib zakat perniagaan itu lima perkara.

(Pertama) Hendaklah yang diperniagakan itu mata benda yang tiada wajib zakat pada *‘ainnya* seperti kuda dan [hamba] sahaya dan lada dan kain dan barang yang sebagainya. Maka tiada memadai yang diperniagakan itu *naqd* kerana zakat wajib ia pada *‘ainnya*.

(Syarat yang kedua) Hendaklah mata benda itu diniatkan akan perniagaan.

---

<sup>270</sup> Maksud “sebelum keluar milik” ialah sebelum berpindah milik kepada pembeli atau penyewa atau peminjam dari tuan asal.

<sup>271</sup> Ini kerana penjual telah menyerahkannya kepada pembeli, maka terputuslah hak orang yang sebelumnya, iaitu penjual.

<sup>272</sup> “*Rubu‘ ‘usyur*” bermaksud  $\frac{1}{4}$  dari  $\frac{1}{10}$ :  $\frac{1}{4} \times \frac{1}{10} = \frac{1}{40}$  atau 2.5%.

<sup>273</sup> Nilainya.

<sup>274</sup> Maksud *‘ain* disini ialah zat barang yang diperniagakan. Zat bererti diri sesuatu.

<sup>275</sup> Contohnya yang berniaga kain batik tidak boleh mengeluarkan zakat perniagaannya dengan kain batik. Hendaklah dikeluarkannya dengan nilai matawang kerana zakat perniagaan berkait (*berta‘alluq*) dengan nilai.

(Syarat yang ketiga) Hendaklah disertakan niat yang tersebut itu dengan permulaan akad<sup>276</sup> memiliki mata benda perniagaan itu seperti disertakannya niat itu dengan akad membeli mata benda itu.

(Syarat keempat) Hendaklah dimilikinya akan mata benda itu dengan akad *mu' wa ah*,<sup>277</sup> yakni berurup-urupan<sup>278</sup> seperti jual beli dan memberi dengan menuntut balas dan mengambil upah dan seperti mahar nikah dan penebus talak.<sup>279</sup>

(Adapun) mata benda yang tiada dimilikinya akan dia dengan akad *mu' wa ah* seperti pusaka dan memberi dengan tiada menuntut balas dan binatang perburuan dan [diper]olehnya [dengan] berhutang maka tiadalah wajib zakat pada sekaliannya yang tersebut itu, dan jika serta dengan dia niat akan perniagaan sekalipun.

(Syarat yang kelima) Janganlah dijual mata benda perniagaan pada sama tengah<sup>280</sup> tahun dengan *naqdnya* yang *diq mah* ia dengan dia padahal kurang ia daripada *ni b*. Maka manakala dijadikan mata benda itu *naqd* [dengan dijual] pada sama tengah tahun pada hal kurang ia daripada *ni b*, [misalnya] seperti dibelinya akan mata benda itu dengan emas yang sampai *ni bnya* iaitu 20 *mithq l* atau kurang daripadanya, kemudian maka dijualnya akan dia pada pertengahan tahun dengan harga 19 *mithq l* maka putuslah tahun perniagaan kerana nyata kurang *ni bnya* sebab dijadikan *naqd*.<sup>281</sup>

---

<sup>276</sup> Perkataan asalnya عقد : ialah dua pihak bersetuju melakukan sesuatu, iaitu *ibarat* ikatan antara *j b* dan *qab l*. Md. Akhir, *Penjelasan Istilah Fiqh*, 39.

<sup>277</sup> معاوضة .

<sup>278</sup> Bertukar-tukar.

<sup>279</sup> Bayaran dari isteri sebagai gantian di atas persetujuan mentalaknya. Perkataan asal dalam bahasa Arabnya ialah خلع . Sa'd , *al-Q m s al-Fiqh* , 148.

<sup>280</sup> "sama tengah" maksudnya pertengahan.

<sup>281</sup> *Ni b* perniagaan dinilai dengan emas jika barang dagangan itu dibeli dengan emas. Berasaskan kaedah itu, jika barang berkenaan dijual kurang dari harga 20 *mithq l*, maka ia tidak cukup *ni b* dan

(Adapun) jika dijual ia dengan *naqd* yang tiada [*diq mah* ia dengan dia seperti dijualnya akan dia pada *mithq l* [emas] yang tersebut itu dengan harga 150 *dirham* perak<sup>282</sup> atau 200 *dirham* perak,<sup>283</sup> atau dijual ia dengan *naqdnya* yang *diq mah* ia dengan dia<sup>284</sup> pada hal sampai ia *seni b* atau lebih<sup>285</sup> maka bahawasanya tiadalah putus tahunnya.

(Dan demikian lagi) tiada putus tahunnya jikalau dijualnya mata benda itu dengan mata benda jua kerana bersamaan keduanya pada ketiadaan *q mah*<sup>286</sup> keduanya dan bertukar-tukaran mata benda itu tiada memutuskan tahun perniagaan.

(Syarat yang keenam) Janganlah *diqa adkan*<sup>287</sup> menaruh [h]arta perniagaan itu pada pertengahan tahun. Maka manakala *diqa adkan* menaruh [h]arta perniagaan pada sama tengah tahun putuslah tahun perniagaan. Maka berkehendaklah pula membaharui *qa ad* yang beserta dengan *ta arruf*<sup>288</sup>.

Maka wajib zakat mata benda perniagaan itu *rubu' usyur q mahnya*, tiada *rubu' usyur* mata benda perniagaan. Yakni *rubu' usyur q mahnya* pada akhir tahun kerana bahawasanya akhir tahun itulah [waktu] wajib. Maka jikalau dilambatkannya mengeluarkan dia kemudian daripada dapat<sup>289</sup> ia

---

tidaklah wajib zakat. Sebenarnya terdapat perbezaan antara nilai *ni b* emas dan perak. Nilai harga *ni b* emas adalah lebih tinggi berbanding perak. Oleh itu mungkin berlaku situasi sampai *ni b* zakat perniagaan seseorang jika barangannya dinilai dengan perak, sedangkan dengan nilai emas belum sampai *ni bnya*.

<sup>282</sup> 150 *dirham* tidak cukup *ni b*. *Ni b dirham* perak ialah 200 *dirham*.

<sup>283</sup> Masih dikira tidak sampai *ni b* walaupun sudah mencapai 200 *dirham* kerana contoh di atas dinilai berdasarkan emas. Hal ini kerana harga *ni b* emas lebih tinggi dari *ni b* perak.

<sup>284</sup> Dimaksudkan “jual ia dengan *naqdnya* yang *diq mah* ia dengan dia” ialah menjual dagangannya dengan *dn r* emas bagi dagangan yang dinilai dengan emas, atau menjual dagangannya dengan *dirham* perak bagi dagangannya yang dinilai dengan perak.

<sup>285</sup> Maksudnya harga emas atau perak itu yang diperolehinya daripada jualan berkenaan sampai *ni b* masing-masing atau lebih; bagi matawang emas 20 *mithq l* dan bagi perak 200 *dirham*.

<sup>286</sup> *Q mah* di sini bermaksud harga sebenar bagi sesuatu yang diguna pakai oleh orang ramai. Lihat Sa'd, *al-Q m s al-Fiqh*, 386; Md. Akhir, *Penjelasan Istilah Fiqh*, 52.

<sup>287</sup> Niat atau sengaja. al-Marbawi, *Q m s*, 134.

<sup>288</sup> Setiap perkataan atau perbuatan yang mempunyai kesan dari sudut *fiqh*. Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah*, 132.

<sup>289</sup> Maksudnya mampu.

mengeluarkan[nya] jadi kurangnya *q mahnya* sebab lambat [kena] *am n ia* akan barang yang kurang kerana *taq r*.

(Syahdan) Hendaklah *diq mah* [h]arta perniagaan itu supaya diambil *rubu'* 'usyur *q mahnya* dengan jenis *naqd* yang dibeli [h]arta perniagaan itu dengan dia, dan jika sudah dibatalkan akan dia oleh sultan atau tiada ia *naqd* yang *gh lib*<sup>290</sup> di dalam negeri sekalipun.

Atau *diq mah* ia dengan *naqd* yang *gh lib* di dalam negeri seperti *d n r* atau *dirham*. Jika dimilikinya akan mata benda perniagaan itu dengan benda taruhan atau dengan *khulu'* atau nikah atau dengan *naqd* tetapi dilupakan<sup>291</sup> akan dia.

Dan tiada disyaratkan keadaan [h]arta perniagaan sampai *ni bnya* melainkan pada akhir tahun, wajiblah zakatnya. Dan jika tiada sampai *seni b* maka tiada wajib zakatnya sama ada dibelinya akan dia *seni b* atau dengan kurang daripadanya, dan sama ada dijualnya akan dia kemudian<sup>292</sup> daripada *diq mah* dengan *seni b* atau dengan kurang daripadanya, kerana bahawasanya kesudahannya<sup>293</sup> tahun itulah waktu wajib zakat.

Dan jika dimiliki akan [h]arta perniagaan itu dengan *naqd* dan dengan yang lain daripada *naqd*<sup>294</sup> hendaklah *diq mah* yang berbetulan dengan [naqd] itu jua dan yang berbetulan dengan yang lain daripada *naqd* *diq mah* dengan *naqd* yang *gh lib* di dalam negeri [itu].

Dan jika *gh lib* dua *naqd* di dalam negeri dan sampai *seni b* dengan salah satu daripada keduanya maka hendaklah *diq mah* ia dengan *naqd* yang

---

<sup>290</sup> *Gh lib* bererti yang biasa digunakan. *Ibid.*, 328.

<sup>291</sup> (lupa)

<sup>292</sup> Selepas.

<sup>293</sup> Akhir.

<sup>294</sup> Maksudnya harta itu dibeli dengan *naqd* (emas dan perak) atau selain *naqd*.

sampai *ni b* dengan dia. Dan jika sampai *ni b* dengan kedua *naqd* itu maka hendaklah dipilihnya oleh si *m lik* antara keduanya.

Dan jikalau sempurna tahun [h]arta perniagaan dan *q mahnya* kurang daripada *ni b* dan tiada ada sertanya barang yang menggenapi [ni b] nescaya dimulailah [semula] tahunnya. Maka jika ada sertanya [h]arta [miliknya yang lain seperti emas dalam bentuk jongkong] yang menggenapi *ni b* maka jika dimilikinya akan dia [sejak] daripada permulaan tahun [h]arta perniagaan itu hendaklah dizakatinya akan keduanya pada akhir tahun. Misalnya seperti jikalau ada sertanya 100 *dirham*. Maka dibelikannya dengan 50 daripadanya akan mata benda perniagaan dan kekallah di dalam miliknya yang yang 50 *dirham* itu dan sampai *q mah* [h]arta perniagaan itu pada akhir tahun 150,<sup>295</sup> hendaklah dihimpunkannya yang 150 itu bagi 50 sertanya<sup>296</sup> pada menggenapi *ni b* dan wajib atas mengeluarkan zakat sekaliannya.

(Dan jika) tiada dimilikinya akan yang menggenapi *ni b* itu daripada permulaan tahun [h]arta perniagaan hanya dimilikinya akan dia pada pertengahan tahun, seperti jikalau ada 100 *dirham* maka dibelikannya dengan sekaliannya akan mata benda perniagaan. Kemudian daripada enam bulan umpamanya, maka memiliki ia akan 50 *dirham* dan sampai *q mah* mata benda itu pada kesudahan tahun 150 *dirham*<sup>297</sup> wajiblah atasnya mengeluarkan zakat yang sekaliannya apabila genap tahun yang 50,<sup>298</sup> tiada pada ketika genap tahun [h]arta perniagaan, kerana yang 50 tiada dihimpunkan kepada yang 150 melainkan pada menggenapi *ni b* jua tiada pada tahunnya.<sup>299</sup>

---

<sup>295</sup> Iaitu 50 *dirham* telah berkembang menjadi 150 *dirham* nilainya.

<sup>296</sup> “50 sertanya” bermaksud 50 *dirham* yang ada padanya.

<sup>297</sup> Ertinya selepas enam bulan dia mendapat untung 50 *dirham* dan harta perniagaannya pula pada akhir tahun bernilai 150 *dirham*.

<sup>298</sup> Tahun yang 50 bermula pada selepas enam bulan menjalankan perniagaan. Ini bererti genap *awl* yang 50 *dirham* itu setelah setahun enam bulan menjalankan perniagaan.

<sup>299</sup> *awl* hanya dikira permulaannya apabila cukup *ni bnya*. *Ni b* bagi *dirham* ialah 200 *dirham*.



(Masalah) Apabila memiliki harta akan [h]arta perniagaan dengan *naqd* yang sampai *ni b* atau kurang daripada *ni b*<sup>300</sup> tetapi ada pada miliknya yang menggenapi *ni b* seperti dibelinya akan dia dengan 'ain 20 *mithq l* atau dengan 'ain 10 *mithq l* tetapi ada pada miliknya 10 *mithq l* yang lain nescaya dibilangkan tahunnya daripada memiliki *naqd*,<sup>301</sup> tiada daripada membeli mata benda itu. Maka jika memiliki [se]seorang akan 25 *riy l* pada awal bulan Mu arram umpamanya, kemudian maka dibelikannya dengan *riy l* itu akan dagangan pada bulan Dhul ijjah atau barang bulan yang dahulunya<sup>302</sup> nescaya wajiblah atasnya mengeluarkan zakat dagangan itu pada awal bulan Mu arram yang kemudian<sup>303</sup> jika sampai *q matnya* itu *seni b*.

(Adapun) jika dibelinya akan dia dengan *naqd* pada *zimmahnya*,<sup>304</sup> kemudian maka dibayarnya harganya dengan *naqd* yang sampai *ni b* itu maka bahawasanya putuslah tahun *naqd* itu.<sup>305</sup> Dan dimulailah tahun zakat perniagaan itu daripada membeli dagangan.

Dan jika dibelinya akan dia dengan *naqd* yang kurang daripada *ni b* dan tiada ada pada miliknya yang menggenapi *ni b* atau belinya akan dia dengan mata benda taruhan dan jikalau dengan *na'am* yang digembala sekalipun adalah permulaan tahunnya daripada waktu membelinya.

Dan dihimpunkan laba yang hasil pada pertengahan tahun kepada modalnya pada tahunnya jika tiada dijual dagangan itu dengan *naqd* yang *diq mah* ia dengan dia pada pertengahan tahun. Maka jikalau dibelinya dagangan 200 *dirham* kemudian maka jadilah *q matnya* dahulu daripada genap setahun 300 *dirham* dan tiada dijualnya akan dia atau dijualnya akan dia dengan *naqd* yang tiada *diq mah* ia dengan dia nescaya

---

<sup>300</sup> Nilai harta perniagaannya kurang dari *ni b*.

<sup>301</sup> Tahun *awl* bermula apabila cukup *ni b*, yang dikira dari jumlah keseluruhan emas dan nilai harta perniagaan miliknya.

<sup>302</sup> Maksudnya bulan yang sebelumnya.

<sup>303</sup> Bererti cukup setahun.

<sup>304</sup> Maksudnya secara hutang.

<sup>305</sup> Dan tidak wajib bayar zakat *naqd* tersebut kerana tidak cukup *awl*.

wajiblah atasnya mengeluarkan zakat laba yang 100 serta modalnya yang 200 apabila genap tahunnya, iaitu tengah dulapan *dirham*.<sup>306</sup>

(Adapun) jika dijualnya dengan itu<sup>307</sup> dagangan itu pada pertengahan [tahun] dengan *naqd* yang *diq mah* ia dengan dia maka janganlah dihimpunkan laba itu pada tahun<sup>308</sup> modalnya tetapi hendaklah dizakati modalnya dan labanya masing-masing dengan tahunnya.<sup>309</sup> Misalnya seperti dibelinya dagangan dengan 200 *dirham* dan dijualnya akan dia kemudian daripada enam bulan dengan 300 *dirham* dan ditaruhnya akan yang 300 *dirham* itu hingga akhir tahun, atau dibelikannya pula dengan dagangan yang sampai *q matnya* pada akhir tahun 300 *dirham* hendaklah dikeluarkannya zakat yang 200 pada akhir tahunnya. Kemudian apabila lalu enam bulan maka dikeluarkannya pula zakat laba yang 100.

(Syahdan) Apabila ada [h]arta perniagaan itu sahaya wajiblah zakat *fi rahnya* serta zakat perniagaan kerana berlain-lain sebab wajibnya, maka tiadalah termasuk-masukan. Keduanya adalah bandingan seperti wajib *q mah* dan *kaff rah*<sup>310</sup> pada sahaya yang dibunuh.

Dan jikalau ada [h]arta perniagaan itu yang wajib zakat pada 'ainnya<sup>311</sup> seperti *na'am* yang digembalakan atau buah anggur dan kherma dan genap *ni b* salah satu daripada dua zakat itu, seperti 40 kambing yang tiada sampai *q matnya seni b* pada

---

<sup>306</sup> 'Tengah dulapan *dirham*' bermaksud 7.5 *dirham*, iaitu 2.5% dari 300 *dirham* tersebut. Ini berdasarkan pengiraan  $2.5/100 \times 300 \text{ dirham} = 7.5 \text{ dirham}$ .

<sup>307</sup> 'dengan itu' tidak memberi sebarang maksud, ia mungkin hanya kesilapan cetakan.

<sup>308</sup> Iaitu *awl*.

<sup>309</sup> Ini kerana permulaan *awl* modal berbeza dengan *awl* laba. *awl* modal lebih awal enam bulan dari *awl* laba.

<sup>310</sup> *Kaff rah* bermaksud perbuatan yang diwajibkan syarak untuk menghapuskan dosa tertentu seperti membebaskan hamba, puasa dan memberi makan. Sa'd, *al-Q m s al-Fiqh*, 398; Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah*, 382.

<sup>311</sup> Maksudnya zakat yang wajib dikeluarkan dalam bentuk barangan itu sendiri, bukan dalam bentuk harga. Ia juga disebut dengan istilah harta zahir, iaitu harta yang biasanya dilihat orang dengan mudah seperti ternakan, tanaman, buah-buahan dan galian. Manakala harta batin ialah harta yang tidak diketahui orang berapakah jumlah yang ada pada pemilikinya iaitu *naqd* (*d n r* dan *dirham*). Bezanya, zahir berpotensi berkembang sendiri sementara batin hanya berkembang dengan diperniagakan. Lihat al-Syarb n, *Mughn al-Mu t j*, 2: 164.

akhir tahun<sup>312</sup> atau 39 kambing yang sampai *q matnya seni b* pada akhir tahun nescaya wajibliah zakat yang sampai *seni b*.

Dan jikalau genap *ni b* kedua zakat itu wajibliah zakat '*ain*<sup>313</sup> dan didahulukan ia atas zakat perniagaan, kerana zakat '*ain* terlebih kuat kerana wajib ia dengan *na* dan ijmak dan dikerana inilah barang siapa engkar akan dia jadilah ia kafir. (Adapun) zakat perniagaan itu wajib dengan *ijtih d*<sup>314</sup> jua, lagi bersalah-salahan ulama pada wajibnya. Maka dikerana inilah tiada jadi kafir yang engkar akan wajibnya.

Maka jika terdahulu tahun zakat perniagaan atas tahun zakat '*ain* seperti dibelinya dengan [h]arta perniagaan kemudian daripada enam bulan akan 40 kambing yang digembalakan atau dibelinya dengan dia akan 40 kambing yang diberi umpan<sup>315</sup> akan perniagaan, kemudian maka digembalanya akan dia kemudian daripada enam bulan wajibliah zakat perniagaan tatkala genap tahunnya.<sup>316</sup> Kemudian maka dimulai tahun zakat '*ain* selama-lamanya, yakni wajib zakat '*ain* pada sekalian tahun yang [akan datang] kemudiannya.

(Bermula) [h]arta sedaging<sup>317</sup> itu wajib atas si *m lik* tiada di atas si '*mil*, dan jika zahir padanya laba sekalipun kerana bahawasanya ia miliknya<sup>318</sup>. Dan si '*mil* tiada memiliki ia akan laba melainkan dengan berbahagi [laba itu]. Maka jika dikeluarkan ia oleh si *m lik* akan zakatnya daripada [h]arta yang lain daripadanya<sup>319</sup> maka iaitu zahir. Dan jika dikeluarkan akan dia daipada [h]arta sedaging maka iaitu dibilangkan daripada

---

<sup>312</sup> Wajib dikeluarkan zakat kerana *ni b* kambing 40 ekor, walaupun belum cukup *ni b* perniagaan, iaitu nilai kambing itu 20 *mithq l* (85 gram emas).

<sup>313</sup> Iaitu zakat yang dikeluarkan dalam bentuk barangan itu sendiri, seperti 40 ekor kambing dikeluarkan zakatnya seekor kambing.

<sup>314</sup> Maksud '*ijtih d*' di sini ialah berusaha sehabis daya oleh seorang *faq h* untuk mendapatkan sangkaan kuat dalam menentukan sesuatu hukum syarak. Lihat al-Jurj n , *al-Ta'rf t*, 12.

<sup>315</sup> Telah diterangkan dalam no. 71.

<sup>316</sup> Tempoh enam bulan bagi "harta perniagaan" dan enam bulan lagi kambing untuk perniagaan, maka genaplah jumlahnya setahun.

<sup>317</sup> *Mu rabah* atau diistilahkan juga sebagai *qir* .

<sup>318</sup> Iaitu si *m lik*.

<sup>319</sup> Maksudnya selain dari harta sedaging itu.

laba jua, tiada daripada modal seperti segala belanja yang wajib akan [h]arta perniagaan itu seperti upah *dall l*<sup>320</sup> dan upah yang menakar<sup>321</sup> dan barang sebagainya.

### (Bab Zakat *fi rah*)

Ini bab pada menyatakan zakat *fi rah*. (Bermula) dalil yang menyatakan wajib zakat *fi rah* dahulu daripada *ijma'* beberapa hadith yang lagi masyhur, seperti adith Ibn 'Umar dan hadith Ab Sa' d. Bermula yang masyhur bahawasanya zakat *fi rah* difarukan ia seperti Ramadhan pada tahun yang kedua daripada hijrah. Kata Wak' bin al-Jarr<sup>322</sup> zakat *fi rah* bagi pada bulan Ramadhan seperti sujud sahwi bagi sembahyang, adalah zakat *fi rah* itu menyempurnakan barang yang kurang daripada puasa seperti sujud sahwi menyempurnakan barang yang kurang daripada sembahyang.

(Bermula) wajib zakat *fi rah* itu dengan beberapa syarat. (Setengah) daripadanya mendapat akhir suku<sup>323</sup> daripada Ramadhan dan awal suku daripada Syawal. Maka wajib dikeluarkan *fi rah* daripada yang mati atau yang ditalak atau yang dimerdihikakan atau yang dijual atau yang jadi kaya daripada kerabatnya kemudian daripada<sup>324</sup> masuk matahari malam hari raya kerana didapat oleh mereka itu sebab wajib, iaitu akhir suku daripada Ramadhan dan awal suku daripada Syawal.

---

<sup>320</sup> Istilah "*dall l*" berasal dari perkataan Arab yang bermaksud broker, iaitu orang tengah di antara penjual dan pembeli yang berusaha menjalankan jualbeli. Lihat Md. Akhir, *Penjelasan Istilah Fiqh*, 25.

<sup>321</sup> Telah diterangkan di atas dalam no. 117.

<sup>322</sup> Nama penuh Wak' bin al-Jarr bin Mul bin 'Adiy bin Faras al-Rus al-Kufi, dari kalangan *tabi' al-tabi'in* dan guru Imam Syafi'. Beliau seorang imam hadith dan lain-lain. Di Kufah tidak ada yang lebih alim daripadanya dalam bidang hadith dan *fiqh* di kala itu. Ramai tokoh meriwayatkan daripadanya seperti Imam Ahmad bin Hanbal, Ibn Rahawaihi, al-Qasbi, Musaddad, Ibn Ma'in dan Ibn Ab Syaibah. Mereka bersepakat atas kelebihan, terhimpunnya segala ilmu, hafazan, warak dan ibadah. Menurut Imam Ahmad, tidak pernah berlaku kepadanya syak tentang hadith kecuali sekali dalam keadaan tidak pernah bersamanya buku dan kertas. Beliau lahir pada 127H dan wafat 177H. Lihat Imam al-Nawaw (2007) *Tahdhib al-Asma'*, 2: 6-7; al-Baihaq, *Man qib al-Syafi'* (Kherah: Dar al-Turath, 1971), 314; Ahmad bin 'Al bin 'Adjar al-'Asqalani, *Tahdhib al-Tahdhib* (Beirut: Dar al-Fikr, 1968), 11: 123-127.

<sup>323</sup> Perkataan "suku" di sini diterjemahkan dari perkataan Arab "سوك" yang membawa maksud sebahagian. [...]

[...] Lihat al-Syarbani, *al-Muhtaj*, 2: 149.

<sup>324</sup> "Kemudian daripada" bermaksud selepas.

Dan tiada wajib *fi rah* daripada anak yang baharu diperanakkan, dan isteri yang baharu dinikah, dan sahaya yang baharu dibeli dan kafir yang baharu Islam dan fakir yang baharu kaya kemudian daripada masuk matahari malam hari raya kerana tiada dapat oleh mereka itu akan suku daripada Rama an. Dan tersebut di dalam *Tu fah* jikalau syak [se]seorang pada yang demikian itu adakah mendatang ia dahulu daripada<sup>325</sup> masuk matahari atau kemudiannya, maka tiadalah wajib *fi rahnya* kerana syak.

Dan jikalau dikeluarkannya *fi rah* sahayanya dahulu daripada masuk matahari, kemudian maka mati yang mengeluarkan dia atau dijualnya akan sahayanya dahulu daripada masuk matahari wajiblah atas warisnya atau yang membeli dia mengeluarkan dia *fi rahnya*.

(Dan setengah) daripada *syur* wajib *fi rah* itu bahawa adalah yang mengeluarkan *fi rah* itu Islam, maka tiada wajib atas kafir asli *fi rah* daripada dirinya melainkan pada sahayanya dan kerabatnya yang Islam yang wajib akan dia nafkahnya,<sup>326</sup> maka wajib atasnya mengeluarkan *fi rahnya* dan wajib atasnya berniat.

Adapun kafir murtad maka jika kembali ia kepada Islam wajib atasnya *fi rah* dirinya dan jika tiada kembali maka tiada wajib.

(Dan setengah) daripada *syur* wajib *fi rah* bahawa adalah yang mengeluarkan *fi rah* itu merdihika sekaliannya atau setengahnya,<sup>327</sup> maka tiada wajib mengeluarkan *fi rah* atas sahaya dan jikalau ada ia *muk tab*<sup>328</sup> sekalipun, kerana milik sahaya yang

---

<sup>325</sup> iaitu sebelum.

<sup>326</sup> Iaitu yang di bawah tanggungannya.

<sup>327</sup> “yang merdeka setengahnya” diistilahkan sebagai *muba‘a* .

<sup>328</sup> Hamba yang lepas dari terikat dengan tuannya dengan membayar sejumlah wang secara beransur-ansur supaya bebas. Raww s, *Mu‘jam Lughah al-Fuqah* , 455.

*muk tab* itu *a'f* dan tiada wajib *fi rahnya* atas tuannya [juga] kerana sahaya yang *muk tab* serta tuannya seperti orang yang halat.<sup>329</sup>

Maka diketahui daripada yang demikian itu bahawasanya tiada wajib atas sahaya itu *fi rah* isterinya,<sup>330</sup> dan jika wajib atasnya nafkah isterinya pada usahanya sekalipun. Tetapi jika ada isterinya itu sahaya jua maka wajib *fi rahnya* atas tuannya, dan jika ada isterinya itu merdihika wajib *fi rahnya* atas dirinya [sendiri] seperti yang tersebut di dalam *Raw ah*<sup>331</sup>. Dan yang [sebaliknya] tersebut di dalam *Majm'*<sup>332</sup> tiada wajib *fi rah* atas dirinya hanya sunat jua seperti yang lagi akan datang pada masalah papa suami.

(Dan setengah) daripada *syur t* wajib *fi rah* bahawa adalah yang mengeluarkan dia itu kaya seperti bahawa adalah *fi rah* yang dikeluarkannya itu lebih daripada belanja makanan dirinya dan makanan yang wajib atasnya nafkahnya pada malam hari raya dan [siang] harinya, lebih daripada pakaian dirinya atau pakaian mereka yang wajib atasnya memberi, dan pakaian [itu hendaklah] yang layak dengan dirinya dan dengan mereka

---

<sup>329</sup> Teks asalnya bertulis هالت , ertinya orang asing atau *ajnaab* .

<sup>330</sup> Maksudnya tidak wajib keluar *fi rah* isterinya, sama seperti hamba itu juga.

<sup>331</sup> *Raw ah al- lib n* oleh Imam Nawaw setebal 12 jilid. Sebuah kitab yang menghuraikan kitab *al-Syar al-Kab r* Imam al-R fi' yang berasal dari kitab *al-Waj z* oleh Imam al-Ghazz l yang meringkaskan *Nih yah al-Ma lab f Ta r r al-Madhhab* Imam aramayn. Kitab *Raw ah al- lib n* kemudiannya diringkaskan pula oleh Ibn al-Muqr dengan judul *Raw al- lib*. Lihat Yousuf al-'Iy n al-Sark s, *Mu'jam al-Ma b ' t al-'Arabiyyah wa al-Mu'arrabah* (K herah: Ma ba'ah Sark s, 1928), 1878; Muhammad Nuruddin al-Banjari al-Makki, *Ma' l m t ahammuk aula Asb b al-Ikhtil f baina al-Fuqah ' al-Madh hib al-Arba'ah* (K herah: Majlis I ya' Kutub al-Tur th al-Isl m , 1994), 84-86.

<sup>332</sup> Merupakan satu huraian kepada matan kitab *al-Muhadhdhab* Imam al-Sy r z oleh Imam Nawaw yang diberi nama *al-Majm'*. Di dalamnya Imam Nawaw telah mencatatkan pendapat-pendapat kedua-dua aliran penulisan terdahulu – Iraq dan Khuras n. Namun beliau hanya sempat menyiapkan hingga pertengahan bab *mu' malah* (juzuk 9). *al-Majm'* terdiri dari 12 jilid beserta dengan *takmilah* al-Subk , 20 jilid beserta *takmilah* Syeikh Naj b al-Mu '. al-Mu ' di dalam penulisannya tidak terkeluar dari metode yang diasaskan oleh Imam Nawaw , bahkan kalau dibaca syarahnya dan syarah Imam Nawaw kadang-kadang kita tidak dapat membezakan di antara penulisan beliau dengan penulisan Imam Nawaw . Suatu kitab yang dianggap kitab rujukan terbesar dan terpenting dalam mazhab Syafi'i. Lebih istimewa kitab ini turut memuatkan pandangan-pandangan mazhab *fiqh* lain secara terperinci serta dalilnya dan *mentarj* atau memperkuat pendapat-pendapat tersebut. Selain itu, ia juga menerangkan tafsir ayat Quran yang sukar, hadith serta darjatnya, bahasa yang sukar dan biografi para tokoh. Untuk maklumat lanjut lihat Imam Ab Zakariyy Mu y al-D n bin Syaraf al-Nawaw , *Kit b al-Majm'* , ed. Mu ammad Naj b al-Mu ' (Jiddah: Maktabah al-Irsy d, t.t.), 1: 4-7; Muhammad Nuruddin al-Banjari al-Makk , *al- urar al-Bahiyyah fi al-Qaw id al-Fiqhiyyah*. Maktab al-Fann li al-Di' yah wa al-I'l n, 1994), 23; Mat Sa'ad Abd. Rahman, *Penulisan Fiqh al-Syafi'i: Pertumbuhan dan Perkembangannya* (Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, 1986), 42-43.

itu pada *man ab*<sup>333</sup> dan *mur ah*<sup>334</sup>, iaitu seperti baju dan sarwal<sup>335</sup> dan serban dan kaus<sup>336</sup> dan barang yang berkehendak ia kepadanya daripada bertambah<sup>337</sup> kerana dingin dan perhiasan dan lain daripada yang demikian itu [sama] seperti [keperluan asas] yang ditinggal bagi orang yang *muflis*<sup>338</sup>. Dan lebih daripada rumah tempat kediamannya atau kediaman mereka yang wajib atasnya nafkahnya. Dan lebih daripada khadamnya atau yang berkehendak ia kepadanya. Tetapi jika ada tempat kediamannya dan khadamnya itu sangat baik yang dapat mengganti keduanya dengan yang layak dengan dia supaya dikeluarkannya lebihnya itu akan *fi rah*<sup>339</sup> nescaya wajiblah atasnya mengerjakan yang demikian itu, dan jika ada tempatnya dan khadamnya itu dijinakinya<sup>340</sup> dan kebiasaannya sekalipun.

(Dan disyaratkan) pula keadaan *fi rah* yang dikeluarkan itu lebih daripada pembayar<sup>341</sup> hutang dan jika ada hutang itu bertanggung sekalipun. Maka jika tiada lebih daripada pembayar hutang tiadalah wajib *fi rah* atasnya. Dan seperti wajib atas [se]seorang mengeluarkan *fi rah* dirinya, wajib pula atasnya menyeluarkan *fi rah* isterinya yang Islam yang wajib atasnya memberi nafkah pada waktu masuk matahari malam hari raya sama ada isteri itu merdihika atau sahaya, dan jikalau ada ia sudah ditalak dengan talak *raj'*<sup>342</sup> atau dengan talak *b 'in*<sup>343</sup> tetapi ada ia bunting sekalipun.

<sup>333</sup> Kedudukan, jawatan. al-Marbawi, *Q m s*, 320.

<sup>334</sup> (maruah). Layak dengan maruah bermaksud tidak terbabit dengan perlakuan yang dipandang keji pada adat walaupun perkara tersebut tidak dikira berdosa.

<sup>335</sup> (seluar). Dalam teks asalnya “سروال” .

<sup>336</sup> Iaitu kasut.

<sup>337</sup> (tambahan)

<sup>338</sup> Bankrup atau seseorang yang ditegah daripada daripada mentadbir harta. Lihat Md. Akhir, *Penjelasan Istilah Fiqh*, 66; Sa'd , *al-Q m s al-Fiqh* , 361.

<sup>339</sup> Maksudnya jika kediaman dan khadam yang lebih dari keperluan, andainya ditukar dengan yang sesuai dengan keadaannya maka lebihnya itu boleh dijadikan zakat *fi rah* baginya.

<sup>340</sup> Disukainya.

<sup>341</sup> (bayaran)

<sup>342</sup> alak yang boleh dirujuk kembali tanpa 'aqad yang baru.

<sup>343</sup> alak *b in* ialah alak yang tidak boleh rujuk kecuali dengan mahar dan 'aqad yang baru. Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah* , 101.

(Adapun) jika ada isterinya itu kafir atau ada ia Islam tetapi tiada wajib atas suaminya nafkahnya pada waktu wajib sebab ia tiada menurut hukum suaminya, maka padalah wajib atas suaminya [sahaja] *fi rahnya*.<sup>344</sup>

(Syahdan) Jikalau ada isterinya itu daripada perempuan yang teradat biasa berkhadam wajiblah atas suaminya memberi dia khadam perempuan sama ada khadam itu merdihika atau sahaya, dengan diupah atau disewa<sup>345</sup> atau tiada. Kemudian jika ada perempuan yang dijadikannya khadam itu [hamba] sahaya isterinya, nescaya wajiblah atas suaminya *fi rahnya* [juga] kerana wajib atasnya nafkahnya.<sup>346</sup>

Dan jika ada perempuan yang dijadikannya khadam itu merdihika dengan [dibayar] upah<sup>347</sup> atau sahaya orang lain dengan disewa, tiadalah wajib atas suami *fi rahnya* hanya wajib atas khadam yang merdihika itu *fi rah* dirinya dan wajib atas tuan sahaya [yang disewa] itu *fi rahnya*.

Dan jika ada perempuan yang dijadikannya khadam itu merdihika dengan tiada diupah, hanya dengan diberi nafkah jua maka iaitu bersalah-salahan ulama. Kata Imam Nawaw<sup>348</sup> di dalam *Majm'at* ' tiada wajib atas suami *fi rahnya* dan kata Imam R *fi* ' <sup>349</sup>

---

<sup>344</sup> Bermaksud memadailah suaminya mengeluarkan zakat *fi rah* untuk dirinya sahaja, tidak wajib atasnya mengeluarkan *fi rah* isterinya.

<sup>345</sup> Istilah 'upah dan sewa' di sini membawa maksud yang sama. Dari segi bahasa Arab upah ialah "أجرة" sementara sewa ialah "إجارة". Lihat Md. Akhir, *Penjelasan Istilah Fiqh*, 108-110; Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah* ', 43.

<sup>346</sup> Wajib atas suami juga membayar *fi rah* khadam isterinya kerana suami wajib menafkahi isterinya sehinggalah kepada *fi rah* hamba isterinya. Pada asalnya isterinya wajib membayar *fi rah* hambanya kerana *fi rah* hamba dibayar oleh tuannya.

<sup>347</sup> Maksudnya dia mendapat gaji.

<sup>348</sup> Nama penuhnya ialah Ya'ya bin Syaraf bin Mir bin asan bin Husain bin izam bin Mu'ammad bin Jum'ah al-iz m. Seorang yang paling alim dalam ilmu *fiqh* dan hadith. Gelaran masyhurnya al-Nawaw yang dipadankan dengan perkataan Nawaw, iaitu nama sebuah kampung di Damsyik, Syria di mana beliau dilahirkan dan mendapat pendidikan awal. Dilahirkan pada 631H dan wafat 676H di Nawaw. Pada 649H beliau telah merantau bersama-sama bapanya ke kota Damsyik dan ditempatkan di pusat pengajian al-Raw'iyah mendalami pelbagai bidang ilmu hingga menjadi seorang alim yang tiada tandingan di zamannya. Terkenal seorang yang sangat zuhud, menyebabkan beliau telah meninggalkan banyak kemewahan dunia hinggalah beliau tidak berkahwin dan tidak mahu memakan buah-buahan di kota Damsyik. Tidak ketinggalan, beliau terlibat dalam usaha amar makruf dan nahi munkar, sebagai contoh beliau pernah menulis surat kepada raja dan pemerintah. Selain itu beliau amat teliti dalam penggunaan waktu. Beliau telah membahagikan masa pembelajarannya tiap-tiap hari kepada 12 masa. Hasil tulisannya yang sangat bermanfaat mengkagumkan para ilmuan meliputi pelbagai bidang seperti hadith, ulum hadith, *u'ul al-fiqh*, *qaw'id fiqh*iyah, *fiqh*, biografi dan bahasa, doa dan zikir.



pada *B b al-N faq t* wajib atas suami *fi rahnya* seperti nafkahnya, kerana bahawasanya ia seperti hukum isteri. Maka yang kedua inilah yang diperpegangi<sup>350</sup> oleh Syeikh Ibn ajar<sup>351</sup> dan Syeikh Raml .<sup>352</sup>

(Dan tiada wajib) atas anak memberi *fi rah* isteri bapanya dan gundiknya dan jikalau yang sudah beranak<sup>353</sup> sekalipun dan jika wajib atasnya nafkah keduanya sekalipun.

Dan jika papa suami seperti bahawa ada ia sahaya atau merdihika tetapi tiada sertanya barang yang lebih daripada barang yang telah lalu ia,<sup>354</sup> nescaya tiadalah

---

Antara karangannya yang sangat masyhur ialah *Minh j al- lib n*, *al-Adhk r*, *al-Minh j f Syar al-Muslim*, *al-Majmu'*, *al-Raw ah*, *Tahdh b al-Asm ' wa al-Lughah*, *al-Tiby n fi d b amalah al-Qur n*, *al- h f Man sik al- ajj*, *Riy al- li n* dan *Bust n al- rif n*. Lihat al-Asnaw , *abaq t al-Sy fi'iyah*, 2: 266; Ibn Hid yatullah al- usain , *abaq t al-Sy fi'iyah* (Beir t: D r al-Af q al-Jad dah, 1982), 225-227; Khairudd n al-Zirikl , *al-A'l m Q m s Tar jim li Asyhar al-Rij l wa al-Nis ' min al-'Arab wa al-Musta'rib n wa al-Mustasyriq n* (Beir t: D r al-'Ilm lilmal y n, 1979), 8: 149; Yusuf bin Taghr bard al-At bbak , *al-Nuj m al-Z hirah fi Mul k Mi r wa al-Q hirah* (K herah: ab'ah D r al-Kutub,1963), 7: 25; Imam al-Nawaw , *Terjemahan Minh j al- lib n*, terj. Mat Sa'ad Abd. Rahman (Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1989), 1-36; al-Haitam , *Tu fah*,1: 6.

<sup>349</sup> Al-R fi' ialah 'Abd al-Kar m bin Mu ammad bin 'Abd al-Kar m bin al-Fa l al-Qazw n Abu Q sim yang lahir pada tahun 550H dan wafat tahun 624H. Dinisbahkan namanya kepada sahabat Nabi, R fi' bin Khudaij. Beliau seorang *faq h* besar mazhab Syafi'i, ahli tafsir, hadith, *u l* dan lain-lain bidang ilmu. Seorang yang amat teliti dalam memastikan kebenaran dan berhati-hati dalam penukilan. Di antara karya beliau *Fat al-'Az z fi Syar al-Waj z*, syarah kepada kitab *al-Waj z* yang dimuatkan dalam berbelas-belas jilid, *al-Mu arrar Syar Musnad al-Sy fi'* dan *al-Tadw n fi Zikr Akhb r Qazw n*. Lihat Ibn al-Hid yatullah al- usain , *abaq t al-Sy fi'iyah*, 218-219; al-Zirikl , *al-A'l m Q m s Tar jim*, 4: 55; al-Zahab , *Syar A'l m al-Nubal '* (Beir t: Muassasah al-Ris lah, 1985), 22: 252-255. Imam al-Nawaw , *Tahdh b al-Asm '*, 1: 137.

<sup>350</sup> Dipegang.

<sup>351</sup> Iaitu Shih buddin Ab al-'Abb s A mad bin Mu ammad bin 'Al ibn ajar al-Haitam . Beliau lahir di Ma allah Ab al-Haitam, daerah Gharbiyyah, Mesir pada 909H. Seorang yang zuhud, menguasai banyak bidang ilmu khususnya *fiqh* Syafi'i dan menghasilkan karya-karya masyhur. *Antaranya al-Imd d*, *Fat al-Jaww d*, *Tu fah al-Mu t j*, *al- aw 'iq al-Mu riqah*, *Syar al-'Ub b* yang bernama *al-I' b*, *Kaff al-Ri' ' 'an Mu arram t al-Lahw wa al-Sam '*, *al-Zaw jir 'an Iqtir f al-Kab ir*, *Syar Alfiah 'Abdullah Ba af al*, *Syar Mukhta ar al-Raw* , *Fat w ad thiyah*, *Man qib Ab an fah* dan banyak lagi. Ketika umurnya 14 tahun berhijrah ke al-Azhar. Dibenarkan berfatwa dan mengajar sebelum umurnya 20 tahun. Manusia bersesak-sesak datang bermusy *fahah* dengannya dan mereka bangga dinisbahkan dengannya. Antaranya muridnya Shih b al-Raml . Kemudian beliau berpindah ke Mekah mengajar dan menghasikan banyak karya di sana hingga wafat pada tahun 973H. Lihat al-Syauk n , *al-Badr al- li'*, 1: 109; 'Abd al- ayy bin al-'Im d (1351H), *Syadhar t al-Dhahab*, 7: 370-372.

<sup>352</sup> Beliau ialah Mu ammad bin A mad bin amzah ibn Shih b al-Raml al-Man fi al-Mi r yang terkenal dengan al-Sy fi' al- agh r. Lahir dan wafat di Kaherah (919-1004H). Seorang *faq h* Mesir, rujukan fatwa Sy fi'iyah dan menghimpunkan fatwa bapanya. Menghasilkan banyak Syarah dan *aw sy* , antaranya *Syar 'al Hadiyyah al-N i* , *Gh yah al-Bay n f Syar Zubad ibn Rusl n*, *Nih yah al-Mu t j*, *Syar al-'Uq d fi al-Na w dan Fat w* beliau. Lihat al-Zirikl , *al-A'l m Q m s Tar jim*, 6: 7; Ka lah, *Mu'jam al-Muallif n*, 8: 255.

<sup>353</sup> (ada anak)

<sup>354</sup> "barang yang telah lalu ia" bermaksud keperluan-keperluan asas yang telah diuraikan di atas seperti makan dan pakaian.

*l zim*<sup>355</sup> isterinya yang merdihika *fi rah* dirinya dan jika ada ia kaya sekalipun. Tetapi sunat baginya memberi *fi rah* dirinya<sup>356</sup> supaya keluar daripada perkhilafan<sup>357</sup> ulama yang mewajibkan dia.

(Dan wajib) *fi rah* sahaya perempuan yang bersuami atas tuannya apabila papa suaminya yang merdihika<sup>358</sup> atau ada suaminya itu sahaya.<sup>359</sup> Tetapi jika ada suaminya yang merdihika itu kaya dan ditasl mkan<sup>360</sup> oleh tuannya akan isterinya bagi suaminya pada malam dan siang wajiblah *fi rahnya* atas suaminya, tiada atas tuannya.

(Dan demikian lagi) wajib atas bapa *fi rah* anak dan cucu yang papa lagi Islam dan jikalau terkebawah sekalipun.<sup>361</sup> (Dan demikian lagi) wajib atas anak *fi rah* ibu dan bapa yang papa dan jikalau terkeatas sekalipun, tetapi tiada wajib atas anak *fi rah* ibu dan bapa yang kaya dan tiada wajib atas bapa *fi rah* anak dan cucu yang kaya atau yang kuasa ia atas berusaha, kerana tiada wajib nafkah pada ketika itu.

(Dan demikian lagi) wajib *fi rah* sahaya atas tuannya sama ada sahaya itu ditadbirkan, yakni dita' l qkan<sup>362</sup> merdihikanya dengan mati tuannya atau dita' l qkan merdihikanya dengan suatu sifat atau ada sahaya itu gundiknya yang beranak dengan dia atau sahaya yang disandarkan<sup>363</sup> atau yang diwasiatkan dengan manfaatnya bagi [se]seorang atau sahaya yang melukai akan [se]seorang sahaya atau yang lari daripada tuannya dan jikalau putus khabarnya sekalipun atau yang dirampas orang maka wajiblah *fi rah* sekalian mereka itu atas tuannya, seperti wajib nafkah mereka itu atasnya.

---

<sup>355</sup> “*l zim*” ialah perkataan Arab yang bermaksud wajib.

<sup>356</sup> Iaitu zakat *fi rah* suaminya.

<sup>357</sup> (Khilaf). Ertinya masalah-masalah *fiqh* yang tidak disepakati hukumnya oleh ulama yang diiktiraf khilafnya. Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah* ', 198.

<sup>358</sup> Suaminya adalah tuannya sendiri dan suaminya seorang yang merdeka tetapi papa.

<sup>359</sup> Maksudnya jika suaminya hamba, si isteri wajib mengeluarkan *fi rah* dirinya.

<sup>360</sup> “*taslim*” berasal dari perkataan Arab bermaksud serah.

<sup>361</sup> iaitu cicit dan keturunan yang seterusnya.

<sup>362</sup> Hamba jenis ini turut diistilahkan sebagai “*mudabbar*”, iaitu hamba yang dita' l qkan pembebasannya dengan kematian tuannya seperti kata tuannya, “Sekiranya aku mati maka engkau bebas”. *Ibid.*, h. 418.

<sup>363</sup> Iaitu digadai.

Dan tiada wajib *fi rah* sahaya yang wajib nafkahnya itu atas baitulmal atau atas sekalian Islam dan sahaya baitulmal dan yang dimiliki bagi masjid dan atas lainnya, dan jika wajib nafkah mereka sekalipun.

(Bermula) *fi rah* yang wajib atas tiap-tiap seorang itu segantang<sup>364</sup> seperti gantang Madinah pada masa Nabi *allalL hu 'alayh wa sallam*, iaitu telah terdahulu kenyataannya pada zakat tumbuh-tumbuhan. Bahawasanya yang segantang itu empat *mudd* dan yang satu *mudd* itu sera *l*<sup>365</sup> dan *sethuluth*<sup>366</sup> dengan *ra l* baghd d .

Maka jadilah yang segantang itu lima *ra l* dan *sethuluth*, iaitu berat 600 dirham dan 85 *dirham* dan lima *subu' dirham*<sup>367</sup> kerana yang satu *ra l* baghd d itu berat 128 *dirham* dan empat *subu' dirham*,<sup>368</sup> tetapi yang disyaratkan dan yang kebilangannya dengan ditakar<sup>369</sup> jua. Tetapi ditimbang dan hanyasanya ditakdirkan dengan menimbang dengan *ra l* dan *dirham* kerana menuntut kenyataan jua.<sup>370</sup> Tetapi pada jenis yang tiada ditakar seperti *aqi*<sup>371</sup> dan *jubn*<sup>372</sup> hendaklah dibilangkan yang segantang itu dengan timbang jua.

(Bermula) jenis yang segantang itu, iaitu *q t*<sup>373</sup> yang wajib zakatnya se'*usyur*<sup>374</sup> atau *ni f 'usyur*<sup>375</sup> lagi sejahtera daripada 'aib. (Dan demikian lagi) *aqi* , iaitu air susu yang dikeringkan serta kepala dadihnya dan *jubn*, iaitu air susu yang dibekukan serta kepala dadihnya.

---

<sup>364</sup> Diterjemah dari perkataan Arab "صاع".

<sup>365</sup> *Ra l* ialah kati. Dalam kitab *fiqh* klasik, kati yang digunakan merujuk kepada kati Baghdad kerana Baghdad pada ketika itu merupakan pusat ketamadunan dunia.

<sup>366</sup> 1/3.

<sup>367</sup> Ertinya  $685 \frac{5}{7} \text{ dirham} = 685.71 \text{ dirham}$ .

<sup>368</sup>  $128 \frac{4}{7} = 128.57 \text{ dirham}$ .

<sup>369</sup> Sukat. Tidak dikira dengan timbangan.

<sup>370</sup> Maksudnya supaya lebih terang dan jelas.

<sup>371</sup> Sebutan yang termasyhur *al-Aqi* . Ertinya susu yang dibekukan. Al-Qaly b dalam *syiahnya*, menurut Ibn al-A' r b , yang dimaksudkan dengan *al-Aqi* ialah susu beku yang diperbuat dari susu unta secara khusus. Lihat al-Haitam , *Tu fah*, 1: 484; Syamsuddin al-Raml , *Nih yah al-Mu t j* , 3: 121; al-Qaly b dan 'Umairah, *syiyat Qaly b wa 'Umairah*, 2: 58; al- fi Ibn ajar al-'Asqal n , *Fat al-B r bi Syar a al-Bukh r* , ed. ha Abd Ra f Sa'd (K herah: D r al-Ghad al-'Arab , 1993), 5: 154.

<sup>372</sup> Keju. Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah '* , 160.

<sup>373</sup> Makanan yang mengenyangkan. al-Marbawi, *Q m s*, 160.

<sup>374</sup> 1/10.

<sup>375</sup> Setengah '*usyur* :  $\frac{1}{2} \times \frac{1}{10} = \frac{1}{20}$ , manakala dalam peratus  $\frac{1}{20} \times 100 = 5\%$ .

Maka tiada memadai yang ber'aib seperti bercemar dengan yang lain atau yang berbubuk atau yang usang berubah rasanya atau warnanya atau baunya dan yang basah yang tiada jadi baik dengan dicampur. (Dan demikian lagi) tiada memadai *aqi* dan *jubn* yang ber'aib.

Dan wajib keadaan *fi rah* itu daripada jenis *q t* yang *gh lib* pada tempat yang *difi rahkan* ia. Maka tiada memadai daripada *q tnya* yang tiada *gh lib* dan tiada memadai daripada *q t* tempat [orang] yang mengeluarkan *fi rahnya* dan jika ia *gh lib* sekalipun [bagi tempat orang yang mengeluarkannya]. Maka dikerana inilah wajib membayar *fi rah* bagi segala fakir tempat yang *difi rahi*,<sup>376</sup> tiada bagi fakir tempat [orang yang] mengeluarkan *fi rahnya*.

Maka [contohnya,] jikalau ada sahaya atau isteri u[m]pamanya pada [satu] negeri dan tuannya atau suaminya pada negeri yang lain nescaya wajib keadaan *fi rah* itu daripada *q t* yang *gh lib* pada negeri sahaya atau isteri [yang] diberikan ia bagi segala fakir di dalam negeri sahaya atau isteri. Tiada memadai daripada *q t* di dalam negeri tuannya atau suaminya dan tiada memadai diberikan bagi segala fakir di dalam negeri tuannya atau suaminya.

Maka jika ada pada suatu tempat beberapa *q t* yang tiada *gh lib* padanya *khiy rlah*<sup>377</sup> yang mengeluarkan itu antaranya, tetapi yang *teraf al* iaitu yang tertinggi pangkatnya pada pihak mengenyangi dan memadai mengeluarkan *q t* yang tertinggi ganti daripada *q t* yang terkebawah yang wajib atasnya dan tiada memadai 'akasnya'.<sup>378</sup> (Bermula) yang dikehendaki dengan yang tertinggi itu, iaitu yang terlebih mengenyang tiada yang terlebih harganya.

---

<sup>376</sup> Maksud '*tempat yang difi rahi*' ialah tempat tinggal orang yang dibayarkan *fi rahnya* oleh orang yang menyaranya.

<sup>377</sup> Pilihan.

<sup>378</sup> '*akas* bererti lawannya atau sebaliknya.

(Bermula) gandum terlebih tinggi martabatnya daripada sekalian *q t* yang memadai dengan tiada *khil f*, kemudian maka kherma, kemudian yang mengiring dia *sya' r* dan *dhurah* dan *dukhun*<sup>379</sup> bersamaan martabatnya dengan *sya' r*, kemudian maka anggur, kemudian maka beras, kemudian maka *imma*,<sup>380</sup> kemudian maka *alm sy*, kemudian maka *'adas*, kemudian maka *f l*, kemudian maka *aqi* maka *laban*,<sup>381</sup> kemudian maka *jubn*. Inilah yang tersebut dalam *Tu fah* Ibn 'ajar, dan yang tersebut dalam *Nih yah* Raml bahawasanya beras terlebih dari kherma kerana beras terlebih mengenyang[kan] daripada kherma.<sup>382</sup>

Dan harus bagi [se]seorang mengeluarkan *fi rah* dirinya daripada *q t* yang wajib akan dia mengeluarkan daripadanya dan *fi rah* kerabatnya daripada *q t* yang tertinggi daripadanya dan harus *'akasnya*.

(Dan tiada) memadai *fi rah* [se]seorang setengah gantang daripada [se]sesuatu jenis *q t* dan setengahnya daripada suatu<sup>383</sup> jenis *q t* yang lain dan jikalau diperoleh[i]nya setengah gantang daripada *q t* maka wajiblah atasnya mengeluarkan dia.

Dan jika diperoleh[i]nya daripada *q t* kadar yang tiada cukup akan *fi rahnya* daripada segala *'iy lnya*<sup>384</sup> wajiblah atasnya mendahulukan memberi dirinya, kemudian maka *fi rah* isterinya, kemudian maka *fi rah* anaknya yang kecil kemudian maka *fi rah* bapanya, kemudian maka *fi rah* ibunya jikalau terkeatas sekalipun, kemudian maka *fi rah* anaknya yang besar yang lemah daripada berusaha, kemudian maka segala sahayanya.

<sup>379</sup> Telah diterangkan di atas dalam no. 133. Sejenis jagung.

<sup>380</sup> Atau disebut *immi*, ertinya kacang kuda. Lihat Imam al-Nawaw, *Tahdh b al-Asm*, 2: 323; *A Dictionary of Modern Written Arabic*, 205.

<sup>381</sup> Susu. Al-Marbaw, *Q m s*, 209.

<sup>382</sup> Pandangan Iman Muhammad Raml ini lebih dekat dengan masyarakat Melayu walaupun kebiasaannya masyarakat melayu Nusantara lebih mengutamakan pandangan Ibn 'ajar al-Haitam. Dalam hal ini Ibn 'ajar al-Haitam menyatakan turutan keutamaan makanan ini tidak berbeza menurut negeri. al-Haitam, *Tu fah*, 1: 485; al-Raml, *Nih yah al-Mu t j*, 3: 122.

<sup>383</sup> (satu)

<sup>384</sup> عيال: ahli-ahli rumahnya yang wajib nafkah mereka itu atasnya. al-Marbawi, *Q m s*, 51.

Maka didahulukan segala sahaya itu *fi rah* gundiknya yang beranak ia dengan dia, kemudian maka sahayanya yang *mudabbar*, yakni yang dita'liqkan merdihikanya dengan mati tuannya, kemudian maka *fi rah* sahayanya yang dita'l qkan merdihikanya dengan suatu sifat.

Dan harus bagi bapa atau nenek<sup>385</sup> bahawa mengeluarkan ia daripada [h]artanya akan *fi rah* atau zakat [h]arta anaknya atau cucunya yang kecil atau yang gila atau *saf h*<sup>386</sup> yang kaya dan harus ia rujuk atasnya kemudiannya jika diniatkan akan rujuk seperti harus bagi [se]seorang mengeluarkan daripada [h]artanya akan *fi rah* atau zakat [h]arta orang lainya dengan izinnya. Bersalahan anaknya [yang besar] atau cucunya [yang] besar maka tiada harus bagi bapa atau nenek mengeluarkan daripadanya melainkan dengan izinnya.<sup>387</sup>

Dan jika bersekutu dua orang pada memiliki seorang sahaya dengan bersamaan, nescaya atas yang kaya *fi rahnya* setengah gantang daripada *q t* tempat sahayanya dan tiada wajib atas yang papa suatu jua pun. Dan jika kaya keduanya wajib atas tiap-tiap keduanya mengeluarkan setengah gantang daripada *q t* tempat sahaya.

(Dan harus) [se]seorang menyegerakan mengeluarkan zakat *fi rah* tatkala masuk bulan Rama an dan jikalau pada malam yang pertama sekalipun kerana diperoleh sebab yang pertama daripada dua sebab wajib *fi rah*, iaitu Rama an. Maka harus mendahulukan mengeluarkan dia daripada sebab yang kedua, iaitu awal suku daripada Syawal. Dan tiada harus mendahulu zakat *fi rah* atas dua sebab seperti zakat harta jua.<sup>388</sup> Dan lagi akan datang syarat memadai zakat yang disegerakan, melainkan

---

<sup>385</sup> Maksudnya datuk lelaki. Diketahui umum bahawa sebahagian negeri di kepulauan Melayu seperti Jawa memanggil datuk lelaki dengan panggilan nenek.

<sup>386</sup> Jahil atau sesiapa yang yang membazirkan hartanya pada sesuatu yang tidak sepatutnya. Sa'd , *al-Q m s al-Fiqh* , 215.

<sup>387</sup> Maksudnya anak yang kecil boleh dikeluarkan zakatnya tanpa izin, manakala anak yang besar perlu izin kerana biasanya ia memerlukan kepada niat, tidak sah zakat tanpa niat. al-Syarb n , *Mughni al-Mu t j* , 2: 158.

<sup>388</sup> Ini kerana tidak harus mengeluarkan zakat harta sebelum tiba awlnya setahun.

*wal*<sup>389</sup> yang mengeluarkan zakat *fi rah* yang di*wal* kannya maka tiada harus baginya mendahulukan dia daripada sebab yang kedua.

Dan sunat mengeluarkan zakat *fi rah* pada siang. Dan mengeluarkan dia kemudian daripada fajar hariraya dan dahulu daripada sembahyang hariraya terlebih utama. Inilah jika dikerjakan sembahyang hariraya itu pada awal siang. Dan jika dikerjakan akan dia pada akhir siang maka sunat menyegerakan *fi rah* pada awal siang kerana mengluaskan atas segala *musta iq*.

(Bermula) menanti u[m]pama sahabat dan yang sekampung itu *af al* pada zakat itu. (Dan demikian lagi) pada *fi rah* jika ada menanti itu lagi di dalam hariraya jua. (Dan) haram menta'*khirk*an *fi rah* kemudian daripada hariraya dengan tiada uzur seperti belum ada hadir [h]artanya atau belum hadir segala *musta iq* yang menerima dia, kerana luput makna yang dimaksudkan, iaitu mengayakan segala *musta iq* yang menerima daripada menuntut<sup>390</sup> di dalam hari bersuka-sukaan. Dan wajib akan dia mengqa ' *fi rah* dengan segera jika dita'*kh rk*annya dengan tiada uzur.

**(Fa al)** Pada menyatakan niat pada zakat dan menyegerakan mengeluarkan dia.

(Bermula) wajib niat zakat dengan hati dan tiada disyaratkan mengata dia dengan lidah. Maka tiada memadai melafazkan niat dengan lidah serta sunyi hati daripada niat, seperti ukum *takb ratul i r m* sembahyang jua. Maka hendaklah diniatkan oleh yang memberi zakat:

(هذه زكاة مالى) yakni inilah zakat [h]artaku.

---

<sup>389</sup> *Wal* (ولى) di sini bermaksud waris atau penjaga. Berasal dari perkataan Arab “ ولى ”. Md. Akhir, *Penjelasan Istilah Fiqh Mu'amalat*, 74; Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah* ', 510.

<sup>390</sup> Meminta-minta.

Dan jika tiada diniatkan akan *far u* sekalipun memadailah kerana zakat tiada dia melainkan *far u* jua, bersalahan sembahyang dan sedekah, tetapi yang teraf *al* hendaklah disebutkannya akan *far u* sertanya atau diniatkannya:

(هذا فرض مالى) ertinya, inilah *far u* sedekah [h]artaku.

Atau diniatkannya, (هذه صدقة مالى المفروضة) ertinya, “inilah sedekah [h]artaku yang di*far u*kan.”

Atau diniatkannya (هذا فرض الصدقة) ertinya, “inilah *far u* sedekah.”

Atau diniatkannya (هذه الصدقة المفروضة) ertinya, “inilah sedekah yang di*far u*kan.”

Dan tiada memadai niat (هذه صدقة مالى) ertinya, “inilah sedekah [h]artaku.”

Dan demikianlah tiada memadai (هذا فرض المال) ertinya, “inilah *far u* [h]arta.”

dikerana sedekah itu terkadang ada ia sunat, dan *far u* [h]arta terkadang ia *kaff rah*<sup>391</sup> dan nazar.<sup>392</sup>

(Dan harus) mendahulukan niat zakat daripada memberikan bagi segala *musta iq* dengan syarat jika berniat ia tatkala melainkan<sup>393</sup> zakat daripada segala [h]arta, atau berniat ia tatkala menyerahkan zakat kepada imam atau kemudian daripada menyerahkan zakat kepada imam atau wakil dan didahulu daripada membahagi dia bagi

---

<sup>391</sup> Perbuatan yang diwajibkan syarak untuk menghapuskan dosa tertentu seperti membebaskan hamba, puasa dan memberi makan. Sa'd , *al-Q m s al-Fiqh* , 398; Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah* ' , 382.

<sup>392</sup> Pengertian nazar ialah mewajibkan ke atas diri melakukan sesuatu ibadah yang tidak wajib. Al-Marbaw , *al-Q m s* , 309; al-Syarb n , *Mughn al-Mu t j* , 6: 253.

<sup>393</sup> Ertinya mengasingkan.



segala *musta iq*.<sup>394</sup> Dan yang *teraf al* hendaklah berniat pula imam atau wakil itu tatkala membahagi dia dan memadai niat kemudian daripada melainkan zakat dan dahulu<sup>395</sup> membahagi dia.

Dan harus bagi yang empunya [h]arta menyerahkan niat bagi wakilnya jika ada wakilnya itu ahli bagi niat seperti ada ia Islam lagi *mukallaf*.<sup>396</sup> (Adapun) kanak-kanak dan kafir maka tiadalah harus keduanya jadi wakil pada niat zakat tetapi harus jadi wakil pada menghantarkan zakat bagi yang diberi zakat jika ditentukannya akan yang diberi zakat seperti dikatanya, “Baginya hantarkan olehmu akan zakat ini bagi si Anu”. Dan wajib atas *wal* berniat pada zakat kanak-kanak dan yang *saf h*,<sup>397</sup> dan jika tiada berniat wal itu men *am nlah* ia kerana *taq r*.<sup>398</sup>

(Dan jikalau) menyerahkan si *m lik* akan [h]arta zakat bagi imam dengan tiada berniat nescaya tiadalah memadai niat imam. Dan manakala enggan si *m lik* daripada memberikan zakat hendaklah diambil oleh imam atau naibnya akan zakat daripadanya dengan kekerasan, dan wajib atasnya itu berniat tatkala membahagi dia jika tiada berniat si *m lik* tatakala diambil [h]arta itu daripadanya.

(Dan harus) bagi yang empunya [h]arta menyegerakan zakat dahulu daripada genap tahunnya seperti bahawa memiliki ia akan *ni b* daripada *naqd* atau *na'am* maka disegerakannya zakatnya dahulu daripada genap tahunnya atau dibelinya akan mata benda perniagaannya jikalau dengan harga kurang daripada *ni b* sekalipun. [Misalnya] seperti dibelinya akan mata benda kerana akan perniagaan yang tiada sampai harganya 200 *dirham* [maka zakatnya] iaitu lima *dirham* dan tatkala genap tahunnya sampai harganya daripada 200 *dirham*. Atau dibelinya mata benda yang berharga 200 *dirham*

---

<sup>394</sup> Maksudnya sebelum harta itu diagihkan kepada *musta iq*.

<sup>395</sup> Sebelum.

<sup>396</sup> *Mukallaf* ialah mereka yang dibebankan dengan hukum-hukum syarak untuk dilaksanakan, iaitu mereka yang berakal dan baligh. *Ibid.*, h. 456.

<sup>397</sup> Telah diterangkan di atas dalam no. 386.

<sup>398</sup> Telah diterangkan dalam no. 34.

maka disegerakannya zakat 200 *dirham* maka disegerakannya zakat 40 *dirham*, iaitu 10 *dirham* dan tatkala genap tahunnya sampai harganya 400 *dirham* memadai akan dia zakat yang disegerakan pada sekalian yang tersebut itu.

(Dan tiada) menyegerakan akan zakat melainkan di dalam setahun jua. Maka tiada sah menyegerakan zakat lebih daripada setahun. Adalah bandingan[nya] seperti menyegerakan zakat *naqd* atau *na'am* dahulu daripada genap *ni b* seperti bahawa memiliki ia akan 100<sup>399</sup> *dirham* maka disegerakannya zakat 200 *dirham*, iaitu lima *dirham*. Maka ia itu tiada sah. Maka zakat yang disegerakan bagi dua tahun atau lebih itu tiada memadai melainkan pada tahun yang pertama jua.

(Dan demikian lagi) tiada sah menyegerakan zakat tumbuh-tumbuhan seperti kherma<sup>400</sup> dan anggur dan gandum dan padi dan barang sebagainya dahulu daripada waktu wajib, iaitu nyata baik buahnya dan keras bijinya. Tetapi harus menyegerakan dia kemudian daripada waktu wajib dan dahulu daripada mengeringkan dia dan membersihkan dia.

(Bermula) syarat memadai zakat yang disegerakan itu tiga perkara. (Pertama) Hendaklah ada kekal si *m lik* ahli bagi wajib zakat hingga akhir tahun pada zakat [h]arta dan hingga masuk bulan syawal pada zakat *fi rah*. (Kedua) Hendaklah ada yang menerima zakat itu pada akhir tahun dan pada ketika masuk bulan Syawal *memusta iq*<sup>401</sup> bagi zakat.<sup>402</sup> (Ketiga) Hendaklah ada [h]arta yang disegerakan zakat daripadanya yang lain daripada [h]arta perniagaan kekal ia hingga akhir tahun.

---

<sup>399</sup> 100 *dirham* belum sampai *ni b*.

<sup>400</sup> (Kurma). Teks asal “خرم”.

<sup>401</sup> *Musta iq* bererti yang berhak. Dalam teks asalnya tertulis **مستحق** – dua huruf *mim*- boleh jadi kesilapan cetakan kerana pada hemat penulis, tiada makna bagi perkataan sedemikian dalam bahasa Arab dan tidak dapat disuaikan dengan mana-mana kaedah nahu Arab.

<sup>402</sup> Ertinya hendaklah penerima zakat itu orang yang berhak menerimanya pada ketika akhir tahun dan bulan Syawal.

Maka jika mati si *m lik* atau yang menerima dahulu daripada yang demikian itu, atau murtad yang menerima, atau ghaib ia daripada negeri zakat ke negeri yang lain, atau jadi kaya ia dengan [h]arta yang lain daripada yang disegerakannya seperti kaya ia dengan zakat yang lain dan jikalau ada ia zakat yang disegerakan sekalipun<sup>403</sup> dan tiada mengapa kayanya dengan zakat yang disegerakan, atau jadi kurang [h]arta daripada *seni b*, atau hilang ia daripada miliknya pada hal tiada ia [h]arta perniagaan maka yang disegerakan itu tiada memadai akan zakat kerana [ter]keluar si *m lik* daripada mereka yang wajib atasnya zakat dan [ter]keluar yang menerima dia daripada *musta iq* zakat pada waktu wajib.

Tetapi tiada mengapa jika datang *m ni*<sup>404</sup> pada yang menerima zakat kemudian maka hilang ia dahulu<sup>405</sup> daripada sempurna tahun atau tiada diketahui hal yang menerima pada akhir tahun adakah ia *musta iq* atau tiada? Adakah ia hidup atau mati? Ia itu tiada mengapa. Dan [sebaliknya] jikalau mati yang menerima dengan papanya dahulu daripada akhir tahun<sup>406</sup> wajib pula atas si *m lik* memberi zakat bagi segala *musta iq* [yang lain] kerana nyata yang dahulu itu tiada memadai [untuk gugur *far u* zakatnya].

(Syahdan) Apabila tiada jadi yang disegerakan itu zakat hendaklah diambil [h]arta itu daripada yang menerima dia dengan syarat jika diketahui oleh menerima bahawa zakat itu didahulukan daripada genap tahunnya seperti dikata oleh si *m lik* tatkala memberikan dia, “ini zakat [h]arta ku segerakan daripada tahunnya”. Dan jika sudah lenyap [h]arta itu wajib atas yang menerima memberi gantinya bagi si *m lik*. Dan

---

<sup>403</sup> Maksudnya dia menjadi kaya kerana mendapat harta zakat daripada pengeluar zakat yang lain sekalipun harta itu zakat yang disegerakan juga.

<sup>404</sup> Penghalang. *M ni* ialah perkataan Arab dalam bentuk dan makna *f 'il* (pelaku sesuatu perbuatan) yang memberi erti benda atau perkara yang menghalang. Maksudnya di sini berlaku sesuatu yang menghalang penerima zakat itu menjadi orang yang berhak menerima zakat, sama halnya dengan seseorang menyegerakan sewa rumah kemudian runtuh rumah itu dalam tempoh tersebut.

<sup>405</sup> Sebelum.

<sup>406</sup> Mati dalam keadaan papa sebelum cukup tahun zakatnya, iaitu belum sampai *awl*.

jika tiada tahu yang menerima akan yang demikian itu janganlah diambilnya [h]arta daripadanya dan jadilah [h]arta itu sedekah sunat.

Dan sunat jika bersalahan si *m lik* dan yang menerima [ber]kata si *m lik* bahawa, “Zakatku itu disegerakan daripada tahunnya dan engkau tahu akan dia” dan kata yang menerima dia, “Tiadaku tahu akan yang demikian itu”. Dibenarkan [dakwaan] yang menerima dengan sumpahnya.

(Masalah) Jika beranak kambing zakat yang disegerakan itu di dalam tangan yang menerima tiada wajib akan yang menerima mengembalikan anaknya, demikian lagi air susunya dan bulunya. Dan jika jadi kurus kambing itu di dalam tangan yang menerima tiadalah wajib atas yang menerima itu membayar *q mah* kurangnya bagi si *m lik*.

(Syahdan) Apabila genaplah tahun [h]arta yang kena zakat wajiblah zakatnya, dan jika belum dapat ia mengeluarkan dia sekalipun. Maka permulaan tahun yang kedua [adalah] dibilang daripada genap tahun yang pertama jua, tiada daripada ketika dapat mengeluarkan dia.

Maka wajib pada akhir tahunnya mengeluarkan zakatnya dengan segera jika dapat mengeluarkan pada ketika itu seperti bahawa hadir [h]arta dan segala *musta iq* dan tiada ada yang empunya [h]arta itu [berada] di dalam kesukaran agama atau dunia.<sup>407</sup> Maka jika dilambatkannya mengeluarkan kemudian daripada dapat ia mengeluarkan dia nescaya men *am nlah*<sup>408</sup> ia akan kadar zakat, yakni wajib atasnya mengeluarkan kadar zakat jika sudah lenyap [h]arta zakat sekalipun.

---

<sup>407</sup> “kesukaran agama dan dunia” bermaksud sibuk dengan urusan penting yang berkait dengan agama dan dunia seperti sembahyang dan makan. Lihat al-Haitam, *Tu fah*, 1: 493.

<sup>408</sup> Telah diterangkan dalam no. 188. Mengganti barang yang sejenis dengan barang yang rosak atau lenyap.

Dan harus baginya menanti keluarganya dan jika jauh sekalipun, dan menanti yang sekampung dengan dia dan yang terlebih hajatnya kepada zakat. Tetapi jika lenyap [h]arta pada masa itu wajib atasnya *am n*. Dan syarat harus menanti itu jika tiada ada di sana yang kesakitan dengan lapar atau bertelanjang. Jika ada kesakitan seperti demikian itu haramlah menta'kh rkan mengeluarkan dia pada ketika itu kerana menolakan kesakitan itu wajib, tiada harus meninggalkan dia kerana menghasilkan *fa lat* zakat bagi keluarganya yang sekampung dengan dia.

Dan jikalau lenyap [h]arta itu dahulu daripada mengeluarkan dia tiadalah *am n* atasnya samada lenyap itu kemudian daripada genap tahunnya atau dahulunya daripada dapat mengeluarkan dia, tiadalah gugur wajib zakat.

Dan jika lenyap setengah [h]arta zakat kemudian daripada genap tahunnya dan dahulu daripada dapat mengeluarkan dia wajiblah atasnya mengeluarkan bahagian yang [masih] tinggal kemudian daripada menggugurkan *waqa*.<sup>409</sup> Maka jika lenyap seekor daripada lima<sup>410</sup> ekor unta wajib atasnya mengeluarkan empat *khumus*<sup>411</sup> kambing dan jika lenyap lima ekor daripada sembilan ekor unta wajib atasnya mengeluarkan empat *khumus* dan jika lenyap empat ekor daripadanya<sup>412</sup> wajib atasnya mengeluarkan seekor kambing.

(Syahdan) *Ta'alluqlah* zakat itu dengan [h]arta seperti *ta'alluq* syarikat. Maka si *musta iq* itu bersekutu ia bagi si *m lik* dengan kadar yang wajib jika ada [zakat] yang wajib itu sejenis<sup>413</sup> [dengan] [h]arta [zakat seperti] seekor kambing daripada 40 kambing, dan jika tiada seperti demikian itu seperti seekor kambing daripada lima ekor unta maka bersekutu ia pada kadar *q matnya*. Maka apabila dijualnya oleh si *m lik* menjual kadar yang tersebut itu [atau] menandakan dia maka apabila dijualnya oleh si

---

<sup>409</sup> Iaitu sesudah menolak *waqa* nya.

<sup>410</sup> *Ni b* unta ialah lima ekor.

<sup>411</sup> Empat *khumus*: 4/5.

<sup>412</sup> Daripada sembilan ekor.

<sup>413</sup> Sama jenis.

*m lik*<sup>414</sup> akan sekalian [h]arta zakat atau setengahnya atau disandakannya<sup>415</sup> kemudian daripada genap tahunnya sah jualannya atau sandanya itu melainkan pada kadar [yang kena] zakat itu.<sup>416</sup> Jika<sup>417</sup> tiadalah sah jualannya atau sandanya [pada kadar zakatnya] kerana menjual hak si *musta iq*. Dan tetaplah<sup>418</sup> kadar zakat [itu] bagi si *musta iq* pada [h]arta itu dan *khiy rlah*<sup>419</sup> yang membeli atau yang menyanda<sup>420</sup> ia antara melakukan<sup>421</sup> beli[an] dan sanda dan antara memfasakhkan<sup>422</sup> dia jika jahil ia akan dia, dan jikalau dikeluarkan oleh si *m lik* akan zakatnya daripada tempat yang lain sekalipun.<sup>423</sup> Dan jika dilalukannya akan beli[an] atau sanda itu wajiblah atasnya membayar harganya sebahagiannya.

(Bermula) tertegah menjual atau menyandakan itu berlaku ia pada zakat *na'am* dan *naqd* dan tumbuh-tumbuhan, tiada pada zakat perniagaan. Maka tiadalah tertegah menjual [h]arta perniagaan dan menyandakan dia kerana tempat *ta'alluq*<sup>424</sup> zakat [h]arta perniagaan itu pada harganya jua bukan pada diri [h]arta.

(Syahdan) wajib atas si *m lik* mengeluarkan zakat [h]arta yang di[h]utang[kan] pada orang pada ketika genap tahunnya dan jika belum diterimanya akan dia sekalipun dengan syarat jika ada [h]utang itu tunai<sup>425</sup> dan mudah menerima [h]utang itu seperti

<sup>414</sup> Ayat bergaris -pada pendapat penulis- boleh jadi pengulangan semula ayat yang disebabkan kesilapan cetakan kerana tidak membawa apa-apa maksud dalam perbincangan ini.

<sup>415</sup> Gadai. Teks asalnya “سنداكنن”.

<sup>416</sup> Maksudnya batal jualan sekadar harta yang wajib zakat, manakala baki jualan selebihnya adalah sah.

<sup>417</sup> Teks “jika tiadalah sah jualnya atau sandanya kerana menjual hak si *musta iq*” agak mengelirukan dan kelihatan bertentangan dengan teks sebelumnya, kerana bukan seluruh jualan berkenaan tidak sah, tetapi kadar yang dikenakan zakat sahaja tidak sah. Begitu juga hubungannya dengan maksud ayat selepasnya yang menerangkan sebab batal kadar zakat pada jualan berkenaan. Oleh itu pada pendapat penulis harus ditukar perkataan ‘jika’ kepada ‘maka tiadalah sah jualnya atau sandanya kerana menjual hak si *musta iq*’ yang mungkin tersalah cetak, demi menyesuaikan dengan konteks ayat dan juga dalam rujukan Arabnya yang asal. Untuk maklumat lanjut lihat *Ibid.*, h. 502; al-Syarb n , *Mughn al-Mu t j*, 2: 178.

<sup>418</sup> Kekallah.

<sup>419</sup> Pilihan.

<sup>420</sup> “yang menyanda” bermaksud yang memegang gadaian.

<sup>421</sup> Ertinya meneruskan.

<sup>422</sup> *Fasakh* ialah membatalkan kontrak yang telah dibuat. Md. Akhir, *Penjelasan Istilah Fiqh Mu'amalat*, 46.

<sup>423</sup> Dimaksudkan “dikeluarkan oleh si *m lik* akan zakatnya daripada tempat yang lain” ialah si *m lik* mengeluarkan zakat dari hartanya yang lain.

<sup>424</sup> Telah diterangkan di atas dalam no. 14.

<sup>425</sup> Bermaksud sampai tempoh bayarannya.

ada yang ber[h]utang [itu] hadir dan ada baginya [h]arta akan pembayar,<sup>426</sup> lagi mengaku ia akan [h]utang, lagi tiada ada ia *mu'ajjal*<sup>427</sup> atau tiada ia mengaku akan [h]utang tetapi ada saksinya atau tiada saksinya tetapi tahu akan [h]utang itu [oleh] *q* .

(Adapun) jika tiada mudah menerima [h]utang itu seperti ada ia ghaib atau ada ia hadir tetapi ada ia papa atau tiada ia papa tetapi ada ia *mu'ajjal* atau tiada ia *mu'ajjal* tetapi tiada ia mengaku akan [h]utang dan tiada atasnya syaksi<sup>428</sup> dan tiada tahu *q* akan dia maka tiada wajib atasnya mengeluarkan zakat, melainkan apabila diterimanya akan hutang itu maka pada ketika itu hendaklah dikeluarkannya zakat segala tahun yang telah lalu jika tiada kurang *ni b* dengan sebab zakat yang wajib dikeluarkannya akan dia.<sup>429</sup> Maka jika ada [h]arta yang di[h]utang itu *seni b* jua, tiada lebih dan tiada ada padanya daripada [h]arta [miliknya] yang sejenis dengan dia yang mengganti akan kadar wajib maka tiada wajib atasnya mengeluarkan zakatnya melainkan pada setahun yang pertama jua.<sup>430</sup>

(Adapun) jika ada [h]utang itu bertanggung belum [di]tunai [pembayarannya] dan adalah yang berhutang itu hadir dan ada baginya akan pembayar, maka iaitu seperti hukum [h]arta yang dirampas dan yang dicuri dan disandarakan<sup>431</sup> dan yang *di waw alif waw nun sin sin ta*<sup>432</sup> maka tiada wajib atas si *m lik* mengeluarkan zakatnya melainkan apabila kembali ia pada tangannya. Maka pada ketika itu hendaklah dikeluarkannya zakat segala tahun yang telah lalu seperti hukum yang telah tersebut pada [h]arta yang di[h]utang.

---

<sup>426</sup> Ada harta untuk membayarnya.

<sup>427</sup> Yang menanggung bayaran.

<sup>428</sup> (Saksi)

<sup>429</sup> Iaitu menjadi kurang dari *ni b*nya disebabkan bayaran zakat tahun pertama.

<sup>430</sup> Kerana tahun keduanya sudah tidak cukup *ni b*.

<sup>431</sup> Digadai. Teks asalnya “ ”.

<sup>432</sup> Dalam teksnya “ *يُغَدَاوْنَ* ”. Tidak di ketahui sebutan dan maksudnya. Namun jika ia tiada, tidak akan mencatatkan perbincangan yang dibincangkan.

(Demikian lagi) wajib zakat pada [h]arta yang ghaib apabila genap tahunnya tetapi tiada wajib mengeluarkan dia dengan segera melainkan jika mudah ia pergi kepada tempat [h]arta itu.

Maka jika ada [h]arta yang ghaib itu berjalan tiada wajib atas si *m lik* mengeluarkan zakatnya melainkan apabila sampai ia kepadanya atau kepada wakilnya. Dan jika tetap<sup>433</sup> pada suatu negeri u[m]pamanya, wajib atasnya mengeluarkan zakatnya pada negeri tempat [h]arta [itu berada] jika ada di sana *musta iq*. Maka jika ada negeri [h]arta itu jauh daripada si *m lik* sekira-kira haram memindahkan zakat daripadanya maka tak dapat tiadalah daripada sampai si *m lik* atau gantinya kepada negeri [h]arta itu maka dikeluarkannya akan dia di sana. Dan jika ada negeri itu hampir kepada tempat si *m lik*, atau ada negeri [h]arta jauh tetapi tiada ada padanya *musta iq* dan adalah negeri si *m lik* itu terhampir<sup>434</sup> daripada segala negeri yang lainnya kepada negeri tempat [h]arta, atau memberi izin imam<sup>435</sup> pada memindahkan zakat maka pada ketika itu harus bagi si *m lik* mengeluarkan zakatnya pada tempatnya [menetap] jika ada di sana *musta iq*.

(Adapun) jika tiada mudah pergi kepada tempat [h]arta yang ghaib kerana takut di jalan daripada seteru atau barang sebagainya atau kerana putus khabar [h]arta atau syak pada selamatnya<sup>436</sup> maka iaitu seperti [h]arta yang dirampas jua, tiada wajib atas si *m lik* zakatnya melainkan apabila kembali [h]arta itu kepadanya. Maka hendaklah dikeluarkannya seketika itu zakat segala tahun yang telah lalu seperti yang tersebut kenyataannya.

**(Fa al)** Pada menyatakan membahagi zakat atas segala mereka *musta iq* dia.

---

<sup>433</sup> (Menetap)

<sup>434</sup> (Lebih hampir)

<sup>435</sup> Maksud imam di sini ialah pemerintah ataupun pihak yang berkuasa.

<sup>436</sup> (keselamatannya)



(Bermula) segala mereka *musta iqq*<sup>437</sup> zakat itu dulapan<sup>438</sup> bagai. (Pertama) Segala fakir. (Kedua) Segala miskin. (Ketiga) Segala ‘ *mil*. (Keempat) Segala mereka yang muallaf. (Kelima) Segala sahaya yang *muk tab*. (Kenam) Segala yang berhutang. (Ketujuh) Segala yang perang *sab l*. (Kedulapan) Segala *ibn sab l*.

(Bermula) dalil atas yang demikian itu dahulu daripada *ijma’*, iaitu firman Allah *Ta’ l* :

{ إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا } hingga akhir ayat.<sup>439</sup>

(Adapun) fakir yang *musta iqq* zakat maka iaitu barang siapa yang tiada baginya suami yang memberi dan tiada bapa dan nenek atau anak dan cucu yang memberi nafkah yang memadai, dan tiada baginya [h]arta dan tiada usaha yang halal yang layak dengan dia yang memadai akan hajatnya daripada makanan dan pakaian dan tempat kediaman dan sekalian yang tiada dapat tiada daripadanya bagi dirinya dan bagi mereka yang wajib atasnya nafkah mereka itu di dalam masa yang tinggal daripada umur *gh lib*.<sup>440</sup> U[m]pama seperti orang yang berkehendak ia akan belanjanya pada tiap-tiap hari kepada 10 *dirham* maka tiada diperoleh[i]nya melainkan dua *dirham* atau tiga *dirham* dan jika ada ia sihat tubuh, yang [me]minta-minta kepada segala manusia sekalipun.

---

<sup>437</sup> Dalam teks asal "مستحقى" yang memberi erti orang-orang yang berhak. Terdapat pengaruh nahu Arab dalam perkataan ini kerana asalnya مستحقين tetapi dibuang huruf *nun* kerana ia berada dalam keadaan *mu f*.

<sup>438</sup> (lapan)

<sup>439</sup> Maksudnya: "Hanya sedekah itu, untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus zakat, orang-orang muallaf hatinya, untuk memerdekakan hamba, orang yang berhutang, pada jalan Allah dan untuk orang musafir, sebagai satu kefarduan daripada Allah. Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana." Dalam surah al-Taubah ayat 60.

<sup>440</sup> Ungkapan "*umur gh lib*" maksudnya kebiasaan umur manusia. Keteranganannya diterangkan selepas ini oleh pengarang sendiri.

(Kata) Syeikh Ibn al-Qayyim di dalam *Tu fah* bahawa orang yang [mampu] berusaha itu bukan fakir dan jika tiada ia berusaha sekalipun. Dan orang yang ada baginya [h]arta dan atasnya [h]utang sekadar [h]artanya<sup>441</sup> atau kurang [hutangnya] daripada [h]artanya sekira-kira tiada mengeluarkan dia daripada kepapaan<sup>442</sup> itu pun bukan fakir,<sup>443</sup> dan jika ada [h]utangnya itu tunai<sup>444</sup> sekalipun. Maka tiada ia diberi zakat daripada bahagian segala fakir hingga dibayarkannya [h]artnya pada [melunaskan] hutangnya.

(Syahdan) Jika ada bagi [se]seorang rumah tempat kediaman yang berkehendak ia kepadanya, lagi layak dengan dia maka iaitu fakir jua. (Dan demikian lagi) jika ada baginya beberapa kain akan pakaian dan jika kerana akan perhiasan dirinya sekalipun. Dan demikian lagi jika ada baginya sahaya yang berkehendak ia kepadanya akan khadam, dan jika ada sahaya itu berbilang sekalipun sekadar hajat [mengelakkan] hilang maruah sebab berkhidmat pada barang pekerjaan dengan sendirinya atau hasil atasnya *masyaqqah*<sup>445</sup> yang tiada tertanggung pada adat dengan tiada khadam.

(Dan demikian lagi) jika ada bagi [orang] alim *mudarris*<sup>446</sup> atau mufti segala kitab ilmu syarak dan segala kitab alat<sup>447</sup> baginya yang berkehendak ia kepadanya. (Dan) jika berbilang kitab daripada suatu bagi<sup>448</sup> daripada ilmu atau berbilang naskhah daripada suatu kitab sekalipun, maka iaitu fakir jua.

---

<sup>441</sup> Iaitu jika dia bayar hutangn tersebut maka tiadalah hartanya lagi kerana hutangnya menyamai jumlah hartanya itu.

<sup>442</sup> Contohnya, seseorang yang ada padanya seribu ringgit, tetapi hutangnya 900 ringgit. Ini bererti bakinya 100 jika dibayar hutang tersebut, dan diandaikan jika memiliki 100 ringgit pada 'uruf setempat masih dikira sebagai fakir.

<sup>443</sup> Kerana ada padanya harta walaupun hutangnya jika dibayar menyebabkannya jatuh ke tahap fakir.

<sup>444</sup> Sampai tempoh bayaran.

<sup>445</sup> Kepayahan dan beban yang di luar kebiasaan untuk ditanggung. Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah* ', 431.

<sup>446</sup> Pengajar.

<sup>447</sup> Kitab ilmu-ilmu alat, iaitu ilmu untuk memahami *na* syarak seperti ilmu *Taw r kh Mu addith n* dan *Bal ghah* yang terdiri dari ilmu *Bay n, Ma' n* dan *Bad '*.

<sup>448</sup> Jenis atau disiplin.

(Dan demikian lagi) orang yang kuasa atas usaha yang haram atau yang tiada layak dengan *mur'ahnya*.<sup>449</sup> Dan yang ada baginya [h]arta tetapi ghaib di dalam perjalanan dua *mar alah*<sup>450</sup> atau lebih atau ada baginya [h]arta yang di[h]utang orang dengan bertanggung, maka iaitu fakir jua. Diberi akan dia zakat daripada segala fakir hingga sampai [h]artanya kepadanya atau [ter]tunai piutangnya<sup>451</sup> tetapi dengan syarat jika tiada diperoleh[i]nya orang yang mengutang<sup>452</sup> dia.

Dan jikalau meninggalkan seorang akan usaha yang diketahuinya sebab *masygh l*<sup>453</sup> ia dengan menghafaz Qur'an atau membaca ilmu *fiqh* atau ilmu tafsir atau ilmu hadith atau ba'in atau alat<sup>454</sup> baginya dan dapat pada adat[nya] menghasilkan dia daripadanya, maka iaitu fakir jua. Maka hendaklah diberi akan dia zakat daripada bahagian segala fakir supaya selesai ia bagi menghasilkan yang dituntutnya kerana umum manfaatnya bagi dirinya dan bagi lainnya, dan lagi ia *far u kif yah*. Bersalahan jika *masygh l* dengan mengerjakan ibadat yang sunat seperti sembahyang dan lainnya dan mel *zim*<sup>455</sup> khalwat, maka tiada diberi akan dia zakat dariada bahagian segala fakir kerana manfaatnya tertentu bagi dirinya jua.

Dan tiada disyaratkan pada sifat fakir itu lemah daripada usaha sebab sakit dan dan barang sebagainya. Dan tiada disyaratkan padanya terpelihara daripada minta.

---

<sup>449</sup> (Maruah) Dalam teks asalnya "مروءه".

<sup>450</sup> Dua *mar alah* bersamaan 88.704 KM berdasarkan pendapat Wahbah al-Zu'ail. Lihat Wahbah al-Zu'ail, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Dimasyq: Dar al-Fikr, 1974), 2: 321; Haji Mohd Salleh Haji Ahmad, *Panduan Solat Musafir* (Kuala Lumpur: Pustaka Abdul Majid, 1991), 13.

<sup>451</sup> Maksudnya hutangnya dibayar.

<sup>452</sup> Maksud "mengutang dia" ialah memberi hutang kepadanya.

<sup>453</sup> Padanya banyak kerja. al-Marbawi, *Qamus*, 322.

<sup>454</sup> Ilmu alat.

<sup>455</sup> Bertekun ia bekerja. *Ibid.*, h. 215.

(Adapun miskin) yang *musta'iqq* zakat iaitu barang siapa yang ada baginya [h]arta atau usaha yang halal lagi layak dengan dia tetapi tiada memadai akan belanja dirinya dan belanja mereka yang wajib atasnya nafkah mereka itu pada masa yang tinggal daripada umur *gh lib*. U[m]pama seperti orang yang berkehendak akan belanja kepada sepuluh *dirham* maka tiada ada padanya melainkan tujuh *dirham* atau dulapan *dirham* yang tiada memadai akan dia belanjanya yang layak dengan halnya daripada makanan dan pakaian dan rumah tempat kediaman dan barang sebagainya daripada barang yang tiada dapat tiada seperti yang telah terdahulu kenyataannya pada takrif fakir, dan jikalau ada ia menaruh [h]arta lebih daripada *seni b* sekalipun. Maka iaitu miskin jua.

Maka dikerana inilah berkata Imam Ghazzal<sup>456</sup> di dalam *I ya'* terkadang memiliki se[se]orang akan seribu pada hal ia fakir dan terkadang tiada memiliki ia akan [se]suatu melainkan kapak dan tali pada hal ia kaya. (Dan) tiada menegah akan kemiskinan se[se]orang ada rumah tempat kediaman dan barang yang sertanya, yang telah tersebut kenyataannya pada fakir.

(Bermula) orang yang diberi *kifayah*<sup>457</sup> dengan nafkah bapa atau neneknya atau nafkah anak cucu atau nafkah suami maka iaitu bukan fakir dan bukan miskin kerana kaya ia dengan nafkah itu. Maka tiada harus baginya mengambil zakat daripada bahagian segala fakir dan miskin, tetapi harus yang

---

<sup>456</sup> Beliau ialah al-Imam Ujjah al-Islam Abū Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazzālī. Dilahirkan di Sivas pada 450H dan wafat di sana pada 505H. Bapanya seorang pemintal bulu dan kerana itu beliau di gelar Ghazzālī. Seorang ahli tasawwuf, mempelajari pelbagai disiplin ilmu hingga menjadi tokoh ulama yang paling unggul di zamannya. Beliau masyhur dalam bidang *uḥūl*, *fiqh* dan falsafah dan menghasilkan lebih kurang 200 karya bermutu seperti *I ya'*, *Uḥūl al-Dīn*, *Taḥf al-Falāḥ*, *Maqāḍ al-Falāḥ*, *al-Iqtīdā' al-Itiqād*, *al-Munqadh min al-ḥalāl*, *al-Mustafā*, *al-Baḥā*, *al-wajiz* dan lain-lain. Lihat al-Asnawī, *Abāqāt al-Syfiyyah*, 2: 111-113; Ibn al-HidāyatulLah al-Usainī, *Abāqāt al-Syfiyyah*, 192-195; "Abu Hamid al-Ghazali," dicapai 28 Mei 2014, <http://www.ghazali.org>.

<sup>457</sup> Kecukupan dari sudut makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan semua keperluan yang sewajarnya tanpa boros. Lihat al-Haitamī, *Tuḥfah*, 3: 150; al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj*, 6: 155; al-Qalyūbī dan 'Umairah, *Siyat Qalyūb wa 'Umairah*, 3: 298 dan 299.

memberi nafkah dan [se]lainnya memberi zakat kepadanya daripada segala bahagian mereka yang muallaf jika ada ia muallaf, atau daripada segala bahagian orang yang ber[h]utang jika ada ia ber[h]utang, atau daripada segala bahagian *ibn sab l* jika ada ia *ibn sab l* atau barang sebagainya.

Maka diketahui daripada yang demikian itu bahawa harus bagi bapa atau nenek memberikan zakatnya bagi anaknya atau cucunya yang diberi *kif yah* akan dia, dengan syarat jika tiada dengan sifat fakir atau miskin, seperti dengan sifat keadaannya baharu masuk Islam atau berhutang atau *ibn sab l* atau barang sebagainya. (Dan demikian lagi) harus bagi anak atau cucu memberikan zakatnya kepada bapa atau neneknya yang diberikan *kif yah* akan dia, dengan syarat yang tersebut [di atas].<sup>458</sup> (Dan demikian lagi) harus bagi suami memberikan zakatnya bagi isterinya dengan syarat yang tersebut itu.

Tetapi jika ada yang diberi nafkah itu *muallaf* maka janganlah diberi akan dia zakat daripada bahagian segala *muallaf* melainkan sekadar yang tiada menjadikan dia kaya supaya tiada gugur nafkahnya yang wajib atasnya.<sup>459</sup>

Dan jika tiada memadai akan isterinya nafkah suaminya sebab papa suami itu atau sebab banyak makan isterinya lebih daripada adat seu[m]pamanya, maka harus bagi isterinya mengambil zakat sekadar menggenapi<sup>460</sup> akan *kif yah* nafkah suaminya jua. Jika ghaib suami daripada negeri isterinya dan tiada ada baginya [h]arta dan lemah isterinya daripada hutang akan nafkahnya nescaya haruslah baginya mengambil zakat.

---

<sup>458</sup> Iaitu tidak diberi zakat dengan sifat miskin, kerana mereka bukan lagi miskin dengan nafkah dari anak atau cucu. Ini bermakna mereka boleh diberi zakat atas sifat muallaf, berhutang, *ibn sab l* dan seumpamanya.

<sup>459</sup> Contoh mereka yang wajib diberi nafkah ialah bapa dan nenek sekiranya mereka miskin.

<sup>460</sup> (menggenapkan)

(Dan sunat) bagi isterinya memberikan zakatnya bagi suaminya dan jika dinafkahnnya pula akan dia oleh suaminya bagi isterinya sekalipun.

(Syahdan) diberi zakat fakir dan miskin yang tiada tahu berusaha dengan kepandaian dan perniagaan sekira-kira cukup akan belanjanya di dalam masa yang tinggal daripada umur *gh lib*. (Adapun) kadar umur *gh lib* maka iaitu 60 tahun, maka jika ada umur fakir atau miskin itu 40 tahun u[m]pamanya, nescaya adalah yang tinggal daripada umur *gh lib* padanya 20 tahun. Maka diberi akan dia zakat sekira-kira cukup akan belanjanya di dalam masa 20 tahun. Maka atas yang demikianlah dikiaskan<sup>461</sup> yang ada umurnya kurang daripada 40 atau lebih daripadanya. Maka jika sampai umurnya kadar umur *gh lib* atau lebih maka diberi akan dia zakat kadar cukup belanjanya di dalam setahun jua.

Dan tiada dikehendaki dengan memberi mereka itu memberi *naqd*<sup>462</sup> yang memadai akan dia di dalam masa itu, hanya yang dikehendaki dengan dia [adalah] memberi akan pembeli faedahnya<sup>463</sup> di dalam masa yang tersebut itu. Maka hendaklah dibelikannya dengan dia dengan izin imam yang akan u[m]pama kebun [yang] memadai akan dia sewanya atau harga buah-buahan dalamnya akan belanjanya di dalam masa yang tinggal daripada umur *gh lib* supaya kaya ia dengan dia daripada zakat dan memilikinya akan dia dan diwaris ia daripadanya kerana *ma la ah* yang kembali ia kepadanya dan segala

---

<sup>461</sup> Ukuran atau sukatan. al-Marbawi, *Q m s*, 167.

<sup>462</sup> Maksudnya wang. *Naqd* di sisi Sy fi'iyah ialah *d n r* dan *dirham*. Rujuk keterangannya dalam no. 14.

<sup>463</sup> Ungkapan "*pembeli faedahnya*" bermaksud barang yang boleh dibeli manfaatnya, iaitu harta yang boleh disewa. Pembeli manfaat di sini bermaksud harta yang mengeluarkan hasil untuk dijual seperti kebun buah-buahan.

*musta iq* yang tinggal.<sup>464</sup> Inilah pada fakir dan miskin yang tiada tahu berusaha dengan berniaga dan kepandaian.

(Adapun) yang tahu berusaha dengan kepandaian maka diberi akan dia daripada zakat akan pembeli alat kepandaian<sup>465</sup> dan jika ada ia banyak sekalipun. Maka hendaklah dibelikkannya dengannya dengan izin imam akan alat yang tersebut itu. Dan jika tahu ia akan kepandaian lebih daripada satu dan adalah tiap-tiap satu daripadanya memadai nescaya diberi akan dia pembeli alatnya yang terkurang.<sup>466</sup> Dan jika memadai setengah<sup>467</sup> daripada segala kepandaiannya maka diberi akan dia pembeli alat yang memadai [itu]. Dan jika tiada memadai tiap-tiap satu daripada segala kepandaiannya diberi akan dia pembeli alat yang satu daripadanya dan ditambahi baginya dengan membelikan u[m]pama kebun yang menggenapi faedahnya itu akan yang kurang daripada *kif yah* [hasil dari] kepandaiannya.

(Dan adapun) yang tahu berusaha dengan berniaga maka hendaklah diberi modal akan dia daripada zakat sekira-kira memadai labanya akan belanjanya di dalam masa yang tinggal daripada umur *gh lib* dengan membilangkan adil negerinya.<sup>468</sup> Dan jika ada baginya kebun yang tiada memadai faedahnya akan *kif yah* di dalam masa itu, hendaklah ditambahi [lagi] daripada zakat pembeli barang<sup>469</sup> yang menggenapi dia.<sup>470</sup> Dan jika ada baginya 90 modal tetapi tiada memadai akan dia melainkan laba 100 daripada modal, hendaklah diberi akan dia daripada zakat sepuluh [lagi].

---

<sup>464</sup> Iaitu *musta iq* yang lain-lain.

<sup>465</sup> Iaitu untuk membeli alat perusahaannya yang diperlukannya.

<sup>466</sup> Iaitu yang terendah harganya.

<sup>467</sup> Sebahagian.

<sup>468</sup> Tidak diketahui maksud dari ungkapan pengarang “dengan membilang adil negerinya”.

Berkemungkinan ia bermaksud yang sesuai dengan perbelanjaan yang pertengahan dalam konteks negerinya.

<sup>469</sup> Iaitu zakat yang digunakan untuk membeli barang.

<sup>470</sup> Iaitu yang cukup bagi keperluannya.

(Bermula ‘ *mil*) atas zakat itu sembilan bagai.

(Pertama *s ‘*) namanya, iaitu yang disuruhkan sultan atau naibnya pada mengambil zakat. Maka [sultan] menyuruhkan dia wajib. Dan disyaratkan pada *s ‘* itu bahawa adalah ia *faq h*<sup>471</sup> dengan barang<sup>472</sup> yang disuruhkan kepadanya daripada segala [jenis] zakat, lagi Islam, lagi ‘ *qil*,<sup>473</sup> lagi merdihika, lagi adil, lagi mendengar, lagi melihat.

(Kedua *k tib*) namanya, iaitu yang menyurat<sup>474</sup> [h]arta zakat yang diterimanya akan dia daripada segala mereka yang empunya [h]arta dan barang yang [wajib] atas mereka itu.

(Ketiga *q sim*) namanya, iaitu membahagikan<sup>475</sup> zakat.

(Keempat *syir*) namanya, iaitu yang menghimpunkan sekalian orang yang mempunyai [h]arta zakat.

(Kelima ‘*ar f*) namanya, iaitu yang mengenal akan segala bagai *musta iq* yang menerima zakat.

(Keenam *sib*) namanya, iaitu yang membilang [h]arta zakat.

(Ketujuh *fi*) namanya, iaitu yang memelihara [h]arta zakat.

(Kedulapan *jund*) namanya, iaitu askar yang mengawali [h]arta zakat.

(Kesembilan *j b*) namanya, iaitu yang menggagahi pada mengeluarkan zakat.

---

<sup>471</sup> Yang ‘ *lim* ilmu fiqah. *Ibid.*, 99. Ini membawa erti bahawa dia memahami hukum zakat dalam kadar yang sesuai dengan tugasnya.

<sup>472</sup> Maksud barang di sini ialah tugas.

<sup>473</sup> ‘ *qil* ialah orang yang berakal sehat.

<sup>474</sup> Menulis.

<sup>475</sup> Pengagih.



Dan harus ditambahi daripada bilangan yang tersebut itu dengan sekira-kira hajat.

Dan tiada masuk di dalam jumlah segala ' *mil* itu sultan dan *w l*<sup>476</sup> dan *q* . (Tetapi) adalah belanja *wal* dan *q* itu diberi oleh sultan daripada *khumus al-khumus*<sup>477</sup> [h]arta baitulmal yang disediakan bagi segala *ma la ah*,<sup>478</sup> tiada daripada [h]arta zakat tetapi harus bagi *qa* mengambil zakat dengan sifat fakir atau berhutang jika tiada diberi belanja akan dia daripada baitulmal.

(Syahdan) Diberi segala ' *mil* daripada [h]arta zakat sekadar upah se[u]mpama amalnya<sup>479</sup> jua tiada lebih, dari kerana jika diupah mereka itu dengan yang lebih daripada upah se[u]mpamanya nescaya batallah ' *aqad* upahnya. Dan bahagiannya yang lebih daripada kadar yang upah dikembalikan kepada segala *musta iq*.

(Bermula) muallaf yang *musta iq* zakat iaitu yang dijinaki hati mereka itu kerana baharu masuk Islam atawa<sup>480</sup> kerana lainnya. Maka muallaf itu lima bahagi[an].

(Pertama) Mereka yang *a' f*<sup>481</sup> niatnya pada Islam. Maka diberi mereka itu zakat supaya kuat Islam mereka.

(Kedua) Mereka yang kuat Islamnya tetapi ada ia sangat mulia [di kalangan] segala kaumnya. Maka diharap dengan memberi dia zakat, Islam

---

<sup>476</sup> Penguasa di sesuatu daerah. Lihat al-Haitam , *Tu fah*, 3: 150; al-Qaly b dan 'Umairah, *syiyat Qaly b wa 'Umairah*, 3: 299.

<sup>477</sup> 1/5 dari 1/5. Pengiraannya  $1/5 \times 1/5 = 1/25$ . Manakala dalam peratus adalah  $1/25 \times 100 = 4\%$ .

<sup>478</sup> Iaitu untuk manfaat dan kepentingan umum.

<sup>479</sup> Iaitu kerjanya.

<sup>480</sup> (atau)

<sup>481</sup> Lemah.

segala kaumnya. Maka diberi akan dia zakat supaya masuk Islam segala kaumnya.

(Ketiga) Segala [orang] Islam yang menjaga pinggir<sup>482</sup> negeri kerana memelihara orang Islam daripada kejahatan segala kafir dan *bugh t*<sup>483</sup> yang hampir pada pihak pinggir negeri itu. Maka diberi akan mereka itu zakat supaya jinak hatinya pada pekerjaan itu dan supaya terpelihara orang Islam daripada kejahatan mereka itu.

(Keempat) Mereka yang memerang[i] atau menakut akan segala mereka yang menegahkan zakat hingga dibawa oleh mereka itu [sendiri] akan zakat kepada sul an.

(Kelima) Mereka yang mengambil zakat daripada segala kaum yang sukar menyuruhkan s ' [pergi] kepada mereka itu dan jika tiada menegahkan mereka itu akan zakat sekalipun.<sup>484</sup> Maka diberi mereka itu zakat supaya jinak hati mereka pada pekerjaan itu.

(Bermula) syarat memberi zakat akan segala muallaf itu jika berkehendak<sup>485</sup> kita kepadanya dan tiada disyaratkan keadaan muallaf itu laki-laki. (Adapun sahaya *muk tab*) iaitu yang dijanjikan oleh tuannya dengan katanya, “Beri olehmu akan daku sekian daripada [h]arta akan hargamu di dalam tiga - tahun umpamanya - maka apabila engkau kerjakan seperti demikian itu maka merdihika engkau”.

---

<sup>482</sup> Sempadan atau perbatasan.

<sup>483</sup> Istilah “ بغاة ” menurut ulama Syafi‘iyah ialah orang Islam yang memberontak terhadap ‘Imam’, tidak mentaatinya, tidak tunduk atau engkar kewajiban yang kena atas mereka seperti zakat, dan mereka ada kekuatan ketenteraan sendiri walaupun mereka tidak ada pemimpin. Sa‘d , *al-Q m s al-Fiqh* , 50-51.

<sup>484</sup> Maksudnya sekalipun mereka bukan enggan mengeluarkan zakat.

<sup>485</sup> Iaitu kemahuan.

(Bermula) syarat memberi zakat akan segala sahaya *muk tab* yang ah *kit bahnya* jika lemah ia daripada membayar yang dijanjikaan tuannya sebab tiada ada sertanya<sup>486</sup> yang akan pembayar<sup>487</sup> dan jika kuasa ia atas berusaha sekalipun. Maka diberi akan dia zakat jika tiada dengan izin tuannya sekalipun sekira-kira akan [cukup] pembayar[an] hutang yang dijanjikan tuannya yang lemah ia daripada membayar dia, dan jika dahulu daripada sampai janji tuannya sekalipun supaya segera hasil merdehikanya.

Dan jika merdehika sahaya yang *muk tab* sebab membayar akan [harta] yang dijanjikan tuannya dengan [h]arta [yang] [diper]oleh[i]nya [dengan] ber[h]utang maka iaitu [tergolong dalam] jumlah daripada segala mereka yang ber[h]utang jua. Maka diberi akan dia zakat pada bahagian segala yang ber[h]utang, tiada daripada bahagian segala mereka yang *muk tab*.

(Syahdan) Jika diberi akan sahaya *muk tab* [h]arta zakat kemudian maka tiada hasil merdehikanya sebab dilemahkan dirinya atau merdehika ia dengan membayar [h]arta yang lain daripada zakat atau dengan dibayarkan oleh [orang] lainnya daripadanya atau dimerdehikakan akan dia oleh tuanya kerana Allah, maka hendaklah diambil [h]arta zakat itu daripadanya. Tetapi jika dilenyapkanya akan [h]arta dahulu daripada merdehikanya dengan [h]arta yang lain daripada zakat maka tiadalah [perlu] membayar [d]ia akan gantinya, dikerana bahawasanya [h]arta zakat itu ketika ia melenyapkan dia adalah ia di dalam miliknya jua.

(Adapun) segala orang yang berhutang yang *musta iq* zakat itu empat bagai:

---

<sup>486</sup> Padanya.

<sup>487</sup> Maksudnya apa-apa harta sebagai bayaran.

(Pertama) Barang siapa berhutang kerana menghilangkan fitnah antara dua orang atau dua *qabilah*<sup>488</sup> yang berbantah keduanya sebab orang yang terbunuh atau sebab [h]arta yang dilenyapkan maka hendaklah diberi akan dia zakat kadar pembayar<sup>489</sup> hutangnya dan jika ada ia kaya dengan *naqd* atau lainnya sekalipun, kerana berhutang sebab menghilangkan fitnah. Yang demikian itu umum manfaatnya.

(Adapun) jika dihilangkan akan fitnah itu dengan tiada berhutang seperti dihilangkan dengan [h]artanya maka tiada diberi akan dia zakat daripada bahagian mereka yang berhutang.

(Kedua bagi) yang berhutang kerana menjamu akan jamuan atau kerana berbuat masjid atau memaiki<sup>490</sup> dia atau kerana memaiki jambatan air dan melepaskan tawanan Islam daripada kafir dan barang sebagainya daripada segala *ma la ah* yang umum manfaatnya maka diberi akan dia zakat sekadar pembayar [h]utangnya dan jika ada ia kaya dengan lain daripada *naqd* sekalipun.

(Ketiga) bagi yang ber[h]utang kerana *ghara*<sup>491</sup> dirinya pada pekerjaan taat atau *mub*<sup>492</sup> atau maksiat tetapi dibelanjakannya pada yang *mub*, atau berhutang kerana *qa ad*<sup>493</sup> pekerjaan yang *mub* dan dibelanjakannya pada pekerjaan maksiat. Itu pun maka diketahui *qa adnya* akan yang *mub* [itu] pada mula-mula, tetapi tiada kita benarkan akan *qa adnya* pada yang demikian itu melainkan dengan *qar nah*<sup>494</sup> atau berhutang ia kerana pekerjaan maksiat

---

<sup>488</sup> Dalam teks asal "قبلة", tanpa huruf "ي".

<sup>489</sup> (bayaran)

<sup>490</sup> (membaiki) Dalam teks asal "مميكي".

<sup>491</sup> Tujuan.

<sup>492</sup> Harus.

<sup>493</sup> Niat.

<sup>494</sup> *Qar nah* maksudnya disini, sesuatu yang menunjukkan niatnya yang muba. Dari sudut bahasa, wazannya ialah *fa'lah* dengan makna *muf'alah*. [فعيلة بمعنى مُفاعلة]. al-Jurj n, *al-Ta'rif t*, 146.

dan dibelanjakannya akan dia pada maksiat tetapi bertaubat ia daripadanya dan *gh lib ann*<sup>495</sup> kita akan taubatnya. Maka hendaklah diberi akan dia zakat pada sekalian hal yang tersebut itu sekadar hutangnya jua, itu pun jika sudah tunai<sup>496</sup> hutangnya dan lemah ia daripada membayar dia.

Kemudian maka jika tiada disertanya [se]suatu daripada [h]arta hendaklah diberi akan dia zakat sekadar pembayar<sup>497</sup> hutangnya. Dan jika ada sertanya [h]arta tetapi jika dibayarkan dia akan hutangnya nescaya jadi miskinlah ia maka hendaklah ditinggalkan setengah<sup>498</sup> daripada [h]artanya sekira-kira memadai akan *kif yahnya* dan setengahnya akan pembayar<sup>499</sup> hutang, dan barang yang kurang daripadanya pembayar hutang ditambahi dengan harta zakat.

(Keempat) bagi yang mengakui,<sup>500</sup> yakni mencakapi akan membayar hutang orang. Maka diberi akan dia zakat dengan syarat ada yang mengakui dan yang berhutang itu papa kedua[-dua]nya. Dan adalah hutang yang diakuinya itu tunai atau yang mengakui itu kaya tetapi adalah ia mengakui dengan tiada izin yang berhutang.

(Syahdan) Orang yang berhutang yang telah membayar ia akan hutangnya dengan harta [yang di]perolehya [dengan] berhutang, tiadalah keluar ia daripada *musta iq*. Bersalahan orang yang berhutang yang mati ia padahal belum terbayar hutangnya, maka iaitu keluar ia daripada *musta iq* dan jika tiada meninggalkan akan pembayar hutangnya sekalipun.

---

<sup>495</sup> *ann* ialah kepercayaan yang tinggi terhadap sesuatu pandangan dalam keadaan masih wujud kemungkinan lawannya (*al-naq* ). *Ibid.*, h. 122.

<sup>496</sup> Iaitu sampai tempoh pembayarannya.

<sup>497</sup> (bayaran)

<sup>498</sup> Sebahagian.

<sup>499</sup> (bayaran)

<sup>500</sup> Penjamin hutang.

(Masalah) Apabila memberikan [se]seorang akan zakatnya bagi piutangnya<sup>501</sup> serta katanya, “Ku berikan akan zakatku ini akan dikau dengan syarat bahwa engkau bayarkan dengan dia akan hutangmu bagiku”.<sup>502</sup> Maka yang demikian itu tiada memadai akan zakat dan tiada sah membayar hutang dengan dia tetapi jika diniat oleh keduanya akan yang demikian itu dengan tiada syarat maka iaitu memadai akan zakat dan akan pembayar hutang.

(Dan demikian lagi) jika berkata orang yang berhutang bagi yang mengutanginya dia, “Beri olehmu akan daku zakat supaya kubayar dengan dia akan hutangku bagimu.” Maka diberinya akan dia zakat, maka iaitu memadai akan zakat tetapi tiada wajib atas yang berhutang membayar hutangnya dengan dia.

(Dan lagi) jika berkata orang yang mengutanginya<sup>503</sup> bagi yang berhutang, “Bayar olehmu hutangmu bagiku kemudian aku beri pula bagimu akan zakat [h]artaku.” Maka dibayarnya [h]utangnya, maka iaitu memadai akan pembayar<sup>504</sup> hutangnya dan lepaslah ia daripada hutang. Tetapi tiada wajib atas yang mengutanginya memberikan dia akan zakat.

(Masalah) Jikalau berkata orang yang mengutanginya bagi yang berhutang, “Ku jadikan hutangmu bagiku itu akan zakat [h]artaku.” Maka iaitu tiada memadai hingga diterima akan hutangnya itu. Kemudian maka diberikannya akan dia zakat jika dikehendakinya akan dia.

---

<sup>501</sup> (Pemiutangnya) ialah orang yang berhutang kepadanya.

<sup>502</sup> iaitu dengan syarat engkau bayar hutangmu kepadaku.

<sup>503</sup> Pemberi hutang.

<sup>504</sup> (bayaran)

(Adapun) yang perang *sab lill h* yang *musta iq* zakat, iaitu segala laki-laki yang tiada bahagian bagi mereka itu daripada [h]arta *fai'*.<sup>505</sup> Hanya perang mereka itu dengan kerana Allah apabila rajin mereka itu, dan jika tiada maka *masygh* Allah<sup>506</sup> ia dengan barang yang dikehendakinya daripada kepandaiannya dan perusahaannya. Maka diberi tiap-tiap mereka itu zakat dan jika ada ia kaya sekalipun, sekira-kira memadai akan nafkah dirinya dan isi rumahnya dan pakaian mereka itu pada masa perangnya dan pulangnyanya dan masa diamnya di pinggir negeri yang hampir kepada pihak *kuff r*<sup>507</sup> dan barang sebagainya hingga menanglah daripada peperangan dan jika lanjut masa diamnya di sana sekalipun.

(Dan demikian lagi) diberi akan dia daripada zakat akan pembeli[an] kuda jika ada ia perang dengan kuda, dan diberi pula tunggangan di dalam *safarnya*<sup>508</sup> jika tiada kuasa ia berjalan atau jauh perjalanannya dan pemikul bekalnya dan mata bendanya jika tiada kuasa ia memikul keduanya.

(Adapun) yang perang *sab lill h* yang mengambil bahagian mereka itu daripada [h]arta *fai'* maka tiada diberi mereka itu daripada [h]arta zakat. Maka jika sangat hajat kita kepada mereka itu dan tiada ada [h]arta *fai'* wajiblah atas segala orang kaya menolong dia dengan [h]arta mereka itu, tiada dengan zakat.

(Adapun *ibn al-sab l*) yang *musta iq* zakat itu [ialah] laki-laki atau perempuan yang hendak musafir daripada negeri zakat atau yang musafir yang lalu ia pada negeri zakat. Maka diberi mereka itu zakat dengan syarat jika tiada ada *safarnya* itu maksiat dan lagi berkehendak mereka itu kepada belanja,

---

<sup>505</sup> *Fai'* ialah harta yang di anugerahkan Allah kepada ahli agamanya yang diperolehi daripada mereka yang berbeza agama tanpa peperangan. Selepas zaman Rasulullah, ianya digunakan hanya untuk kepentingan umat Islam. *Ibid.*, h. 143; Sa'd, *al-Q m s al-Fiqh*, 363; Wahbah al-Zu ail, *al-Fiqh al-Isl m wa Adillatuh* (Dimasyq: D r al-Fikr, 2002), 8: 5893.

<sup>506</sup> Telah diterangkan di atas dalam no. 453.

<sup>507</sup> *Kuff r* ialah kata jamak bagi *k fir* yang bermaksud orang kafir.

<sup>508</sup> Perjalanannya.

seperti bahawa tiada ada serta mereka [h]arta yang memadai akan belanja di dalam *safar* pada pergi dan pulangny atau ada [h]arta tetapi ghaib dan jika kurang dari dua *mar alah* serta ada diperolehnya orang yang mengutang<sup>509</sup> dia sekalipun.

Dan diberi pula tanggungan jika lemah ia daripada berjalan atau jauh perjalanan dan diberi pula akan dia yang menanggung akan bekalnya dan mata bendanya jika lemah ia daripada menanggung keduanya. (Adapun) jika ada *safarnya* itu maksiat atau ada bagi mereka itu [h]arta yang memadai akan sekalian yang tersebut itu maka tiadalah diberi akan zakat.

(Bermula) syarat segala mereka yang mengambil zakat daripada segala bagai yang dulapan itu hendaklah ada ia merdihika yang sempurna. Maka tiada diharus memberikan zakat bagi sahaya yang lain daripada *muk tab* dan jika ia *muba'a*<sup>510</sup> sekalipun.

(Dan lagi syarat) hendaklah ada ia Islam. Maka tiada harus memberikan zakat bagi kafir.

(Dan disyaratkan) pula bahawa tiada ada ia daripada anak cucu H shim dan Mu alib<sup>511</sup> dan tiada ada ia pemerdikaan<sup>512</sup> mereka itu. Tiada harus memberikan zakat bagi segala anak cucu H shim dan Mu alib dan tiada bagi

---

<sup>509</sup> Memberi hutang.

<sup>510</sup> *مُبْعَضٌ*: Hamba yang merdeka separuhnya sahaja. Raww s, *Mu'jam Lughah al-Fuqah* ', 400.

<sup>511</sup> Keturunan dua orang anak 'Abd Man f, iaitu H shim bin 'Abd Man f bin Qu ai bin Kil b dan Mu alib bin 'Abd Man f bin Qu ai bin Kil b. H shim merupakan moyang Rasulullah. Anak 'Abd Man f ada empat orang. Menurut Ibn al-Kalb, H shim adalah yang paling tua, manakala Mu alib paling muda dan ibunya bernama 'Atikah binti Murrh. Kemudian Naufal, nama ibunya W qidah dan 'Abd Syams. Dikatakan bahawa 'Abd Syams dan H shim adalah kembar. H shim dan Mu alib dipanggil "dua bulan purnama" kerana cantik paras rupa. H shim meninggal di Ghazzah dan Mu alib di Radm n, Yaman. Keturunan mereka berdua turut digelar dengan beberapa istilah lain seperti *Dhawi al-Qurb*. Mereka tidak menerima sedekah tetapi hanya menerima hadiah. Lihat Ibn Ath r, *al-K mil fi al-T rikh*, Beir t: D r al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 1: 553-554; al-Nawaw, *Tahdhib*, 1: 29.

<sup>512</sup> Yang telah dimerdekakan (oleh mereka). Untaian kata-kata ini adalah terjemahan perkataan *maw l* dalam kitab-kitab Arab, misalnya ungkapan Imam al-Nawaw dalam *a i Muslim bi Syar al-Nawaw*. al-Nawaw, *a i Muslim bi Syar al-Nawaw* (K herah: D r al- ad th, 2001), 4: 187.

[ الأصح عند أصحابنا تحريمها على موالى بنى هاشم و بنى المطلب ]



pemerdekan mereka itu kerana sabda Nabi *allalL hu 'alayh wa sallam* bahawasanya, “Sedekah itu tiada halal ia bagi Mu ammad dan tiada halal bagi keluarga Mu ammad.”<sup>513</sup>

(Bermula) tiap-tiap yang wajib seperti *nadhar* dan *kaff rah*<sup>514</sup> dan *dam*<sup>515</sup> haji dan ‘umrah itu seperti zakat jua. Maka sekalian itu haram bagi mereka itu tetapi halal bagi Nabi menerima hadiah.

(Dan disyaratkan) pula bahawa jangan ada ia dinafkahi oleh yang memberi zakat, maka tiada harus bagi [se]seorang memberi zakatnya bagi yang dinafkahinya daripada bahagian fakir dan miskin seperti yang telah tersebut *taf lnya*.<sup>516</sup>

(Dan disyaratkan) pula pada yang mengambil zakat itu bahawa jangan ada ia di *ajarkan*<sup>517</sup> atas sebab *saf h*<sup>518</sup> atau kanak-kanak atau gila, maka tiada diberikan zakat pada tangan mereka itu dan jika ada ghaib *wal*<sup>519</sup> mereka sekalipun. Hanya hendaklah diterimakan zakat itu oleh *wal* mereka itu.

(Syahdan) Haram memberikan zakat bagi orang yang *f siq*<sup>520</sup> jika diketahui bahawa zakat itu dibelanjakannya pada pekerjaan maksiat dan jika memadai ia akan zakat sekalipun.<sup>521</sup>

---

<sup>513</sup> [وَأَمَّا لَا تَحِلُّ لِمُحَمَّدٍ وَلَا لِأَهْلِ مُحَمَّدٍ]. *Ibid.*, 4: 191.

<sup>514</sup> Telah diterangkan di atas dalam no. 310.

<sup>515</sup> Dimaksudkan *dam* haji secara mutlaknya ialah kewajiban penyembelihan biri-biri atau satu pertujuh unta atau lembu sebagaimana keadaan pada korban hari raya. Wahbah al-Zu ail, *al-Fiqh al-Isl m wa Adillatuh*, 8: 2318.

<sup>516</sup> Huraiananya.

<sup>517</sup> ajar: (Arabnya *ajr*) ialah menegah seseorang yang tertentu daripada mentadbir harta. Md. Akhir, *Penjelasan Istilah Fiqh Mu‘amalat*, 87.

<sup>518</sup> Telah diterangkan di atas dalam no. 386.

<sup>519</sup> Telah diterangkan di atas dalam no. 389.

<sup>520</sup> *F siq* di sini bermaksud orang (Islam) yang keluar dari mentaati Allah. Istilah ini dipinjam dari bahasa Arab yang berasal dari perkataan “*fasaqa*” seperti dalam ungkapan “فسقت الرطبة من قشرها”, bermaksud telah keluar kurma dari kulitnya. Menurut Ahli al-Sunnah wa al-Jama‘ah *f siq* masih dianggap beriman tidak kafir, tidak seperti puak *khaw rij* yang mengangapnya kafir. Namun ada juga ayat al-Quran yang menggunakan perkataan *f siq* dengan maksud kafir. Lihat Fakhr al-D n Mu ammad bin ‘Umar bin al-

(Fa al) Pada menyatakan barang yang menghendaki ia akan memberikan zakat bagi segala *musta iq*.

(Bermula) barang siapa menuntut ia akan zakat atau tiada menuntut ia akan dia tetapi dikehendakinya [olehnya seseorang] memberi dia zakat. Maka ditilik, jika diketahui atau di *annkan*<sup>522</sup> oleh yang memberi zakat ia akan *musta iq* akan zakat maka hendaklah diberinya akan dia zakat. Dan jika tiada seperti demikian maka janganlah diberi akan dia.

Dan barang siapa tiada diketahui halnya adakah ia *musta iq* atau tiada, maka ditilik. Jika berkata ia, “Aku baharu masuk Islam dan adalah Islam aku lagi *a‘f*.” Nescaya dibenarkan akan dia dengan tiada sumpah dan saksi kerana sukar mendirikan saksi atasnya.

(Dan demikian lagi) jika berkata ia, “[Aku] fakir atau aku miskin” maka dibenarkan pula katanya dengan tiada sumpah dan tiada saksi melainkan jika berkata ia, “Ada bagiku *‘iy l*, yakni segala mereka yang wajib atas nafkah mereka itu atau berkata ia, “[H]artaku sudah lenyap pada hal *ma‘r f* ada baginya [h]arta maka iaitu tiada dibenarkan katanya melainkan dengan saksi. Maka diberati akan dia pada mendirikan saksi.

(Dan demikian lagi) jika berkata ia, “Aku *‘ mil* pada zakat, atau aku sahaya yang *muk tab*, atau aku berhutang, atau aku muallaf yang mulia atas segala kaumku yang kafir, atau aku muallaf yang memelihara orang Islam daripada kejahatan *kuff r* atau *bugh h* atau yang memerang[i] atau menakut

---

usain al-R zi, *al-Tafs r al-Kab r Maf t h al-Ghayb* (Beirut: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004), 1: 136 dan 13: 159.

<sup>521</sup> Gugur kewajiban zakatnya serta sah, tetapi berdosa.

<sup>522</sup> Sangkaan yang kuat, dugaan berat.

akan yang menegahkan zakat” maka tiada dibenarkan kata mereka itu melainkan dengan saksi.

Dan jika berkata ia aku yang perang *sabl* atau aku *ibn sabl* nescaya dibenarkanlah katanya dan tiada sumpah. Tetapi jika diberi akan keduanya zakat maka tiada keluar keduanya kerana perang *sabl* atau *safar* hingga lalu tiga hari bukan kerana menuntut taulan dan bekal, hendaklah diambil pula zakat itu daripada keduanya jika ada lagi *ainnya* dan jika sudah lenyap maka di ambil gantinya.

(Dan demikian lagi) jika keluar yang hendak perang *sabl* dan tiada ia perang kemudian maka kembali ia, hendaklah diambil pula zakat itu daripadanya. Dan jika kembali ia daripada perang dan ada banyak tinggal [h]arta zakat lebih daripada hajatnya dan tiada kumit<sup>523</sup> ia pada membelanjakan dia maka hendaklah diambil zakat yang tinggal itu daripadanya. Tetapi jika ada yang tinggal itu sedikit, atau banyak tetapi tetapi adalah ia sangat kumit pada membelanjakan akan dia [me]lampau daripada adat jika sekira-kira dibelanjakannya dengan pertengahan yang layak dengan halnya nescaya cukup atau lebih sedikit tiadalah diambil yang ditinggal itu daripadanya.<sup>524</sup>

(Adapun) *ibn sabl* jika keluar ia kemudian maka kembali ia daripada *safarnya* maka hendaklah diambil zakat yang tinggal daripadanya *mu laqan*<sup>525</sup>, yakni sama ada banyak yang tinggal atau sedikit, dan samada sangat kumit ia pada belanjanya atau tiada.

---

<sup>523</sup> Cermat.

<sup>524</sup> Kenyataan ini menunjukkan ukuran yang diambil kira dalam hal ini ialah perbelanjaan mereka yang pertengahan, sebagaimana anjuran al-Qur’ n.

<sup>525</sup> Semata-mata.

(Syahdan) Yang dikehendaki dengan saksi di sini iaitu khabar dua orang yang adil, atau seorang yang adil dan dua orang perempuan. Dan jika dengan lafaz *tasyahhud*<sup>526</sup> dan tiada didakwa di hadapan *q i* sekalipun.

Dan memadai ganti daripada saksi yang tersebut itu keadaannya masyhur antara segala manusia atau keadaannya dibenarkan oleh [orang] yang mengutang<sup>527</sup> pada orang yang berhutang atau dibenarkan oleh tuannya pada sahaya yang *muk tab*. Maka sekalian yang demikian itu memadai ia akan ganti saksi yang tersebut itu pada mengithbatkan<sup>528</sup> keadaan mereka itu *musta iq*. Maka diberi akan mereka itu zakat.

(Bermula) barang siapa ada padanya dua sifat *musta iq* zakat seperti ada ia fakir lagi berhutang hendaklah ia mengambil zakat dengan salah satu daripada dua sifat itu dan tiada harus baginya mengambil dengan kedua sifat itu. Dan adalah yang memilih antara dua sifat itu, iaitu yang mengambil zakat jua, tiada yang memberikan dia.

Tetapi jika mengambil ia akan zakat dengan sifat berhutang atau dengan sifat fakir, kemudian maka dibayarkannya dengan dia akan hutangnya maka jadilah ia fakir pula,<sup>529</sup> harus pula baginya mengambil [lagi sekali] zakat dengan sifat fakir.

Inilah [yang berlaku] sekaliannya pada zakat yang tiada berbilang seperti ada ia satu jenis.<sup>530</sup> (Adapun) zakat yang berbilang seperti ada ia [terdiri

---

<sup>526</sup> Mengaku dirinya menjadi saksi.

<sup>527</sup> Iaitu memberi hutang.

<sup>528</sup> Menetapkan (lawan bagi nafi). al-Marbawi, *Q m s*, 82. Ertinya, mensabitkan bahawa sungguh mereka itu sebagai penerima zakat.

<sup>529</sup> Ini bermaksud dia menjadi fakir semula.

<sup>530</sup> Bermaksud inilah yang berlaku kepada semua zakat yang dari satu jenis zakat.

dari] dua jenis seperti zakat *naqd* dan zakat *na'am*, maka harus bagi barang siapa yang ada padanya dua sifat mengambil zakat dengan dua sifat [itu].<sup>531</sup>

**(Fa al)** Pada menyatakan membahagi zakat antara segala bagi *musta iq* dan menyata hukum memindahkan zakat dan barang yang mengikut akan keduanya.

(Bermula) wajib meratakan memberi zakat bagi sekalian bagi yang dulapan samada zakat *fi rah* atau zakat [h]arta. Itu pun jika dapat memberi sekalian mereka itu, seperti ada[lah] yang membahagi zakat itu imam dan segala bagi yang dulapan itu *mawj d*<sup>532</sup> di dalam negeri.

Dan jika tiada dapat memberi sekalian mereka itu seperti bahawa adalah yang membahagi zakat itu [si] *m lik* [sendiri] kerana tiada di sana ' *mil*,<sup>533</sup> atau ada yang membahagi dia itu imam tetapi tiada di sana ' *mil* seperti membawa si *m lik* akan zakat kepada imam, atau ada di sana ' *mil* tetapi dijadikan oleh imam upahnya<sup>534</sup> daripada baitulmal, atau tiada setengah mereka itu *mawj d* di dalam negeri maka wajib pada ketika itu meratakan zakat kepada sekalian yang *mawj d* di dalam negeri kerana [*musta iq*] yang *ma'd m*<sup>535</sup> tiada bahagian baginya.

---

<sup>531</sup> Dengan erti dia boleh mengambil dua bahagian zakat tersebut, iaitu zakat emas perak dan binatang ternakan, dengan syarat ada padanya dua sifat penerima zakat.

<sup>532</sup> *Mawj d* bermaksud ada. Lawannya *ma'd m* yang bermakna tiada.

<sup>533</sup> Iaitu jika *m lik* memberi sendiri zakatnya, maka hendaklah diberi kepada *7 a n f* sahaja, tidak termasuk ' *mil*.

<sup>534</sup> Kerana upah yang diterima dari baitulmal itu menggantikan bahagian zakat ' *mil* berkenaan. Maka dia tidak lagi perlu diberi bahagian zakat tersebut.

<sup>535</sup> Tiada.

(Kata) Ibn al<sup>536</sup> bahawasanya bagi *musta iq* yang *mawj d* sekarang<sup>537</sup> ini empat bagai jua.<sup>538</sup>

(Pertama) fakir

(Kedua) miskin

(Ketiga) orang berhutang

(Keempat) *ibn sab l*.

Dan jika tiada *mawj d* seorang jua pun daripada sekalian *musta iq* itu, hendaklah dipelihara zakat itu hingga ada sekalian mereka itu atau setengah mereka itu. Dan apabila membahagi imam atau *'am lnya* akan zakat wajiblah atasnya memberikan zakat bagi tiap-tiap seorang yang di dalam satu bagai daripada sekalian bagai yang *mawj d*.<sup>539</sup>

(Dan demikian lagi) membahagi akan dia itu *m lik*, wajib atasnya meratakan zakat bagi tiap-tiap orang yang di dalam satu bagai daripada sekalian bagai itu dengan syarat jika *me a ar*<sup>540</sup> bilangan sekalian mereka itu

---

<sup>536</sup> Nama beliau 'Uthm n bin 'Abd al-Ra m n al-Kurd al-Syahraz r . Seorang imam dalam *fiqh*, hadith, berpengetahuan luas dalam tafsir, *u l* dan *na w*. Beliau sangat zahid dan warak. Lahir pada 577H, berhijrah ke Damsiyq sebagai tenaga pengajar di D r al- ad th dan wafat di sana tahun 609H. Bapanya juga seorang *faq h, u l* yang telah menggabungkan dua *ar qah* mazhab Syafi'i dan beliau mendapatkan kedua-dua *ar qah* berkenaan dari bapanya. Karyanya *Ma'r fah 'anwa' ilm al- ad th, al-Fat w , abaq t al-fuqah ' al-Sy fi'iyah, Syar al-Was , Adab al-Muft wa al-Mustaft* dan lain-lain. Ibn al-Hid yatulLah al- usain , *abaq t al-Sy fi'iyah*, 22; 'Al Jum'ah, *al-Bay n lima Yasyghal al-Adhh n* (K herah: Muqa am, 2005), 221.

<sup>537</sup> Iaitu pada zaman Ibn al . Ini bermakna pada zaman beliau sudah tidak wujud hamba. Muallaf pada ketika itu tidak diberi zakat mungkin kerana mengamalkan pandangan kedua agar mereka tidak lagi diberi zakat kerana Islam sudah kuat dan tidak ada siapa lagi yang perlu dipujuk memeluk Islam. Sementara *a n f ' mil* dan *f sab liLLah* boleh diandaikan mereka tidak diberi zakat kerana telah mendapat upah dari baitulmal, kususnya para tentera yang diberi gaji tetap. Jika diberi zakat lagi bererti mereka mendapat dua imbuhan sekaligus. Ini tidak harus. Lihat al-Syarb n , *Mughn al-Mu t j*, 4: 186; 'Abd al- am d al-Syarw n , *aw sy al-Syarw n wa Ibn Q sim 'al Tu fah al-Mu t j* (Beir t: D r al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1996), 8: 737.

<sup>538</sup> Perkataan "jua" dalam bahasa Melayu membawa erti hanya. *Kamus Dewan*, 638.

<sup>539</sup> Ertinya setiap *a n f* yang ada hendaklah diberikan zakat.

<sup>540</sup> Cukup-cukup, tidak lebih. Dalam teks asalnya "محصر". Ertinya terhad. Dalam rujukan asal pengarang, kitab Arabnya ditulis dengan perkataan "الخصر" dan "محصور", misalnya dalam *Mughn* di sebut [العدد] [المحصور]. Lihat *al-Mu'jam al-Was* , 178; Ro Ba'albak , *al-Mawrid Q m s 'Arab -Inkl z* Beir t: D r el-

di dalam negeri dan cukup [h]arta zakat akan menyempurnakan sekalian hajat mereka itu.<sup>541</sup> Dan jika tiada me *a ar*<sup>542</sup> bilangan mereka itu di dalam negeri atau me *a ar* mereka itu tetapi tiada cukup [h]arta zakat akan menyempurnakan hajat mereka itu, maka tiadalah wajib yang demikian itu. Hanya wajib atasnya memberi tiga-tiga orang atau lebih daripada tiap-tiap satu bagai [a n f]<sup>543</sup>. Dan wajib menyamakan zakat antara bagai [a n f] yang [se]lain daripada ‘ *mil* samada yang membahagi zakat itu *m lik* atau ‘ *mil*, dan jika tiada bersamaan hajat mereka itu sekalipun.

(Adapun) ‘ *mil* maka tiada diberi mereka itu daripada zakat melainkan sekadar upah jua. Maka jika lebih *thaman*<sup>544</sup> zakat itu – umpamanya - daripada kadar upah hendaklah diberikan lebihnya itu bagi segala bagai yang lainnya. Dan jika kurang *thaman* itu daripada kadar upah maka hendaklah ditambahi dengan [h]arta zakat atau [h]arta baitulm l.

Dan jika kurang bahagian satu bagai [a n f] daripada *kif yah*<sup>545</sup> mereka itu dan lebih bahagian satu bagai yang lain daripada *kif yahnya* hendaklah diberikan yang lebih itu bagi yang kurang.<sup>546</sup>

Dan tiada wajib menyamakan zakat antara tiap-tiap orang yang di dalam satu bagai jika ada yang membahagi zakat itu *m lik*, tetapi sunat baginya menyamakan zakat antara mereka itu jika bersamaan hajat mereka itu.

---

<sup>541</sup> ‘Ilm li al-Mal y n, 1994), 184; Al-Syarb n , *Mughn al-Mu t j*, 4: 195; al-Haitam , *Tu fah*, 3: 159; Syams al-D n al-Raml , *Nih yah al-Mu t j*, 6: 167.

<sup>542</sup> Dengan erti diberi zakat setiap orang yang berhak zakat dari kalangan semua *a n f* tersebut. Ini memandangkan zakat yang diserahkan cukup untuk memenuhi keperluan mereka semua.

<sup>543</sup> Iaitu tidak terhad, yang bermaksud terlalu ramai.

<sup>544</sup> Ini bererti wajib diberi zakat kepada setiap *a n f* sekurang-kurangnya kepada tiga orang. Maka si *m lik* yang memberi zakatnya sendiri ini perlu memberi zakatnya itu kepada 21 orang, kerana  $7 a n f \times 3$  orang berjumlah 21 orang.

<sup>545</sup> Dalam teks asal “ *ثَمَنٌ* ” bererti harga. Maksudnya jumlah harta zakat yang diperuntukan untuk ‘ *mil*.

<sup>546</sup> Kecukupan. Ertinya harta itu sedikit, tidak dapat menampung keperluan *musta iq* yang ramai.

<sup>546</sup> Iaitu jika habuan zakat bagi sesuatu *a n f* tidak mencukupi, kerana ramai bilangan mereka (contohnya *a n f* miskin), sedang ada *a n f* lain yang habuan zakat mereka berlebihan, kerana bilangan mereka sedikit (contohnya *a n f fi Sab lill h*) maka *a n f* yang mempunyai lebih hendaklah lebihannya itu diberi pula kepada *a n f* yang tidak cukup habuannya itu.

(Adapun) jika ada yang membahagi zakat itu imam atau naibnya maka wajib atasnya menyamakan antara mereka itu kerana mudah atas imam menyamakan dia. Dan jika tiada bersamaan hajat mereka itu maka tiada wajib atas imam menyamakan, hanya hendaklah dipeliharakannya hajat mereka itu. Maka dilebihkannya bahagian yang lebih hajat daripada bahagian yang kurang hajatnya. Maka yang *mustau in*<sup>547</sup> pada tempat zakat terlebih utama daripada yang lain.

(Syahdan) Telah terdahulu perkataan bahawasanya wajib memberikan zakat pada segala bagai yang *mawj d* di dalam negeri dan jikalau zakat *fi rah* sekalipun. Maka wajib membahagi *fi rah* seorang yang segantang kepada sekalian<sup>548</sup> mereka itu. Maka tiada harus menyimpankan<sup>549</sup> dia kepada seorang atau tiga orang. Demikianlah *qawl*<sup>550</sup> yang *mu'tamad*<sup>551</sup> atas mazhab imam kita Sy fi' ra iyalL hu 'anhu.

Maka diketahui daripada yang demikian itu bahawasanya barang yang telah beradat daripada memberikan zakat [h]arta atau zakat *fi rah* kepada seorang atau tiga orang, maka iaitu tiada ah dan tiada memadai akan zakat kerana bersalahan dengan Imam Sy fi' yang empunya mazhab. Tetapi jika dikerjakan yang demikian itu dengan *taql d*<sup>552</sup> kepada mazhab ulama yang

---

<sup>547</sup> Orang yang tinggal di suatu tempat, yang tidak berazam kembali ke tanah air atau kampung halamannya untuk menetap di sana semula. Lihat Al-Syarb n , *Mughn al-Mu t j*, 1: 623.

<sup>548</sup> Contohnya, seseorang yang memberi zakat *fi rah*nya sendiri akan memberi segantang beras kepada tujuh *a n f* dan setiap *a n f* itu pula terdiri dari tiga orang. Ertinya beras itu perlu diagihkan kepada 21 orang, maka setiap meraka mendapat satu bahagian dari segantang beras tersebut.

<sup>549</sup> Memberikan.

<sup>550</sup> Perkataan. al-Marbawi, *Q m s*, 162.

<sup>551</sup> Yang dipegang. Dari sudut istilah, *qawl mu'tamad* dalam mazhab ialah apa yang disepakati oleh *al-Syaikh n* iaitu Imam al-R fi' dan Imam Nawaw , dan jika tidak ada *pentarj* an bagi salah satunya atau didapati sama-sama *mentarj* maka yang *mu'tamad* adalah apa yang dikata oleh Imam Nawaw . Sekiranya hanya seorang dari mereka mempunyai *tarj* maka yang *mu'tamad* adalah yang empunya *tarj* . Selepas itu jika sesuatu masalah itu tidak disentuh oleh mereka barulah pendapat Ibn ajar dan Mu ammad al-Raml dianggap *mu'tamad* oleh ulama al-Syafi'iyah. Lihat 'Al Jum'ah, *al-Bay n*, 222; Wahbah al-Zu ail , *al-Fiqh al-Isl m wa Adillatuh*, 1: 71.

<sup>552</sup> Ikutan. al-Marbawi, *Q m s*, 151. *Taql d* pada bahasa ialah penggantungan kalung di leher. Manakala pada istilah ulama *u l* ialah pengambilan *qawl* orang lain tanpa mengetahui dalilnya: iaitu meniru orang lain pada amalan atau peninggalan, seperti menyapu sebahagian kepala dengan *bertaql d* kepada al-



mengharuskan dia dan jikalau kemudian daripada ‘amal sekalipun maka iaitu memadai akan zakat.

Dan tersebut di dalam *Tu fah* bahawasanya telah memilih *jam ‘ah* ulama akan harus memberi zakat bagi tiga orang fakir atau miskin umpamanya, dan telah memilih *qawl jam ‘ah* daripada ulama akan harus memberikan zakat bagi seorang. Dan telah melanjutkan setengah mereka itu akan perkataan pada menolong bagi *qawl* itu hingga *menaqal*<sup>553</sup> Imam R y n<sup>554</sup> daripada imam yang tiga dan yang lain daripada mereka itu bahawasanya harus memberikan zakat [h]arta kepada tiga orang daripada *musta iq* serta katanya iaitulah *qawl* yang dipilih kerana sukar mengamalkan dengan mazhab kita Syafi‘i dan jikalau ada kiranya Imam Sy fi‘ hidup nescaya difatwakannya akan kita dengan yang demikian itu. *Intah* .

(Dan) tersebut di dalam *Mughn* bahawasanya telah memilih *jam ‘ah* daripada sahabat<sup>555</sup> Sy fi‘, setengah mereka itu Imam I akhr<sup>556</sup> akan harus

---

Sy fi‘ dan meninggalkan membaca *f ti a* dalam sembahyang dengan mengambil perkataan Ab an fah. Hukum *bertaqd* bagi orang awam dan mereka yang tidak berkeahlian dalam *ijtih d* kepada *mujtahid n* dalam masalah *fur ‘* adalah wajib, berdasarkan *na ‘*, *ijm ‘* dan akal. Namun perlu dijelaskan bahawa *na ‘* yang mencela *taql d* seperti ayat 31, surah al-Tawbah dan seumpamanya adalah dimaksudkan dalam perkara *aq id al- m n*. Ini kerana yang dituntut dalam *u l* ialah yakin, bukan *ann* seperti dalam masalah-masalah *fur ‘*. Tambahan pula permasalahan *fiqh* jauh lebih banyak dari *u l* untuk diteliti dalilnya dalam menentukan sesuatu hukum dan keadaan sebegini tentu membawa kesulitan dan mudarat dalam hidup manusia. Wahbah al-Zu ail, *U l al-Fiqh al-Isl m* (Beir t: D r al-Fikr al-Mu‘ ir, 2001), 2: 1148-1149. Lihat perbincangan lanjut dalam al-Gazz l, *al-Musta f min ‘Ilm al-U l* (Beir t: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2008), 579; al- mid, *al-I k m f u l al-A k m* (Beir t: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 3: 445 dan selepasnya; Mu ammad bin Ni m al-D n al-Laknaw al-An r, “Faw ti al-Ra m t Syar Musallam al-Thub t fi U l al-Fiqh,” dicetak bersama al-Ghazz l, *al-Mu ta f min ‘Ilm al-U l* (K herah: al-Ma ba‘ah al-Am riah bi B l q, 1324H), 2: 400.

<sup>553</sup> Pindahkan. al-Marbawi, *Q m s*, 343.

<sup>554</sup> Al-R y n ialah ‘Abd al-W id bin Isma‘l bin A mad, salah seorang *fuqah ‘* terkemuka di zamannya, mempunyai kemuliaan dan dipatuhi kalangan raja serta menjadi ketua *q ‘*. Beliau digelar *fakhr al-Isl m* dan terkenal sebagai tuan punya kitab *al-Ba r* iaitu kitab *Ba r al-Mazhab*. Dilahirkan di R y n, ibrist n, Bukh r pada 415H dan syahid dibunuh oleh golongan *mul id* pada 11 Mu arram 502H di masjid mal. Kata-katanya yang terkenal tentang mazhab, “kalau terbakar kitab-kitab Imam Sy fi‘, akan aku tulis semuanya melalui hafalanku.” Imam al-Nawaw, *Tahdh b al-Asm ‘*, 2: 153; Ibn al-Hid yatulLah al- usain, *abaq t al-Sy fi‘iyyah*, 190-191.

<sup>555</sup> Dalam rujukan asal kitab-kitab Arab disebut *a b*. Di sisi ulama Sy fi‘iyyah ia bermaksud ulama Syafi‘iyyah terdahulu yang diistilahkan sebagai ulama *mutaqaddim n*, yang hidup sebelum tahun 400H dan kebiasanya mereka adalah *a b al-wuj h*. Sementara ulama terkemudian ialah yang hidup selepas itu. Lihat al-Syarb n, *Mughn al-Mu t j*, 1: 21.

memberikan zakat kepada tiga orang daripada *musta'iq*.<sup>557</sup> Dan telah memilih akan dia Imam Subk. Dan menghiyakan Imam R fi' akan satu wajah daripada pemilih<sup>558</sup> yang empunya kitab *Tanb h*<sup>559</sup> akan harus memberikan kepada seorang daripada *musta'iq*. (Kata) *ib al-Ba r*<sup>560</sup> inilah yang ku fatwakan dengan dia. (Kata) Adhra'<sup>561</sup> atas inilah yang berlaku amal di dalam beberapa masa dan beberapa negeri yang besar-besar dan iaitulah *qawl* yang

<sup>556</sup> I akhr ialah Ab Sa'd al- asan bin A mad bin Yaz d bin ' s bin al-Fa l. Dinisbahkann dengan I akhr yang terletak di wilayah Parsi. Beliau lahir pada 244H dan wafat pada 328H di Bahgdad. Wajar dijelaskan bahawa beliau bukan Ab Mu ammad 'Abdullah bin Mu ammad al-I akhr, pengarang *Syar al-Musta'mal* yang lahir pada 291H dan terkenal sebagai *lim F ris*. Abu S 'd salah seorang berkedudukan tinggi dalam kalangan *a b al-wuj h* yang namanya sering disebut dalam kitab-kitab besar. Beliau dan Ibn Suraij merupakan dua syeikh ulama Syafi'i di Baghdad. Beliau telah dilantik menjadi *q i* Sajist n dan dalam masa yang sama dilantik memegang jawatan *isbah* Baghdad. Sewaktu berada dalam jawatan tersebut beliau telah menunjukkan sikap tegas sebagai seorang ulama umpama pernah membakar tempat-tempat hiburan. Mereka yang meriwayatkan daripadanya adalah Ibn al-Mu affar, al-D raqun dan lain-lain. Seorang yang mahir dengan kitab-kitab Imam al-Sy fi' dan menghasilkan banyak kitab, antaranya kitab *d b al-Qa '*, kitab *al-Far 'i al-Kab r* dan *al-Wath 'iq wa al-Mu ar t wa al-Sijill t*. Imam al-Nawaw, *Tahdh b al-Asm*, 2: 108-109; Ibn al-Hid yatulLah al- usain, *abaq t al-Sy fi'iyah*, 62 dan 285; al-Subk, *abaq t al-Sy fi'iyah al-Kubr*, 4: 230-239; *Ensiklopedia Fuqah*, 1: 173-174.

<sup>557</sup> Walaupun dari satu *a n f* sahaja.

<sup>558</sup> (pilihan).

<sup>559</sup> *Al-Tanb h* karya Ab Is k Ibr h m bin 'Al al-Sy r z yang mula ditulis pada bulan rama an 452H dan selesai bulan Sya'b n tahun berikutnya. Kitab ini asalnya merupakan *ta' l q* dan ulasan daripada guru beliau, Ab mid al-Marwaz. *Al-Tanb h* merupakan salah satu dari lima kitab yang termasyhur di kalangan ulama Sy fi'iyah yang terdiri dari kitab *mukhta ar al-Muzan*, *Muhadhdhab*, *al-Was* dan *al-Raw ah*, bahkan ia paling banyak digunapakai sebagai mana diungkap oleh Imam al-Nawaw di dalam *Tahdh bnya*. Kemudian begitu ramai yang datang mensyarahkannya seperti al-Karkh setebal empat jilid, Imam Mu ammad bin Mub rak berjudul *Tauj h al-Tanb h*, A mad bin M s bin Y nus al-M il, 'Abd al-Ra m n bin Ibr h m al-Fark dengan judul *al-Iql d li Durar al-Taql d*, Mu ammad bin 'Abd Ra m n berjudul *al-Ikm l*, Ibn Sabt, 'Ali bin Abd K f setebal empat jilid, Imam Nawaw berjudul *al-Ta r r* yang menghurai kandungannya yang sukar, Ab Bakr bin Isma' l berjudul *Tu fah al-Tanb h fi Syar al-Tanb h* dan lain-lain. Kepentingan kitab ini dalam Mazhab Syafi'i telah mendorong seorang orientalis Belanda, T. W. J. Juynboll (meninggal 1861M) yang berkeahlian dalam ilmu *fiqh*, terutama *fiqh* mazhab Syafi'i yang dianut oleh umat Islam Indonesia untuk menterjemahkan kitab ini ke dalam bahasa Belanda, dan menurut Haji Sirajuddin Abbas, terjemahan ini masih dipakai dalam universiti-universiti di Indonesia sebagai buku wajib dalam fakulti Hukum. Lihat j Khal fah, *Kasyf al- un n* (Beir t; D r al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992), 1: 489; Haji Sirajuddin Abbas, *40 Masalah Agama* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 2007), 1: 196.

<sup>560</sup> *Ba r al-Mazhab Syar al-Mukhta ar* adalah karya Imam al-R y n yang *sinonim* dengan namanya, apabila disebut *ib al-Ba r* secara langsung orang teringat pengarangnya, Imam al-R y n.

<sup>561</sup> Al-Adhra' ialah A mad bin amd n bin A mad bin 'Abd al-W id bin 'Abd al-Ghan bin Mu ammad bin A mad bin S lim al-Adhra' yang lahir di Adhra' t, Sy m pada 708H, berhijrah ke Kota K herah mendalami *fiqh* kemudian ke alab mengajar dan berfatwa sehingga wafat di sana pada 783H. Seorang yang mempunyai kefahaman yang tajam dan fatwanya tersebar di serata cerok rantau. Menurut Ibn ajar, cepat dalam penulisan, sangat demawan, halus perasaan, banyak mendendangkan syair dan turut menghasilkan *nuzum*. Beliau adalah murid kepada al-Mizz dan al-Zahab, dan pernah mengutus surat kepada Imam Subk berkenaan masalah-masalah *alabiyy t* dan kemudian ia dibukukan setebal satu jilid. Karyanya yang lain *Jam'u al-Tawassu wa al-Fat Baina al-Raw ah wa al-Syar* setebal 20 jilid, dua *syar* kepada *Minh j*; *Ghaniyyah al-Mu t j* lapan jilid dan *Q t al-Mu t j* 13 jilid, *Mal k al-Ta'w l*, *al-Tanb h t 'al Awh m al-Muhimm t* setebal tiga jilid dan lain-lain. Lihat Ibn Hid yatulLah al- usain, *abaq t al-Sy fi'iyah*, 237-138; al-Ka alah, *Mu'jam Muallifin*, 1: 210-211; Al-Syarb n, *Mughn al-Mu t j*, 78; Ibn Q Syuhbah, *abaq t al-Sy fi'iyah*, 3: 191-194.

*mukht r.*<sup>562</sup> Tetapi yang *a wa*<sup>563</sup> hendaklah diberikan akan dia kepada tiga orang daripada orang yang *musta iq.* (Dan kata) ‘Adhra’ bahawa *qawl* yang mengatakan dengan wajib meratakan zakat kepada sekalian bagai yang *mawj d* itu sangat jauh dan jika ada ia *hir*<sup>564</sup> mazhab Syafi’i sekalipun; kerana orang banyak memberi *fi rah* tiada [di]wajibkan<sup>565</sup> akan mereka itu mencampurkan *fi rah* mereka itu dan *fi rah* yang segantang tiada dapat membahagikan ia atas tiga orang daripada tiap-tiap satu bagai daripada segala bagai *musta iq* pada adat. Demikianlah yang tersebut di dalam *Mughn*.<sup>566</sup>

(Syahdan) Tiada harus bagi *m lik* memindahkan zakat [h]arta atau zakat *fi rah* daripada negeri<sup>567</sup> zakat yang ada di dalamnya *musta iq* kepada negeri yang lain yang ada di dalamnya *musta iq* supaya diberikannya zakat itu kepada mereka itu, kerana tersebut di dalam hadith riwayat Bukh r<sup>568</sup> dan

<sup>562</sup> Yang dipilih, yang kena pilih. Marbaw , *Q m s*, 192. Dari sudut istilah, apabila *al-Mukht r* diungkap oleh para *fuqah* ’ maka ia bermaksud pandangan yang *ditarj* oleh mereka, iaitu pendapat yang *r ji* untuk diamalkannya, bukan lain-lain pendapat. Raww s, *Mu’jam Lughah al-Fuqah* ’, 415.

<sup>563</sup> Lebih berhati-hati.

<sup>564</sup> *hir* mazhab bermaksud hukum yang dianggap daripada mazhab tetapi tidak dina kan oleh Imam mazhab. *Ibid.*, 295; ‘Abd al-Ra m n bin Mu ammad al-Masyh r, *Bughyah al-Mustarsyid n fi Talkh Fat w Ba’ al-Aimmah min al-Mutaakhkhir n* ( an’a: D r al-Faq h), 1: 166.

<sup>565</sup> [ لا يلزمهم خلط فطرهم ]

<sup>566</sup> al-Syarb n , *Mughni al-Mu t j*, 4: 194.

<sup>567</sup> *Na nya* yang asal disebut dengan istilah “ بلد ”. Ertinya kawasan tertentu yang mempunyai bangunan dan didiami oleh kelompok-kelompok orang ramai, mempunyai suatu sempadan yang terdapat di dalamnya mahkamah, tempat bagi agensi keselamatan atau gedung-gedung perniagaan. Sebenarnya terdapat dua ukuran bagi istilah *balad*. Yang pertama, *balad* dalam pengertian *b b qa r* sembahyang yang membawa maksud kawasan penempatan yang kecil, yang umum mengistilahkan sebagai *qaryah*. Yang kedua, *balad* dengan erti kawasan lebih besar yang diistilahkan sebagai negeri, biasanya mempunyai jarak sempadan dua *mar alah*. Raww s, *Mu’jam Lughah al-Fuqah* ’, 110; al-Syarb n , *Mughn al-Mu t j*, 1: 587; al-Qaly b dan ‘Umairah, *syiyat Qaly b wa ‘Umairah*, 3: 308; Syed ‘Abd al-Ra m n, *Bughyah al-Mustarsyid n*, 3: 49.

<sup>568</sup> Nama beliau ialah Mu ammad bin Isma’ l bin Ibr h m bin al-Mugh rah bin Bardizbah al-Bukh r . Disepakati kelahirannya pada 13 syawal 194H dan wafat tahun 256H di Samarqand pada malam aidilfitri dan dikebumikan selepas zohor aidilfitri. Beliau membesar sebagai anak yatim, seorang yang kurus dan sederhana tinggi. Sejak kecil telah menghafal hasil penulisan Ibn al-Mub rak. Ketokohan al-Bukh r dalam bidang hadith sebagai *im m al- uff* yang paling banyak menghafal hadith begitu terserlah sebagai mana yang difahami dari pengakuannya yang telah menghafaz 100 000 hadith *a* dan 200 000 hadith tidak *a* . Menurut Imam al-Tirmidhi, al-Bukh r merupakan yang paling alim di Iraq dan Khurasan tentang sifat ‘*ilal*, t r kh dan sanad. Keilmuan beliau dalam bidang hadith amat tinggi sehingga mendapat pelbagai sanjungan daripada para ulama, seperti ungkapan “hadith yang tidak diketahui oleh al-Bukh r bukan hadith”. Kesungguhan beliau menuntut ilmu membawa beliau melalui pengembaraan yang jauh dan telah menetap di setiap bandar para *masy yikh* hadith, menurut al-Kha b al-Baghd d , al-Bukh ri *r.h.* mencari *mu addith* kota-kota besar, kitab-kitab di Khurasan, bukit-bukau, seluruh bandar di Iraq, ij z, Sh m, Mesir. Dalam sebuah pengakuan bahawa beliau telah menulis hadith lebih dari 1000

Muslim<sup>569</sup> “diambil zakat itu daripada orang kaya mereka itu diberikan ia bagi segala fakir mereka itu” dan lagi kerana berlanjutan tamak segala *musta iq* yang pada tiap-tiap tempat kepada zakat yang dalam tempat itu. Dan memindahkan zakat daripada tempat[nya] membawa kepada meliarkan dan memutuskan pengharapan hati mereka itu.

Maka dikerana inilah tiada haram memindahkan *kaff rah* dan wasiat dan wakaf bagi segala fakir dan miskin apabila tiada ditentukan oleh yang berwaqaf atas [tidak boleh] memindahkan[nya] [ke tempat] lainnya.<sup>570</sup>

Tetapi tempat tertegah<sup>571</sup> memindahkan zakat kepada negeri yang lain jika tiada ia hampir. Adapun jika ada negeri yang lain itu hampir dengan negeri zakat seperti bahawa dibangsakan ia kepada negeri zakat pada *uruf*<sup>572</sup> sekira-kira dibilangkan keduanya itu negeri yang satu maka harus memindahkan zakat

---

ulama dan tiada satu pun yang tidak diingat sanadnya. Dianggarkan hadith yang telah dikumpulkan beliau berjumlah 600 000 buah. Antara guru beliau yang terkenal adalah al-*umaid*, sahabat Imam al-Sy fi‘ dan Mu ammad bin Ibr h m al-Bushanj, Syeikh hadith di Nais b r, ‘Al bin al-Mad n, Imam Is q bin Rawaihi, Ya ya bin Ma‘ n, dan Imam A mad bin anbal. Biasanya majlis ilmu beliau dihadiri ribuan hingga kadang-kadang melebihi 20, 000, antara tokoh yang mengambil riwayat daripadanya ialah Imam Muslim, al-Tirmidh, al-Nas i, Ibn Khuzaimah dan lain-lain *uff z*. Kitabnya yang paling masyhur merupakan kitab paling berautoriti di antara *kutub sittah*, yang bernama *al-J mi‘ al-Musnad al- a al-Mukhta ar min Um r Ras lill h allalL hu ‘alayh al-Sal m wa Sunanih wa Ayy mih*. Hasil penulisan beliau juga merangkumi *al-T rikh al-Kab r*, *al-T r kh al-Aws*, *Khalq Af‘ l al-‘Ib d*, *al-Musnad al-Kab r* dan *al-Adab al-Mufrad*. Lihat Imam al-Nawaw, *Tahdh b al-Asm*, 1: 71-79; Ibn al-Hid yatulLah al- usain, *abaq t al-Sy fi‘iyah*, 15 dan 33; al-Zirikl *al-A‘l m Q m s Tar jim*, 6. 34; Ibn ajar al-‘Asqal n, *Fat al-B r*, 1:13-21; Shams al-D n al-Dhahab, *Tadhkirah al- uff* (Beir t: Dar al-Fikr al-‘Arab, 1956), 1: 555-557.

<sup>569</sup> Nama penuhnya Ab usain Muslim bin al- ajj j bin Muslim bin Ward bin K sy z al-Qusyair al-Nais b r. Dilahirkan tahun 204H dan wafat tahun 261H di Nais b r. Mula mendengar hadith tahun 218H kemudian mengerjakan haji ketika berumur 20 tahun lalu mempelajari hadith di Madinah daripada al-Qa‘nab yang merupakan guru utamanya, selain daripada Ya ya bin Ya ya al-Nais b r dan aitham bin Kh rijah. Guru beliau sangat ramai di Kufah seperti A mad bin Yunus, di Iraq seperti A mad bin anbal, di Madinah, Sh m dan Mesir seperti ‘Amr bin Saw d dan armalah bin Ya ya. Hasil karya beliau selain kitab *a i nya* ialah kitab *al-J mi‘ al-Kab r ‘al al-Abw b*, *al-Musnad al-Kab r ‘al Asm*, *al-Rij l*, *Awh m al-Mu addith n*, *al-Tamy z fi al- ad th*, *abaq t al- bi‘ n*, dan kitab *Man laisa lah ill r win w id*. Lihat muqaddimah *mu aqqiq* dalam *a i Muslim bi Syar al-Nawaw* oleh Imam al-Nawaw, *Syar al-Nawaw*, 1: 8-12; Ibn ajar al-‘Asqal n, *Tahdh b al-Tahdh b*, ed. Mu ammad ‘Abd al-Q dir ‘A’ (Beir t: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 10: 114-116; al-Dhahab, *Tadhkirah al- uff*, 1: 588-590; Imam al-Nawaw, *Tahdh b al-Asm*, 1: 480-482.

<sup>570</sup> Maksudnya kalau pewakaf tidak mensyaratkannya, ia tidak boleh dipindahkan.

<sup>571</sup> Dilarang.

<sup>572</sup> ‘*Urf* menurut istilah ialah adat majoriti sesuatu kaum dari segi perkataan, pengucapan atau amalan. Dinamakan juga dengan adat menurut kebanyakan para ulama. Mohd Salleh Haji Ahmad, *Pengantar Syari‘at Islam* (Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1999), 127. ‘Abd al-Kar m Zaid n, *Al-Madkhal li Dir sah al-Syar ‘ah al-Isl miyyah* (Beir t: Muassasah al-Res lah, 1999), 172.

kepadanya, dan jika ada ia di luar kota negeri zakat dan di luar tempat yang didiami orang sekalipun. Inilah yang dimu'tamadkan Syeikh Ibn ajar di dalam *Tu fah*.

Dan yang dimu'tamadkan Syeikh Kha b Syarb n di dalam *Mughn* bahawasanya tertegah memindahkan zakat kepada negeri yang lain, dan jika kurang daripada *mas fah al-qa r*<sup>573</sup> sekalipun dan jika dipindahkan kepada dusun yang hampir dengan negeri zakat sekalipun. (Dan kata) Ab Syak l<sup>574</sup> bahawa tempat tertegah memindahkan zakat itu [adalah] pada yang lain daripada suatu<sup>575</sup> negeri dan dusunnya.<sup>576</sup> (Adapun) pada suatu negeri dan dusunnya maka tiada tertegah memindahkan zakat kepadanya.<sup>577</sup>

(Dan kata) Syeikh Ab mid<sup>578</sup> tiada harus bagi orang yang di dalam negeri yang berkubu<sup>579</sup> memberikan zakatnya kepada orang yang diluar kota

---

<sup>573</sup> "*Mas fah qa r*" bermaksud jarak qa ar. Qa ar di sini ertinya memendekkan sembahyang empat raka'at menjadi dua raka'at. Ulama telah menegaskan bahawa sebab keharusan qa ar itu ialah perjalanan yang tidak kurang dua *mar alah*. Sebagaimana dijelaskan sebelum ini ukurannya adalah menyamai 88.704 KM.

<sup>574</sup> Ab Syak l, diduga adalah A mad bin Mu ammad al-Yam n, seorang *faq h* mazhab Syafi'i dan ahli tasawwuf, mempunyai beberapa hasil penulisan dalam *fiqh* dan tasawwuf. Beliau wafat pada tahun 654H. Ibn al-Ghaz, "Islamport.com," dicapai 16 April 2014, <http://islamport.com/w/tkh/Web/378/55.htm>

<sup>575</sup> (satu)

<sup>576</sup> Dengan erti dilarang memindahkan zakat ke negeri lain atau kampung lain. Berdasarkan rujukan asal pengarang kitab, kampung atau dusun adalah terjemahan dari perkataan Arab "قرية".

<sup>577</sup> Berdasarkan kenyataan di atas terdapat perbezaan pendapat antara Syeikh Ibn ajar dan Syeikh Khat b Syarb n. Pandangan Syeikh Ibn ajar lebih ringan, yang membenarkan dipindahkan zakat ke tempat berhampiran walaupun berada dalam negeri yang lain. Manakala Syeikh Syarb n tidak membenarkannya kerana yang demikian itu termasuk dalam kemutlakan memindahkan zakat. Lihat al-Haitam, *Tu fah*, 3: 160.

<sup>578</sup> Syeikh Ab mid ialah A mad bin Mu ammad bin A mad al-Isfar y n. Beliau merupakan syeikh dan imam *ar qah a b al-'ir qiyyin*, pemelihara mazhab dan seorang dari *ibr al-ummah*. Dilahirkan pada 344H di Isfar y n dan dalam usia muda datang ke Baghdad belajar *fiqh* daripada Ibn al-Marzub n dan al-D rak sehinggalah beliau menjadi imam zaman tersebut. Beliau juga meriwayatkan hadith daripada ramai tokoh antaranya Ab al- asan al-D ruqu n. Bersifat zuhud dan memenuhkan seluruh waktunya dengan mengajar dan berbincang. Ramai menghadiri pengajarannya dan berkata bahawa kalau Imam Sy fi' melihatnya tentu beliau gembira. *Kefaq hannya* sangat dikagumi ramai ulama sebagai mana nukilan al-Kha b dalam *T rkh Baghdad*, malah al-Qud r, seorang tokoh mazhab anafi menganggapnya lebih teliti dan *faq h* dari Imam Sy fi'. Ibn al h mengatakan sebahagian ulama memilih beliau sebagai *mujaddid* bagi kurun selepas kurun Imam Sy fi' dan Ibn Suraij. Daripadanya lahir tokoh-tokoh aliran '*iraqiyyin* seperti al-M ward tuan punya kitab al- w, Q Ab al- ayyib, al-Ma mil dan al-Sanj. Beliau wafat pada 406H. Lihat al-Subk, *abaq t al-Sy fi'iyah al-Kubr*, 4: 61-65; Imam al-Nawaw, *Tahdh b al-Asm*, 2: 74-78; Ibn al-Hid yatulLah al- usain, *abaq t al-Sy fi'iyah*, 127-128.

<sup>579</sup> Berkubu ertinya kawasan yang berkota.

kerana yang demikian itu memindahkan zakat. (Tetapi) Zarkasyi<sup>580</sup> *naqal*<sup>581</sup> ia daripada Syeikh Abmid yang tersebut itu<sup>582</sup> dan daripada Ibnabbgh<sup>583</sup> bahawasanya Syeikh Abmid dan Ibnabbgh menghubungkan keduanya<sup>584</sup> akan suatu negeri yang kurang daripada dua *maralah* dengan segala mereka yang hadir<sup>585</sup> di dalam satu negeri yang kurang daripada dua *maralah* seperti hukum yang dalam satu negeri jua pada pihak harus memindahkan zakat kepada mereka itu. Tetapi sekalian *qawl* ini di a'fkan<sup>586</sup> oleh Syeikh Ibnajar di dalam *Tu fah*.

(Syahdan) Telah terdahulu perkataan bahawasanya yang ditegah memindahkan zakat itu iaitu *mlik* yang diam di dalam negeri atau di dalam suatu dusun yang tiada berpindah ia daripadanya. (Adapun) Imam yakni sulan, maka harus baginya memindahkan zakat *mutlaqan*<sup>587</sup> dikerana sekalian zakat orang yang di dalam tangannya seperti hukum satu zakat jua.

<sup>580</sup> Nama al-Zarkasy ialah Muammad bin Bahdur bin Abdullah, iaitu pengarang *Bidyah al-Mu'tajj* *Syar al-Minhaj*. Beliau lahir pada 745H dan wafat 794H di Kherah. 'alim dengan *fiqh* Syafi'iyah dan seorang ahli *u'ul, mu'addith, adab*. Berketurunan Turki, lahir di Mesir dan mempelajari *fiqh* di Damsyiq dan alab. Sejak kecil sudah menghafaz pelbagai kitab. Mempelajari hadith di banyak tempat seperti Damsyiq. Sumbangan besar beliau ialah meringkaskan *syiah Rawah al-libn* yang dihasilkan oleh empat gurunya, Imam al-Asnaw, Ibn al-'Imd, al-Bulqin dan Adhr', yang diberi judul *Khdim al-Rawah*. Selain itu menghasilkan *al-Barr fi ul al-Fiqh* setebal tiga *asfar* dan banyak syarah seperti *Syar al-Tanbih* oleh al-Syirz tentang *furu'* mazhab Syafi'i, *Syar Jam' al-Jawmi'* oleh al-Subki dua jilid, *Syar 'Ulmal-adath* oleh Ibn al-alh, *Syar al-Arban* Imam Nawaw dan *Luqah al-'Ajaln wa Ballah al-amn*. Dalam bidang sastera karyanya berjudul *Rab' al-Ghazl*. Lihat al-Kalah, *Mu'jam Muallifn*, 9: 121-122; Ibnajar al-'Asqal, *al-Durar al-Kaminah* (Beirut: Dar al-Turath al-'Arab, t.t.), 3: 397-398; Ibn al-Hidyatullah al-usain, *abaqt al-Syafi'iyah*, 241-242; Ibn QSyuhbah, *abaqt al-Syafi'iyah*, 3: 227-229.

<sup>581</sup> Mengambil riwayat ia daripada fulan. al-Marbawi, *Qoms*, 342.

<sup>582</sup> "yang tersebut itu" maksudnya yang di atas.

<sup>583</sup> Ibnabbgh ialah 'Abd al-Sayyid bin Muammad bin 'Abd al-Wid bin Amad bin Ja'far al-Baghdadi. Seorang dari *fukah* besar Syafi'iyah, *u'ul*, ulama *kalim* yang dilahirkan di Baghdad pada 400H dan wafat 477H. Berasal dari keluarga ilmunan dan salah seorang datuknya bekerja sebagai pengecap pakaian yang disebut *al-abbgh*. Beliau merupakan salah seorang tenaga pengajar di Madrasah al-Nimiyyah di awal penubuhannya. Namanya sering diadresskan sebagai pengarang *al-Syamil*. Karyanya yang lain ialah *al-Kmil fi al-Khilfaina al-Syafi'iyah wa al-anafiyyah*, *Kifayah al-S'il*, *al-Isy'ir bi Ma'rifah ikhtilfulam al-Amr*, *'Uddah al-'alim wa al-arq al-Slim* dan *al-Fatwa*. Lihat Ibn al-Athar, *al-Kmil fi al-Trikh* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 8: 437; Ibn al-Hidyatullah al-usain, *abaqt al-Syafi'iyah*, 173; al-Kalah, *Mu'jam Muallifn*, 5: 232-233.

<sup>584</sup> "keduanya" bermaksud dua negeri yang berkubu berkenaan. Ini bermaksud memasukkan kedua-dua negeri berkota itu seperti satu negeri sahaja, dengan syarat jaraknya tidak lebih dua *maralah*.

<sup>585</sup> Iaitu berada.

<sup>586</sup> Dilemahkan.

<sup>587</sup> Secara mutlak, iaitu yang tak berkait. al-Marbawi, *al-Qoms*, 364.

(Dan demikian lagi) harus bagi *s* ‘ memindahkan zakat, tetapi wajib akan dia memindahkan zakat bagi imam<sup>588</sup> jika tiada disuruhkan imam akan dia pada membahagi[-bahagikan] zakat. (Dan demikian lagi) *q* harus baginya memindahkan jika tiada dijadikan oleh imam akan yang lainnya pada menghantarkan zakat.<sup>589</sup>

Dan harus bagi imam atau *s* ‘ atau *q* memberi izin bagi *m lik* pada memindahkan zakat. Tetapi tiada harus bagi *m lik* memindahkan zakat dengan izin melainkan pada tempat wilayah yang memberi izin jua, tiada harus pada tempat yang diluar wilayahnya.

Dan terkadang [harus] memindahkan zakat dengan tiada izin seperti ada baginya 20 kambing pada suatu negeri atau dusun dan 20 kambing pada negeri atau dusun yang lain, maka harus baginya serta *kar hah*<sup>590</sup> mengeluarkan seekor kambing pada salah satu daripada dua tempat itu. Dan seperti genap tahun [h]arta zakat pada hal adalah [h]arta itu di dalam hutan atau dusun yang tiada *musta iq* di dalamnya, maka hendaklah dipindahkan oleh *m lik* akan zakat [h]arta itu bagi *musta iq* tempat yang terhampir kepada tempat [h]arta itu.

Dan harus bagi segala mereka yang mempunyai khemah yang berpindah-pindah yang tiada ketetapan mereka itu pada suatu tempat memberikan zakatnya kepada *musta iq* yang sertanya dan jikalau ada ia setengah daripada bagai *musta iq*<sup>591</sup> sekalipun. Seperti harus bagi orang yang

---

<sup>588</sup> Ungkapan “bagi imam” bermaksud untuk imam (pemerintah Islam).

<sup>589</sup> Ertinya tiada orang lain yang dilantik selainnya untuk mengagihkan zakat.

<sup>590</sup> Makruh. Dalam mazhab Syafi’i, bererti meninggalkan apa yang dituntut oleh syarak dengan tuntutan tidak putus. Jika ditinggalkan oleh seorang *mukallaf* akan diberi pahala dan jika dilakukan tidak akan diseksa. ‘Abd al-Rahmān bin Muammad al-Jazrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhhib al-Arba‘ah* (Manarah: Maktabah al-Man, 1999), 1: 79.

<sup>591</sup> Ini bermaksud, jika hanya ada sebahagian *an f* sahaja.

di dalam kapal yang berlayar<sup>592</sup> di tengah laut memberikan zakatnya kepada *musta iq* yang sertanya.

Maka jika tiada diperoleh *musta iq* pada tempat mereka itu hendaklah dipindahkan zakat kepada *musta iq* tempat yang terhampir kepadanya. Maka jika sukar sampai kepada yang terhampir itu hendaklah dinanti kemudahan<sup>593</sup> jika diharap sampainya kepada tempat itu pada masa hampir, dan jika tiada diharap ia maka hendaklah dipindahkan zakat itu kepada *musta iq* tempat yang terhampir kepada tempat yang sukar sampai kepadanya [tadi]. Dan jika bersamaan dua negeri pada hampirnya kepada tempat [h]arta maka iaitu seperti hukum satu negeri jua. Maka diberikan zakat bagi segala *musta iq* kedua negeri itu, seperti memberikan dia bagi segala *musta iq* satu negeri jua.

(Syahdan) Jika tiada mawjud sekalian bagi *musta iq* di dalam negeri zakat atau ada [zakat itu] lebih daripada *kif yah*<sup>594</sup> mereka itu suatu daripadanya nescaya wajiblah memindahkan sekalian zakat atau yang lebih itu kepada *musta iq* yang berhampir<sup>595</sup> kepadanya yang seu[m]pama *musta iq* negeri [zakat itu].

Dan jika dipindahkan ia kepada *musta iq* yang di negeri yang jauh daripadanya serta ada *musta iq* negeri yang terhampir kepadanya, maka iaitu haram [dan] lagi tiada memadai akan zakat.<sup>596</sup>

(Dan jika) tiada diperoleh setengah mereka itu di dalam negeri atau ada lebih daripadanya [se]suatu, seperti bahawa ada diperoleh[i] sekalian mereka

---

<sup>592</sup> Teks asalnya “ برلاير ”.

<sup>593</sup> Ada kelapangan dan senang untuk memindahkannya.

<sup>594</sup> Iaitu keperluan.

<sup>595</sup> **يقتر همفر** Boleh jadi perkataan ini salah cetakan, sepatutnya ia berbunyi “yang terhampir” iaitu dengan huruf “ta”. Ini kerana semua ungkapan seperti ini selepasnya berbunyi “yang terhampir” dan manuskrip kitab ini (MS2252) turut mengeja ungkapan ini sebagai “**يقتر همفر**”.

<sup>596</sup> Maksudnya, haram dan tidak sah zakatnya.



itu di dalam negeri dan lebih daripada *kif yah* setengah mereka itu [se]suatu<sup>597</sup> atau diperoleh[i] setengah [sahaja] mereka itu dan ada lebih daripada *kif yah* setengahnya [se]suatu daripada *kif yah* setengah mereka itu [se]suatu<sup>598</sup> atau diperoleh setengah mereka itu dan ada lebih daripada *kif yah* setengahnya [se]suatu daripada zakat<sup>599</sup> hendaklah dikembalikannya bahagian setengah [a n f] yang tiada *mawjud* [itu] atau yang lebih daripada *kif yah* setengahnya atas<sup>600</sup> segala bagi mereka yang tinggal, itu pun jika kurang bahagian mereka<sup>601</sup> dan tiada harus dipindahkan ia kepada yang lain daripada mereka itu. Dan jika tiada kurang bahagian mereka itu<sup>602</sup> maka hendaklah dipindahkan ia kepada [mereka yang] se[u]mpama bagi *musta iq* itu pada negeri atau dusun yang terhampir kepadanya.

(Bermula) sunat bagi imam atau s ‘ memberitahukan bulan mengambil zakat pada [h]arta zakat yang disyaratkan lalu setahun supaya bersedia segala mereka yang mempunyai [h]arta bagi mengeluarkan zakat dan bersedia segala *musta iq* bagi menerima dia. Dan bulan bulan Mu arram terlebih utama daripada lainnya kerana ia permulaan tahun pada syarak.

(Adapun) zakat yang tiada disyaratkan lalu setahun seperti biji-bijian dan buah-buahan maka tiada disunatkan yang demikian itu. (Tetapi) terdahulu

---

<sup>597</sup> Ini bererti sebahagian *a n f* yang ada dalam negeri itu mempunyai habuan zakat yang berlebihan dari keperluan mereka.

<sup>598</sup> Ertinya ada sebahagian *a n f* sahaja dalam negeri itu, dan sebahagian daripada *a n f* tersebut mempunyai habuan zakat yang berlebihan dari keperluan.

<sup>599</sup> Pada penulis, ayat bergaris di atas adalah pengulangan ayat sebelumnya, akibat daripada kesilapan cetakan atau seumpamanya. Jika ia tidak ada pun tidak menjejaskan apa-apa malah tidak selaras dengan maksud perbahasan yang ingin disampaikan. Lebih jelas lagi, semakan terhadap manuskrip kitab ini (MS2252) di Pusat Manuskrip Melayu mendapati ayat ini sebenarnya tidak wujud pada tempat berkenaan. Lihat perbahasan ini dalam al-Haitam, *Tu fah*, 3: 162; Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, *Sab l al-Muhtad n*, MS2252, *Katalog Manuskrip Melayu Klasik Perpustakaan Negara Malaysia* (Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2000).

<sup>600</sup> “atas” bermakna kepada. Suatu terjemahan langsung atau pengaruh gaya bahasa Arab yang dialihbahasa dari ungkapan “فيرد على... الباقيين”.

<sup>601</sup> Maksudnya jika kurang dari keperluan mereka. Dengan erti kata lain, mereka tidak boleh diberi lagi sekiranya habuan mereka mencukupi keperluan mereka atau *kif yah* mereka.

<sup>602</sup> Dengan erti, habuan mereka sudah memenuhi keperluan mereka.

perkataan bahawasanya barang siapa ada baginya [h]arta yang genap tahunnya dan ada hadir segala *musta iq* dan tiada ada padanya uzur wajib atasnya menyegerakan mengeluarkan zakatnya, dan tiada harus baginya melambatkan kerana menanti bulan Mu arram atau lainnya.

(Dan sunat) menaruh tanda pada *na'am adaqah*<sup>603</sup> dan *na'am fai'*.<sup>604</sup> Dan demikian lagi pada kuda dan keldai dan baghal dan gajah *fai'*, Maka sunat menaruh tanda pada sekalian itu dengan *sayr*<sup>605</sup> dengan besi hangat supaya berbeza setengahnya daripada setengahnya, dan supaya dikembalikan oleh barang siapa yang mendapati dia, dan supaya tiada dimiliki kemudiannya oleh yang ber *adaqah* dengan dibeli atau lainnya. [Ini] kerana makruh bagi yang ber *adaqah* memiliki *adaqahnya* daripada orang yang diberinya *adaqah* akan dia dengan lain daripada pusaka.

Dan adalah tempat menaruh tanda itu pada anggota yang nyata yang tiada banyak bulu padanya supaya diketahui tanda itu. Dan terutama tanda kambing dan biri-biri pada telinganya, dan tanda sapi dan kerbau dan unta dan kuda dan keldai dan baghal dan gajah pada pahanya.

Dan terutama bahawa adalah tanda kambing dan biri-biri itu terkecil, dan tanda sapi dan kerbau besar daripada tanda kambing, dan tanda unta terbesar daripada sapi, dan tanda kuda terbesar daripada tanda keldai dan terkecil daripada tanda sapi dan baghal, dan tanda gajah terbesar daripada tanda unta.

Dan terutama bahawa hendaklah pada tanda *na'am* pada zakat itu disuratkan *adaqah* atau zakat. (Dan demikian lagi) hendaklah disuratkan nama

---

<sup>603</sup> (sedekah)

<sup>604</sup> Telah diterangkan dalam no. 505.

<sup>605</sup> Perjalanan. *Sayr* dari kata kerja “سار” bererti berjalan. al-Marbawi, *Q m s*, 310.

Allah, maka iaitu terlebih utama lagi memberi *barakah*<sup>606</sup> kerana maksud daripada menyuratkan nama Allah itu [untuk] membezakan serta mengambil *barakah*, bukan zikir. Maka tiada ditilik kepada berlumur ia dengan *naj saḥ*<sup>607</sup> kemudiannya. Dan disuratkan pada *jizyah*<sup>608</sup> *agh r*<sup>609</sup> atau *jizyah* dan pada *na'am fai'* tetapi memadai menyuratkan k f<sup>610</sup> pada zakat.

Dan haram menaruh tanda itu pada mukanya kerana ditegahkan daripadanya dan tersebut di dalam hadith<sup>611</sup> Muslim bahawa kena laknat Allah orang yang memperbuat dia. (Dan haram) mengebiri<sup>612</sup> segala haiwan melainkan haiwan yang dimakan pada ketika lagi kecil. Demikianlah tersebut di dalam *Tu fah* dan lainnya.

---

<sup>606</sup> Barakah di sini bermaksud, bertambah kebaikan yang bersifat ketuhanan. Istilah asal rujukan pengarang dalam kitab-kitab Arab adalah “أَبْرُكٌ”.

<sup>607</sup> Kotoran tertentu dan ia menghalang sah sembahyang, seperti air kencing, darah, arak, mani selain mani manusia, w d , tuak dan apa saja yang kenajisan apabila terkenanya. Sa'd , *al-Q m s al-Fiqh* , 432.

<sup>608</sup> *Jizyah* ialah apa-apa (harta) yang diambil daripada orang kafir *dhimm* (orang kafir yang tinggal di negeri Islam setelah mendapat izin daripada sultan) sebagai balasan di atas keselamatan mereka. Bezanya dengan '*usyur* ialah *jizyah* dikenakan ke atas tiap-tiap kepala, sementara '*usyur* dikenakan atas harta perniagaan yang dijalankan oleh mereka. *Ibid.*, 78; Ma m d, *Mu'jam al-Mu ala t wa al-Alf al-Fiqhiyyah*, 1: 530.

<sup>609</sup> *agh r* bermaksud lemah, hina. Dinamakan *jizyah* kerana mereka menjadi lemah di bawah pemerintahan Islam serta kelihatan kepada mereka kebaikan-kebaikan Islam melalui pergaulan mereka dengan orang-orang Islam. *Ibid.*; al-Syarb n , *Mughni al-Mu t j*, 4: 199.

<sup>610</sup> Huruf “ ك ”.

<sup>611</sup> Dalam Kitab Pakaian dan Perhiasan dalam bab memukul haiwan di muka dan menaruh tanda di mukanya, hadith Muslim no. 2117.

<sup>612</sup> Dalam teks asal “مَغْبِرِي” . Kata akarnya adalah kembiri yang bermaksud sudah dihilangkan jantannya, kasi. *Kamus Dewan*, 731.

## BAB LIMA: PENUTUP

### 5.1 PENDAHULUAN

Dalam bab penutup ini penulis akan membuat kesimpulan dan rumusan keseluruhan dapatan penyelidikan yang telah dilakukan. Selanjutnya dikemukakan saranan dan cadangan yang boleh diketengahkan dalam memperkasakan tahap kesarjanaan dan penghayatan hidup beragama ummah Islam.

### 5.2 RUMUSAN

Rumusan adalah berdasarkan objektif kajian dan dinyatakan sebagaimana berikut:

**Objektif pertama** ialah menjelaskan ketokohan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam bidang *fiqh* menerusi analisis Kitab Zakat. Dapatan kajian mendapati beliau adalah seorang ulama Melayu silam yang paling berjasa sekali terutama di bidang *fiqh*. Malah sumbangannya meliputi semua bidang utama ilmu dan telah berjaya membentuk pemikiran umat Melayu yang tercermin melalui amalan agama yang mantap. Ternyata karya telah menjadi sumber penulisan kepada karya-karya yang berpengaruh sesudah beliau. Sekurang-kurangnya tiga buah kitab menyebut nama beliau di dalamnya iaitu *Ma la' al-Badrayn*, sebuah kitab *fiqh* yang paling diminati umat Melayu, *Bughyah al-ull b* dan karya Tok Kelaba *ad 'iq al-alaw t fi al-Kalaw t wa al-Jalaw t*. Sehingga kini *Sab l al-Muhtad n* masih menjadi buku panduan *fiqh* di kalangan ulama dan pelajar kitab jawi.

Ketokohan beliau mungkin bermula dari keyakinan masyarakat yang menganggapnya dari keturunan Rasulullah. Maklumat yang diperolehi berdasarkan catatan zuriat-zuriatnya dan para pengkaji menunjukkan beliau berasal dari negeri Yaman. Jika disoroti keturunannya yang ramai melahirkan tokoh-tokoh besar, adalah munasabah sekali beliau berasal dari silsilah yang masyhur iaitu keturunan Faq h Muqaddam, piut kepada Imam Ja'far al- diq. Malah sehingga sekarang ulama keturunan Syeikh Muhammad Arsyad di Banjar mempunyai hubungan dengan para *ab ib* dari Yaman serta diziarahi oleh mereka dari Yaman.

Beliau yang menjadi anak angkat kepada sultan Ta m dulLah telah dihantar menuntut ilmu di Mekah dan Madinah. Selaras dengan hasrat sultan, beliau menimba ilmu dari *masy yikh* ternama seperti al-Samm n al-Madan , Murta al-Zab d dan Syeikh Sulaym n al-Kurd , seorang ulama Syafi'iyah yang mutakhir. Melihat kepada para gurunya tidak hairanlah beliau berjaya menempa nama yang gemilang dalam arena pengajian ilmu Syariah khususnya *fiqh* dalam masyarakat Melayu.

Pusat pengajian yang diasaskan oleh beliau menjadi paksi pengembangan Islam yang sangat berkesan dengan kelahiran ramai ulama. Di sanalah beliau mengarang *Sab l al-Muhtad n* dalam bahasa Melayu. Boleh jadi tujuannya bagi memudahkan penguasaan ilmu *fiqh* oleh bakal pendakwah dan *mu'allim* kerana belajar dalam bahasa Melayu lebih cepat menguasainya berbanding bahasa Arab. Seterusnya ia menjadi manual utama dalam pembelajaran *fiqh* di alam Melayu sehingga tidak sulit untuk mendapatkan salinan manuskrip *Sab l al-Muhtad n* yang berserakan di alam Melayu.

Dari karya beliau yang berjumlah 18 buah, yang dikira paling banyak dihasilkan adalah dari disiplin ilmu *fiqh*. Dianggarkan sebanyak lapan buah. Selain *Sab l al-Muhtad n* terdapat beberapa buah lagi karya *fiqh* beliau yang agak terkenal dan masih

dipelajari hingga hari ini seperti *Luq ah al-‘Ajl n fi al- ay wa al-Isti ah wa al-Nif s* (1778) dan *Bid yah al-Mubtad wa ‘Umdah al-Awl d*.

Selain mempunyai kelebihan sebagai penulis profilik, keturunan beliau juga sangat ramai, bahkan bertebaran seluruh Nusantara dan Mekah menjadi tokoh agama dan ulama yang berjasa besar kepada penduduk setempat.

**Objektif kedua** ialah mentransliterasikan teks Kitab Zakat dalam *Sabl al-Muhtad n*. Dapatan kajian menunjukkan kitab ini menggunakan sistem ejaan tulisan jawi lama, yang tiada tanda bacaan dan perenggan kecuali pada permulaan kitab, bab dan fa al. Contohnya pada bab zakat *al- ayaw n* dan bab zakat *al-Fi rah*. Terdapat sekian banyak perkataan Arab yang digunakan dalam teks berkenaan, selain bahasa Banjar.

Meskipun edisi cetakannya telah dita pada peringkat awal cetakannya namun masih berlaku beberapa kesalahan cetak dalam kitab zakat, seperti perkataan “برنته” ditulis “برنية”. Namun hal ini hanya dapat ditangani oleh para guru dan ahli *fiqh* yang mahir.

Tokoh bertanggungjawab mencetak dan yang merupakan penta i pertamanya adalah Syeikh Ahmad al-Fatani . Namun cetakan pada masa itu berbeza dari cetakan yang beredar di pasaran sekarang iaitu tidak diletak di tepinya kitab *al- ir t al-Mustaq m*, sebaliknya ditulis dengan ayat al-Qur’ n.

Perbezaan manuskrip tulisan tangan dan naskhah bercetak dapat diamati dari sudut jumlah halaman, bentuk tulisan dan dakwat. Manuskrip tulisan tangan mengandungi lebih banyak halaman. Contohnya MS2252 (jilid 2) setebal 480 halaman, sementara naskhah bercetaknya hanya setebal 272 halaman sahaja. Seperti manuskrip lain, terdapat tulisan berwarna merah dalam teksnya selain hitam.

**Objektif ketiga** ialah menganalisis metode penulisan Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam *Sab l al-Muhtad n*. Dapatan kajian pada bab ke dua dan ketiga mendapati *Sab l al-Muhtad n* sebuah kitab yang berdasarkan mazhab Syafi'i sepenuhnya. Lebih tepat lagi fatwa yang dikeluarkan mengikut garis panduan atau kaedah yang telah ditetapkan kalangan ulama *mu aqqiq* mazhab Syafi'i. Justeru itu beliau sentiasa merujuk kepada pandangan Syeikh Ibn ajar dan Syeikh Jamal al-Raml dan Syeikh al-Kha b al-Syarb n dalam sesuatu fatwa, jika mereka sependapat. Sekiranya ada pertentangan antara ketiga tokoh tersebut biasanya beliau mendahulukan pendapat Syeikh Ibn ajar. Begitu juga antara Syeikh Ibn ajar dan Syeikh Jam l al-Raml . Hal ini adalah seiring dengan pendekatan tempat pengajian beliau di Hijaz yang mengutamakan pendapat ibn ajar dari Imam al-Raml . Ada kalanya diutarakan kedua-dua pendapat tanpa *tarj* . Selain itu, dalam mengeluarkan fatwa untuk dipegang (muktamad) diutarakan juga pandangan Imam Nawaw , al-Subk , Ab mid al-Isfar yin dan tokoh-tokoh Syafi'iyah yang lain. Demikianlah Syeikh Mu ammad Arsyad al-Banjar , seorang tokoh yang bebar-benar mengikut aliran mazhab Syafi'i dan mempraktikkan metodologi mazhab Syafi'i dalam penulisan *Sab l al-Muhtad n*.

Daripada kajian dilakukan dapat disimpulkan bahawa hukum-hukum zakat yang termuat dalam *Sab l al-Muhtad n* sebahagian besarnya masih diamalkan oleh masyarakat Melayu. Antara yang ketara ialah tidak memberikan zakat kepada orang kafir. Ini adalah pandangan mazhab Syafi'i yang hanya menganggap golongan muallaf ialah orang-orang yang baru memeluk Islam. Meskipun ada suara-suara yang cuba meluaskan pengertian muallaf ini kepada yang belum memeluk Islam sebagai mana pandangan mazhab Hanafi namun ia tidak mendapat reaksi positif masyarakat.

Demikian dalam hal pengagihan zakat oleh individu terus kepada *a n f*, didapati masyarakat Islam masih mengamalkan hukum yang *mukht r* dalam mazhab Syafi'i iaitu boleh memberi zakat kepada seorang sahaja atau tiga orang. Tidak kepada tujuh

golongan. Amalan ini tentunya tidak bermasalah diamalkan kerana pandangan sebegini mudah dan selari dengan mazhab *jumh r*.

Begitu juga dengan pentadbiran zakat negeri-negeri yang tidak membenarkan zakat diberi kepada *a n f* di luar kawasan kutipan jika masih ada *musta iq* dalam kawasan itu. Contohnya Jawatan Kuasa Fatwa negeri Kedah tidak membenarkan zakat diberi kepada *a n f* luar negeri kedah, kecuali tidak wujud *a n f* yang layak.<sup>613</sup> Ini bermakna apa yang terkandung dalam kitab *Sab l al-Muhtad n* masih diamalkan hingga sekarang iaitu tidak membenarkan dipindahkan zakat dari *balad* (negeri) zakat. Lazimnya keluasan sesuatu negeri adalah berkeluasan sekira-kira dua *mar alah*.

Manakala amalan yang sudah tidak diamalkan masyarakat ialah mengeluarkan zakat *fi rah* dengan makanan asasi sebaliknya dengan harga atau matawang. Demikian juga zakat zahir yang lain seperti ternakan dan bijirin. Umumnya mereka mengeluarkan zakat tersebut dengan harga, lebih-lebih lagi setelah pihak berkuasa agama negeri-negeri menfatwakan sedemikian sebagai *bertaqd* kepada mazhab Hanafi.

Bagi *a n f f Sab lilLah* Syeikh Muhammad Arsyad secara jelas menerangkan yang dimaksudkan ialah orang yang berperang *sab l*. Pengertian khusus ini tentunya tidak termasuk kerja-kerja kebaikan yang lain seperti belajar dan membina masjid. Ternyata pengertian *f Sab lilLah* dalam kalangan masyarakat Melayu juga telah terkeluar dari skop mazhab Syafi'i dan mazhab *jumh r* memandangkan telah menjadi amalan dalam masyarakat memberikan zakat kepada para pelajar atas nama *f Sab lilLah*. Pandangan begini hanya didapati dari *fuqah* ' Hanafi seperti al-Kas n dan Ibn ' bid n dalam *syiahnya* yang menambah antara maksud *f Sab lilLah* ialah para pelajar, dengan syarat ia tidak kaya. Pandangan ini adalah diambil dari mazhab Hanafi.

---

<sup>613</sup> Tarikh keputusan 1 Januari 1970. [www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pindah-zakat](http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pindah-zakat)



**Objektif keempat** ialah menganalisis isu-isu terpilih tentang zakat dalam *Sab l al-Muhtad n*. Dapatan kajian yang terletak dalam bab ketiga menunjukkan kitab *Sab l al-Muhtad n* adalah sumber rujukan utama kepada penulisan *fiqh* jawi berdasarkan persamaan teks dan disertakan nama Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari sebagai rujukan. Antara kitab jawi klasik ternama yang mencatat nama Syeikh Muhammad Arsyad sebagai rujukan ialah *Bughyah al-Tull b* dan *Ma la' al-Badrayn*.

Persoalan yang diketengahkan oleh Syeikh dalam isu-isu berkenaan didapati merupakan permasalahan yang disepakati hukumnya oleh Ibn ʿajar, Syams al-D n al-Raml , Al-Syarb n dan Syeikh Zakariyy al-An ar . Beliau tidak memasukkan sebarang masalah *khil fiyyah* kerana permasalahan yang menjadi *khil f* di kalangan mereka hanyalah melibatkan permasalahan ranting kecil. Tambahan pula Ibn ʿajar dan Syams al-D n al-Raml selalu sependapat dengan guru mereka tersebut. Jika tidak keduanya, salah seorang sependapat dengan beliau. Walaupun terdapat perbezaan pandangan di kalangan Syafi'iyah tetapi menjadi dasar Syeikh mengambil ketetapan hukum dari empat tokoh muta'akhkhir Syafi 'iyyah tersebut, sebagai menghargai jasa mereka mentarj riwayat-riwayat dalam mazhab Syafi'i dan berpegang dengan keputusan para *mu aqqiq n* mazhab Syafi'i.

### 5.3 CADANGAN

Setelah menjalankan kajian dan penyelidikan, di antara cadangan dan saranan yang boleh difikirkan adalah seperti berikut:

#### 1. Rujukan asas kepada setiap penulisan dan pembelajaran *fiqh*

Kitab *Sab l al-Muhtad n* hendaklah dijadikan rujukan utama dalam bahasa Melayu oleh para penulis dan pengajar dalam bidang *fiqh* sebagaimana ia

diterima baik oleh ulama jawi sebelum ini. Telah terbukti ia merupakan satu-satunya buku panduan *fiqh* bahasa Melayu yang disebut dengan jelas dalam karya-karya *fiqh* jawi yang paling terkenal.

Lazimnya sesuatu kekusutan masalah *fiqh* akan terlerai dan menjadi jelas dengan huraian yang terperinci dari sesebuah kitab *fiqh*. *Sab l al-Muhtad n* adalah wadahnya untuk diteliti agar sesuatu masalah *fiqh* difahami dan ditangani dengan baik memandangkan ia merupakan kitab *fiqh* Melayu yang paling terperinci perbahasannya. Bahkan ia mewakili suatu huraian mazhab Syafi'i yang amat baik terutama dalam konteks masyarakat Melayu Nusantara. Dari itu wajar sekali *Sab l al-Muhtad n* dijadikan buku wajib bagi institusi pengajian yang menawarkan bidang pengajian syariah.

## **2. Pengkajian keseluruhan teks**

Para sarjana dicadangkan melakukan ulasan dan komentar terhadap keseluruhan kitab *Sab l al-Muhtad n*. Kajian hendaklah diteruskan bagi menangani kerumitan dalam memahami istilah dan struktur ayat yang terdapat dalam kitab ini agar terus dapat dimanfaatkan oleh generasi seterusnya. Transliterasi yang dilakukan penulis masa kini lebih tertumpu kepada merumus atau meringkas kandungan *Sab l al-Muhtad n* tanpa kajian mendalam terhadap teksnya. Pendekatan mendatar sebegini mengakibatkan mutu kandungannya terhakis malah sebahagian kandungannya ditinggalkan terutama di bahagian teks yang sukar kerana gagal difahami dengan baik. Oleh itu kajian yang teliti perlu diperbanyakkan supaya *Sab l al-Muhtad n* difahami dengan mudah dan betul, sekaligus menghalang ia menjadi semata-mata koleksi barangan antik.

## BIBLIOGRAFI

### Bahasa Melayu

Abd. Ghani Hj. Othman. *Tatacara Penyembelihan menurut Islam*. Alor Setar: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, 2010.

Abdul Majid Idris. *Risalah Zakat*. Percetakan Siaran: Alor Setar, 1985.

Abu Daudi. *Maulana Syekh Muhammad Arsyad al Banjari [Tuan Haji Besar]*. Martapura: Madrasah Sullamul 'Ulum, 2003.

Ahmad Fahmi Zamzam, ed., *Sairus-Salikin karangan Syekh Abdus-Samad al-Falimbani*. Pokok Sena: Khazanah Banjariah, 2010.

Abdul Kadir bin Haji Muhammad. *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Abdul Rashid Banjar. *Perukunan Besar*. Pulau Pinang: Sulayman Press, t.t.

\_\_\_\_\_. *Perukunan*. Kherah: Mu f al-B b al- alab wa Awl duh, 1347H.

Abdul Rahman Siddiq. *Risalah Syajarah al-Arsyadiyah*. Kuala Lumpur: Khazanah al-Fathaniyah, 2005.

Ahmad Sunawari Long. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009

Auni Haji Abdullah. *Tradisi, Pemerintahan Islam dan Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2005.

Azyumardi Azra. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung : Penerbit Mizan, 1995.

\_\_\_\_\_. *Pendidikan Islam Tradisi dan Modernisasi Menuju Milenium Baru*. Ciputat: PT Logos Wacana Ilmu, 2000.

Bayani Dahlan, *Ulama Banjar dan Karya-Karyanya di Bidang Tasawuf* (Banjarmasin: IAIN Antasari, 2009).

Daud bin Abdullah al-Fatani. *Bughyah al- ull b Li Mur d Ma'rifah al-A k m bi al-aw b*. Bangkok: Ma ba'ah al-Nahd wa Awl dih, t.t.

Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah. *Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari Pengarang Sabilal Muhtadin*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1990.

\_\_\_\_\_. *Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1990.

\_\_\_\_\_. *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 2000.

\_\_\_\_\_. *Syeikh Abdus Samad Palembang Ulama Shufi dan Jihad*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1996.

\_\_\_\_\_. *Syeikh Muhd. Arsyad al-Banjari Matahari Islam*. Pontianak: Percetakan Sabar, 1983.

\_\_\_\_\_. *Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-tokohnya di Asia Tenggara*. Solo: Ramadhani, 1985.

Haji Mohd Salleh Haji Ahmad. *Panduan Solat Musafir*. Kuala Lumpur: Pustaka Abdul Majid, 1991.

Hamka. *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional, 2006.

H. Asmaran As. *Perkembangan Pemikiran Tasawuf di Kalimantan Selatan*. Banjarmasin: IAIN Antasari, 2007.

H. Mahmud Yunus. *Tafsir Quran Karim*. Djakarta: P.T. Hidakarya Agung, 1973.

H.M. Aswadie Syukur. *Pemikiran-pemikiran Syeh Muhammad Arsyad al Banjari dalam Bidang Tauhid dan Tasawuf*. Banjarmasin: COMDES, 2009.

H. Sjarifuddin et al. *Sejarah Banjar*. Kalsel: Balitbangda, 2007.

Karel A. Steenbrink. *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke-19*. Jakarta: Bulan Bintang, 1984.

K.H. Siradjuddin Abbas. *Tabaqat al-Syafi'iyah Ulama Syafi'i dan Kitab-kitabnya dari Abad ke Abad*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah, 1975.

\_\_\_\_\_. *Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafi'i*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah, 1972.

Ishak bin Rejab. *Tokoh-Tokoh Ulung: Tuan Hussien bin Mohd Nasir bin Mohd Taib al-Banjari*. Seberang Perai: al-Madrasah al-Khairiyah, 1979.

Mahayudin Hj. Yahaya. *Karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.

\_\_\_\_\_. *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

Mahmood Zuhdi Abd. Majid. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.

Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid dan Paizah Hj. Ismail. *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: al-Bayan Corporation Sdn. Bhd., 2006.

Martin Van Bruinessen. *Kitab Kuning, Pesantren, dan Tarekat: Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*. Bandung: Penerbit Mizan, 1995.

Mat Saad Abd. Rahman. *Ensiklopedia Fuqah ' Mazhab Syafi'i* . Shah Alam: Hizbi, 1992.

Md. Akhir Haji Yaacob. *Penjelasan Istilah Fiqh Mu'amalat*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, 1987.

M. Hashim Assagaf. *Derita Putri-putri Nabi Studi Historis Kafa'ah Syarifah*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2000.

Muhammad Arsyad al-Banjari. *Tu fah al-R ghib n*, dirumikan oleh Abu Daudi. Martapura: Yayasan Pendidikan Islam Dalampagar, 2000.

Rafidi Hashim. *Fatwa Wang Kertas 1973 dan Kaitannya dengan Sistem Petrodollar*. Pulau Pinang: Dar Azzikri Enterprise, 2013.

al-Sy fi' , "Kata Pengantar." Dalam *al-Umm*, terj. TK. H. Ismail Yakub. Semarang: C.V. Faizan, 1980.

Tim Sahabat. *Datu-Datu Terkenal Kalimantan Selatan*. Kalimantan Selatan: SAHABAT, 2010.

Tim Pustaka Basma. *Tiga Permata Ulama dari Tanah Banjar*. Malang Jawa Timur: Pustaka Basma, 2012.

## **Bahasa Arab**

'Abd al-'Al Mu ammad bin Ni m al-D n al-An r . "Faw ti al-Ra m t," dicetak bersama Ab mid Mu ammad bin Mu ammad al-Ghazz l , *al-Mus a f min 'ilm al-U l*. B l q: al-Ma ba'ah al-Am riyah, 1334H.

'Abd al- am d al-Syarw n . *aw sy Tu fah al-Mu t j*. K herah: Ma ba'ah Mu af Mu ammad, t.t.

'Abd al-Ra m al-Asnaw . *abaq t al-Sy fi'iyah*. Beirut: D r Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

'Abd al-Ra m n bin Mu ammad al-Masyh r. *Bughyah al-Mustarsyid n fi Talkh Fat w Ba' al-Aimmah min al-Mutaakhhir n*. an' : D r al-Faq h.

'Abd al-Ra m n bin Mu ammad al-Jaz r . *Kit b al-Fiqh 'al al-Madh hib al-Arba'ah*. Man rah: Maktabah al- m n, 1999.

'Abd al-Wahh b bin 'Al bin 'Abd al-K f al-Subk . *abaq t al-Sy fi'iyah al-Kubr* . Beirut: D r al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999.

Ab Bakr ibn Q Ab Syuhbah. *abaq t al-Sy fi'iyah*. Hyderabad: Ma ba'ah Majlis D irah al-Ma' rif al-'Uthm niyyah, 1979.

Al- mid , Sayf al-D n ‘Al bin Ab ‘Al . *Al-I k m f U l al-A k m*. Beir t: D r al-  
Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.

‘Al bin Mu ammad al-Jurj n . *al-Ta‘r f t*. K herah: D r al-Fa lah, 2004.

Al-‘Asqal n , al- fi Ibn ajar. *Fat al-B r bi Syar a al-Bukh r*, ed. ha Abd  
al-Ra f Sa‘d. K herah: D r al-Ghad al-‘Arab , 1993.

\_\_\_\_\_. *Fat al-B r*. Beir t: D r al-Fikr, 1991.

\_\_\_\_\_. *Tahdh b al-Tahdh b*. Beir t: D r dir, 1968.

\_\_\_\_\_. *al-Durar al-K minah f A‘y n al-Miah al-Th minah*.  
Beir t: D r I y ‘ al-Tur th al-‘Arab , t.t.

Ibn Ath r. *al-K mil f al-T r kh*. Beir t: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.

Al-Bujayrim , Sulaym n bin Mu ammad. *syiah al-Bujayrim Tu fah al- ab b ‘al  
Syar al-Ka b al-Ma‘r f bi al-Iqn ‘fi alli alf Ab Syuj ‘*. Beir t: D r al-Kutub al-  
‘Ilmiyyah, 1996.

Al-Bay aq . *Man qib al-Sy fi ‘*. K herah: D r al-Tur th, 1971.

al-Ghazz l , Mu ammad bin Mu ammad. *Asr r al-Zak h*. Beir t: Mansy r t al-  
Maktabah al-‘A riyyah, 1982.

Ibn ajar al-Haitam . *Tu fah al-Mu t j bi Syar al-Minh j*. Beir t: D r al-Kutub al-  
‘Ilmiyyah, 2001.

Ibn ‘Im d al-Hanbal . *Syadhar t al-Dhahab fi Akhb r Man Dhahab*. K herah:  
Maktabah al-Quds , 1351H.

Ibr h m al-B j r . *syiah al-B j r ‘al ibn al-Ghaz . ‘s al-B b al- alab* : K herah,  
t.t.

j Khal fah. *Kasyf al- un n*. Beir t: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992.

Khayr al-D n al-Zirikl . *al-A‘l m Q m s Tar jim li Asyhar al-Rij l wa al-Nis ‘ min al-  
‘Arab wa al-Musta‘rib n wa al-Mustasyriq n*. Beir t: D r al-‘Ilm lilmal y n, 1979.

al-Kha b al-Syarb n . *al-Iqn ‘f alli al-Alf Ab Syuj ‘*. Beir t: D r al-Fikr, 1995.

\_\_\_\_\_. *Mughn al-Mu t j il Ma‘rifah Ma‘ n Alf al-Minh j*.  
K herah: D r al- ad th, 2006.

Mu ammad bin Sulaym n al-Kurd . *al- aw sy al-Madaniyyah*. Kaherah: Ma ba‘ah  
Mu af al-B b al- alab , 1977.

Muhammad bin ‘Umar Nawawi al-Jawi. *Nih yah al-Zain f Irsy d al-Mubtadi’ n*.  
K herah: D r al-Ba ‘ir, 2011.

Mu ammad al-Zuhr al-Ghamr w . *al-Sir j al-Wahh j*. Mu af al-B b al- alab :  
K herah, 1933.

- Imam al-Nawaw . *a i Muslim bi Syar al-Nawaw* . K herah: D r al- ad th, 2001.
- \_\_\_\_\_ . *Raw ah al- lib n* . Beirut: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992.
- \_\_\_\_\_ . *Tahdh b al-Asm ’ wa al-Lughah* . Beirut: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007.
- Sulaym n bin Mu ammad al-Bujayrim . *Tu fah al-Jayb ‘ala Syar al-Kha b* . Beir t: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2011.
- Shih b al-D n A mad bin A mad bin Sal mah al-Qaly b dan Shih b al-D n A mad al-Burullus ‘Umayrah. *syiyat Qaly b wa ‘Umaira ‘al Kanz al-R ghib n* . Beir t: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2009.
- al-Syauk n , Mu ammad bin ‘Al . *al-Badr al- li’* . Beir t: D r al-Ma‘rifah, [1980?]
- riq Y suf J bir. *Juh d Syaykh al-Isl m Zakariyy al-An r f al-Fiqh al-Sy fi’* . ‘Amm n: D r al-N r al-Mub n, 2012.
- ‘Umar Ri al-Ka lah, *Mu‘jam Muallif n Tar jim Mu annif al-Kutub al-‘Arabiyyah* . Beir t: D r Ihy ’ al-Tur th al-‘Arab , t.t.
- ‘Uthm n bin Mu ammad Sya al-Bakr . *syiah I’ nah al- lib n ‘al alli alf Fat al-Mu’ n li Syar Qurrah al-‘Ayn bi Muhimm t al-D n* . Beir t: D r al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995.
- Wahbah al-Zu ail . *al-Fiqh al-Isl m wa Adillatuh* . Beirut: D r al-Fikr, 2002.
- Y suf al-Qara w . *Dawr al-Zak hf ‘il j al-Musykil t al-Iqti diyyah* . K herah: D r al-Syur q, 2001.
- Y suf al-Qara w . *Fiqh al-Zak h* . Beir t: Muassasah al-Ris lah, 1994.
- al-Zahab , Shamsuddin. *Mu‘jam al-Syuy kh* [al-Mu‘jam al-Kab r]. if: Maktabah al-Sidd q, 1988.
- \_\_\_\_\_ . *Siyar A’l m al-Nubal ’* . Beir t: Muassasah al-Ris lah, 1985.
- Yousuf Ali n Sark s. *Mu‘jam al-Ma b ’ t al-‘Arabiyyah wa al-Mu‘arrabah* . Beir t: D r dir, 1928.
- Y suf bin Taghr bard al-At bak . *al-Nuj m al-Z hirah f Mul k Mi r wa al-Q hirah* . K herah: ab‘ah D r al-Kutub, 1963.
- al-Zarq n , Mu ammad bin ‘Abd al-B q . *Syar al-Zarq n ‘al Muwa a’ al-Im m M lik* . Beir t: D r al-Fikr, 1998.
- Zakariyy al-An r . *Fat al-Wahh b* . Beir t: D r al-Fikr, t.t.
- Zakariyy al-An r . *Tu fah al- ull b bi Syar Ta r r Tanq al-Lub b* . K herah: Mu af al-B b al- alab wa Awl duh, 1340H.

## **Bahasa Inggris**

Mohd. Nor bin Ngah, "Some Writing of the Traditional Malay Muslim Scholar Found in Malaysia." Dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, 9-12. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

Omar Awang, "The Major Arabic Sources Which Determined the Structure Of Islamic Thought in the Malay Archipelago before the Nineteenth Century A.D. in the Field Of Law, Theology, and Sufism." Dalam *Islamika*, 80-85. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1981.

## **Kamus**

Abdul Djebar Hapip. *Kamus Banjar-Indonesia*. Jakarta: Pusat Pembinaan Bahasa dan Pengembangan Bahasa, 1977.

'Abd al-Ghani al-Daqar, *Mu'jam al-Qaw'id al-'Arabiah*. Damsyik: Dir al-Qalam, 1993.

Hans Wehr. *A Dictionary of Modern Written Arabic*, ed. J. Milton Cowan, ed. Ke-3. Beirut: Maktabah Lubn n, 1980.

Ibrahim Anset al. *al-Mu'jam al-Was*. t.tp: t.p., 1972.

*Kamus Dewan*, ed. Ke-4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Khalil al-Naww. *Al-Mu'jam al-'Arab al-Muyassar*. Tunis: Bai , 1991.

Louis Ma'luf. *al-Munjid*. Beirut: Dir al-Masyriq, 2000.

Ma'mud 'Abd al-Ramnan 'Abd al-Mun'im. *Mu'jam al-Mu'allaqat wa al-Alf al-Fiqhiyyah*. Kherah: Dir al-Falah, t.t.

Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. *Qoms Idris al-Marbawi*. Kherah: Mu'af al-Balabaw Awl duh, 1935H.

Muhammad Rawwas Qal'aj, *Mu'jam Lughah al-Fuqah*. Beirut: Dir al-Nafes, 1988.

Munir Ba'albak. *al-Mawrid A Modern English-Arabic Dictionary*. Beirut: Dir el-'Ilm li al-Maly n, 1993.

Ro' Ba'albak. *al-Mawrid Qoms 'Arab -Inklz*. Beirut: Dir el-'Ilm li al-Maly n, 1994.

Sa'd Ab Jayb. *al-Qoms al-Fiqh*. Beirut: Dir Nur al-ab , 2011.

Tim Penyusun. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka, 1989.



## Kertas Kerja dan Jurnal

Abdul Basir bin Mohamad, "Hasil Penulisan Sheikh Muhammad Arsyad al-Banjari: Satu Kajian Terhadap Kitab Perukunan Besar." Prosiding, Nadwah Ulama Nusantara II, Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo, Ulama Penggerak pembangunan Masyarakat, di Kuching, Kerajaan Negeri Sarawak dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia, 14-15 Julai 2003.

Abdullah Zaidi Hassan, "Syaiikh Muhammad Arsyad al-Banjari: 'Allamah Unggul Rantau Melayu.'" Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 25-26 November 2011.

Amir Fazlim Yusoff, "Pengaruh Ulama Timur Tengah Terhadap Penulisan Shaykh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari dalam Kitab Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh fi Amr al-Din." Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo, Ulama Penggerak pembangunan Masyarakat, di Kuching, Kerajaan Negeri Sarawak dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia, 14-15 Julai 2003.

Bayani Dahlan, "Strategi dakwah Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam mengembangkan Islam di Kalimantan." *Jurnal Alhadharah*, vol. 2, no. 3 (Januari-Juni 2003): 15- 30.

H.M. Asywadie Syukur, "Perkembangan Ilmu Keislaman di Kalimantan." Kertas Kerja Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam, 2001.

Jamalluddin bin Hashim dan Abdul Karim bin Ali, "Kitab *al-ir al-Mustaq m* oleh Syaikh N r al-D n al-R n r : Satu Sorotan," *Jurnal Fiqh* 5, no. 9 (2008): 197-215.

Joni Tamkin & Che Zarina, "Sumbangan Syaykh Muhammad Arsyad al-Banjari dalam Pengajian Islam di Nusantara." Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo, Ulama Penggerak pembangunan Masyarakat, di Kuching, Kerajaan Negeri Sarawak dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia, 14-15 Julai 2003.

Mat Noor Mat Zain, "Istilah fiqh dalam Sabil al-Muhtadin Karangan Syaikh Muhammad Arsyad al-Banjariy." Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II: Sumbangan ulama dan Tokoh Agama Borneo, Ulama Penggerak pembangunan Masyarakat, di Kuching, Kerajaan Negeri Sarawak dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti kebangsaan Malaysia, 14-15 Julai 2003.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Bahasa Melayu Bahasa Ilmu: Meninjau Kitab Sabil al-Muhtadin oleh Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari," *Jurnal Dewan Bahasa* (Ogos 1990): 632-639.

\_\_\_\_\_. "Matla'ul Badrain: Kitab Fiqhi yang Termasyhur di Dunia Melayu Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fatani," *Jurnal Dewan Bahasa* bil. 6 (Jun 1991): 523-533.

### **Majalah dan Akhbar**

Auni Hj. Abdullah, “Penulisan Ilmu Fiqh Di Nusantara,” *Majalah Dian Daiges*, bil. 103, November 1977.

Ismail Daud, “Syeikh Muhammad Arsyad Banjar,” *Majalah Pengasuh*, bil. 505, Julai-Ogos 1990.

Syafi‘i Abu Bakar, “Tokoh-tokoh Penulis Islam Nusantara,” *Dewan Bahasa*, bil. 9, 1977.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah, “Sheikh Syihabuddin dimuliakan kerajaan Riau-Lingga,” *Utusan Malaysia*, 15 Januari 2007.

### **Laman Sesawang**

“Abu Hamid al-Ghazali,” dicapai 28 Mei 2014, <http://www.ghazali.org>.

Azhar Idrus, “Asnaf zakat: ‘pelajar’; sabilillah; miskin; musafir,” laman sesawang *Youtube*, dicapai 21 Mei 2014, [http://www.youtube.com/watch?v=2\\_uVrfqEtyA](http://www.youtube.com/watch?v=2_uVrfqEtyA).

Ibn al-Ghaz , “Islamport.com,” 16 April 2014.

Al Habib Omar, “A Brief Biography of Habib Umar,” [www.alhabibomar.com](http://www.alhabibomar.com), 28 April 2014.

Wan Mohd. Shaghir Abdullah, “Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari – Pengarang Sabil al-Muhtadin,” *Utusan Malaysia*, 19 September 2005.